IAIN Pontianak Press

PSIKOLOGI CINTA

Dr. Abang Ishar AY, Ph.D

PSIKOLOGI CINTA

Oleh
Dr. Abang Ishar AY, Ph.D

IAIN
Pontianak Press

PSIKOLOGI CINTA

Hak Cipta dilindungi undang-undang
All rights reserved
@2024, Indonesia: Pontianak

PENULIS:
Dr. Abang Ishar AY, Ph.D

Cover dan Layout
Bagus Junaedy

Diterbitkan oleh:
IAIN Pontianak Press
Jl. Letjend Soeprapto No. 19 Pontianak 78121
Telp/Fax. (0561) 734170

viii+262 Page, 16 cm x 24 cm

Cetakan Pertama: Juli 2024

KATA PENGANTAR

Al-hamdulillah, buku yang bertajuk **PSIKOLOGI CINTA** ini merungkaikan tentang cinta yang mulia dan hakiki. Cinta yang mulia dan hakiki itu hanya wujud dalam ajaran Islam. Berlainan dengan cinta yang liberalisme dan tidak ada ikatan perkahwinan. Buku seperti ini masih belum beredar dalam kalangan masyarakat. Sekiranya ada, tetapi ditulis menggunakan pendekatan sekularisme.

Cinta adalah energi terkuat bagi kehidupan semua manusia. Tanpa cinta hidup manusia tidak bermaya; liar dalam bercinta boleh menyebabkan manusia jadi buta. Yang terbaik jadikan cinta sebagai motivasi dan jalani kehidupan cinta dengan cara yang terpuji. Oleh itu, pengamal-pengamal cinta harus menginsafi, menyedari dan bahawa perasaan cinta itu perlu disalurkan dengan tuntunan Ilahi. Apabila individu menafikan akhlak terpuji dan tuntunan Ilahi, maka nilai cinta hanya sebatas berahi. Cinta seperti ini rendah dan mudah basi.

Cinta seperti ini akan dikutuk oleh sejarah cinta. Sekiranya mereka menganggap bahagia dan gembira, tetapi itu hanya zahir mulut mereka semata. Hakikatnya batin dan jiwa mereka menderita. Disedari buku ini tidak sunyi dari kekurangan. Oleh itu, teguran dari pembaca sangat dialu-alukan. Mudah-mudahan dengan adanya teguran yang membina, kandungannya dapat diperbaiki. Selain itu, penulis beristighfar kepada Allah sambil mencari keredhaan kedua ibu bapa khasnya *Almarhum* ayahnda Abang Yaman bin Abang Dari dan ibunda tercinta Utin Aida Binti Gusti Mustafa Achmad. Semoga keredhaan ibunda tercinta memotivasi penulis sekeluarga untuk terus berkarya.

Dalam penulisan buku ini, penulis selalu mendapat sokongan padu dari isteri tercinta **Jaminah Binti Haji Saidi** dan anak-anak (1)

Puteri Nur Izamiah, (2) Abang Muhammad Ahlul Rakyi, (3) Abang Muhammad Ahlul Badri, dan (4) Puteri Nur Izzah. Semoga berkat cinta kasih anak-anak yang ikhlas ini menghantar kejayaan di dunia dan di akhirat. Amin.

Madinah, 11 November 2022

DR. ABANG ISHAR BIN ABANG YAMAN, Ph.D

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR ..... **iii**
KANDUNGAN ..... **v**
BAB 1 PENGERTIAN **1**
Definisi Cinta 1
Cinta Menurut Para Remaja 2
Dorongan Cinta Remaja 5
Perspektif Cinta dalam Islam 8
Cinta Remaja 11
Fenomena Cinta 17
Cinta Nisbi dan Abadi 20
Motivasi Cinta 24
Cinta Pandangan Pertama 24
Cinta Emosi 26
Cinta Seks 28
Cinta Rohani 30
Cinta harta dan Kuasa 34
Cinta Haiwan 37
Cinta Manusia 39
Cinta Allah dan Rasul 45
Yang Haram diganti dengan Yang Lebih Baik 47
Kisah Teladan Untuk Pencinta 48

BAB 2 AKU JATUH CINTA **54**
Jatuh Cinta 54
Ekspresi Cinta Lelaki 57
Ekspresi Cinta Wanita 68

Keajaiban Cinta 74
Selalu Rindu 75
Ingin Bersama Kekasih 78
Berkorban Masa 79
Berulang-Ulang Menyebut Nama Kekasih 82
Memelihara Perhubungan 85
Ikhlas Meluahkan Perasaan 87
Bermesra Bersama 90
Cemburu 94
Cinta Membina Energi 96
Dunia Bertambah Indah 98

BAB 3 UJIAN CINTA 103
Sejarah Cinta 103
Ujian Cinta 110
Hubungan Sejenis 114
Mengawal Perasaan Rindu 122
Rindu Athirah Vs Abi 123
Mengawal Perasaan Cemburu 126
Mengawal Hubungan Cinta Nista 127
Mengawal Fitnah Cinta 129
Putus Cinta 129
Memori Cinta 132
Pernikahan Terapi Cinta 133
Seks Mengekalkan Hubungan Cinta 138
Seks Halal Membina Kasih Sayang 139
Seks Halal Melahirkan Zuriat Soleh 144
Seks Berterusan ke Syurga 148
Hubungan Seks yang Mulia 148
Tujuan Perkahwinan dalam Islam 153
Seks Memelihara Kelangsungan Manusia 155

BAB 4 DOKTOR CINTA 160
Mukadimah 160
Hadiha cinta 160
Menggunakan Bahasa Manja 163

Sikap Lemah Lembut 165
Menyayangi Pasangan 168
Bunga Cinta 171
Kesetiaan Cinta 172
Melafazkan Kata Cinta 175
Perkahwinan Terapi Cinta 181
Faktor Keturunan 185
Faktor Sekufu 187
Faktor Gadis 189

BAB 5 FALSAFAH CINTA 193
Martabat Cinta 193
Gairah Cinta Membina Rasa Bahagia 194
Memaknai Cinta 199
Kecantikan Batin 203
Memperindah Diri 207
Teladan Cinta 211
Gairah Cinta Gadis 213
Hubungan Cinta Berterusan ke Syurga 215

BAB 6 MANTERA CINTA 224
Memikat Hati Wanita 224
Perasaan Cinta 229
Sama-sama Jatuh Cinta 230
Ayat-Ayat Cinta 232
Banyak Berkorban 233
Sabar 234
Kesetiaan 235
Tidak Berkhianat 236
Pandai Memujuk 237
Ikrar Cinta 239
Risalah Cinta 240
Pujian Cinta 241
Hadiah Cinta 243
Demam Cinta 244
Perasaan Rindu 246

Benci-Benci Tapi Rindu 247
Lagu-lagu Cinta dan Rindu 249
Doa Cinta 250
Perkahwinan Kerana Cinta 251
Bibliografi 255
Biodata 259

BAB 1
PENGERTIAN CINTA

Perasaan cinta merupakan dorongan psikologi pada setiap orang. Dengan cinta itu hidup manusia bertambah indah dan bergairah. Cinta tidak pernah habis dalam jiwa manusia. Perasaan cinta tidak mengenal usia dan jantina. Terlebih lagi golongan muda, emosi cinta selalu membara di dalam jiwa. Cinta membuat hidup remaja bertambah indah; cinta membuat remaja menangis; dan cinta membuat remaja tertawa. Kadangkala cinta membuat manusia mulia, setia dan mencapai hidup bahagia. Di sebaliknya cinta juga selalu membuat manusia menjadi gila, sengsara dan menderita.

Cinta manusia merentasi sempadan usia, budaya dan agama. Oleh itu, jangan hairan apabila seorang gadis mencintai orang yang jauh lebih tua usianya; demikian juga orang yang lebih tua usianya mencintai gadis remaja yang lebih muda usianya. Apabila perasaan cinta telah berlabuh; saling jatuh cinta, maka kedua-dua insan akan bertambah perasaan rindu untuk selalu bertemu. Oleh sebab itu, perasaan cinta dan definisi cinta tidak dapat didefinisikan dengan tepat. Cinta amat mudah bersemi di dalam emosi, amat indah, bisikannya mendebarkan, energinya luar biasa. Tarikannya amat kuat. Lamunan rindunya terbayang-bayang dalam mimpi.

DEFINISI CINTA

Definisi cinta selalu dikaitkan dengan dorongan terhadap pasangan yang berlainan jantina. Dalam konteks sekularisme, definisi cinta merujukkepada hubungan yang intim dan seks bebas yang dilakukan atas dasar kemahuan sendiri. Cinta merupakan satu dorongan yang

menggerakkan hasrat untuk melakukan, merasai dan menikmati sesuatu yang diinginkan. Cinta mendorong seseorang untuk bertindak dan melakukan apa sahaja keinginan. Oleh sebab itu, seseorang lebih mengutamakan kekasih dan pujaan hatinya. Cinta dan emosi cinta merupakan jantung energi.

Cinta menyimpan pelbagai rahsia, kasih sayang, gejolak hati dan desakan hasrat untuk berbahagi rasa dan bahagia. Di dalam cinta itu, ada kelembutan, perasaan rindu selalu, indah bermadah, selalu ingin bertemu dan meluahkan perasaan. Cinta memiliki ribuan makna dan ghairah hidup. Cinta juga penuh dengan duri, hayalan fantasi, janji setia dan kedustaan. Dari segi psikologi, cinta adalah dorongan emosi, intuisi, lamunan dan fantasi, gimik, prustasi, janji setia dan bahasa emosi. Dalam konteks Islam, cinta adalah sesuatu yang teramat mulia, indah, amat menggairahkan dan kesetiaan sejati. Kerana terlalu mulianya cinta, maka cinta mesti dipelihara sepanjang masa. Banyak orang mudah jatuh cinta; tetapi banyak orang gagal memelihara cinta.

CINTA MENURUT PARA REMAJA

Untuk mewakili subjek cinta, di sini akan disajikan beberapa definisi cinta menurut para remaja dari pelbagai komuniti, budayadan agama. Penulis cuba merujuk beberapa pandangan remaja masa kini tentang definisi cinta; makna cinta dan aplikasi cinta.

Nur Athirah (18) menyatakan bahawa cinta adalah 'sesuatu yang suci, indah dan mulia. Cinta yang suci akan bersemi di dalam jiwa seseorang yang bersih dan soleh. Disebabkan cinta itu suci, maka aplikasi cinta itu mesti diperolehi dengan cara terpuji. Tidak boleh menerima cinta secara membabi-buta; tidak boleh bercinta secara bebas dan terlepas dari ajaran agama. Tidak boleh menerima cinta yang hanya sekadar di kata-kata; tidak boleh menerima cinta yang bersifat zahir semata; kerana nilai cinta itu terlalu mahal harganya. Cinta dan perasaan cinta adalah sesuatu yang mesti diperolehi dengan cara yang mulia. Cinta yang diperoleh dengan cara yang mulia diyakini akan sentiasa subur di dalam jiwa. *Insya-Allah*, jika kedua insan telah sama-sama ikhlas jatuh cinta dan cinta telah berlabuh di dalam jiwa; maka aplikasi cinta akan terbina'.

Haishahni (18) menyatakan bahawa cinta adalah 'perasaan suka dan dorongan kehendak untuk berbuat. Dengan cinta itu, seorang remaja selalu memiliki perasaan suka kepada pasangannya. Dengan cinta itu,

membuat remaja selalu terdorong untuk berbuat sesuatu demi untuk menyenangkan hati pasangan kekasih. Apabila dua remaja telah sama-sama jatuh cinta; saling jatuh cinta; maka perasaan suka dan indah selalu menghiasi emosi keduanya. Hasrat hati ingin selalu berjumpa. Perasaan indah selalu mengiringi jiwa. Sekiranya, insan yang bercinta itu remaja yang soleh; maka aplikasi cinta lebih merujuk kepada ajaran agama. Jadi, emosi cinta menjadi lebih terarah dan mencari rahmat Allah'.

Mohd Adib Hakim (18) menyatakan bahawa cinta adalah 'perasaan dalaman diri seorang remaja berkaitan dengan hasrat, suka, ingin memiliki, memberi dan menerima. Sebagai contoh, apabila seorang remaja lelaki berhasrat menggoda seorang gadis yang disukainya; maka timbul perasaan suka, ingin memiliki gadis itu dan memberi sesuatu yang bernilai kepada gadis itu. Remaja lelaki itu juga ingin supaya gadis yang disukainya itu boleh menerima cintanya. Setelah cinta itu diterima; maka perasaan cinta itu bertambah-tambah dan hasrat terasa ingin selalu bertemu'.

Dari pelbagai definisi cinta di atas, tidak ada satu pun definisi cinta yang dapat mewakili keseluruhan makna dan definisi yang lebih objektif. Namun, keseluruhan definisi ini telah memberi gambaran sebenar tentang hakikat cinta yang melanda hidup manusia sejak dari Adam, zaman sekarang dan bahkan hingga ke hari kiamat. Cuma yang perlu difahami, substansi cinta dan hakikatnya adalah dorongan yang membara dan keinginan untuk membina rasa cinta.

Menurut Abang Ishar, cinta ada dua, iaitu cinta hakiki dan cinta basi. Cinta hakiki merupakan satu kurnia Allah kepada orang tertentu. Cinta ini yang membina kebahagiaan hidup berkekalan dari di dunia hingga ke akhirat. Cinta hakiki ini yang menimbulkan sifat ikhlas, pengorbanan, memelihara kesucian kehormatan serta membentuk akhlak mulia. Cinta hakiki ini membentuk neuron serebral yang taat, patuh, beradab dan mencari redha Allah. Walaupun desakan emosi cinta memuncak, keinginan berahi mendesak, ruang kelazatan telah di depan mata, nafsu seks sedang meluap-luap, tetapi dia tetap mengutamakan syariat dan adab-adab. Melainkan telah dihalalkan dan telah diijab-kabulkan. Inilah cinta hakiki dalam konteks seks yang diberkati dan diredhai oleh Allah. Seindah-indah cinta adalah cinta kerana Allah. Diriwayatkan dari Abu Qilabah, dari Anas bin Malik, dari Nabi SAW bersabda:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Ada tiga golongan manusia, siapa sahaja yang memilikinya, dia akan merasakan kemanisan iman iaitu (1) adalah Allah dan RasulNya lebih dicintanya dari segala-galanya, (2) dia mencintai seseorang, dia tidak mencintainya melainkan semata-mata kerana Allah, dan (3) dia benci dengan kekufuran, sebagaimana dia benci dirinya dicampakkan ke dalam api neraka.

Takhrij: (al-Bukhari, al-Iman, al-Halawah al-Iman; hadis 15; daripada Anas bin Malik).

Hadis ini selari dengan ayat al-Quran berikut ini.

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٣

Katakanlah: "Jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Ali Imran 3 : 31).

Cinta basi adalah cinta yang mudah layu sebelum berkembang. Cinta basi adalah cinta yang diperolehi terlepas dari ajaran agama. Cinta basi hanya bersandar kepada dorongan nafsu semata; jauh dari nilai-nilai murni dan terlepas dari ajaran agama. Bagi individu yang menganut cinta basi, lebih suka memilih hubungan bebas dan terlepas dari ajaran agama. Oleh sebab itu, setiap orang yang menganut cinta basi ini lebih mudah terjerumus ke dalam lembah maksiat, hubungan seks bebas dan suka berganti-ganti pasangan. Cinta basi ini tiada nilainya dalam kehidupan cinta yang sebenar. Cinta seperti ini hanya dilihat sebagai medium emosi, luahan hati dan bermotif berahi. Cinta seperti ini yang menimbulkan persoalan besar kepada umat manusia. Yang tadinya mulia, bertukar menjadi hina.

Cinta membuat manusia jadi bertenaga. Cinta membina angan-angan, lamunan emosi dan lautan rindu. Cinta bagaikan lautan yang tiada bertepi. Cinta memerlukan bukti.Cinta penuh dengan ilusi, fantasi, sensitiviti dan kerap kali membawa hidup manusia menjadi keji. Sekali lagi, Inilah persoalan cinta. Cinta seperti ini menyesatkan kebanyakan manusia. Banyak manusia sesat disebabkan memiliki cinta basi, salah memilih jalan hidup. Konon, kerana cinta mereka bebas melakukan dorongan itu; mereka bebas menjalin hubungan seks tanpa ikatan pernikahan dan panduan agama; bahkan atas nama cinta mereka berganti-ganti pasangan menikmati naluri cinta. Tetapi akhirnya mereka dihinggapi oleh pelbagai virus AIDS dan penyakit kelamin, di samping pelbagai kesan buruk yang bersifat sosio-budaya dan agama. Ini semua bermula dari persoalan cinta. Sama-sama ingin merasa dan mengharungi cinta tanpa pegangan agama.

Merujuk kandungan al-Quran dan hadis di atas, jelas sekali bahawa cinta adalah kurnia Allah yang Maha Agung kepada manusia. Bahkan keagungan cinta itu bertambah-tambah jika bersandarkan kepada cinta yang hakiki iaitu mencintai Allah dan Rasul, bukan kepada makhluk yang fana dan tiada bernilai. Jadi, keagungan cinta itu semakin menyerlah jika asas cinta itu untuk membina kasih sayang antara sesama insan mukmin.

DORONGAN CINTA REMAJA

Dorongan cinta pada setiap remaja bersumber dari faktor fisiologi. Maksudnya setiap golongan remaja memiliki dorongan yang kuat terhadap pasangan jenis yang berlainan. Dorongan ini timbul secara semulajadi disebabkan faktor hormon, pertumbuhan fizikal dan kalori dalam tubuh.Disebabkan faktor hormon dan pertumbuhan fizikal yang pesat, maka emosi cinta seorang remaja selalu bergelora. Sekiranya remaja itu tumbuh dari persekitaran yang tidak beragama; atau menganut falsafah liberal; maka remaja itu akan menyalurkan dorongan cinta itu dengan melakukan hubungan seks bebas dengan pasangan masing-masing. Namun sekiranya remaja itu hidup di persekitaran orang beragama dan taat mengerjakan perintah agama; maka remaja itu menganggap cinta itu sebagai satu kurnia Allah yang sangat mulia. Oleh itu, untuk menyalurkan cinta itu, harus dengan cara yang beradab dan mulia.

Dalam pandangan psikologi, dorongan cinta remaja lebih dominan dikaitkan kepada faktor emosi dan seks. Menurut Sigmun Frued (2013), faktor seks itulah yang menjadi pendorong utama aktiviti percintaan setiap individu. Tanpa faktor seks itu, individu mustahil melakukan hubungan percintaan dan tiada cinta tanpa seks. Menurut Sigmun Frued lagi, emosi cinta setiap individu adalah sebagai '**pendorong kuat untuk bekerja'**.

Menurut Sigmun Frued (2013), dalam teori psikoanalisisnya mengatakan bahawa dalam diri individu itu terdapat *ego (ich)*. Ego adalah aspek dalaman yang mendorong seseorang untuk bertindak dan merasakan. Dalam konteks cinta remaja, ego merupakan satu tenaga yang menggerakkan sistem fisiologi untuk melakukan hubungan seks dengan pasangan yang berlainan jantina. Oleh itu, cinta remaja sangat bergelora, kerana didorong oleh ego cinta.

Menurut teori estim Maslow (1984), setiap individu memiliki keperluan estim. Keperluan estim ini juga yang mendorong seseorang untuk bertindak mencapai hasrat diri. Menurut Maslow, estim berfungsi sebagai tenaga dalaman. Termasuklah untuk mendapatkan hubungan seks merupakan bahagian dari keperluan estim individu. Justeru bagi seorang remaja yang memiliki keperluan estim sentiasa bersemangat untuk mencapai hasrat diri dengan melakukan hubungan seks. Menurut Maslow lagi, apabila seseorang menganggap sesuatu itu sebagai satu keperluan penting, maka dia akan berusaha mencapainya. Dalam hubungan percintaan, seorang remaja menganggap bahawa hubungan seks itu merupakan satu keperluan. Oleh itu, mereka sentiasa ingin untuk mendapatkan dan merasakannya.

Dalam satu kajian di Bandung terhadap 50 remaja berusia 15-20 tahun tentang peranan cinta dalam konteks yang positif. Maksud cinta yang positif di sini adalah percintaan yang mengikut norma-norma Islam: tidak boleh berpegang-pegangan, tidak boleh bercium, sentiasa menjaga adab percintaan, saling menasihati dan saling mendorong ke arah kejayaan. Kajian dijalankan selama enam bulan, bertujuan untuk melihat sejauhmana kesan percintaan terhadap perkembangan tingkah laku yang baik dan prestasi pembelajaran. Dapatan kajian mendapati bahawa 32 orang remaja tersebut ternyata berjaya mengubah tingkah laku buruk seperti berhenti merokok, yang tidak mengerjakan solat bertukar menjadi rajin mendirikan solat lima waktu, setiap hari bangun pagi terlambat menjadi disiplin bangun jam 5.00 pagi, tidak boleh

membaca al-Quran menjadi boleh membaca al-Quran, perasaan rendah diri bertukar menjadi timbul keyakinan diri dan sentiasa terdorong untuk bekerja dan belajar bagi mencapai kejayaan.

Sedangkan 18 orang remaja yang tidak menunjukkan sebarang perubahan dalam kejayaan dan kebaikan. Hasil kajian menyimpulkan bahawa aktiviti cinta yang berdasarkan ajaran agama ternyata berjaya:

1. mengubah sikap yang buruk menjadi lebih baik;
2. mengubah keyakinan diri – dari perasaan rendah diri kepada keyakinan diri;
3. merangsang semangat dan cita-cita untukmencapai kejayaan

Ini maknanya amalan cinta yang didasarkan kepada ajaran agama boleh membawa perubahan tingkah laku dan pendidikan emosi. Cinta yang terarah bukan sahaja membimbing emosi cinta ke arah perubahan tingkah laku buruk kepada baik, tetapi dalam masa yang sama juga mendorong antara kedua-dua insan yang sedang bercinta untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran dan kejayaan dalam pekerjaan (Saefullah, 2012). Ini bermakna cinta bukan sahaja luahan emosi takut, gelisah, rindu dan gembira, tetapi cinta yang sebenar adalah energi yang membangun kecemerlangan insan yang bercinta.

Menurut Saefullah (2012) lagi kesan cinta ternyata boleh meningkatkan keyakinan diri, dari perasaan rendah diri kepada keyakinan diri yang tinggi. Salah satu sebabnya adalah kerana kedua-dua insan yang sedang bercinta saling menasihati dan saling mendorong kepada kejayaan. Tujuannya hanya untuk menjaga dan membaja cinta. Sehingga perasaan cinta menjadi bunga mekar yang sentiasa mengeluarkan bau harum semerbak. Cinta seperti ini juga menjadi bertambah gairah.

Walaupun menurut teori psikologi Barat, cinta remaja dikaitkan dengan dorongan fisiologi dan hubungan seks di luar pernikahan dianggap sebagai satu keperluan biologi, tetapi teori mereka masih boleh digunapakai sebagai bahan perbandingan. Secara amnya, teori-teori psikologi meyakini bahawa kesan cinta kepada remaja adalah sebagai tenaga penggerak untuk bertindak. Dengan perkataan lain, kesan cinta kepada remaja untuk mendorong aktiviti pekerjaan dan pembelajaran yang lebih bersemangat.

Abang Ishar pernah menjalankan kajian terhadap 30 remaja di Kuching mengenai perkaitan cinta dengan agama. Kajian mengambil

30 orang remaja Islam sebagai sampel kajian. Kajian bertujuan untuk melihat sejauhmana perkaitan aktiviti cinta dan ajaran agama. Dari 30 orang remaja Islam, 20 remaja dikenalpasti taat mengerjakan perintah agama: mengerjakan solat lima waktu, rajin mengerjakan solat sunnah dan suka membaca al-Quran setiap hari. Manakala 10 remaja dikenalpasti tidak mengerjakan solat lima waktu; hanya mengerjakan solat jumaat dan hari raya; tidak boleh membaca al-Quran.

Dapatan kajian mendapati bahawa 20 orang remaja yang taat itu memang pernah mencintai atau sedang mencintai seseorang; tetapi keseluruhan mereka mengakui sentiasa menjaga adab, tidak mahu melakukan hubungan sebelum nikah dan berhasrat untuk melangsungkan pernikahan. Manakala 10 orang remaja yang tidak taat mengerjakan perintah agama; tidak mengerjakan solat lima waktu dan tidak boleh membaca al-Quran ketika bercinta;menganggap bahawa cinta dan aktiviti cinta adalah satu keperluan biologi. Sekiranya keduanya merasa ingin untuk melakukan hubungan cinta; maka mereka bebas melakukan pelbagai aktiviti cinta (Abang Ishar, 2022). Aktiviti cinta 10 remaja yang tidak taat mengerjakan perintah agama ini memiliki kepercayaan yang longgar terhadap agama. Mereka memang remaja-remaja yang pintar dan mendapat keputusan yang cemerlang dalam setiap kali ada ujian tetapi sahsiah mereka lemah dari segi tingkah laku dan amalan agama, misalnya, mereka tidak mengerjakan solat lima waktu, tidak boleh membaca al-Quran dan tidak suka mengikuti pelajaran agama di kelas.

PERSPEKTIF CINTA DALAM ISLAM

Disebabkan perasaan cinta itu kurniaan Allah Yang Maha Agung, maka remaja perlu mengamalkan cara bercinta dengan cara yang agung pula. Adalah menjadi satu kesilafan jika seorang remaja memadam perasaan cinta, atau memusuhi energi cinta dalam dirinya, kerana aktiviti mencintai dan dicintai itu sebahagian dari *fitrah* Allah. Istilah cinta itu berasal dari terjemahan kata '*mahabbah*'. Terdapat banyak ayat al-Quran dan sunnahRasulullah SAW yang menyebutkan tentang cinta. Perlu disedari cinta yang dikehengaki oleh Islam adalah cinta yang didasari dan dibangun dengan keteguhan iman. Cinta yang didapatkan dengan dasar keimanan akan membangun kemuliaan cinta sehingga menurunkan generasi yang saling mencintai kerana Allah. Cinta yang diperolehi dengan dasar keimanan akan mengekalkan kebahagiaan

perhubungan yang berterusan dalam institusi keluarga. Sehingga dari sinilah nantinya akan melahirkan anak-anak yang soleh dan solehah, yang sentiasa membangun institusi keluarga yang mulia. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Dia mencintai seseorang, dia tidak mencintainya melainkan semata-mata kerana Allah, dan dia benci dengan kekufuran, sebagaimana dia benci dirinya dicampakkan ke dalam api neraka.

Takhrij: (al-Bukhari, al-Iman, al-Halawah al-Iman; hadis 15, daripada Anas bin Malik).

Nyata sekali konsep cinta yang ditawarkan oleh Islam berdasarkan kepada keteguhan iman. Ertinya seorang remaja sememangnya disuruh untuk mencintai seorang gadis pujaan hatinya tetapi bukan berdasarkan dorongan nafsu syahwat semata melainkan kerana Allah. Dengan perkataan lain, aktiviti cinta, mencintai dan dicintai kerana Allah akan membangun kebahagiaan yang berkekalan bagi pasangan pencinta.

Haluan bercinta menurut perspektif Islam menilai kecantikan dan keindahan pasangan bukan hanya dari segi zahir pasangan, tetapi lebih menekankan kepada kebagusan akhlak dan agama. Dalam istilah hadis, individu yang memiliki akhlak yang baik dan taat mengerjakan perintah agama disebut sebagai orang soleh. Oleh itu, ketika Rasulullah SAW menasihati para pemuda yang hendak berkahwin agar memilih wanita solihah. Sebagaimana diriwayatkan dari Abdullah bin Umar, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Dunia adalah tempat kesenangan, dan sebaik-baik kesenangan dunia adalah isteri yang solihah.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, al-Maratus Salihah; hadis 801, daripada Abdullah bin Umar).

Bayangkan dalam hadis sahih ini, Rasulullah SAW menerangkan dengan sangat jelas bahawa sebaik-baik kesenangan dunia adalah isteri

yang solihah. Isteri yang solihah adalah sumber segala kebahagian dalam hubungan percintaan yang hakiki dan murni.

Diyakini remaja yang soleh boleh menjaga kehormatan diri dan keluarganya. Selain itu, remaja yang soleh bijak bergaul, memilih kawan rapat dan tidak sombong kepada orang lain. Sekira dia jatuh cinta dan cintanya diterima oleh seorang gadis cantik, dia tidak menyalahgunakan perasaan cinta kepada hal-hal yang dilarang oleh agama. Walaupun perasaan cinta bergelora dan membara, tetapi tetap menjaga adab percintaan dan pantang larang. Sekiranya dia diajak berbuat zina, dia menolak untuk melakukannya. Remaja seperti ini benar-benar memahami makna tujuh golongan manusia yang mendapat naungan Allah. Salah satu di antara tujuh golongan manusia yang mendapat naungan Allah tersebut adalah pemuda yang diajak oleh perempuan cantik untuk berzina, tetapi dia menolak ajakan tersebut. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah ra, dari Nabi SAW bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ وَشَابٌّ نَشَأَ بِعِبَادَةِ اللَّهِ وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شِمَالُهُ وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

Ada tujuh golongan manusia yang dinaungi Allah pada hari yang tidak ada naungan lagi selain naunganNya; imam yang adil, pemuda yang selalu beribadah pada Allah, orang yang hatinya selalu dekat dengan masjid, dua orang yang saling mencintai kerana Allah berjumpa dan berpisah keranaNya, dan ***orang yang digoda oleh wanita yang cantik lagi keturunan bangsawan untuk berzina lalu dia berkata, 'Aku takut kepada Allah,*** " orang yang bersedekah dengan sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan tangan kanannya, dan orang yang selalu berzikir pada Allah sampai bercucuran air mata.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Zakah, fadilah al-Zakah bis sir; hadis 540, daripada Abu Hurairah).

CINTA REMAJA

Masa remaja terbahagi kepada dua fasa, iaitu fasa remaja awal dan fasa remaja matang. Fasa remaja awal dikenali sebagai masa transisi, kira-kira bermula dari usia 12 tahun. Ketika ini, pertumbuhan fizikal hampir sempurna; akan tetapi pertumbuhan masih berlangsung untuk fasa remaja matang. Sepanjang fasa remaja awal, keadaan fizikal membentuk *maturiti* seksual sehingga seluruh organ tubuh menjadi lebih menarik, indah dan sensitif. Ketika usia ini, remaja awal amat mudah jatuh cinta dengan pasangannya. Kerana seluruh organ tubuh dan fizikalnya, amat sensitif dari segala arah. Bahkan hanya dengan melihat dan mendengar suara; seorang remaja boleh jatuh cinta dengan lawan jenis.

Di usia remaja matang, cinta remaja mempunyai target pilihan. Maksudnya remaja telah mula memilih dan menilai pasangannya dengan pelbagai kriteria. Antaranya kriteria cantik fizikal dan setia. Walaupun emosi cinta telah mula memilih dan mempunyai kriteria; akan tetapi emosi cinta remaja sentiasa membara di dalam jiwa.

Cinta remaja memiliki emosi yang tinggi, dihiasi dengan desakan ilusi dan penuh dengan fantasi. Cinta remaja selalu dihiasi emosi dan mimpi-mimpi indah. Oleh itu, apabila seorang remaja lelaki menyukai seorang gadis; maka dia selalu berusaha mendekati gadis itu dengan pelbagai cara. Remaja itu akan berusaha mencari celah untuk bertemu, berbicara dan bertatap muka dengan gadis itu. Demikian juga sebaliknya, sekiranya seorang gadis itu telah memiliki perasaan suka kepada seorang remaja lelaki; maka dia juga mendekati remaja itu dengan pelbagai cara. Sekiranya ada perempuan lain yang berbicara dan duduk berdekatan dengan remaja itu, maka dia tidak akan menyukai perempuan itu.

Apabila kedua belah pihak saling jatuh cinta; maka hati sentiasa berbunga-bunga. Wajah senyum sentiasa menghiasi perjumpaan, yang diiringi dengan senda gurau, canda dan tertawa. Tetapi apabila diputuskan cinta; maka jiwa jadi merana. Semangat hidup jadi tidak bermaya. Tidur tak lena, makan tidak bersalera, hati selalu bertanya-tanya, mengapakah ini terjadi dengan serta merta. Aduhai dinda! Kejamnya dinda!

Menurut literasi Islam, keseluruhan perasaan cinta ini dikenali sebagai '*mahabbah*'. Istilah *mahabbah* banyak tersebar di dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis sahih. Cuma istilah *mahabbah* dalam

wahyu al-Quran merujuk kepada makna cinta yang hakiki, *fitrah,* asli dan murni. Sekiranya terdapat istilah yang merujuk kepada makna cinta yang salah dan menyimpang oleh remaja, tetapi itu bukan disebabkan penggunaan istilah yang salah atau berlawanan, melainkan ia berpunca dari faktor individu. Tetapi objektif *mahabbah* dan eksistensinya sentiasa mulia. Oleh itu, terdapat ayat al-Quran yang mengkritik manusia yang salah menerapkan cinta sehingga memilih jalan hidup yang sesat. Sebagaimana Allah berfirman:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَندَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ ۗ وَلَوْ يَرَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ إِذْ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ أَنَّ ٱلْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعَذَابِ ٥٦١

Dan di antara manusia ada orang-orang yang menyembah tandingan-tandingan selain Allah; mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman sangat cintanya kepada Allah. Dan jika seandainya orang-orang yang berbuat zalim itu mengetahui ketika mereka melihat seksa (pada hari kiamat), bahawa kekuatan itu kepunyaan Allah semuanya, dan bahawa Allah amat berat seksaanNya (nescaya mereka menyesal).

(Surah al-Baqarah 2 : 165).

Dalam ayat ini, Allah SWT menerangkan cinta yang salah. Kesalahan cinta yang dimaksudkan ialah manusia mencinta tuhan-tuhan selain Allah, meskipun mereka benar-benar mencintai tuhan-tuhan tandingan itu, tetapi hakikat cinta yang *fitrah* telah dirosakkan oleh emosi dan hawa nafsu. Oleh itu, mereka salah menyalurkan cinta. Cinta seperti ini yang menyesatkan kebanyakan umat manusia di muka bumi. Selain itu, cinta dalam konteks ayat di atas merupakan model cinta makhluk. Cinta makhluk merupakan cinta yang amat terhad oleh tempoh masa, usia dan tenaga. Oleh itu, jika penilaian cinta merujuk kepada makna zahir, maka cinta itu akan mudah sirna dan tidak akan bertahan lama. Sebagai contoh, seorang remaja mencintai wanita cantik dan sebaya. Tetapi apabila wanita itu sudah menginjak usia tua, maka cinta remaja itu mula hilang. Kerana wajah wanita itu tidak lagi secantik masa muda, giginya sudah palsu, matanya sudah empat, badannya sudah gemuk dan berkedut. Kulit-kulitnya sudah kendur. Inilah yang

namanya cinta makhluk. Tempoh cinta yang terlalu singkat dan terhad. Oleh itu, cinta seperti ini hakikatnya semu dan rendah nilainya. Cinta seperti ini yang menjadi ikon kebanyakan remaja hari ini.

Disebabkan rendah nilainya, menyimpang, salah penerapannya, palsu dan sangat dominan dengan hawa nafsu, maka setiap individu yang menganutinya pasti akan binasa. Sebagaimana Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَن يَرۡتَدَّ مِنكُمۡ عَن دِينِهِۦ فَسَوۡفَ يَأۡتِي ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ يُحِبُّهُمۡ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوۡمَةَ لَآئِمٖۚ ذَٰلِكَ فَضۡلُ ٱللَّهِ يُؤۡتِيهِ مَن يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ٥٤

Wahai orang-orang yang beriman, sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan merekapun mencintaiNya, yang bersikap lemah lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad di jalan Allah, dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurnia Allah, diberikanNya kepada siapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas, lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Maidah 5 : 54).

Menurut ayat 54, Allah SWT menasihati seluruh orang beriman setiap manusia yang murtad dan salah menerapkan cinta, atau lebih mencintai makhluk. Kelak Allah SWT akan menggantikan manusia yang menyimpang itu dengan suatu kaum yang lebih mencintai Allah dan mencintai orang-orang beriman. Mereka saling mencintai kerana Allah dan bukan kerana makhluk serta dorongan nafsu syahwat dan kebendaan. Diriwayatkan dari Abu Hurairah ra, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

Maka demi Zat yang jiwaku di tanganNya, tidaklah beriman seorang

dari kalian hingga aku lebih dicintainya daripada orang tuanya dan anaknya.

Takhrij: (al-Bukhari, bab al-Iman, al-Mahabbah; hadis 13, daripada Abu Hurairah).

Merujuk ayat al-Quran dan hadis-hadis sahih, ternyata cinta merupakan sesuatu yang amat mulia. Namun demikian cinta tidak akan mendatangkan kebagiaan; sekiranya manusia itu salah menerapkannya. Cinta akan membawa kehinaan apabila disalurkan kepada nafsu dan syahwat semata.

Cinta yang tertinggi nilainya adalah cinta Allah dan RasulNya. Cinta ini membina cinta sejati yang membawa kebahagiaan yang abadi sehingga ke alam syurga. Cinta Allah dan Rasul berperanan sebagai nutrisi rohani. Hati yang terlalu tebal dengan hijab, menyebabkan amat sukar ditembusi dan dicairkan dengan renungan matahati. Mungkin juga kerana neuron otaknya tidak pernah memberi kerja sama kepada hati untuk menerima hakikat cinta yang tinggi itu. Akibatnya antara hati dan otak tidak pernah selari, atau bekerja sama untuk menembusi dinding hijab yang tebal itu. Dengan perkataan lain, tahap keimanan yang terlalu rendah, lidah tidak terlazim berzikir, mata tidak pernah melihat hakikat cinta yang agung itu, sekiranya dia melihat tetapi dalam konteks yang terlalu asas, atau pandangan mata zahir. Bukan pandangan dalam konteks *tadabur*. Itulah sebabnya hati menjadi kosong dan rosak fitrah cintanya. Hati seperti ini kering dan tidak pernah disirami dengan air. Lantaran itu, semailah rasa cinta Allah dengan banyak berzikir, bertasbih dan membaca al-Quran secara istiqamah. Binalah rasa cinta dengan zikir. Dalam hadis qudsi riwayat Abu Hurairah ra,Rasulullah SAW bersabda, Allah SWT berfirman:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي وَأَنَا مَعَهُ حِينَ يَذْكُرُنِي إِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي وَإِنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَإٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَإٍ هُمْ خَيْرٌ مِنْهُمْ وَإِنْ تَقَرَّبَ مِنِّي شِبْرًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ مِنْهُ بَاعًا وَإِنْ أَتَانِي يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً.

Aku bergantung pada sangkaan hambaKu kepadaKu dan Aku akan

bersama hambaKu ketika dia mengingatKu. Apabila dia mengingatKu dalam dirinya, maka Aku akan mengingatnya dalam diriKu. Apabila dia mengingatKu di tengah orang banyak, maka Aku juga akan mengingatnya di tengah orang banyak yang lebih baik daripada mereka. Apabila dia mendekat kepadaKu sejengkal, maka Aku akan mendekat kepadanya sehasta. Apabila dia mendekat kepadaKu sehasta, maka Aku akan mendekat kepadanya sedepa. Apabila dia datang kepadaKu dengan berjalan, maka Aku akan datang kepadanya dengan berlari.

Takhrij: (Muslim, bab al-Zikr; Zikrullah; hadis 1895, daripada Abu Hurairah).

Hadis sahih ini menggambarkan betapa dekatnya hati manusia kepada Allah dengan melakukan aktiviti-aktiviti berzikir, bertasbih, beristighfar dan banyak membaca al-Quran.Oleh itu, terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menghubungkaitkan istilah cinta dengan tingkah laku manusia yang taat beribadah, misalnya suka berzikir, beristighfar dan bertaubat. Sebagaimana fakta-fakta ayat berikut:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلۡمُتَطَهِّرِينَ ٢٢٢

Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertaubat dan mencintai orang-orang yang mensucikan diri.

(Surah al-Baqarah 2 : 222).

Allah berfirman lagi:

وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٤٣١

Allah mencintai orang-orang yang berbuat kebajikan

(Surah Ali Imran 3 : 134).

Allah berfirman lagi:

فَمَا وَهَنُواْ لِمَآ أَصَابَهُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُواْ وَمَا ٱسۡتَكَانُواْۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ٦٤١

Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana yang menimpa mereka di jalan Allah, dan tidak lesu dan tidak pula menyerah (kepada musuh).

Allah mencintai orang-orang yang sabar.

(Surah Ali Imran 3 : 146).

Seluruh dalil al-Quran ini menjelaskan fenomena cinta manusia yang hakiki.Cinta yang disalurkan dengan benar akan membina mahligai cinta yang abadi.

Al-Quran mengkorelasikan istilah cinta dengan sikap manusia yang suka kepada harta benda dan kekayaan yang melimpah. Cinta manusia dalam konteks ini merangsang hidup manusia untuk mengumpulkan pelbagai jenis kekayaan yang melimpah. Bahkan tidak hanya terhenti di sini, untuk mencapai hasratnya itu, manusia berebut-rebut antara satu golongan dengan golongan yang lain. Manusia berebut-rebut kekuasaan dan mempertahankan kekuasaan itu dengan pelbagai cara demi untuk berkuasa. Manusia yang dungu hatinya, hijau dan silau matanya, tidak mampu menerjemahkan makna cinta seperti yang disebutkan al-Quran di atas. Oleh itu, ketika hati sedang terpaut dengan dunia dan segala keindahannya, hati kerap kali menafikan hakikat kebenaran cinta. Hati seperti ini hilang daya keramahnya untuk menangkap makna cinta yang Allah kehendaki. Kerana hati seperti ini menilai kebaikan tidak fokus dan masih bersifat bias. Kadangkala hati seperti ini *bakhil,* kedekut, pengecut dan memiliki dorongan yang kuat kepada harta. Oleh itu, al-Quran menghubungkaitkan cinta dengan harta yang diinfakkan. Sebagaimana Allah berfirman:

لَن تَنَالُواْ ٱلۡبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيۡءٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٞ ٢٩

Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sehahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

(Surah Ali Imran 3 : 92).

Manusia tidak akan mencapai kebaikan yang sempurna, atau memiliki keimanan yang semestinya, melainkan dia harus menginfakkan sebahagian harta yang dia cintai. Inilah hakikat cinta. Bagaimanakah kita mengatakan cinta kebaikan dan cinta Allah, sedangkan hati kita masih setengah-setengah dan ragu dengan seruan Allah? Bukankah hati yang

bersih, tidak ada hijab yang menghalangnya untuk meyakini sepenuh hati bahawa harta kekayaan dan pangkat yang besar itu merupakan titipan Allah. Ketika Allah meminta, atau menyuruh memberikan apa yang kita cintai itu, tiba-tiba hati kita diselimuti oleh perasaan ragu, takut miskin dan tidak sepenuh hati menerima seruan itu? Apakah ini yang namanya cinta? Sekiranya kita melafazkan kata cinta, itu hanya di bibir. Bukanlah cinta yang sebenar, atau hakiki. Oleh itu, cinta yang hakiki dan sejati ialah mengikuti seluruh perintah Allah, mengikuti Rasulullah dan tidak akan berpaling dariNya walaupun hanya sekelip mata. Sebagaimana Allah berfirman:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٣

Katakanlah: Jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Ali Imran 3 : 31).

FENOMENA CINTA

Bercinta itu dorongan emosi; ia boleh positif dan boleh negatif. Bercinta itu indah dan berghairah. Tetapi terlebih bercinta boleh membawa padah. Bercinta itu mengembirakan dan menyenangkan; tetapi jika salah satu berkhianat, maka bercinta itu jadi sengsara. Bercinta itu permainan jiwa; kadangkala tertawa, riang gembira dan bahagia; tetapi ada kalanya bercinta itu menimbulkan sakit jiwa dan berakhir dengan linangan air mata. Bercinta itu sumber energi dan tenaga; terlebih lagi jika cinta kita diterima dan telah berlabuh di jantung si dia, maka semangat bekerja dan belajar menggebu-gebu kerana perasaan suka dan bahagia.

Bercinta itu menimbulkan perasaan rindu kepada si dia. Hasrat ingin selalu bertemu; satu hari tak bertemu, hati menjadi rindu. Dua hari tak bertemu rasanya seminggu telah berlalu; seminggu tidak bertemu, terasa satu bulan tidak bertemu; satu bulan tidak bertemu jadi pengsan kerana menahan perasaan rindu untuk bertemu; dua bulan tidak bertemu dengan si dia, akhir demam cinta.

Timbul pelbagai persoalan. Mengapakah manusia mudah jatuh cinta? Mengapa manusia suka bercinta;mengapa manusia terpersona

dengan cinta? Semua pertanyaan ini amat sukar dijawab.

Ada remaja yang menjawab, "dia jatuh cinta dengan pandangan pertama". Remaja lain menjawab, "dia jatuh cinta kerana kecantikan wajahnya". Ada juga yang jatuh cinta kerana ingin merasakan kelazatan cinta, dengan melakukan hubungan yang mesra, hubungan seks dan pergaulan bebas di zaman muda. Bagi remaja yang sedang jatuh cinta, atau dilamun cinta, maka ingatan dan emosi cinta sentiasa ingin duduk bersama, makan bersama, berjalan bersama dan menikmati masa-masa indah secara berlama-lama. Demikian juga ada yang jatuh cinta setelah mengalami satu proses yang panjang dan berliku-liku. Terdapat juga insan yang bercinta setelah berumahtangga dan telah menjadi pasangan suami isteri. Tidak banyak insan yang mampu mengungkapkannya dengan kata-kata dan bahasa sastera. Walau bagaimanapun, tidak mungkin manusia jatuh cinta tanpa tujuan dan alasan nyata. Yang jelas perasaan cinta adalah satu kurnia Allah kepada semua manusia untuk menghiasi kehidupan manusia itu sepanjang hidupnya bagi menambah keselesaan, kenikmatan, motivasi dan meramaikan bilangan hidup manusia di seluruh dunia.

Fenomena cinta merupakan satu peristiwa sejarah masing-masing individu. Adakala individu yang menemunya dengan jalan yang mudah dan singkat. Adakala individu yang menemukan dengan cara yang berliku, penuh perjuangan dan pengorbanan. Ada individu yang memperoleh cinta dengan ketampanan dan kecantikan semata; ada individu yang memperoleh cinta dengan kepandaian dan prestasi ilmu; ada individu yang mendapatkan cinta dengan penghinaan dan cucuran air mata; ada individu yang memperoleh cinta dengan kepandaian ilmunya; ada individu yang memperoleh cinta kerana suaranya merdu, seperti para penyanyi, qari-qariah dan musisi. Ada juga individu yang memperoleh cinta kerana akhlaknya yang santun, seperti baik hati, rajin, taat, jujur dan tidak sombong.

Apakah motif cinta? Motif cinta untuk mendapat kekasih yang diidolakan. Apabila motif cinta terjelma, ekspresi cinta akan semakin meningkat. Usaha untuk mempertahankan cinta semakin berkobar-kobar, ingin bertemu dengan kekasih bertambah kuat, ilusi emosi semakin menjadi-jadi serta tindakan memelihara hubungan kekasih semakin mekar. Dalam konteks perhubungan, semakin ingin bertemu, berjumpa, menatap wajah, mendengar kata-katanya serta bisikan cintanya. Dalam konteks keintiman, semakin ingin dekat selalu dan

tidak mahu berpisah dan berjauhan. Sehari tidak bertemu rasanya seminggu; seminggu tidak berjumpa rasanya sudah sebulan; sebulan tidak bertemu pengsan. Dalam konteks aktiviti, motif cinta ingin kerja bersama, duduk bersama, berjalan bersama, makan-minum bersama, nonton bersama dan tidak boleh ada *si fulan lain* mengganggu *si dia*. Dari segi emosi, tujuan cinta sentiasa membina perasaan cemburu, rindu dan bahagia selalu.Dari segi nafsu, tujuan cinta untuk mendapatkan hubungan badan, kasih sayang fizikal serta kepuasan seks. Dari segi psikologi, tujuan cinta adalah membina rasa kebersamaan jiwa, rasa dan aura cinta yang meluap-luap. Dari segi agama, tujuan cinta adalah untuk membina dorongan zahir batin berasaskan ajaran syariah bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Apabila motif cinta ini dilihat dari segi zahir semata, maka makna cinta menjadi rendah. Apabila tujuan cinta hanya dilihat secara emosi dan nafsu, maka ekspresi cinta menjadi buta. Hari ini, banyak remaja yang terjebak dengan cinta buta. Apakah cinta buta? Cinta buta hanya memandang kecantikan zahir semata. Penilaiannya hanya fokus pada bentuk wajah yang cantik, indah dan menawan hati. Model cinta seperti ini memang boleh terjadi kepada setiap individu; cinta seperti ini juga boleh menimbul gelora jiwa; akan tetapi tidak akan bertahan lama. Aplikasi cinta dalam konteks ini mudah retak, usianya singkat dan emosional. Kadang kala cinta dalam konteks ini membawa padah pada kerosakan nilai, kehormatan dan menimbulkan ketegangan keluarga. Sebagai contoh, banyak perempuan cantik hari ini yang mengandung sebelum nikah. Konon, hubungan itu dilakukan atas dasar cinta dan kasih sayang. Tetapi kesan buruknya ialah memalukan institusi keluarga, terutama ibu bapanya, menghancurkan nilai-nilai agama, akhlak mulia, kesusian serta kehormatan. Cinta seperti ini bermula dari tujuan cinta yang bersifat berahi dan cinta buta.

Cinta buta, biasanya dipegang oleh individu yang tidak beragama. Cinta buta juga boleh berlaku kepada individu yang terlalu longgar memegang agama, tidak faham agama dan falsafah kehidupan. Apabila asas cinta tidak mencerminkan pegangan agama, maka nilai cinta menjadi rendah. Ertinya jika kekasih memperoleh puncak keindahan berdasarkan emosi cinta, badan dan kebendaan, maka keindahan zahir cinta akan mudah layu. Sebaliknya, jika cinta berasaskan agama dan kesucian, maka benih cinta akan sentiasa subur. Dari sini akan membina kekuatan perhubungan yang berterusan sehingga ke akhir hayat. Cinta

berasaskan syariat akan memberi kekuatan jiwa untuk saling bertahan. Kerana ia akan mendapat tenaga tambahan untuk selalu merasa rindu. Cinta berasaskan syariat membina kebahagiaan sejati dan abadi.

Kemuliaan cinta seorang wanita identik dengan auratnya. Oleh sebab itu, cinta sejati seorang wanita Islam diwajibkan menutup aurat mereka dari pandangan kaum lelaki. Kerana menampakkan wajah dan bahagian aurat akan merangsang pandangan mata kaum lelaki. Pandangan mata boleh menimbulkan fitnah, merangsang syahwat, menggoda dan menimbulkan dosa mata. Melainkan jika seorang pelamar ingin melihat kecantikan wajah dan keindahan perangai wanita tersebut dibenarkan baginya untuk bertemu serta melihatnya, tetapi tetap didampingi oleh mahram. Kenyataan ini selari dengan riwayat Anas bin Malik, sesungguhnya al-Mughirah bin Syu'bah menikahi seorang perempuan, maka Rasulullah SAW bersabda:

اذْهَبْ فَانْظُرْ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ أَحْرَى أَنْ يُؤْدَمَ بَيْنَكُمَا فَفَعَلَ فَتَزَوَّجَهَا فَذَكَرَ مِنْ مُوَافَقَتِهَا

Pergilah dan lihatlah dia, kerana itu dapat mengekalkan kebahagiaan hubungan di antara kamu berdua. Maka dia pun melakukannya, kemudian dia menikahinya dan wanita tersebut pun menyatakan kesepakatannya.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Nikah, al-Khitbah al-Mar'ah; hadis 1523, daripada Anas bin Malik). Kedudukan hadis ini adalah sahih. Terdapat juga dalam riwayat Imam Muslim dan Abu Daud.

Kemuliaan cinta selari dengan keindahan para pencinta itu sendiri. Apabila seorang pemuda yang telah mencintai kekasih hatinya, tidak boleh melihat ada orang lain yang lebih baik dari kekasihnya. Oleh sebab itu, motif cinta akan menguatkan kedua belah pihak untuk saling mencintai. Kemudian meneruskan percintaan kepada perkawinan yang sah secara syariat.

CINTA NISBI DAN ABADI

Emosi cinta yang menggebu-gebu selalu diteruskan dengan perhubungan antara kedua belah insan yang saling berlabuh cinta. Diyakini faktor sekufu, ikhlas dan kematangan emosi menjadi faktor

penting untuk meneruskan perhubungan cinta ke alam perkahwinan yang sah. Walau bagaimanapun, faktor kesesuaian dalam diri individu dapat menimbulkan motif cinta kepada dua aspek:

Pertama, kesesuaian yang *nisbi*. Kesesuaian *nisbi* adalah kesesuaian yang palsu. Kesesuaian jenis ini timbul disebabkan adanya persamaan dalam sesuatu hal. Individu yang tujuannya sama dengan tujuan kita, nescaya akan berlaku kesesuaian antara roh dia dengan roh kita. Sebaliknya apabila berlainan tujuannya, persamaan dan kesesuaiannya akan hilang. Inilah salah penyebab timbulnya cinta nisbi, atau usia cinta yang terlalu singkat. Setiap cinta yang dibina bukan berasaskan kepada persamaan, maka cinta itu timbul disebabkan adanya tujuan yang tersembunyi. Diyakini setiap insan yang mencintai kerana sesuatu hal, atau disebabkan motif yang terselubung, maka cinta itu akan runtuh bersamaan dengan hilangnya tujuan yang mulia. Sebaliknya jika motif dan tujuan cinta itu untuk mencapai suatu tujuan bersama, kedua belah saling mencintai dengan ikhlas berasaskan banyak persamaan; ikhlas, tabah menghadapi ujian, setia dan jujur; maka hubungan cinta akan berkekalan.

Kedua, persamaan dan kesesuaian yang asli. Persamaan dan kesesuaian ini bersumber dari naluri yang *fitriah*. Cinta seperti ini asli dan berkaitrapat dengan akhlak yang mulia. Cinta seperti ini akan abadi. Persamaan dan kesesuaian asli adalah keserasian akhlak serta kesamaan semangat. Sesungguhnya cinta seperti ini menjadi asas utama dan akan membawa perasaan yang sama. Setiap jiwa akan merindui jiwa yang lain yang serupa dengannya, kerana sesuatu yang serupa akan mempunyai motif untuk saling tarik-menarik antara satu sama lain secara semulajadi. Untuk dua roh yang serupa secara *fitriah*, akan saling merindui dan tarik-menarik untuk memberi suatu reaksi dan respons sejiwa. Kerap kali ketertarikan ini terjadi disebabkan sesuatu hal yang tidak diketahui alasannya seperti ketertarikan besi kepada magnet. Apabila bertambah kuat, teguh dan sejiwa, maka ia tidak roboh kecuali jika penghalangnya terlalu kuat dari sebabnya.

Apabila cinta timbul kerana suatu sifat yang kukuh, maka cinta akan abadi dengan abadinya motif-motif yang menyelubunginya. Selama tiada penghalang yang dapat memastikan keruntuhannya yakni berubahnya kondisi pencinta atau kerana gangguan dari kekasih. Kerana gangguan dari kekasih dapat menyebabkan cinta menjadi layu, lesu dan membisu. Jika kekasih sering kali mengganggu, akan timbul

rasa benci pada gangguan kekasih dan rasa cinta di dalamnya menjadi musnah. Tetapi ada juga individu pencinta yang merasa gangguan kekasih sebagai satu kenikmatan baginya. Cinta memang aneh!

Cinta abadi timbul dari kesesuaian dan keserasian akhlak serta keserupaan semangat (spirit). Alasan tentang cinta yang memerlukan kesamaan dan kesesuaian ialah hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Aisyah, di mana pernah ada seorang wanita yang datang di perkampungan Quraisy. Perempuan itu suka membuat orang jadi tertawa. Lalu wanita itu tiba di Madinah. Dia juga menemui seorang wanita yang juga suka membuat orang tertawa. Nabi SAW pun bertanya, "Wanita itu menemui siapa?" Jawabnya, "Menemui si fulan, wanita jenaka". Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah ra secara marfu' berkata:

النَّاسُ مَعَادِنُ كَمَعَادِنِ الْفِضَّةِ وَالذَّهَبِ خِيَارُهُمْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ خِيَارُهُمْ فِي الْإِسْلَامِ إِذَا فَقُهُوا وَالْأَرْوَاحُ جُنُودٌ مُجَنَّدَةٌ فَمَا تَعَارَفَ مِنْهَا ائْتَلَفَ وَمَا تَنَاكَرَ مِنْهَا اخْتَلَفَ

Manusia itu seperti tambang perak dan emas. Mereka yang terhormat pada masa jahiliah akan terhormat pula di masa Islam, jika mereka memahami (Islam). ***Roh-roh itu seperti prajurit yang diambil, jika saling mengenal mereka akan menjadi satu****, dan jika saling bermusuhan maka mereka akan saling berpisah.*

Takhrij: (Muslim, kitab al-Birr, al-Arwah Junud; hadis 1780, daripada Abu Hurairah).

Cinta dapat diumpamakan perpaduan antara roh dengan roh, atau unsur dalaman dengan unsur dalaman seseorang. Hal ini akan terjadi jika antara kedua insan itu memiliki banyak persamaan ciri dan kemuliaan akhlak. Apabila air dengan air telah bercantum padu, mereka tidak dapat dipisahkan lagi. Oleh itu, cinta antara dua insan dapat membuat salah seorang di antaranya menjadi sakit dengan sakitnya pihak yang lain. Ia juga turut merasakan penderitaannya meskipun dia tidak disakiti. Dalam hal ini, Ibn Qayyim al-Jauziyah (1403 H) pernah mengisahkan ada seorang lelaki yang mencintai seseorang. Suatu hari, orang yang dicintainya jatuh sakit. Lalu kawan-kawannya datang melawatnya. Mereka melihatnya sudah agak pulih. Dia menerima mereka dengan ramah dan bertanya, "kalian dari mana?" Mereka menjawab, "Dari

si fulan". Kami menjenguknya, " Dia bertanya, "Apakah dia juga sakit?" Mereka menjawab, "Ya, tetapi sudah sembuh". Dia berkata, "Demi Allah, aku mengingkari penyakitku ini, kerana aku tidak tahu apa sebabnya. Tetapi aku menduga bahawa penyakit ini juga menimpa orang yang aku cintai. Hari ini aku sudah merasa agak sembuh. Aku gembira dan berharap agar Allah SWT menyembuhkannya. Kemudian dia minta diambilkan pena dan menulis sebuah syair untuk kekasihnya:

Aku demam dan tidak merasakan demammu,

hingga orang-orang menjengukku menceritakan penyakitmu.

Lalu aku berkata, "Demam tidak menerpaku tanpa sebab,

selain kerana demammu dan juga tanpa alasan yang dicurigai.

Allah menyembuhkan sakitku saat Dia menyembuhkanmu.

Apabila kita merenung alam ini, pasti kita akan menemukan bahawa dua orang yang saling mencintai pasti memiliki suatu persamaan. Atau terdapat banyak keserasian dalam perbuatan, tujuan dan sikap mereka. Jika berbeza tujuan dan tidak wujudnya persamaan, nescaya hati keduanya saling menjauhi dan menafikannya. Sebagaimana diriwayatkan dari Nukman bin Basyir berkata, Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى.

Dari Nu'man bin Basyir ra berkata, "Rasulullah SAW telah bersabda, 'Orang-orang mukmin dalam hal saling mencintai, mengasihi dan menyayangi bagaikan satu tubuh. Apabila ada salah satu anggota tubuh yang sakit, maka seluruh tubuhnya akan sentiasa terjaga dan demam (turut merasakan sakitnya).'

Takhrij: (Muslim, al-Iman, al-Ikhwah fi al-Islam; hadis 1782, daripada Nu'man bin Basyir).

Menurut hadis sahih ini, bahawakasih sayang dan perasaan cinta orang mukmin sangat berkaitrapat dengan faktor dalam jiwa. Ini terjadi kerana emosi cinta sejati itu saling menghantarkan mesej penting dan

getaran jiwa yang teramat dalam. Oleh itu, jika salah satu anggotanya, atau pasangannya sakit, maka seluruh tubuh akan merintih kesakitan dan tidak tenang.

MOTIVASI CINTA

Motivasi cinta selalu menimbulkan perasaan suka, gembira, senyuman manja dan bahagia. Motivasi cinta juga menimbulkan energi tenaga, ghairah kerja, semangat belajar dan mengejar cita-cita. Lazimnya, apabila seorang pemuda telah jatuh cinta dengan seorang perempuan; dan perempuan itu telah menerima cintanya, maka hati pemuda itu pasti akan gembira dan berbunga-bunga. Pemuda itu akan rajin bekerja, rajin berusaha dan rajin belajar. Motivasi cinta mendorong pemuda itu untuk mencari uang sebanyak-banyaknya; setelah uang diperolehi dengan cukup; maka pemuda itu membelanjakan uang untuk keperluan cinta. Dengan uang yang didapati itu untuk membeli baju baharu, cenderamata dan obsesi cinta lainnya. Dengan perkataan lain, motivasi cinta mendorong setiap insan untuk kuat bekerja dan berusaha demi membina hubungan cinta yang berterusan.

Dari segi psikologi, motivasi cinta terbahagi kepada empat iaitu (1) cinta pandangan pertama, (2) cinta emosi, (3) cinta seks, dan (4) cinta rohani. Ditinjau dari segi syariah, cinta terbahagi kepada lima iaitu (1) cinta kebendaan, (2) cinta kuasa dan pangkat, (3) cinta haiwan, (4) cinta manusia, dan (5) cinta Allah dan Rasul. Keseluruhan model cinta ini ada dalam jiwa manusia. Hanya ada manusia yang mampu mengawalnya, menjelaskan dan mengekspresikan dalam bentuk tingkah laku dan emosinya. Demikian juga keseluruhan model cinta ini ada yang berupaya membina keselesaan, kedamaian dan kebahagiaan hidup yang berkekalan sehingga ke hari tua, bahkan ada berlangsung hingga ke akhirat.

Cinta Pandangan Pertama

Cinta pandangan pertama adalah suatu cinta yang bermula dari refleks pandangan mata terhadap seseorang yang dinilai menggoda hati, jiwa dan perasaan. Cinta model ini bermula dengan pertemuan dan aktiviti bersama dalam sesebuah kumpulan. Sering terjadi kerana terserentak dengan perjumpaan di sesuatu tempat. Apabila fokus mata tertumpu kepadanya dan pihak yang dipandang juga memberi respon positif. Maka pandangan ini kerap kali menimbulkan getaran jiwa dan

menggerakkan hasrat untuk bertemu dengannya. Cinta pandangan pertama sering terjadi semasa aktiviti di sekolah, persembahan, di maktab dan di universiti. Sering terjadi seorang perempuan jatuh cinta dengan seorang pensyarahnya yang baik di bilik kuliah. Disebabkan kebaikan dan kelembutan hati seorang pensyarahnya menyebabkan perempuan itu jatuh cinta. Demikian juga disebaliknya.

Cinta pandangan pertama boleh terjadi pada setiap orang. Tidak kira orang tua, orang muda, lelaki mahupun wanita. Apabila seorang lelaki memandang seorang perempuan, tiba-tiba menimbulkan getaran batin dan perasaan suka kepadanya. Getaran jiwa dan perasaan suka semakin mekar di dalam hati jika disusuli dengan respon positif. Apabila kedua hati telah terpaut antara satu sama yang lain, perasaan cinta itu semakin berkembang. Semakin tinggi kadar respon, getaran jiwa dan ciri-ciri keserupaan terhadap insan yang dipandang, maka semakin besar magnet cinta itu menggoda. Apatah lagi setelah pandangan pertama ini disusuli dengan pandangan-pandangan emosi dan magnet cinta, maka ia akan turun ke hati. Semakin banyak pandangan indah, semakin terpaut hati. Semakin banyak persamaan perasaan semakin bertaut cinta dalam dada. Akhirnya kedua insan sama-sama jatuh cinta.

Energi pandangan mata amat dahsyat. Apalagi jika magnet pandangan mata membayangkan keindahan budi bahasa; membayangkan kelembutan suara, membayangkan kecantikan wajah dan tingkah lakunya, membayangkan kemulusan kulitnya dan membayangkan keelokan adabnya, maka emosi cinta akan menguasai seluruh isi hati. Itulah sebabnya kedua insan yang sedang jatuh cinta saling terbayang-bayang wajahnya. Kadang kala tidur tidak lena, makan tidak kena dan bekerja tidak kuasa. Kerana seluruh energi otak dan hati selalu *mengingati si dia*. Inilah yang namanya jatuh cinta. Jatuh cinta kerana pandangan pertama.

وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَ لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ٨٧

Dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur.

(Surah al-Nahl 16 : 78).

Nikmat mata dapat melihat keindahan akhlak dan wajah seseorang merupakan satu kurnia Allah kepada setiap insan. Antara tujuan penciptaan mata itu adalah untuk melihat, sama ada melihat

dalam konteks zahir atau melihst dalam konteks batin. Dalam konteks psikologi, adalah melihat yang menimbulkan rangsangan cinta pandangan pertama. Dalam konteks rohani, agar energi mata melihat dapat memberi pengajaran kepada hati dan tingkah laku supaya selalu berterima kasih kepada Allah. Walau bagaimanapun, al-Quran sentiasa mengiktiraf semua jenis pandangan mata, termasuklah pandangan pertama yang dapat membuat **jatuh cinta** kepada seseorang. Selain itu, pandangan pertama dan pandangan-pandangan mata berikutnya akan membina jaringan cinta. Alangkah lebih indahnya nilai pandangan pertama itu jika diintegrasikan dengan motif cinta yang ikhlas, suci, murni dan membina singgasana cinta yang mulia. Aduhai indahnya cinta yang dibina dengan ilmu dan akhlak mulia.

Cinta Emosi

Salah satu keunikan pandangan mata adalah boleh menimbulkan respon suka. Walaupun pandangan mata itu singkat dan pantas; tetapi ia boleh mempengaruhi hasrat dan kehendak seorang remaja. Bahkan hanya dengan melihat sekejap seseorang ia boleh meninggalkan memori indah jangka panjang. Dalam konteks psikologi, pandangan singkat yang boleh menyebabkan seseorang itu tertarik dan suka kepada orang lain adalah disebabkan emosi amat dominan menguasai korteks. Oleh sebab itu, emosi seperti ini dikenali sebagai emosi cinta; cinta emosi atau cinta monyet. Cinta emosi timbul disebabkan emosi suka dengan seseorang dengan pintas tanpa pertimbangan. Emosi suka lalu membina perhubungan suka sama suka. Lama kelamaan emosi suka terjalin dalam bentuk pertemuan, saling memberi, menerima dan menjalin hubungan mesra. Cinta emosi kerap kali menjelma dalam setiap individu dan membuat seseorang menjadi penasaran. Fakta kes, cinta emosi atau cinta monyet banyak terjadi pada seorang remaja.

Cinta emosi lebih dominan dipengaruhi oleh perasaan emosional. Walaupun emosi mencintai dan perasaan dilamun cinta, tetapi kuasa cintanya hanya terhad di bibir. Tidak akan terjelma dalam bentuk usaha bersungguh-sungguh dan pengorbanan tahap tinggi. Sekiranya mulut mengatakan cinta dan sayang, tetapi tidak akan ke penghujung. Kerana faktor kematangan masih belum bersedia. Cinta emosi biasanya menguasai fikiran dan persepsi anak-anak muda dan para remaja. Tetapi jika tidak dihadapi dengan bijak, cinta emosi boleh membawa padah. Kerana sering kali para remaja lelaki dan puteri mengambil sikap

agresif. Remaja di dunia Barat dan negara-negara maju yang terlalu lemah pegangan agamanya, kebanyakan mereka menganggap hal biasa melakukan hubungan seks di usia remaja. Bahkan mereka lebih menikmati hubungan itu dalam setiap kesempatan dan masa. Sebagai contoh, dapatan kajian di USA terhadap remaja berusia 16-20 tahun, dari 6000 orang remaja berusia tersebut, 5800 di antara mereka telah melakukan hubungan seks bebas dengan pasangan mereka masing-masing, atau 96%dari mereka telah sering melakukan hubungan seks (Petersen, 1988).Dalam tahun 2010, keputusan kajian di Sweden mendapati bahawa 87% dari 8000 remaja berusia 16-20 tahun telah tidak perawan, atau mereka didapati telah melakukan hubungan seks berkali-kali dengan pasangan mereka, atau 6960 orang dari mereka telah melakukan senggama dengan pasangan mereka (Petersen, 1988).

Bagi masyarakat Eropa dan negara-negara maju, remaja-remaja yang melakukan hubungan seks di luar nikah, atau mereka melahirkan anak-anak luar nikah tidak menjadi persoalan. Itu hanya sekadar fenomena biasa bagi kaum remaja dan tidak perlu dikhuatirkan. Oleh itu, remaja mahu melakukan hubungan seks dan menjalin hubungan asmara dengan pasangan merupakan suatu kemestian. Apalagi mereka yang telah dewasa dari segi fizikal dan telah berupaya melakukan hubungan itu secara sukarela. Hak mereka perlu dihargai dan dihormati, bukanlah suatu cela dan kejahatan.

Dapatan kajian psikologi mendapati bahawa remaja berusia 16-18 tahun dianggap belum matang dari segi pemikiran dan tanggungjawab. Walaupun telah pandai meluahkan kata cinta dan berupaya melakukan hubungan seks, tetapi mereka belum memikir tanggungjawab kehidupan. Dari 500 orang remaja berusia 16 tahun yang telah melahirkan anak luar nikah, atau telah kerap kali melakukan hubungan seks dengan pasangan mereka, ternyata mereka tidak pernah memikirkan tanggungjawab dan belum bersedia untuk menyara keperluan anak-anak. Akhirnya semua anak-anak yang lahir tanpa bapa itu diserahkan ke rumah kebaikan (Smetana, 2009).Selain itu, dari 500 bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu muda, berusia 16 tahun, tidak boleh diurus oleh ibu mereka. Ibu-ibu mereka tidak pernah memikirkan makna kasih sayang terhadap anaknya dan tidak berupaya untuk menyara bayi-bayi mereka (Brooks & Morgan, 2008).

Cinta emosi memang sekadar indah di bibir, tetapi berakhir dengan kepahitan. Cinta emosi memang lebih mengutama prestise,

bukan mengutamakan prestasi. Oleh itu, cinta emosi tidak bertahan lama, usianya terlalu singkat dan dilafazkan untuk melampiaskan desakan hawa nafsu. Sebab itu, cinta emosi mudah layu.

Cinta Seks

Cinta seks adalah cinta yang diasaskan untuk mendapatkan kepuasan hubungan seks. Cinta seks bermotifkan menikmati hubungan senggama, atau persetubuhan antara kedua insan yang sedang memadu cinta. Konon, hubungan seks itu dilakukan kerana keperluan cinta. Dengan memberikan kehormatan, menyerahkan emosi dan melakukan hubungan itu sebagai bukti cinta (MackWell, 2011).Cinta seks juga berkaitan dengan dorongan nafsu berahi dan mencari kepuasan hubungan. Oleh itu, setiap individu yang mengamalkan fahaman cinta seks, maka setiap ada percintaan dengan kekasih selalunya diselingi dengan aktiviti hubungan seks, atau menikmati hubungan senggama antara kedua-dua belah pihak. Seorang pelakon USA terkenal, Lady Gaga (Lady Gaga Biography, 2020) mengatakan bahawa "tiada cinta tanpa seks. Tiada kemesraan tanpa hubungan seks dan tiada kasih tanpa seks. Semua cinta memerlukan hubungan seks. Hubungan seks itu cinta dan seks membakar semangat cinta untuk sentiasa berkobar-kobar".

Lazimnya masyarakat Barat moden yang sekularisme dan individu yang menganut fahaman hidup bebas; individu yang tidak memiliki keyakinan agama dan yang terpengaruh dengan virus hidup kebendaan semata-mata; seseorang yang terlepas dari pegangan budaya, nilai, adab dan agama; maka mereka ini akan menganut konsep cinta seks. Maknanya mereka boleh berbuat sesuka hati atas nama cinta. Yang penting, seks dilakukan atas dasar suka sama suka. Mahu berganti-ganti pasangan, mahu di tempat terbuka, di hotel-hotel, di rumah-rumah peribadi, di club-club malam, atau di dalam hutan. Cinta seks boleh dilakukan bila-bila masa, di mana dan dalam suasana apa sekalipun. Tujuan utama cinta seks ialah mencari kenikmatan hidup, mencari kepuasan hubungan seks dengan pasangan dan mencari kemesraan perhubungan. Aktiviti seks yang dilakukan tidak boleh dikaitkan dengan budaya, adat-istiadat, adab, akhlak, apatah lagi agama. Yang penting seks memberi kenikmatan dan kepuasan seseorang.

Seorang pelacur cantik yang berkeliaran mencari pelanggannya di Lokasari, Jakarta, ketika ditanya, "Berapa bayarannya?" Spontan dia menjawab, "Lima ratus ribu Bang". Apakah adik cinta dengan

pelanggannya? Jawabnya: "Ya, cinta hanya sebatas bayaran itu aja". Ketika ditanya apakah yang dimaksudkan dengan cinta, spontan dia menjawab, "Cinta adalah seks". Cinta adalah wang dan tubuh harus diserahkan kepada '*cowok*'. Ertinya cinta ada disebabkan wang. Cinta terjadi disebabkan hubungan seks. Tiada cinta, tiada wang dan tiada seks. Cinta sentiasa berjalan kerana ada wang dan hubungan seks sepuas-puasnya (Satu Kajian Psikologi, Abang Ishar Abang Yaman, 2017 : 21).

Khalifah Al-Makmun berkata: "Cinta itu hanyalah pandangan mata, isyarat tangan dan buku-buku yang di dalamnya ada jampi-jampi. Yang lebih agung dari tiupan simpul-simpul. Cinta itu hanya seperti ini. Bila cinta menikah ia akan rosak. Barangsiapa yang cinta seperti ini, ia hanya menginginkan anak" (Abdul Aziz Ahmad, 2009 : 173). Asma'i pernah berkata: "Aku pernah bertanya kepada seorang wanita badui. Apakah yang dimaksudkan dengan cinta membara? Gadis badui itu menjawab: "Pelukan, ciuman, berangkulan, kedipan mata dan bercanda". Kemudian gadis itu bertanya, "lalu bagaimana menurutmu, wahai orang kota?" Dia menjawab: "Duduk di antara empat organ wanita (melakukan hubungan seks). Kemudian menggagahinya (menggoyang-goyangkan)". Asma'i menjawab: "Itu bukanlah cinta membara, tetapi bikin anak". Kemudian Asma'i bertanya dengan wanita badui yang lain tentang cinta, "Apakah cinta itu?" Gadis badui menjawab: "Menghirup air liurnya, mencium kekasih, menggunakan kata-kata rayuan, berpeluk kuat dan saling menindih. Lalu bagaimana denganmu, wahai orang kota?" Gadis kota menjawab: "menindih dengan kuat, berpadu organ di antara lutut dan leher (melakukan hubungan seks), memuaskan hasrat yang sedang dahaga". Asma'i berkata: "Itu bukan cinta, tetapi syahwat semata-mata" (Abdul Aziz Ahmad, 2009 : 174).

Takrif dan praktik cinta di atas lebih merujuk kepada cinta seks semata. Oleh itu, Asma'i seorang perempuan solihah berkata kepada gadis badui dan gadis kota di atas, bahawa apa yang mereka nyatakan tentang cinta membara hakikatnya bukanlah cinta, tetapi itu hanya bikin anak dan syahwat belaka.

Hakikatnya seks dalam Islam sangat mulia. Benar, seks membina kasih sayang dan cinta kasih. Seks dan hubungan seks meneruskan kehidupan manusia. Seks akan memberi energi jasmani dan rohani. Tetapi bukan dengan kebebasan tanpa ikatan adab, akhlak dan agama. Seks bebas dan terlepas justeru akan menghina nilai seks itu. Seks

berganti-ganti pasangan tanpa ikatan nikah dan tidak dihalalkan dengan syariah justeru merendahkan martabat wanita. Seks bebas dan terlepas akan membahayakan genetik, embriologi, emosi dan psikologi. Salah satu bahaya seks bebas ialah pelakunya akan dijangkiti penyakit AIDS, penyakit disebabkan hubungan kelamin secara bebas dan sehingga kini belum ditemukan ubatnya. Selain itu, takrif cinta seks akan merosak adab dan akhlak manusia yang beradab, kerana dengan amalan cinta seperti ini manusia berkelakuan seperti haiwan dan syaitan. Sedangkan Islam sangat memuliakan seks dan menyuruh semua manusia menikmatinya berasaskan adab-adab yang mulia dan petunjuk agama. Sekiranya hasil dari hubungan seks bebas itu menyebabkan wanita mengandung dan melahirkan anak. Maka anak yang dilahirkan itu menjadi cacat nasab dan tidak berayah. Sedangkan seks dalam Islam menghendaki kemuliaan, bahawa setiap anak yang dilahirkan perlu dibinkan/dibintikan kepada ayahnya. Masih banyak lagi kesan buruk akibat seks bebas dan terlepas dari panduan adab dan agama. Oleh itu, Islam menghalalkan seks dengan cara yang amat mulia.

Cinta Rohani

Cinta Rohani berkaitrapat dengan norma mulia, adab mahmudah dan tujuan yang Ikhlas berdasarkan ajaran agama. Cinta rohani lebih mengutamakan penyaluran hasrat cinta dengan cara yang santun dan mulia. Cinta rohani bermula dengan pandangan matahati terhadap seseorang yang dicintai. Cinta rohani bermula dari jatuh cinta dengan sikap yang santun, adab mulia dan pelbagai ciri keunggulan peribadi seseorang. Sebagai contoh, seorang perempuan jatuh cinta dengan seorang lelaki kerana ilmunya yang tinggi; kerana seorang lelaki alim, taat, ahli ibadah dan takwa. Walaupun pada peringkat awalnya, hanya sekadar pandangan mata, tetapi setelah mengetahui bahawa lelaki itu memiliki ketinggian ilmu dan akhlaknya; maka perasaan cinta kemudian berputik subur di dalam jiwanya. Akhirnya, dalam hatinya perempuan itu berkata: '*ana uhibbu ilaiku wahai fulan – aku kepadamu wahai fulan*'.

Setelah itu, berkembang dari keluhuran budi sehingga menyelami ilmu dan amalnya kekasih. Apabila banyak maklumat yang diterima positif, data yang terkumpul sahih dan kejujuran yang dilihat dan didengar tepat, maka cinta akan berputik. Cinta rohani adalah pandangan mata yang menembusi matahati, sehingga mempengaruhi

seluruh organ otak (*al-aql*) dan *fuad* untuk menerima memiliki kekasih sejati itu. Cinta rohani tidak terpengaruh dengan zahir dan keindahan wajah; tidak termakan hasutan insan; tidak terpedaya dengan bentuk istana, tahta dan harta benda; tetapi benar-benar bersih dari sebarang tipu helah syaitan serta dorongan syahwat.

Dalam konteks psikologi, cinta rohani lebih didorong oleh unsur dalaman. Penilaiannya kombinasi antara ketinggian rohani dan akal-budi. Penilaian seperti ini dikenali sebagai penilaian matahati sehingga menembusi dinding hijab yang tebal. Pandangannya jauh di sebalik tabir sehingga hanya boleh dirasai oleh rohani. Oleh sebab itu, seseorang yang memiliki cinta rohani mencintai seseorang lantaran keindahan adab, ibadah, ilmu dan ketakwaan seseorang itu. Cinta rohani lebih mementingkan darjat keimanan dan ketakwaan seseorang. Misalnya, cinta para orang-orang soleh terhadap kekasihnya. Abdullah bin Thahir, penguasa di Khurasan berkata kepada anak-anaknya: 'wahai anak-anakku! Milikilah cinta, maka kamu akan menjadi indah. Jagalah kehormatan dan kesucian, maka kamu akan menjadi mulia'. Al-Qudamah, seorang ahli sastera Arab berkata: "Cinta dapat membuat seseorang pengecut menjadi pemberani, orang kikir menjadi darmawan, membersihkan hati yang keras, melancarkan lidah yang kelu, membangkitkan semangat orang yang lemah, menundukkan keperkasaan raja-raja, melemahkan cambuk pemberani. Cinta adalah bahasa dan panggilan sastera. Bab pertamanya membicarakan hati dan fikiran. Cinta dapat melepaskan kejahatan dan kesukaran. Kepadanya semangat tertumpu. Kebaikan akhlak akan terbina mudah. Ada kemesraan dan kelembutan di dalamnya. Seagung-agung cinta adalah menggabungkan keindahan badan, fizikal dan wajah serta kedalaman cinta kepada Allah. Dengan itu, cinta semakin bertaut dalam hati jika dilandasi ketakwaan" (Abdul Aziz Ahmad, 2009 : 69).Dengan perkataan lain, cinta rohani adalah seseorang yang mencintai seseorang kerana Allah semata. Dalam riwayat Abu Qilabah dari sanad Anas bin Malik ra, Nabi SAW bersabda:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Tiga perkara yang apabila ada pada diri seseorang, dia akan merasakan manisnya iman: Dijadikannya Allah dan RasulNya lebih dicintainya dari selain keduanya. Jika dia mencintai seseorang, dia tidak mencintainya kecuali kerana Allah. Dan dia benci kembali kepada kekufuran seperti dia benci dilempar ke neraka"

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Iman, Halawah al-Iman; hadis 15, daripada Anas bin Malik).

Dalam hadis lain dinyatakan bahawa ada tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan yang sangat istimewa di hadapan Allah. Di mana ketika di padang mahsyar nanti, tiada naungan yang terbaik melainkan perlindungan Allah. Salah satu di antara tujuh golongan yang mendapat naungan istimewa itu adalah seorang lelaki yang diajak oleh perempuan cantek jelita untuk berzina, tetapi lelaki tersebut menolaknya. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah ra., Nabi SAW bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ وَشَابٌّ نَشَأَ بِعِبَادَةِ اللَّهِ وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شِمَالُهُ وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

Ada tujuh golongan manusia yang dinaungi Allah pada hari yang tidak ada naungan lagi selain naunganNya; (1) imam yang adil, (2) pemuda yang selalu beribadah pada Allah, (3) orang yang hatinya selalu dekat dengan masjid, (4) dua orang yang saling mencintai kerana Allah berjumpa dan berpisah keranaNya, (5) pemuda orang yang digoda oleh perempuancantik lagi keturunan bangsawan untuk berzina lalu dia berkata, 'Aku takut kepada Allah, " (6) orang yang bersedekah secara sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan tangan kanannya, dan (7) orang yang selalu berzikir kepada Allah sampai bercucuran air mata.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Zakah, al-Zakah fi al-Sirr; hadis 540,

daripada Abu Hurairah).

Dari ketujuh-tujuh golongan manusia yang mendapat naungan dan perlindungan Allah tersebut, ada dua kandungan hadis sahih ini yang boleh dikaitkan dengan cinta remaja hari ini. Pertama, dua orang yang saling mencintai kerana Allah, dan kedua, pemuda yang digoda oleh perempuan cantek jelita dan keturunan bangsawan untuk berzina, tetapi pemuda itu menolaknya dengan berkata, '***sesungguhnya aku takut kepada Allah***'.

Hati yang bersih akan menjadi tempat berlabuhnya cinta yang suci. Hati yang bersih bererti hati yang tiada kotoran debu maksiat di dalamnya. Ia sentiasa tetap bersih, kerana selalu dipelihara rapi oleh pemiliknya. Kerana **cinta rohani atau cinta suci** akan rosak jika ada sedikit debu yang mengotori hati. Cinta yang dicemari debu kotor akan menjadi benih awal kerosakan cinta rohani. Hati yang bersih seperti gelas kaca yang jernih. Sedangkan cinta rohani, atau cinta suci seperti susu murni yang putih bersih, yang mengisi gelas tersebut. Sedikit debu kotor pada gelas akan mencemari warna putih susu yang mengisinya. Oleh itu, orang yang berhati bersih adalah tempat bersemayamnya cinta rohani, atau cinta suci itu. Maka pemilik hati bersih itu perlu sentiasa menjaga kesucian hatinya. Dengan menjauhkan diri dari maksiat zahir dan batin. Menjaga kesucian diri inilah yang dikenali sebagai *'iffah'*. Orang-orang yang berhati mulia, mereka merasa hina jika dirinya melakukan suatu kesalahan kecil. Terutama dia merasa hina di hadapan Allah dan celaan masyarakat. Tetapi berlainan dengan manusia yang tidak soleh dan ahli maksiat. Perlu difahami, khas orang-orang yang berhati bersih tidak boleh membandingkan situasi dirinya dengan orang-orang yang berhati kotor dan kaki maksiat. Kerana hati manusia kaki maksiat, hati mereka seperti gelas kaca yang kotor diisi dengan air limbah. Tidak ada yang peduli, berapa banyak kotoran yang masuk ke dalamnya. Kerana tidak akan berupaya mengubah keadaannya. Manakala hati orang-orang soleh dan cinta rohani seperti segelas susu. Disebabkan nila setitis akan rosak susu sebelanga. Oleh itu, orang-orang soleh sentiasa perlu berjaga-jaga dan memelihara kesucian hatinya. Sedangkan hati dan cinta syahwat, memang sudah berupa nila dan debu maksiat. Fokus cinta rohani adalah membersihkan hati, menjaganya agar selalu mencintai Allah dan Rasulnya.

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ

غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mencintai dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Ali Imran 3 : 31).

Cinta Harta dan Kuasa

Nafsu manusia selalu mencintai harta dan kuasa. Cinta harta dan kuasa ertinya mengumpulkan kekayaan sebanyak-banyaknya untuk bermegah-megahan semasa hidup di dunia. Cinta harta dan kuasa mendorong seseorang untuk bekerja sekuat tenaga agar dapat menjadi orang kaya, ternama, menjadi jutawan berlian dan memiliki kekuasaan yang besar. Cinta harta dan kuasa dapat membina kekuatan tenaga untuk bekerja bersungguh-sungguh dengan menggunakan pelbagai cara bagi mencapai tujuan. Cinta harta dan kuasa mendorong manusia untuk bersaing sesama diri mereka; bagi mendapatkan harta yang melimpah dan kuasa yang dikehendaki. Cinta harta dan kuasa boleh menambah semangat untuk rajin bekerja serta membina organisasi. Dengan itu, hidup manusia semakin dinamik dan kompetitif bagi mencapai matlamat yang ditentukan.

Cinta harta dan kuasa dapat membina motivasi untuk bekerja bersungguh-sungguh. Dalam konteks zaman moden ini, untuk mendapatkan harta dan kuasa bukanlah hal yang mudah. Apabila manusia bercita-cita tinggi yakni untuk mengubah nasib keluarganya yang miskin, maka dia akan belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya memperolehi ijazah sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D). Sesungguhnya dengan bekal ijazah yang tinggi dan kuasa ilmu manusia akan boleh mendapat pekerjaan yang bergaji besar serta boleh mengumpul harta. Demikian juga dengan bekal ijazah yang tinggi dan ilmu, manusia boleh terjun ke dunia politik bagi mengejar kekuasaan. Kemudian untuk mendapatkan kuasa. Hasrat manusia memang suka harta benda dan kuasa, kerana ia sebahagian dari perhiasan kehidupan dunia. Sebagaimana Allah berfirman:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ
ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ

ٱلدُّنۡيَاۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسۡنُ ٱلۡمَـَٔابِ ١٤

Dijadikan indah pada pandangan manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, haiwan-haiwan ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah tempat kembali yang baik (syurga).

(Surah Ali Imran 3 : 14).

Kalimat *Wal qanaathiiril muqantharah* dalam ayat 14 bermakna *harta yang banyak*. Manusia memang suka memiliki harta yang banyak dan pelbagai.Oleh itu, banyak manusia yang rajin berusaha untuk mengumpul harta sebanyak-banyaknya. Selain itu, manusia suka bersaing dan memperlihatkan harta kekayaannya kepada orang lain. Dengan itu, dia dapat dianggap sebagai orang kaya dan berkuasa di kawasannya, atau dipuji sebagai orang yang memiliki banyak harta yang pelbagai. Memang ajaran Islam tidak melarang setiap orang untuk mencari dan mengumpul harta yang banyak. Bahkan ajaran Islam sangat menggalakkan setiap individu berusaha bersungguh-sungguh mencari harta sebanyak-banyak dan menggunakan harta itu untuk keperluan sendiri, keluarga dan masyarakat. Ajaran Islam juga memotivasi setiap individu untuk bekerja dalam dalam semua bidang dan pekerjaan untuk mendapatkan harta yang banyak. Kerana dengan harta yang banyak itu manusia akan merasakan keselesaan hidup, menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Selain itu, apabila harta melimpah berupa wang, kekayaan dan dan kuasa sudah berada di tangan boleh digunakan untuk membantu orang-orang lemah (*mustadh'afin*), seperti orang fakir, miskin, Yatim, manusia kebuluran, manusia yang ditimpa peperangan dan pelbagai musibah yang selalu menimpa kebanyakan umat manusia.

Setiap individu sentiasa dinasihatkan agar rajin dan bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan harta dan pelbagai kurnia Allah yang tersebar luas di seluruh bumi. Sebagaimana Allah berfirman:

وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ وَأَحۡسِن كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ ٧٧

Dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu,...

(Surah al-Qasas 28 : 77).

Allah berfirman lagi:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَٱبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ١٠

Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyaknya supaya kamu beruntung.

(Surah al-Jumu'ah 62 : 10).

Surah al-Qasas ayat 77, mengingatkan supaya manusia jangan lupa nasibnya di dunia. Kerana dunia tempat kehidupan, terutama untuk memperolehi keselesaan dan kebahagiaan hidup bersama. Khas keselesaan hidup keluarga, kemakmuran masyarakat dan negara. Bagaimana pula hidup akan aman, damai dan tenteram sementara perut kelaparan. Apatah lagi kalau tiada rumah tempat berteduh untuk seisi keluarga. Bahkan untuk mengerjakan ibadah pun jadi terganggu dan fikiran jadi tidak khusyuk jika mendengar suara anak menangis kerana tiada makanan? Sementara surah al-Jumu'ah ayat 10 mengingatkan supaya manusia, khasnya orang-orang mukmin supaya bertebaran di muka bumi dan disuruh mencari kurnia ***Allah sebanyak-banyaknya***…" Maknanya ajaran Islam sentiasa memberi galakan supaya orang-orang Islam dapat menjadi orang kaya serta memiliki banyak harta benda. Dengan harapan apabila setelah menjadi orang yang memiliki banyak harta benda dan menjadi orang kaya-raya jangan lupa kepada Allah. Maknanya infakkanlah kekayaan itu di jalan Allah. Bantulah orang-orang fakir, miskin, Yatim dan kaum *mustadh'afin* lainnya. Janganlah jadi hamba Allah yang *bakhil, kikir* dan sombong. Apabila manusia mencintai harta dan kuasa secara berlebih-lebihan, akibatnya hidup manusia menjadi hamba nafsu dunia dan syahwat.

Cinta harta dan kuasa secara wajar adalah satu kebaikan. Tetapi cinta harta dan kuasa secara berlebihan akan membinasakan kehidupan. Lihatlah Qarun, hanya sekelip mata sahaja seluruh kekayaan dan nyawanya sendiri ditenggelamkan oleh Allah ke dalam dasar bumi. Demikian juga Firaun dan Hamman, terlalu mudah Allah SWT mencabut seluruh kekuasaannya. Akhirnya keduanya mati dalam keadaan tidak beriman. Dan masih banyak lagi contoh lain yang boleh menjadi pengajaran. Harta dan kuasa penting, bukan segala-galanya.

Apabila harta dan kuasa digunakan dengan sebaik-baiknya, maka ia akan menghantar pemiliknya ke jalan syurga. Sebaliknya, jika salah guna maka ia akan membinasakan pemiliknya.

Cinta Haiwan

Dalam surah Ali Imran ayat 14 ada menyebutkan tentang ***kuda pilihan*** (*al-khail al-musawwamatil*) dan ***haiwan ternak*** (*wal an'am*). Maksudnya yang tersurat dan tersirat dalam ayat ini adalah kecenderungan, atau kesukaan manusia terhadap pelbagai haiwan peliharaan. Memang, secara semulajadi sikap manusia sentiasa mencintai haiwan. Mencintai haiwan maknanya memelihara haiwan-haiwan yang banyak. Sama ada untuk keperluan daging, perhiasan ataupun penyelamatan pelbagai jenis haiwan.

Selain itu, terdapat jenis haiwan ternak yang dapat dijadikan sebagai peralatan perang, misalnya haiwan kuda, unta dan gajah. Di zaman dahulu, kuda, unta dan gajah pernah dipergunakan untuk pasukan tentera berkuda. Oleh itu, terdapat ayat al-Quran yang mengingatkan orang-orang mukmin supaya mempersiapkan pasukan berkuda demi untuk menggetarkan musuh-musuh Allah. Sebagaimana Allah berfirman:

وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسۡتَطَعۡتُم مِّن قُوَّةٖ وَمِن رِّبَاطِ ٱلۡخَيۡلِ تُرۡهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمۡ ٦٠

Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuhmu.

(Surah al-Anfal 8 : 60).

Haiwan jenis unta juga pernah dipergunakan untuk perang oleh manusia. Kerana unta dapat membawa keperluan barang-barang yang lebih banyak dan boleh menyediakan bekalan air. Dalam sejarah Islam, pernah berlaku perang unta (perang jamal), pada masa khalifah Ali bin Abi Thalib. Dalam sejarah pernah tercatat tentera bergajah, di mana manusia menggunakan haiwan gajah sebagai pasukan tentera untuk menyerang Ka'bah. Pasukan tentera bergajah di bawah pimpinan

Abrahah telah menyerang Ka'bah untuk menghancurkannya. Mereka menggunakan pasukan tentera dengan menggunakan gajah sebagai kenderaan dan pasukan tempur bagi menyerang orang-orang beriman. Tetapi akhirnya pasukan tentera bergajah ini kalah dan musnah diserang oleh tentera "***Ababil***". Tentera *ababil* juga menggunakan kuasa haiwan untuk menghancurkan haiwan gajah. Tentera ababil menggunakan kuasa dan kehandalan 'burung ababil (*thairan ababil*)'. Burung *ababil* inilah yang melempar pasukan tentera bergajah dengan menggunakan batu-batul, atau tanah liat yang dibakar. Sehingga seluruh pasukan tentera bergajah hancur musnah bagaikan daun-daun yang dimakan ulat. Fakta ini dirakamkan oleh al-Quran:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَٰبِ ٱلْفِيلِ ١ أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ
٢ وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ٣ تَرْمِيهِم بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ٤ فَجَعَلَهُمْ
كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ٥

Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu telah bertindak terhadap tentara bergajah? Bukankah Dia telah menjadikan tipu daya mereka (untuk menghancurkan Ka'bah) itu sia-sia?Dan Dia mengirimkan kapada mereka burung yang berbondong-bondong. Yang melempari mereka dengan batu (berasal) dari tanah yang terbakar. lalu Dia menjadikan mereka seperti daun-daun yang dimakan (ulat).

(Surah al-Fil 105 : 1-5).

Sebagaimana cinta harta-benda dan kuasa, cinta haiwan juga merupakan suatu hal yang wajar. Kerana semua jenis haiwan yang Allah SWT sediakan di muka bumi untuk keperluan keindahan alam dan keperluan hidup manusia. Pelbagai jenis haiwan jinak, ternak, buruan, buas atau pelbagai jenis burung boleh digunakan untuk perhiasan hidup manusia. Selain untuk keperluan makanan, daging segar dan kelengkapan perang. Manusia memang suka memelihara haiwan, seperti memelihara kucing, anjing, ayam, lembu, kerbau, kambing, kuda, unta, burung-burung dan ikan. Kucing dan anjing biasanya dipelihara untuk keperluan perhiasan rumah; sementara ayam, arnab, lembu, kerbau, kambing, unta, burung puyuh, angsa dan ikan dipelihara untuk keperluan komersial dan makanan. Kesemua jenis haiwan ini rasa nikmat, sedap dan menjadi sumber protein bagi keperluan otak

serta makanan berkhasiat. Manusia juga cinta memelihara pelbagai jenis burung yang berwarna-warni untuk keperluan perhiasan rumah, hibungan dan untuk keperluan ekonomi. Misalnya, burung tiong, berkutut, burung kenyalang, bayan, pengicau dan masih banyak lagi. Selain memelihara jenis burung, manusia juga cinta memelihara haiwan buruan, seperti rusa, kijang, kancil, tapir, dan masih banyak lagi. Inti dari kecintaan manusia kepada haiwan ini untuk keperluan makanan daging segar, perhiasan rumahtangga, berburu dan menjaga rumah.

Cinta Manusia

Cinta manusia maksudnya manusia suka kepada manusia lain. Dalam konteks jantina, lelaki mencintai wanita dan demikian juga sebaliknya. Manusia cinta kepada wanita dan anak-anaknya sendiri. Manusia cinta kepada manusia ini selain berkaitrapat dengan faktor kejiwaan, fisiologi, biologi dan psikologi. Manusia cinta manusia merupakan aspek penting dalam kehidupan berumahtangga dan untuk meneruskan zuriat. Selain itu, manusia cinta kepada sesamanya adalah untuk mempertahankan status, darjat dan memperbanyak keturunan. Manusia memang mencintai manusia, terutama wanita dan anak-anaknya. Sebagaimana Allah berfirman:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلۡبَنِينَ ٤١

Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita dan anak-anak.

(Surah Ali Imran 3 : 14).

Cinta manusia memiliki nilai fisiologi dan psikologi yang amat tinggi. Kerana secara semulajadi manusia ingin mencintai dan dicintai oleh sesamanya. Cinta (*mahabbah*) ini yang mendorong manusia untuk berkahwin dan menjalani kehidupan berkeluarga serta memperbanyak keturunan. Terutama cinta seorang pemuda terhadap pemudi mendorongnya untuk menjalin hubungan pernikahan bagi membina sebuah keluarga. Apabila rasa cinta kedua insan telah sama-sama berlabuh, maka kedua insan yang saling jatuh cinta ini bersepakat untuk melangsungkan pernikahan bagi meneruskan lagi hubungan ke tahap yang lebih tinggi dan teratur. Sudah tentu, cinta dalam konteks ini akan mencapai tahap klimaks, iaitu kedua insan ini akan mengadakan hubungan seks, atau saling menikmati hubungan senggama yang halal

lagi diberkati. Bahkan kedua insan yang telah menjadi suami isteri ini sentiasa merasa indah dan dahaga dengan pasangannya. Kedua-duanya akan melakukan hubungan seks berulang-ulang sebagai kemuncak dari rasa cinta dan kasih sayang. Cinta ini, tidak terhenti dalam hubungan senggama semata-mata, tetapi berterusan sehingga ke tahap yang lebih intim sehingga mengeluarkan benih-benih zuriat. Berkat hubungan cinta yang mendalam ini, isteri mengandung benih zuriat hasil daripada hubungan seks tersebut. Yang bakal melahirkan anak dan meneruskan keturunan ibu bapanya di hari tua kelak.

Bahkan seorang lelaki kerap kali nikah lagi dengan perempuan-perempuan pilihannya. Semuanya bermula dengan cinta kepada pasangan. Selama cinta itu masih wujud dan bergelora dalam jiwa setiap insan, selama itu insan tersebut sentiasa terdorong untuk kawin lebih dari seorang perempuan.Oleh itu, seorang lelaki sering kali membaca doa:

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ٤٧

Wahai Tuhan kami! Anugrahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Furqan 25 : 74).

Cinta sesama manusia mendorong manusia untuk nikah lebih dari seorang. Walaupun di kasat mata kelihatan seseorang itu tidak memiliki pekerjaan, pendapatan tetap, atau miskin, tetapi disebabkan dorongan cinta seseorang kawin dengan dua, tiga dan empat orang perempuan. Perempuan pun menerima kehadiran cinta pemuda itu, meskipun kadangkala dia telah mengetahui pemuda itu telah mempunyai seorang atau dua orang isteri. Inilah yang namanya cinta. Ia sentiasa merangsang hawa nafsu untuk menikmati hubungan seks, sama ada dalam konteks yang halal atau haram. Apatah lagi jika seseorang itu yang tidak memiliki agama, terlalu longgar dalam meyakini ajaran agama dan hanya menganut fahaman komuniti yang bebas dan terlepas, maka diyakini dia dengan lebih mudah lagi jatuh cinta dan menikmati hubungan seks sebelum nikah, atau kahwin lagi.

Dari segi psikologi, cinta yang diikuti dengan hubungan seks halal akan memberi ketenteraman jiwa. Kerana ketika melakukan hubungan,

kedua-dua belah pihak akan sama-sama merasai kenikmatan hubungan itu. Bahkan kenikmatan yang memuncak sehingga kedua belah pihak sama-sama mengeluarkan air mani. Ini bermakna kedua belah pihak akan merasai puncak ketenteraman emosi. Oleh itu, Rasulullah SAW mengajarkan kepada umatnya apabila hendak mengauli isterinya hendaklah bercanda, senda gurau terlebih dahulu, membaca doa dan melakukan hubungan seks itu dengan bersungguh-sungguh. Malah seorang lelaki dilarang mencabut venisnya sebelum isterinya merasa puas, atau sama-sama merasa puas dengan kenikmatan hubungan itu. Semua ini bertujuan supaya suami isteri boleh menikmati hubungan seks dengan sewajarnya. Kerana dari hubungan mereka berdua akan merasa kebahagiaan hidup sebagai pasangan yang *sakinah*.

Ibn Qayyim al-Jauziyah (2008) mengatakan: "Seorang mukmin mendapat pahala atas kenikmatan dan kelazatan yang dirasakan terhadap hal-hal yang dihalalkan iaitu jika kenikmatan itubertujuan untuk membantunya mencapai kenikmatan akhirat. Apabila dia menyetubuhi isteri atau hamba perempuan yang dia cintai, selain jiwa, hati, fikiran dan tubuhnya merasakan kenikmatan atau kelazatan hubungan seks itu, dia juga mendapat pahala di sisi Allah".

"Pada persetubuhan salah seorang dari kamu ada pahala". Para sahabat lalu bertanya, "Wahai Rasulullah! Apakah salah seorang daripada kami memuaskan syahwatnya akan mendapat pahala?" Lalu beliau bertanya, "Jika dia memuaskannya dengan cara yang haram, menurut kalian, apakah dia mendapat dosa?" Mereka menjawab, "Ya". Beliau bersabda: "Demikian juga jika dia memuaskannya dengan cara yang halal, maka dia akan mendapat pahala".

Bahkan kenikmatan dan kelazatan cinta menjadi bertambah, atau berlipat ganda, sesuai dengan penghambaan manusia itu kepada Allah dan tahap keikhlasannya. Sedangkan kenikmatan yang terlarang akan menimbulkan rasa takut, gelisah dan cemas. Tidak akan sebanding antara kelazatan yang halal dirasakan oleh seseorang, dengan kelazatan yang haram. Apabila seseorang mempunyai isteri, lalu menemukan cintanya. Perempuan itu mendapatkan cinta suaminya. Kemudian keduanya memuaskan hubungan seks, menikmati syahwatnya. Maka pandangan mata tidak akan melirik selain isterinya. Jiwanya juga tertumpu untuk isterinya, bukan terhadap perempuan yang tidak halal. Semasa melakukan hubungan, keduanya sama-sama merasakan kepuasan. Kelazatan seperti ini bukan sahaja membina kebahagiaan jiwa

dan emosi, tetapi menghantar keduanya ke syurga akhirat. Hubungan cinta seperti ini benar-benar berasaskan keimanan, sehingga kedua-dua sentiasa berada dalam rahmat Allah. Dalam riwayat Abu Hurairah ra, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا

'Kamu tidak akan masuk syurga sehingga kamu beriman, dan kalian tidak dianggap beriman sehingga kalian saling mencintai.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Iman, al-Afsus al-Salam; hadis 42, daripada Abu Hurairah).

Cinta yang ikhlas akan melahirkan rasa suka, sayang, rindu, ingin selalu berdekatan, selalu menyebut-nyebut namanya, menikmati perhubungan, bersenda-gurau, melindunginya, mengikuti kehendaknya, menjaga perasaan dan memberi pertolongan. Cinta terhadap manusia merangkumi rasa rindu, terutama terhadap wanita yang telah dihalalkan melalui pernikahan. Cinta dalam konteks ini adalah wanita. Setelah cinta terhadap anak-anak dan keluarga. Cinta terhadap anak-anak melahirkan rasa kasih sayang terhadap mereka. Dengan itu timbul rasa tanggungjawab, menyapih, bermain-main, mendidik, membimbing, menyekolahkan mereka sehingga menjadi anak-anak yang soleh dan solehah. Di antara contoh cinta terhadap anak-anak ialah menciumnya setiap hari, mengusap, memeluk dan menimang serta memberi kata-kata pujian kepadanya. Cinta terhadap anak-anak akan memberi rasa kebahagiaan, ketenangan dalam rumah, menyerikan suasana keluarga serta menambah indah kehidupan berumahtangga. Akan tetapi perlu disedari semua manusia, kadangkala cinta wanita dan anak-anak yang berlebihan boleh menimbulkan fitnah dan kerosakan rumahtangga. Selain itu, cinta wanita dan anak-anak kerap kali melalaikan manusia dari mengingat Allah dan melemahkan semangat jihad di jalan Allah. Sebagaimana Allah mengingatkan manusia tentang hal ini.

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ٨٢

Dan ketahuilah, bahwa hartamu dan anak-anakmu itu hanyalah sebagai cobaan dan sesungguhnya di sisi Allah-lah pahala yang besar.

(Surah al-Anfal 8 : 28).

Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّ مِنۡ أَزۡوَٰجِكُمۡ وَأَوۡلَٰدِكُمۡ عَدُوّٗا لَّكُمۡ فَٱحۡذَرُوهُمۡۚ ١٤

Wahai orang-orang mukmin! Sesungguhnya di antara isteri-isterimu dan anak-anakmu ada yang menjadi musuh bagimu maka berhati-hatilah kamu terhadap mereka…"

(Surah al-Taghabun 64 : 14).

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُلۡهِكُمۡ أَمۡوَٰلُكُمۡ وَلَآ أَوۡلَٰدُكُمۡ عَن ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ ٩

Wahai orang-orang beriman!Janganlah hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barangsiapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang merugi.

(Surah al-Munafiqun 63 : 9).

Maksud kata '*fitnah*' dalam surah al-Anfal ayat 28 di atas adalah harta benda dan anak-anak boleh menjadi satu cubaan kepada seseorang. Demikian juga cinta yang berlebih-lebihan terhadap wanita (isteri) dan anak dapat menjadi ujian yang berat kepada seorang suami. Dalam surah al-Taghabun ayat 14, isteri-isteri dan anak boleh menjadi musuh. Salah satu kesan buruk cinta isteri dan anak secara berlebihan dapat membawa seorang lelaki derhaka dan lalai mengingat Allah, atau terjerumus dengan *hubbud dunya* (cinta dunia). Akibatnya manusia jadi hilang arah kehidupan yang diredhai oleh Allah. Demikian juga cinta wanita dan anak-anak secara berlebihan sering kali menjerumuskan manusia lupa dan lalai mengingat Allah. Oleh itu, al-Quran mengingatkan manusia berhati-hatilah dengan **'cinta'** yang berlebihan, cinta yang keluar dari konsep syariah. Kerana ia akan memusnahkan cinta yang sebenar dan merosak kemuliaan martabat manusia di hadapan Tuhan.

Selain itu, cinta manusia mendorong hidup manusia saling sayang menyayangi dan mengasihi antara sesama manusia. Khasnya untuk orang-orang mukmin dan solihin. Memang menjadi satu kewajiban mencintai saudara-saudaranya yang mukmin ini. Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ مَنْ كَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Tiga hal yang sesiapa dalam dirinya adanya hal itu maka dia akan merasakan kemanisan iman (1) Orang yang mencintai Allah dan RasulNya melebihi cintanya kepada selain keduanya (2) Orang yang mencintai orang lain semata-mata kerana Allah (3) Orang yang takut kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya sebagaimana dia takut dilemparkan ke dalam neraka.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Iman, al-Halawah al-Iman; hadis 22, daripada Anas bin Malik).

Mencintai Allah dan Rasul adalah makam tertinggi dalam cinta. Tidak ada lagi cinta lebih agung dan mulia dari ini. Sementara cinta terhadap seseorang di sini maknanya mencintai saudara-saudaranya yang seakidah terutama yang mukmin lagi soleh-solehah. Mencintai mereka ini lebih utama dari mencintai diri sendiri dan golongan. Sebagaimana fakta ayat:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلۡكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيۡنَهُمۡۖ تَرَىٰهُمۡ رُكَّعٗا سُجَّدٗا يَبۡتَغُونَ فَضۡلٗا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضۡوَٰنٗاۖ سِيمَاهُمۡ فِي وُجُوهِهِم مِّنۡ أَثَرِ ٱلسُّجُودِۚ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِۚ وَمَثَلُهُمۡ فِي ٱلۡإِنجِيلِ كَزَرۡعٍ أَخۡرَجَ شَطۡـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسۡتَغۡلَظَ فَٱسۡتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ يُعۡجِبُ ٱلزُّرَّاعَ ٩٢

Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhaanNya, tanda-tanda mereka kelihatan pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, iaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman

itu menyenangkan hati penanam-penanamnya…"

(Surah al-Fath 48 : 29).

Begitulah indahnya rasa cinta terhadap manusia. Oleh itu, al-Quran sentiasa memotivasi hidup manusia dengan cinta. Tanpa cinta hidup manusia kurang membawa makna. Jiwa manusia menjadi kosong, hampa, tiada tenaga dan bermaya. Dengan cintalah hidup manusia menjadi indah. Tetapi, cinta akan bertambah indah jika sentiasa merujuk kepada konsep *quraniyah*. Atau menjadikan makam cinta yang paling agung ialah mencintai Allah dan Rasul.

Cinta Allah dan Rasul

Tak syak lagi, cinta Allah dan Rasul merupakan makam tertinggi dalam cinta manusia. Cinta Allah dan Rasul adalah mengikuti segala suruhan Allah dengan sepenuh hati, meninggalkan segala laranganNya secara bersungguh-sungguh, meningkatkan keimanan dan ketakwaan secara konsisten serta mengamalkan segala perintah sunnah Rasulullah SAW di dalam kehidupan. Cinta Allah dan Rasul harus menjadi keutamaan cinta kerana ia memberi kemanisan iman dan menyebabkan seseorang itu mendapat kecintaan yang sejati dari Allah. Ini selari dengan wasiat Allah:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٣

Katakanlah: "Jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mencintai dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Ali Imran 3 : 31).

Dalan ayat ini sangat jelas jika seseorang mencintai Allah dengan sepenuh hati, jiwa raga dan tenaganya, maka Allah juga akan memberi cintaNya kepada manusia dan mengampuni dosa-dosa manusia. Walaupun pada peringkat awalnya, manusia telah melakukan maksiat, zalim, kufur dan kesalahan besar. Apabila timbul kesedaran, bertaubat ke menjadi manusia yang soleh, beriman dan mengerjakan amal soleh secara konsisten, maka Allah SWT akan mencintai manusia itu serta mengampuni segala dosa-dosanya.Mencintai Allah dan Rasul

merupakan sifat iman yang kuat dan memiliki korelasi dengan model manusia takwa. Apabila hati manusia telah terpaut kecintaan kepada Allah dan Rasul akan menuntut banyak pengorbanan. Kerana cinta yang mendalam menuntut bukti dari semua aspek. Apatah lagi jika manusia itu telah berani mengisytiharkan cintanya kepada Allah dan Rasul menuntut bukti-bukti nyata, bukan sekadar mengerjakan yang wajib-wajib dan meninggalkan hal-hal yang haram semata-mata, tetapi menuntut penyerahan secara *kaffah* (menyeluruh) diri manusia itu kepada Allah. Bahkan manusia itu akan sentiasa diuji dengan pelbagai ujian yang berat-berat. Misalnya, ujian bencana, kekurangan makanan, harta benda, kejatuhan pangkat, kedudukan, kemiskinan, kesengsaraan serta ujian-ujian berat lainnya. Bahkan menuntut pengorbanan yang tinggi serta kesabaran yang kuat.

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٥٥

Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.

(Surah al-Baqarah 2 : 155).

Ujian berupa bencana, musibah, malapetaka dan kesengsaraan berfungsi sebagai instrumen ujian. Maknanya siapa sahaja hamba Allah yang telah mengisytiharkan cinta kepada Allah, harus sanggup menerima ujian-ujian yang silih berganti. Kerana hasil dari ujian inilah yang menentukan kualiti cinta yang sebenar. Hasil dari ujian ini juga yang menentukan kekuatan iman dan kecemerlangan manusia dalam menghadapi gelombang besar. Pencinta tidak akan dianggap cinta sepenuh jiwa raga, melainkan setelah menerima pelbagai tekanan berat dan cubaan-cubaan yang kadangkala mempengaruhi emosi. Oleh itu, al-Quran mengingatkan manusia, apakah kamu telah merasa dengan mencintai Allah, mendakwa dirimu telah masuk syurga? Sebagaimana Allah berfirman:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُم ۖ مَّسَّتْهُمُ

ٱلْبَأْسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ وَزُلْزِلُوا۟ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصْرُ ٱللَّهِ ۗ أَلَآ إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ ٢١٤

Apakah kamu mengira bahwa kamu akan masuk syurga, padahal belum datang kepadamu (cubaan) sebagaimana halnya orang-orang terdahulu sebelum kamu? Mereka ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan serta digoncangkan (dengan bermacam-macam cubaan) sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya: "Bilakah datangnya pertolongan Allah?" Ingatlah, sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat.

(Surah al-Baqarah 2 : 214).

Iman, ketakwaan yang istiqamah dan rasa cinta manusia kepada Allah sentiasa diuji tanpa henti-henti. Kerana dari ujian-ujian itu manusia benar-benar dipilih sebagai mutiara yang mahal harganya. Sebagaimana Allah berfirman:

الٓمٓ ١ أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓا۟ أَن يَقُولُوٓا۟ ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ٢ وَلَقَدْ فَتَنَّا ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَلَيَعْلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَلَيَعْلَمَنَّ ٱلْكَٰذِبِينَ ٣

Alif laam miim. Apakah manusia itu mengira bahwa mereka dibiarkan (sahaja) mengatakan: "Kami telah beriman", sedang mereka tidak diuji lagi? Dan sesungguhnya kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta.

(Surah al-Angkabut 29 : 1-3).

Dari kedua dalil al-Quran ini, dapat diambil pengajaran bahawa tiket untuk manusia masuk syurga adalah iman yang istiqamah dan takwa. Sedangkan untuk menentukan kualiti iman yang sebenar adalah berjaya dari ujian-ujian Allah.

YANG HARAM DIGANTI DENGAN YANG LEBIH BAIK

Apabila Allah SWT mengharamkan sesuatu kepada hamba-hambaNya, Allah SWT pasti akan menggantikannya dengan yang lebih baik dari yang diharamkanNya itu. Misalnya, ketika Allah SWT mengharamkan

kepada hamba-hambaNya untuk mengundi nasib dengan anak panah, maka Allah SWT menggantikanNya dengan *doa istikharah*.Allah SWT mengharamkan riba kepada manusia, tetapi Dia menggantikanNya dengan perniagaan yang menguntungkan. Allah SWT mengharamkan perjudian kepada manusia, maka Allah SWT menggantikan dengan perlumbaan yang bermanfaat di dalam agama, seperti menunggang kuda, berenang dan memanah. Allah SWT mengharamkan sutera, lalu menggantikanNya dengan pelbagai jenis pakaian mewah seperti katun, wol dan rami. Allah SWT mengharamkan zina, tetapi menggantikanNya dengan membolehkannya menikah isteri muda yang cantik. Allah SWT mengharamkan minuman yang memabukkan, lalu menggantikannya dengan pelbagai minuman yang lazat, bermanfaat untuk roh dan tubuh. Allah SWT mengharamkan mendengar alat-alat muzik yang melalaikan, lagu-lagu erotik dan cinta berahi, kemudian menggantikannya dengan mendengar lagu-lagu rohani, qasidah dan mendengar al-Quran. Allah SWT mengharamkan makanan yang busuk dan kotor, lalu menggantikannya dengan makanan yang baik, berkhasiat, segar serta lazat.

Apabila seorang remaja merenung sedalam-dalamnya akan terasa ringan baginya untuk meninggalkan hawa nafsu yang merosak. Kemudian dia akan berupaya menggantikannya dengan hal-hal yang bermanfaat. Dia akan mengetahui hikmah Allah SWT, kesempurnaan nikmatNya kepada hamba-hambaNya dan dengan redha meninggalkan segala laranganNya. Allah SWT tidak pernah memerintahkan sesuatu kepada hamba-hambaNya, hanya disebabkan Dia memerlukan sesuatu dari hamba-hambaNya. Allah SWT juga tidak pernah melarang sesuatu kepada hamba-hambaNya kerana Dia bakhil, atau kikir. Namun, Allah SWT memerintahkan mereka untuk tujuan kebaikan dan kasih sayang terhadap hamba-hambaNya. Allah SWT menyuruh manusia melakukan sesuatu sebagai penjagaan terhadap kelangsungan dan kebahagiaan hidup manusia itu.

KISAH TELADAN UNTUK PENCINTA

Maymun bin Mahran (dalam M. Abdul Qadir Abu Faris, 2005) berkata: "Zikir itu ada dua, iaitu menyebut Allah dengan lidah, itu bagus. Akan tetapi, yang paling utama ialah mengingat Allah SWT ketika sudah mendekati perbuatan maksiat". Sementara Qatadah (dalam Abdul Aziz Ahmad, 2009) mengatakan bahawa "Jika seorang lelaki mampu

melakukan perbuatan haram, tetapi dia meninggalkannya kerana takut kepada Allah SWT, maka Allah akan menggantikannya di dunia sebelumakhirat dengan yang lebih baik dari itu". Demikian juga Ubaid bin Umair (dalam M. Abdul Qadir Abu Faris, 2005) berkata:"Bukti iman sejati dan baktinya adalah ketika seorang lelaki berduaan dengan wanita cantik, tetapi dia meninggalkannya hanya kerana Allah SWT".

Hasan Basri (dalam M. Abdul Qadir Abu Faris, 2005) mengisahkan"Ada seorang wanita pelacur yang sangat cantik dan kecantikannya mengalahkan seluruh wanita di zamannya. Dia meletakkan harga dirinya seratus dinar. Lalu ada seorang pemuda melihatnya dan sangat mengaguminya. Pemuda itu pergi dan bekerja mencari wang untuk beberapa waktu. Akhirnya dia berjaya mengumpulkan wang seratus dinar. Kemudian dia datang kepada perempuan pelacur cantik itu, seraya berkata: "Kamu telah membuatku terpesona. Tetapi ketika itu aku pergi bekerja untuk mencari wang dan mengumpulkannya. Sekarang aku berjaya mengumpulkan wang seratus dinar. Lalu wanita itu berkata, "Berikanlah kepada bendahari wang itu, agar dia meneliti dan menimbangnya. Setelah menghitungnya, wanita itu berkata, "Masuklah". Ternyata wanita itu memiliki rumah yang sangat indah dan ranjang dari emas. Lalu wanita itu berkata: "Segeralah masuk kemari". Ketika lelaki itu sudah duduk dan telah bersedia untuk melakukan zina, dia jadi teringat kelak dia akan berdiri di hadapan Allah. Hal ini membuat seluruh tubuhnya jadi bergetar dan syahwatnya jadi turun. Lalu dia berkata, "Tinggalkan aku, aku mahu keluar sahaja. Ambil wang seratus dinar itu untukmu". Apa yang berlaku padamu? Dulu engkau melihatku terpesona kepadaku. Lalu engkau bekerja keras untuk mengumpulkan wang seratus dinar. Ketika engkau telah mampu membayarku, ternyata kamu malas, atau tidak mahu melakukan hal itu. Pemuda itu berkata: "Aku tidak mahu melakukan itu kerana takut kepada Allah. Aku ingat, nanti aku akan berdiri di hadapanNya". Lalu wanita pelacur itu berkata: "Jika engkau berkata jujur, bermakna tidak ada yang layak menjadi suamiku selain engkau". Pemuda itu berkata, "Biarkan aku keluar". Wanita itu berkata lagi: "Tidak! Kecuali jika kamu berjanji untuk menikahiku". Tetapi pemuda berkata lagi: "Tidak! Hingga aku keluar". Wanita itu berkata, "Kalau begitu, aku pegang janjimu kepada Allah bahawa kamu akan menikahiku jika aku datang menemuimu". Pemuda itu berkata, 'semoga sahaja'. Pemuda itu memasukkan kembali pakaiannya, terus kembali ke kotanya. Kemudian wanita itu

pergi meninggalkan dunianya dengan perasaan menyesal. Hingga dia tiba di kota pemuda itu. Dia bertanya kepada salah seorang penduduk kota pemuda itu. Kemudian penduduk memberitahukan tempat tinggal pemuda itu. Lalu menunjukkan tempatnya. Kemudian ada seorang yang berkata kepada pemuda itu, "Ada seorang wanita cantik lagi kaya mencarimu". Ketika lelaki itu melihatnya, dia langsung pengsan dan mati. Maka wanita itu menyesal dan bingung, dia berkata, "Dia telah meninggalkan aku". Apakah dia masih mempunyai keluarga?" Ada yang berkata, "Ada adiknya, seorang lelaki miskin". Wanita cantik lagi kaya ini berkata kepada adiknya, "Aku akan menikah denganmu kerana cintaku kepada abangmu". Lalu mereka menikah dan dikurniakan tujuh orang anak".

Abdul Aziz Ahmad, (2009) mengisahkan "seorang lelaki keluar dari rumahnya untuk suatu keperluan. Dia turun ke sumber air di waktu malam. Ketika itu dia melihat seorang wanita cantik menggerai rambutnya. Dia langsung berpaling dari wanita itu, tetapi wanita itu berkata, "Marilah kemari bersamaku. Mengapa kamu malah menghindari dariku?" Lelaki itu menjawab, "Aku takut kepada Allah Tuhan pemilik alam". Wanita langsung memasang jilbab seraya berkata: "Demi Allah! Kamu benar. Maka orang yang paling pantas bersamaku dalam kehebatan ialah orang yang ingin bersamamu dalam maksiat". Lalu dia pergi. Lelaki itu mengikutinya. Ternyata wanita itu masuk ke sebuah kemah milik orang-orang Badui. Ketika subuh, lelaki itu menemui seorang lelaki tua dan menanyakan wanita itu. Lelaki itu menyebutkan ciri-cirinya. Lelaki tua itu berkata, "Demi Allah! Wanita itu adalah puteriku. Lalu lelaki tua itu berkata: "Apakah kamu akan menikahinya?" Lelaki (pemuda) itu menjawab, "Ya", dengan orang yang sepadan. Kamu siapa? Lelaki itu menjawab: "Aku adalah lelaki dari Tayamillah". Lelaki tua itu berkata lagi, "Kawan sepadan yang mulia". Akhirnya pemuda itu masuk menemui wanita itu dan menikahinya. Setelah itu, mereka mempersiapkan puteri mereka untuk menyambutnya kembali dari mengerjakan haji. Setelah dia pulang haji, dia membawa isterinya ke Kufah. Kemudian keduanya dikurniakan beberapa orang putera dan puteri. Pemuda itu berkata kepada isterinya, "Celaka kamu! Mengapa waktu itu engkau langsung pergi meninggalkanku?" Isterinya menjawab: "Suamiku! Tidak ada yang lebih baik bagi wanita selain suaminya. Jangan tergoda dengan wanita yang berkata, "Aku cinta padamu". Ada seorang lelaki yang mencintai seorang wanita. Wanita

itu juga mencintainya. Lalu wanita itu merayunya untuk berzina. Tetapi lelaki itu berkata, "Ketentuan kematianku bukan di tanganku. Ketentuan kematianmu juga bukan di tanganmu. Mungkin sahaja kematian kita sudah dekat. Lalu kita bertemu Allah sebagai dua orang yang bermaksiat". Lalu wanita itu menjawab, "Kamu benar". Lalu mereka berdua bertaubat, hingga keduanya menjadi orang yang baik-baik (taat). Kemudian keduanya menikah (Abdul Aziz Ahmad, 2009 : 402).

Abdul Aziz Ahmad (2009), mengisahkan lagi ada seorang raja pergi berburu. Dalam perjalanan berburu itu, raja terpisah dari kawan-kawannya. Lalu dia melewati sebuah desa, di sana dia melihat seorang wanita cantik. Raja mendekati wanita itu, merayunya untuk melakukan zina. Tetapi wanita itu menolaknya dan berkata, 'Aku sedang tidak bersih'. Tunggulah aku akan membersihkan diriku, nanti aku datang menemuimu. Lalu wanita itu masuk ke dalam rumahnya dan keluar dengan membawa sebuah buku. Wanita itu berkata, 'Bacalah buku ini hingga aku menemuimu'. Sang raja membaca isi buku itu yang tertulis ancaman Allah SWT bagi orang melakukan zina. Setelah membaca isi buku itu, raja pergi meninggalkan wanita cantik itu. Ketika suami wanita itu datang, wanita itu menceritakan kejadian yang telah berlaku terhadap dirinya. Setelah mendengar penjelasan itu, suaminya tidak mahu mendekatinya, kerana takut raja memerlukan isterinya. Lelaki itu juga meninggalkan isterinya. Keluarga wanita itu mohon bantuan raja untuk menyelesaikan masalah suaminya. Keluarga wanita itu berkata, 'kami mempunyai sebidang tanah yang dikuasai, dimiliki oleh lelaki itu. Tetapi lelaki itu tidak mahu mengelolanya dan dia juga tidak mahu mengembalikan kepada kami. Lelaki itu membiarkan tanah tersebut'. Raja bertanya kepada lelaki (suami) wanita cantik itu, 'apa alasanmu?' Lelaki itu menjawab, 'Aku melihat di tanah itu ada seekor singa buas. Aku takut datang ke sana'. Maka raja memahami maksud perkataan lelaki itu. Kemudian raja berkata: "Garaplah tanahmu. Kerana singanya tidak akan masuk ke sana. Tanah terbaik adalah tanahmu".

M. Abdul Qadir Abu Faris, (2005) mengisahkan 'dahulu ada seorang pemuda bangsa Bani Israil ahli ibadah. Suatu hari dia melihat seorang wanita paling cantik, membuatnya terpikat pada pandangan pertama itu. Pemuda itu mengikuti wanita itu dari belakang, seraya berkata, 'perlahan-lahan hai wanita cantik'. Mendengar perkataan itu, wanita cantik ini berhenti dan ternyata wanita itu mengenali pemuda

itu. Wanita itu berkata, ‘kamu mahu apa?’ Pemuda itu menjawab, ‘Apakah kamu sudah bersuami?’ Wanita itu menjawab, ‘Ya’. Jadi, apa yang kamu inginkan? Pemuda itu berkata, ‘Jika kamu belum menikah, aku ada keinginan’. Wanita itu bertanya, ‘keinginan apa itu?’ Pemuda itu berkata, ‘Aku ingin mengungkapkan perasaan hatiku kepadamu’. Wanita itu berkata lagi: ‘Mengapa kamu tidak melakukannya?’ Pemuda itu berkata: ‘Kamu mahu ikut bersamaku melakukan hal itu?’ Wanita itu menjawab: ‘Ya’. Lalu mereka berdua-duaan di suatu tempat. Ketika wanita itu melihatnya benar-benar akan melakukan apa yang di minta, dia berkata, ‘Perlahan-lahanlah hai orang hina’. Jangan menjatuhkan kedudukanmu di sisi Allah. Mendengar perkataan wanita cantik itu, pemuda itu jadi sedar dengan dirinya. Kemudian dia berkata: “Semoga Allah SWT tidak mengharamkan pahala atas perbuatanmu”. Kemudian pemuda itu lari menjauhkan dirinya, dia berkata kepada dirinya: “Pilihlah salah satu; membutakan mata, atau dicambuk, atau pergi ke gurun tandus mengasingkan diri”. Lalu pemuda itu memilih mengasingkan diri hanya untuk mengerjakan ibadah sehingga wafat.

Begitulah indahnya cinta dalam diri setiap insan. Kualiti cinta manusia menjadi mutiara yang sangat mahal, meskipun kadangkala betul-betulmenuntut kemurnian jiwa, apabila hariba cinta datang menggoda. Terutama wanita-wanita cantik yang merangsang hasrat berahi untuk melakukan hubungan senggama. Ya, memang lazat zahir rasanya. menggairahkan dan nikmat apabila dua kelamin telah bersentuhan. Apalagi dibumbui dengan pelukan hangat, cumbuan, ciuman dan pelbagai bentuk pergerakan seksual itu. Semua nilai-nilai zahirnya terlalu memikat syahwat insan-insan yang sedang mabuk cinta. Tetapi nilai-nilai hakiki dari zahir itu sebenarnya sangat hina. Nilai-nilai kelazatan fizikalnya juga rendah, bahkan kerap kali menjatuhkan imej para pencinta. Nilai-nilai komersialnya juga murah, kerana terlalu singkat tempoh masanya. Oleh itu, insan-insan yang hatinya bening, fikirannya jernih, matahatinya terang, mereka melampiaskan cinta zahir itu dengan cara yang mulia.Mereka memang mencintai, tetapi dengan cara cinta yang murni dan menyalurkan dorongan berahi hanya dengan menikahi gadis yang dicintai. Nilai cinta bertambah mulia jika praktek cinta itu sentiasa merujuk nilai-nilai adab dalam agama. Mencintai isteri, anak-anak, saudara-mara, insan-insan yang mukmin dan soleh adalah sebahagian dari amal ibadah. Di dalamnya termaktub mahligai cinta, tetapi amat mulia. Nilai cinta bertambah mulia apabila dihiasi dengan

keimanan, ketakwaan kepada Allah serta mengikuti teladan Rasulullah. Mahligai cinta yang berasal dari langit turun ke dunia bagi memperindah kehidupan manusia. Kemudian naik kembali ke langit. Oleh itu, cinta memang betul-betul anugerah yang Maha Mulia, datangnya dari tempat yang amat tinggi serta Maha Tinggi, iaitu ALLAH. Maka hakikat cinta yang paling tinggi, harus mengikuti tuntunan Allah dan Rasulullah. *Wallahu Alam*!

BAB 2
AKU JATUH CINTA

JATUH CINTA

Jatuh cinta merupakan fenomena emosi yang indah, senang, suka dan bahagia yang telah menguasai diri seseorang. Perasaan indah, gembira dan bahagia itu disebabkan cintanya diterima oleh kekasih hati. Perasaan indah bertambah-tambah setelah kekasih hati membalas perasaan cinta yang sama. Dari proses ini bermulalah putik cinta dan emosi cinta menguasai seluruh jiwa. Setiap hari perasaan indah membayangi hati. Dari sini, kekasih mula mengingati semua kata-kata; gaya bahasa dan kelembutan bahasa yang digunakan sejak awal perjumpaan. Bermulalah proses membayangi keindahan tubuh badan kekasih, kecantikan wajah, kemulusan kulit dan senyum manisnya. Aduhai kekasih: '*engakaulah gadis pujaanku, engkau cantik dan sangat ayu. I love you'*.

Sekiranya lelaki itu seorang Muslim akan berkata: 'Ya Athirah! Aduhai cantik sekali wajahmu; putih bersih kulitmu, bibirmu bagaikan pauh di layang, matamu bagaikan intan permata; pandangan matamu indah nan manja;gigimu putih bersih menggoda; rambutnya tertutup hijab bercahaya; dan suaramu lembut mempersona. Ya Athirah! Adabmu juga santun, pakaianmu indah menutup aurat, ibadahmu taat dan bacaan al-Quranmu lancar tidak pelat. Semua itu membuat aku terpikat. *Ya Athirah! Ana uhubbu ilaik'*.

Semua ekspresi bahasa dan kata-kata indah di atas menggambarkan seseorang telah jatuh cinta. Jatuh cinta kepada *si dia*.

Apabila seseorang telah jatuh cinta; baik dia seorang remaja lelaki, remaja wanita, duda,janda; bahkan mungkin orang tua, maka

emosi cinta selalu menguasai jiwanya. Jatuh cinta boleh terjadi pada setiap orang. Seseorang yang telah jatuh cinta, bentuk wajahnya berseri-seri kerana fikiran gembira. Terlebih lagi jika cintanya telah diterima dan dibalas dengan perkataan '*I love you too'*. Maka hatinya sentiasa berbunga-bunga. Setiap ada masa dan peluang, pasti jari-jari tangannya akan menekan nombor telepon *si dia*. Disebabkan tekanan perasaan indah, gembira dan bahagia; hasrat hati ingin selalu berbual-bual cinta dengan *si dia*. Semakin lama bercinta semakin indah kehidupan.

Di dalam cinta itu ada kerinduan. Bahkan rindu dalam cinta akan menyimpan pelbagai energi rindu. Perasaan rindu kepada kekasih pujaan hati sentiasa menggebu-gebu. Oleh sebab itu, ketika seorang wanita telah benar-benar jatuh cinta kepada seorang lelaki; maka dia akan berusaha untuk bertemu. Bertemu dengan lelaki itu. Kerana perasaan rindu boleh diubati dengan bertemu. Bagi orang yang telah jatuh cinta dan cinta telah sama-sama berlabuh di dalam jiwa keduanya; maka ubat terbaik adalah banyak bertemu; bertemu dengan kekasih hati untuk berkongsi perasaaan rindu dan cinta. Bertemu untuk bertatapan muka, berbahagi rasa dan bermadah cinta.

Dalam konteks psikologi, istilah cinta itu menyimpan sejuta rahsia cinta. Di dalam cinta itu ada *isyiq, asyiq* yang ertinya merana, sukacita, bangga, terlena, terpesona dan perasaan rindu selalu. Ketika berjauhan, kadangkala terasa merana kerana ingin untuk selalu bersama; berjalan bersama, duduk bersama, duduk di tepi pantai sambil menyaksikan ombak yang menghempas pantai. Indah *nian* bertambah rasanya. Ketika berjalan bersama di tepi pantai, sambil merasakan hembusan *sepoi-sepoi bahasa* angin pantai; *aduhai* terasa indah hidup ini. Seakan-akan dunia ini hanya milik kita berdua; ketika *asyiq* berjalan bersama, tiba-tiba kaki kekasih terpeleset jatuh, '*aduh, kakiku sakit'*, mendengar jeritan manja itu, kekasih spontan menolong mengangkat kakinya. Dalam masa singkat rasa sakit kaki terubati kerana diangkat oleh sentuhan cinta kekasih. Tetapi jika kekasih tiba-tiba terjatuh di batu besar sehingga kakinya patah dan kecederaan fizikal, maka hati kekasih kembali merana. Maka berusahalah kekasih untuk mengubatinya agar kaki kekasih yang patah itu segera sembuh.

Jatuh cinta penuh dengan bunga cinta. Oleh sebab itu, setiap lelaki yang sedang jatuh cinta dengan wanita pujaan hatinya; maka lelaki itu menjadi suka, terlena dan terpesona dengan wanita itu. Di bibir lelaki itu, sering keluar kata-kata '*aku suka, aku terpesona dan aku cinta*

kepadamu ya Athirah'. Aku tidak sanggup berpisah dan berjauhan denganmu *ya Athirah*. Aku selalu rindu denganmu *ya Athirah*. Hasrat ini, rasanya ingin selalu menatap wajahmu; aku ingin selalu berada di sampingmu; aku ingin mendengar semua kata-katamu; aku ingin berkongsi rasa cinta denganmu *ya Athirah*.

Jatuh cinta itu sangat *asyiq*. Apabila cinta telah berlabuh di hati kedua-dua insan yang sedang bercinta; maka dunia ini terasa amat indah. Dunia ini hanya milik kita berdua. Jatuh cinta itu *asyiq* dan *mengasyiqkan*. Setiap kali kaki melangkah terasa indah; berjalan mendaki gunung terasa indah dan berjalan di pantai terasa indah. Bahkan berjalan di atas kubur juga indah.

Oleh itu, setiap individu yang sedang jatuh cinta, jiwanya sentiasa terlena, terpesona dan terbuai dengan rasa rindu, ingin bertemu, ingin berdekatan dan tergila-gila dengan *si dia.* Menurut Abang Ishar (2023), mengatakan bahawa jatuh cinta merupakan sebahagian dari fenomena emosi dan otak yang sedang fokus menerima banyak impuls cemas, bimbang dan rindu. Manusia yang sedang jatuh cinta memiliki tingkah laku yang terlalu emosi, cemas, bimbang dan memiliki perasaan rindu yang bergelora. Cemas dengan diri sendiri dan kekasih. Cemas timbul disebabkan perasaan emosi telah menguasai sel-sel korteks serebral. Akibatnya tekanan emosi menjadi tinggi. Apabila kekasih tidak menjawab telefon, timbul fikiran negatif: '*jangan-jangan sang kekasih telah mencinta orang lain*'. Dia akan marah dan merajuk dengan kekasih, sehingga dia tidak mahu bercakap banyak, air mukanya masam, tingkah lakunya *nyeleneh*, tetapi hatinya suka dan rindu. Bimbang dengan diri sendiri dan kekasih, jika dia melihat dari jauh kebetulan ada seseorang bercakap dengan kekasihnya, maka dia jadi cemburu dan menyangka yang bukan-bukan kepada kekasihnya, meskipun seseorang yang bercakap dengan kekasih itu adalah keluarga dekat, atau sekadar percakapan biasa'.

Akibat dari tekanan emosi yang menguasai sel-sel korteks serebral secara dominan, maka hati sentiasa menaruh perasaan rindu dengan kekasih. Oleh itu, jangan hairan seseorang yang sedang jatuh cinta selalu mengambil berat tentang kekasihnya. Seseorang akan mengadakan pelbagai aktiviti dan mengambil kesempatan untuk bertemu dan berbual-bual dengan kekasih. Disebabkan tekanan emosi rindu menguasai sel-sel korteks serebral, maka kedua insan yang sedang bercinta selalu bertenaga dan bersemangat bercakap lama-lama, berjalan

bersama-sama, duduk di pantai, di air terjun, aktiviti belajar, aktiviti kampus dan sebagainya. Yang penting duduk, berbincang dan berborak-borak dengan kekasih. Dalam situasi bercinta ('*isyq*), seseorang akan membiarkan perasaannya, jiwa dan fikirannya sentiasa membayangkan tingkah laku kekasihnya. Secara psikologi, fikiran, persepsi dan emosi sentiasa berkata perhatian yang penuh dengan kekasih. Tekanan itulah yang menyebabkan seseorang mudah melamun, merana, bingung, bimbang, resah dan gelisah. Demikian juga sebaliknya, seseorang yang sedang bercinta akan selalu gembira, ceria, tersenyum, hati berbunga-bunga, sentiasa menghantar dan menerima mesej cinta: ***I love you***, ***You love me***, atau '***I miss you, you miss me***, atau '***helo my darling, what do you do***', dan sebagainya. Semua ini fenomena cinta. Hati selalu ingin bertemu dan berdekatan dengan *si dia.*

EKSPRESI CINTA LELAKI

Setelah mencapai fasa awal remaja, anak lelaki bermula dengan mimpi basah, struktur organ tubuh telah berkembang pesat dan terjadi perubahan pada suaranya. Menurut fiqh, fasa ini dikenali sebagai usia *baligh*. Dari segi fizikal, remaja lelaki memiliki bentuk tubuh yang kekar, kuat, berotot, kasar, memiliki saiz penis yang besar, sensitif dan sangat mudah tegang. Zakar yang mudah tegang ini menggambarkan kematangan seksual seorang remaja lelaki. Dengan perkataan lain, remaja ini dianggap telah mengawali zaman remaja dan seterusnya menjadi orang dewasa. Ketika mencapai usia remaja, lelaki telah mempunyai kecenderungan yang tinggi kepada wanita, telah pandai mengenali wanita dan jatuh cinta kepada wanita.

Apabila anak lelaki telah mencapai usia 16-18 tahun, bermakna dia telah mencapai kematangan seksual dan telah bersedia mengeluarkan sel-sel sperma. Remaja lelaki berusia 18-20 tahun, bukan sekadar telah memiliki kematangan seksual, tetapi mereka telah mencapai kematangan emosi. Oleh itu, kebanyakan remaja Muslim telah mula memikirkan tanggungjawab sosio-ekonomi dan spiritual. Setelah mencapai usia 20 tahun, sudah mula memikirkan tentang pekerjaan dan tanggungjawab. Faktor kematangan ini yang mendorong kaum lelaki mencari pekerjaan dan belajar bersungguh-sungguh demi untuk menggapai cita-cita (Yudrik Jahja, 2013). Dalam konteks cinta, remaja lelaki berusia 18-20 memiliki dorongan seks yang kuat, kemudian diiringi dengan tanggungjawab dan timbul hasrat untuk mencari pasangan hidup bagi menyalurkan

dorongan syahwat yang halal (Aliah B. Purwakania Hasan, 2008). Dari segi fisiologi, remaja lelaki mempunyai fizikal yanglebih kuat, bertenaga, berotot dan organ seks bertambah matang. Menurut Islam, ketika usia ini remaja telah memasuki alam awal kepemudaannya. Mereka disebut pemuda kerana telah bijak mengurus keperibadian sendiri, seperti selalu berpakaian kemas, rapi dan kelihatan lebih bijak mengurus tanggungjawab. Mereka juga disebut pemuda kerana telah memiliki kematangan fizikal, pikiran dan emosi. Mereka dinilai lebih bersedia memikul tanggung jawab, berani menghadapi cabaran dan memiliki cita-cita.

Dalam hal cinta, perasaan cintanya selalu bergelora. Lelaki aktif berusaha memburu cinta, mencari kekasih dan sangat suka menggoda wanita. Bagi pemuda Islam yang soleh, dia akan berusaha mencari calon kekasih yang cantik dan solehah. Ini kerana jika kekasih seorang yang wanita cantik dan solehah, diyakini boleh mengekalkan hubungan cinta yang berterusan sehingga ke hari tua. Pemuda yang soleh selalu berusaha mencari isteri yang solehah. Kerana jika wanita yang solehah itu menjadi isteri, diyakini boleh menjadi sumber kejayaan dan kebahagiaan dalam perhubungan cinta. Cinta wanita yang solehah menjadi perhiasan dunia yang terbaik bagi mengekal kebahagiaan cinta. Wanita yang solehah benar-benar menjadi harta yang lebih baik dari dunia dengan segala isinya. Sebagaimana diriwayatkan dari Abdullah bin Amru, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Dunia adalah tempat kesenangan, dan sebaik-baik kesenangan dunia adalah isteri yang solehah.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, al-Mar'atus al-Salihah; hadis 801, daripada Abdullah bin Amru).

Seorang pemuda memang digalakkan mencari perempuan cantik dari segi wajahnya, tetapi aspek kecantikan tidak boleh menjadi ukuran kemuliaan hubungan cinta. Kerana kecantikan wajah wanita bila-bila masa boleh hilang dan sirna sekelip mata, tetapi apabila kecantikan wajah dihiasi dengan kecantikan akhlak akan menjadikan wanita yang lebih bermartabat. Oleh itu, Islam tidak meletakkan kecantikan wajah semata menjadi ukuran kebaikan melainkan sifat yang solehah. Lantaran itu, pemuda memang disuruh berkahwin dengan wanita yang

memiliki empat kriteria seperti berikut:

تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ

Nikahilah perempuan itu kerana empat perkara: (1) kerana hartanya, (2) nasabnya, (3) kecantikannya, dan (4) kerana agamanya. Maka utamakanlah menikahi perempuan yang mempunyai dasar agama, maka kamu akan mendapatkan keuntungan.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, Tunkihul al-Mar'ah; hadis 802, daripada Abu Hurairah).

Menurut hadis sahih, Rasulullah SAW sangat memahami psikologi manusia, lantaran itu baginda SAW meletakkan kecantikan sebagai salah satu syarat penting bagi setiap pemuda yang hendak memilih kekasih hatinya dan memilih cinta. Disedari kecantikan fizikal merupakan salah satu tarikan bagi setiap pemuda untuk mendapatkan kekasih yang dicintainya. Walau bagaimanapun, kecantikan wajah semata ternyata tidak menjadi jaminan untuk boleh hidup bahagia dan menjaga keabadian cinta. Memilih cantik boleh dan tidak salah; akan tetapi kecantikan bukan satu-satunya medium cinta. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW menyatakan bahawa pegangan agama yang kuat boleh mengatasi aspek kecantikan fizikal. Disebabkan wanita yang taat mengerjakan perintah agama merupakan ukuran terbaik untuk memilih pasangan cinta dan hidup bahagia bersama kekasih. Bahkan lelaki yang memilih isteri dan bercinta kerana atas dasar agama, nilai cinta itu menjadi sangat mulia. Dari sinilah sumber kebahagiaan yang hakiki. Oleh sebab itu, lelaki yang memilih wanita, mencintai wanita dan menikahinya kerana agama akan membawa keuntungan dalam perhubungan cinta. Dalam hadis sahih dijelaskan lelaki yang memilih wanita dan menikahinya kerana faktor agama akan mendapatkan '*tarabat yadaka'* yang bermakna memperoleh keuntungan. Maksud keuntungan ini adalah kebahagiaan cinta yang abadi.

Dapatan kajian-kajian psikologi terhadap remaja-remaja yang memiliki kesedaran agama lebih berjaya mengawal diri mereka terjebak dalam pelbagai gejala sosial dan maksiat. Remaja-remaja yang faham agama lebih bijak mengawal dorongan syahwat mereka dibandingkan

dengan remaja-remaja yang tidak faham agama. Sebagaimana hasil kajian yang dijalankan oleh Saefullah (2012) terhadap remaja-remaja yang melaksanakan aktiviti cinta secara islami.

Terdapat kajian di Bandung terhadap 50 remaja berusia 15-20 tahun berkaitan peranan agama membimbing cinta. Peranan agama mengenai cinta adalah melarang hubungan cinta berhubungan bebas dengan pasangan masing-masing. Agama melarang aktiviti cinta berpegang-pegangan, berpelukan dan bercium sebelum sah perkawinan. Kajian dijalankan selama enam bulan, bertujuan untuk melihat sejauhmana kesan percintaan terhadap perkembangan tingkah laku yang baik dan prestasi pembelajaran. Dapatan kajian mendapati bahawa 32 orang remaja ternyata berjaya mengubah tingkah laku buruk seperti berhenti merokok, yang tidak mengerjakan solat bertukar menjadi rajin mendirikan solat lima waktu, setiap hari bangun pagi terlambat menjadi disiplin bangun jam 5.00 pagi, tidak boleh membaca al-Quran menjadi boleh membaca al-Quran, perasaan rendah diri bertukar menjadi timbul keyakinan diri dan sentiasa terdorong untuk bekerja dan belajar bagi mencapai kejayaan. Sedangkan 18 orang remaja yang tidak menunjukkan sebarang perubahan dalam kejayaan dan kebaikan. Hasil kajian menyimpulkan bahawa aktiviti cinta yang berdasarkan ajaran agama ternyata berjaya:

1. mengubah sikap yang buruk menjadi lebih baik,
2. mengubah keyakinan diri – dari perasaan rendah diri kepada keyakinan diri
3. merangsang semangat belajar bersungguh-sungguh untukmencapai kejayaan.

Dapatan kajian juga menyimpulkan bahawa aktiviti cinta yang didasarkan kepada ajaran agama ternyata boleh memberi kesan kebaikan kepada perubahan tingkah laku dan pendidikan emosi. Cinta yang terbina ikhlas berdasarkan agama tidak hanya membimbing emosi cinta ke arah perubahan tingkah laku buruk kepada baik, tetapi dalam masa yang sama juga mendorong antara kedua-dua insan yang sedang bercinta untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran dan kejayaan dalam pekerjaan (Saefullah, 2012). Ini ertinya perasaan cinta tidak sekadar luahan emosi suka, gelisah, rindu dan gembira, tetapi cinta yang sejati merupakansumber energi yang membangun kecemerlangan insan yang bercinta.

Selain itu, pengaruh cinta dapat meningkatkan keyakinan diri; dari perasaan rendah diri kepada keyakinan diri yang tinggi. Disebabkan kedua-dua insan yang sedang bercinta sama-sama berusaha menjaga cinta dengan mengikuti ajaran agama. Keduanya saling menasihati dan saling mendorong kepada kejayaan. Tujuannya hanya untuk menjaga kemurnian cinta. Dengan itu, perasaan cinta sentiasa mengeluarkan harum bunga mekar dan menambah keindahan cinta. Cinta seperti ini menjadi teladan sejarah sehingga menghantar kedua-dua hidup bahagia di dunia dan akhirat.

Menurut falsafah Barat, hubungan cinta selalu dikonotasikan sebagai hubungan intim dan meraih kepuasan fizikal semata. Hubungan cinta di Barat membolehkan lelaki dan perempuan melakukan hubungan seks bebas tanpa perlu nikah. Lantaran itu, lelaki dan perempuan di Barat boleh dengan cepat dan mudah bertukar-tukar pasangan hanya semata-mata untuk mencari kepuasan hubungan seks tanpa perkawinan yang sah. Sedangkan hubungan cinta dalam Islam diarahkan untuk memelihara kesucian cinta. Dien Islam melarang hubungan bebas antara remaja lelaki dan perempuan tanpa pernikahan. Bahkan setiap celah yang boleh mendekati zina mesti dihindari.Sebagaimana Allah berfirman:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلزِّنَىٰٓ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةً وَسَآءَ سَبِيلًا ٢٣

Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk.

(al-Isra' 17 : 32).

Menurut *dien Islam*, antara perbuatan yang boleh mendekati zina adalah berjalan berdua-duan, bercium dan berpelukan. Tujuan larangan dalam Islam adalah untuk menjaga kedua insan yang sedang bercinta agar tidak terjebak dengan perzinahan. Sesungguhnya kesucian cinta perlu dijaga dengan sebaik-baiknya. Perasaan cinta itu kurnia Allah yang mulia kepada semua manusia. Oleh itu, aktiviti cinta mesti dijaga dan diperlihara dengan cara yang mulia.

Dalam konteks psikoanalisis, lelaki terlalu cepat melafazkan kata-kata cinta. Untuk mendapatkan cinta, lelaki pantang putus asa. Oleh itu, lelaki selalu berusaha menggoda dan terus menggoda. Dalam bab cinta, lelaki amat kreatif, pandai memuji dan mencari celah untuk menggoda.

Lelaki bijak bergaul dengan wanita, pandai merayu dan memujuk. Demi untuk mendapatkan cinta, lelaki sanggup melakukan apa sahaja untuk menarik perhatian kaum wanita. Sering lelaki melamar wanita demi untuk mendapatkan cinta; lamarannya dan cintanya ditolak mentah-mentah. Sungguh lamaran dan cintanya ditolak dengan kasar, tetapi banyak lelaki yang berhati sabar. Banyak lelaki sanggup menerima cemuhan dan penghinaan wanita itu. Walau bagaimanapun, lelaki terus menggoda dan menggoda dengan pelbagai cara. Berkat sabar, wanita yang membenci dan mencemuhnya itu akhirnya jatuh cinta kepadanya. Ketika ini, hati lelaki itu berbunga-bunga. Kebanyakan lelaki merasa bangga dan bahagia dapat memiliki cintanya wanita itu. Bahkan kebanyakan lelaki merasa dirinya hebat kerana dapat menaklukan wanita cantik yang pernah membenci dan menyakiti hatinya itu. Kini wanita cantik yang pernah mencemuh dan menolak cintanya itu telah dilamun cinta. Cinta wanita itu telah berlabuh di dalam jiwa lelaki itu.

Apabila cinta telah diterima, maka lelaki lebih banyak santai. Apabila cinta telah diterima, lelaki tidak terlalu risau, kalem dan bersahaja. Sebaliknya, perempuan yang banyak menahan perasaan rindu, cemburu dan menangis. Ada satu kajian psikologi terhadap 100 orang remaja lelaki dan 100 orang remaja perempuan. Kajian dijalankan terhadap pelajar-pelajar tingkatan lima di Kota Pontianak ini bertujuan untuk melihat plebagai aktiviti cinta remaja dan peranan agama dalam mengawal aktiviti percintaan yang haram.Kajian yang dijalankan secara kuantitatif ini hanya menanyakan tiga soalan mengenai cinta, iaitu:

1. Bagaimanakah cara mendapatkan cinta kekasih?
2. Bagaimana perasaan setelah cinta diterima kekasih?
3. Apakah ada cinta sejati?

Untuk soalan pertama, didapati 40 orang atau 40% remaja lelaki menjawab dengan menggoda dan mengirim surat. Sementara, 50 orang atau 50% remaja lelaki menjawab '***pura-pura datang ke rumah perempuan meminjam buku dan bertanya tentang maklumat pelajaran'***. Sedangkan 10 orang atau 10% menjawab selalu ***'menghantar salam kepada perempuan yang disukai'***. Terhadap soalan nombor 2, didapati 70 orang atau 70% remaja lelaki, menjawab '***apabila cintanya telah diterima kekasih***' dia menjadi '***lebih santai dan biasa-biasa'*** sahaja. Hanya 30 orang atau 30% mengatakan ***'apabila cinta telah diterima, maka dia merasa bangga dan perlu menjaga***

kepercayaan'. Untuk soalan nombor 3, didapati 80 orang atau 80% remaja lelaki mengatakan '***tiada cinta sejati, yang ada hanyalah cinta berahi'***. Sedangkan 20 orang atau 20% remaja lelaki mengatakan '***ada cinta sejati'***. Cinta sejati adalah mentaati ajaran agama.

Tanggapan remaja perempuan terhadap tiga pertanyaan ini juga menarik perhatian. Terhadap pertanyaan pertama, 65 orang atau 65% remaja perempuan menjawab '***bersikap menerima sesuai penilaian'.*** Sementara 35 orang atau 35% mengatakan '***apabila remaja lelaki berulang-ulangkali menggoda' timbul kasihan, lalu menerima cintanya'***. Untuk soalan nombor 2, didapati 71 orang atau 71% remaja perempuan menjawab '***apabila cinta telah berlabuh dalam hati, maka dia selalu khuatir akan ditinggalkan'***. Manakala 29 orang atau 29% wanita menyatakan '***kadangkala timbul perasaan takut dirinya dilepaskan***' sebagai kekasih. Lalu dia selalu menjaga perasaan kekasih hatinya. Untuk soalan nombor 3, didapati 90 orang atau 90% remaja perempuan mengatakan '***sentiasa ada cinta sejati'***. Cinta sejati berlandaskan ajaran agama. Sedangkan, 10 orang atau 10% remaja menjawab '*mereka bergantung kepada nasib*'. (Abang Ishar Abang Yaman, 2015).

Hasil kajian dijalankan Kota Pontianak, Kalimantan Barat Indonesia. Maklumat ini dapat membantu seseorang untuk memahami tingkah laku, emosi, perasaan, persepsi dan pemikiran seseorang remaja mengenai cinta. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa remaja lelaki ternyata lebih agresif, fleksibel dan berani menggoda perempuan-perempuan cantik. Manakala remaja perempuan kebanyakan bersifat pasif dan menerima pelawaan dan godaan remaja lelaki. Demikian juga remaja lelaki didapati lebih kreatif, agresif dan teknikal untuk menggoda perempuan. Sementara remaja perempuan terlalu bergantung pilihan, menerima dan memiliki emosi yang tinggi terhadap amalan cinta. Sikap remaja lelaki yang pantang berputus asa dalam menggoda wanita, berpura-pura datang ke rumah perempuan meminjam buku dan bertanya maklumat pelajaran, menghantar salam kepada wanita dan berulang-ulangkali menggoda wanita adalah menggambarkan karakter sebenar kaum lelaki. Allah SWT telah menciptakan karakter, sikap dan jiwa lelaki untuk persiapan menjadi seorang pemimpin, sama ada pemimpin dalam konteks makro ataupun mikro. Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah, bahawa lelaki pemimpin kaum wanita. Sebagaimana Allah berfirman:

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بَعۡضَهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖ ٤٣

Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita)…"

(Surah al-Nisa' 4 : 34).

Kaum lelaki memang suka menggoda dengan pelbagai cara, suka memberi dan menerima cinta, tetapi kurang minat dengan wanita ego. Lelaki memiliki otot-otot yang kuat, bentuk tubuh yang gempal, memiliki sikap yang keras, tegas, suka menyerang, berani, tidak tahu malu, bermuka tebal, mengejar dan terus mengejar. Semua ini sebenarnya untuk persiapan kaum lelaki menjadi seorang pemimpin, terutama pemimpin rumahtangga, masyarakat dan negara. Kerana untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa, harus memiliki jiwa yang kuat, pemikiran yang tajam, berani, bertenaga, cepat mengambil keputusan dan memiliki karakter yang keras.

Walau bagaimanapun, kaum lelaki banyak memiliki kelebihan-kelebihan daripada perempuan. Ini bertujuan untuk memperkuat daya tahan lelaki bagi menghadapi sebarang cubaan yang bersifat fizikal, emosional dan intelektual. Kerana karakter pemimpin yang hebat dan berwibawa harus memiliki karakter yang kuat. Selain itu, lelaki memiliki tanggungjawab yang besar dibandingkan dengan perempuan. Oleh itu, Allah SWT mengaja menciptakan karakter dan sikap itu. Berkenaan pandangan dan sikap lelaki terhadap cinta sejati, didapati hanya 20% yang mengatakan wujudnya cinta sejati. Sementara 80% lelaki memandang cinta sebagai habuan berahi. Ini mencerminkan ego, sifat keras, hasrat lelaki sentiasa ingin kahwin lebih dari satu. Meskipun dapatan kajian ini tidak mewakili keseluruhan lelaki, tetapi sekurang-kurangnya memberi maklumat penting berkenaan karakter lelaki mengenai cinta. Lelaki pada tahap awalnya memang tergila-gila, tergoda, terpesona dan bermuka tebal untuk mendapatkan cinta wanita. Tetapi apabila cintanya telah diterima dia menjadi santai dan berpura-pura cinta. Sedangkan perempuan berpura-pura tidak cinta, tetapi sebenarnya dia cinta dan rindu kepada lelaki. Oleh itu, kaum wanita, lebih banyak menerima, memendam perasaan, jual mahal, berpura-pura tidak mahu dan terlalu ego terhadap cinta. Tetapi apabila cinta telah berlabuh di hati dan jiwanya, maka dia lebih setia, sangat mencintai dan semakin rindu dengan kekasihnya. Selain itu, kebanyakan perempuan

lebih setia dengan janji. Oleh itu, wanita tidak mahu berbagi kasih dan cinta. Melainkan perempuan yang memahami agama, solehah dan redha. Walaupun demikian, didapati banyak perempuan yang memiliki akademik, berilmu dan solehah tidak dapat menerima hakikat bahawa suami boleh kahwin lebih dari seorang wanita. Inilah yang namanya '***ego cinta'*** seorang wanita.

Prof. Dr. Hamka (1994), dalam kitab Tafsir Al-Azharnya secara eksplisit menjelaskan tentang cinta dan cemburunya AISYAH kepada Khadijah binti Khuwailid dan Shafiyah. Aisyah berkata: "Aku tidak pernah cemburu kepada seorang wanita seperti cemburuku kepada Khadijah. Kerana Nabi SAW selalu menyebut namanya. Suatu hari beliau mengingatnya, lalu aku berkata, "Apa yang dirimu dapat lakukan dengan wanita keriput lapuk itu? Padahal Allah SWT telah memberi ganti untukmu dengan yang lebih baik darinya?" Beliau menjawab: "Demi Allah! Allah tidak menggantinya untukku?"

Perhatikan cemburu yang luar biasa Aisyah kepada wanita yang telah lama wafat. Hal ini kerana cintanya yang luar biasa kepada Rasulullah SAW. Dia cemburu kepadanya, kerana baginda SAW mengingat dan menyebut wanita lain. Demikian juga cemburu Aisyah kepada Shafiyah. Ketika Rasulullah SAW tiba di Madinah, beliau mengambilnya sebagai isteri dan menikahinya. Aisyah berkata "Aku mengingkarinya. Aku keluar dan melihatnya. Ternyata baginda SAW mengetahui kehadiranku untuk mendekatinya. Tetapi berbalik pulang. Kemudian beliau mempercepat langkah menyusulku. Kemudian beliau memelukku seraya berkata: "Bagaimana pendapatmu tentang dia?" Aku menjawab: '***Yahudiyah binti Yahudiyat'*** (Hamka, 1994). Demikianlah kaum wanita, memang ditakdirkan oleh Allah SWT sebagai insan yang cemburu. Kerana cemburu merupakan emosi cinta dan kasih sayang seorang wanita kepada kekasihnya.

Sifat lelaki kadangkala keras, tegas, kuat dan hipokrit. Oleh sebab itu, lelaki suka memainkan cinta. Walaupun banyak lelaki yang suka menjual cinta, tidak tahu malu, muka tebal, buaya dan mata keranjang. Tetapi banyak juga lelaki yang soleh. Lelaki banyak yang istiqamah, bertakwa dan banyak lelaki yang sanggup mengorban jiwa raganya demi kemuliaan cinta. Banyak kisah dalam al-Quran dan hadis yang mengisahkan fakta-fakta sejarah lelaki yang hebat-hebat demi mempertahankan keimanannya. Di antara pemuda tersebut seperti Yusuf dan pemuda Ashabul Kahfi. Ketika Yusuf diajak oleh isteri

raja Aziz (Raja Mesir) untuk melakukan zina, dia menolaknya. Demi mempertahankan keimanan, Yusuf lebih salesa memilih masuk penjara daripada memenuhi dorongan nafsu perempuan yang mengajaknya untuk berzina. Lihat kata-kata Yusuf:

قَالَ رَبِّ ٱلسِّجۡنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدۡعُونَنِيٓ إِلَيۡهِۖ وَإِلَّا تَصۡرِفۡ عَنِّي كَيۡدَهُنَّ أَصۡبُ إِلَيۡهِنَّ وَأَكُن مِّنَ ٱلۡجَٰهِلِينَ ٣٣

Yusuf berkata: 'Wahai Tuhanku, penjara lebih aku sukai daripada memenuhi ajakan mereka kepadaku. Dan jika tidak Engkau hindarkan dari padaku tipu daya mereka, tentu aku akan cenderung untuk (memenuhi keinginan mereka) dan tentulah aku termasuk orang-orang yang bodoh'.

(Surah Yusuf 12: 33).

Allah SWT juga memuji pemuda *Ashabul Kahfi*.Mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman dan ahli ibadah. Ketika raja menyuruh rakyatnya menyembah berhala dan membunuh setiap orang yang membangkangnya. Demi mempertahankan keimanan, pemuda-pemuda ini sanggup meninggalkan kampung halaman mereka. Mereka lalu bersembunyi di dalam gua, di dalam gua itulah mereka mengerjakan ibadah. Akhirnya Allah SWT menidurkan mereka selama 309 tahun lamanya. Mereka memang pemuda-pemudah yang beriman, sebagaimana Allah berfirman:

وَلَبِثُواْ فِي كَهۡفِهِمۡ ثَلَٰثَ مِاْئَةٖ سِنِينَ وَٱزۡدَادُواْ تِسۡعٗا ٥٢

Dan mereka tinggal dalam gua mereka tiga ratus tahun dan ditambah sembilan tahun (lagi).

(Surah al-Kahfi 18 : 25).

Allah berfirman lagi:

إِنَّهُمۡ فِتۡيَةٌ ءَامَنُواْ بِرَبِّهِمۡ وَزِدۡنَٰهُمۡ هُدٗى

'...Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka'.

(Surah al-Kahfi 18 : 13-14).

Disebabkan pelbagai kelebihan lelaki, maka Rasulullah SAW juga banyak memuji lelaki dan para pemuda yang beriman. Diriwayatkan dari Abu Hurairah ra, dari Nabi SAW bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ وَشَابٌّ نَشَأَ بِعِبَادَةِ اللَّهِ وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شِمَالُهُ وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

Ada tujuh golongan manusia yang dinaungi Allah pada hari yang tidak ada naungan lagi selain naunganNya: (1) pemimpin yang adil, (2) pemuda yang selalu beribadah kepada Allah, (3) orang yang hatinya selalu dekat dengan masjid, (4) dua orang yang saling mencintai kerana Allah berjumpa, berjumpa berpisah keranaNya, (5) seorang lelaki yang digoda oleh wanita cantik dan keturunan bangsawan untuk berzina lalu dia berkata, 'Aku takut kepada Allah, " (6) seorang yang bersedekah secara sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan tangan kanannya, (7) dan orang yang selalu berzikir kepada Allah sampai bercucuran air matanya.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Zakah, al-Zakah fi al-Sirr; hadis 540, daripada Abu Hurairah).

Menurut hadis sahih imam Muslim ini ada istilah '*Nasya'a*' yang bermakna *pemuda.* Perkataan '*naasya'a'* ini sama ertinya dengan perkataan '*Fityatun*' dalam surah Al-Kahfi ayat 13. Perkataan ***nasya'a*** dan ***fityatun*** ertinya pemuda. Perkataan *fityatun* adalah jamak taksir dari kata '***al-fata'***, yang maknanya seorang pemuda. Selain itu, ada juga perkataan rajulun yang maknanya lelaki (remaja lelaki). Dalam konteks falsafah istilah *nasya'a, fityatun* dan *rajulun* adalah merujuk kepada kehebatan kaum lelaki dari segi fizikal dan keimanan. Dalam konteks kematangan fizikal, Rasulullah SAW juga ada menggunakan perkataan syabab, yang ertinya pemuda. Ketika hendak menyeru kaum pemuda supaya melaksanakan pernikahan, Rasulullah SAW menggunakan

perkataan *syabab*. Sebagaimana diriwayatkan dari Usman, Rasulullah SAW bersabda:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kalian telah mampu berkahwin, maka nikahlah, kerana menikah dapat mengawal penglihatan dan menjaga kemaluan. Barangsiapa belum mampu maka hendaklah dia berpuasa, kerana berpuasa dapat mengawal nafsunya.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, ah-Sanu lil-Far'ji; hadis 798, daripada Usman).

Secara psikologi, lelaki lebih *rasional* dan *komunal.* Lelaki lebih agresif, aktif dan optimistik. Oleh sebab itu, lelaki berani menggoda wanita dan ingin mendapatkan cintanya wanita. Kadangkala lelaki tidak sedar diri, usia telah tua, wajah tidak hensem dan uang tiada; dalam situasi seperti ini lelaki masih juga berani cuba-cuba menggoda wanita; merayu wanita muda atau melamar gadis cantik jelita; semuanya itu untuk bermain cinta dan mendapatkan cinta. Walaupun ditolak lamaran cintanya, tetapi lelaki tidak akan mudah berputus asa. Singkat kata, lelaki terus menggoda dengan pelbagai cara hanya semata-mata untuk cinta.

EKSPRESI CINTA WANITA

Secara fisiologi, struktur tubuh wanita agak lemah dibandingkan dengan lelaki. Apabila mencapai usia remaja, paginanya membesar dan mengeluarkan darah haid. Saiz pagina yang membesar bertujuan untuk mengeluarkan air seni dan boleh menerima sel-sel sperma lelaki semasa melakukan hubungan seks.

Sepertimana zakar lelaki, pagina wanita juga mudah tegang. Situasi ini menunjukkan kematangan seksual seorang wanita. Apabila wanita memulakan zaman remajanya, maka remaja wanita itu datang haid serta selalu mimpi indah.Ketika fasa awal remaja ini, wanita telah mempunyai kecenderungan yang tinggi kepada lelaki, telah bijak menilai lelaki yang ganteng. Dalam masa yang sama, wanita fasa awal remaja juga mudah jatuh cinta. Dapatan kajian analisis kimia, air seni fasa awal

remaja wanita di pagi hari dapat berfungsi dengan baik bagi menentukan kematangan seksualnya. Fasa awal remaja wanita mencapai kematangan seksual setelah mencapai usia 12-14 tahun. Dari segi pertumbuhan, anak perempuan mengalami pertumbuhan yang pesat secara purata sejak usia 10-12 tahun, diikuti mencapai kematangan seksual pada usia 14 tahun. Setelah usia 18 tahun, secara purata remaja perempuan menjadi stabil. Kematangan seksual wanita seterusnya diiringi dengan kematangan emosi dan fikiran. Apabila wanita telah mencapai usia 18 tahun, sudah mula memikirkan tentang pekerjaan, tanggungjawab dan hubungan cinta yang tetap. Dalam masa yang sama untuk mencari pasangan kekasih. Faktor kematangan ini yang mendorong kaum wanita mencari pekerjaan, kebebasan dan hubungan cinta. Namun sebahagian wanita pada usia ini belajar bersungguh-sungguh demi untuk menggapai hasrat serta cita-cita. Dalam konteks cinta, wanita usia 14-18 telah memiliki dorongan seks yang kuat dan hasrat untuk mendapatkan hubungan dengan pasangan kekasih (Rosenthal, 2004).

Dalam konteks biologi, tubuh remaja wanita kelihatan bertenaga, berlemak, bertambahnya berat badan, tinggi dan otot sekunder bertambah matang khasnya otot organ seks semakin matang. Apabila usia 20 tahun, bentuk tubuh bertambah slim atau sebaliknya. Seluruh organ tubuh kelihatan lebih cantik dan menarik perhatian. Kajian fisiologi mengatakan bahawa fasa awal remaja wanita tahap pertama bermula usia 11-13 tahun, lemak menjadi menumpuk di bahagian pinggul, paha, pipi, leher, rahang dan perut. Setelah berusia 16-18 tahun, lemak ini akan hilang dan berkurang. Ini bermakna remaja perempuan telah mencapai, keadaan tubuh tertentu menjadi stabil, tetapi di bahagian lain semakin membesar dan diiringi dengan berat badan. Apabila remaja perempuan mencapai usia 22-30 tahun, perut wanita kelihatan agak besar disebabkan pertambahan lemak di organ perut dan paha. Oleh itu, dorongan seks wanita kerap kali memuncak pada usia ini (Rosenthal, 2004).

Menurut ahli psikologi, remaja wanita yang sudah matang, suka mencari maklumat mengenai seks. Faktor ini didorong oleh kematangan organ seksual dan hormon yang menginginkan remaja itu untuk melakukan hubungan cinta yang sebenar (MeckWell, (2011). Menurut psikologi Islam, lazimnya remaja wanita matang ingin hubungan cinta yang terarah. Maknanya remaja wanita ingin untuk mendapatkan seorang lelaki soleh yang boleh menikahinya untuk membina cinta yang

boleh mengekalkan kebahagiaan. Justeru itu, wanita yang solehah ingin mendapatkan cinta yang sejati. Cinta sejati hanya wujud pada lelaki taat mengerjakan perintah agama.

Sebagaimana dalam satu kajian Abang Ishar (2012) di Kotamadya Pontianak terhadap 100 orang perempuan tentang aktiviti cinta dan kesan agama kepada aktiviti cinta. Singkatnya dari 100 orang remaja perempuan, terdapat 90 orang daripada mereka menjawab 'selalu ada cinta sejati'. Perkataan cinta sejati ini sebagai menjawab soalan 'apakah ada cinta sejati?'. Memang 90 orang remaja perempuan ini menjawab bahawa cinta sejati itu selalu wujud terhadap remaja-remaja yang berpegang teguh kepada ajaran agama (Abang Ishar, 2015).

Sebaliknya dalam kalangan remaja yang tidak taat dan tidak percaya dengan agama mereka tidak percaya adanya cinta sejati. Ini kerana fikiran dan tingkah laku mereka telah diracuni oleh satu falsafah kebebasan dan budaya hidup yang terlepas dari ajaran agama.

Sebagai contoh, dapatan kajian psikologi yang dijalankan oleh Brooks dan Morgan dalam tahun 2008 di USA mendapati 80% remaja wanita matang tahap ketiga (usia 22-30 tahun), telah menjalinkan hubungan mesra, melakukan seks setiap minggu dan sentiasa ketagihan melakukan hubungan seks dengan kekasihnya. Usia remaja matang tahap ini, membolehkan mereka bekerja, membuat perancangan, mendapatkan pendapatan tetap dan memiliki pengetahuan yang cukup untuk mengekalkan hubungan seks dengan kekasihnya. Dalam bab cinta, remaja wanita jika telah mencintai seseorang pujaan hatinya, maka dia lebih banyak berkorban berbandingkan remaja lelaki (Brooks. G., & Morgan, (2008). Dapatan kajian psikologi di Jakarta, Bandung, Surabaya, Banjarmasin dan Pontianak dalam tahun 2012 terhadap 300 wanita usia 20-25 tahun, 211 dari mereka didapati aktif melakukan hubungan seks yang terancang. Dorongan melakukan hubungan seks terancang disebabkan mereka mengetahui cara-cara menghalangi kehamilan, sehingga ketagihan melakukan hubungan tersebut. Secara purata hubungan dilakukan sebanyak lima atau enam kali dalam seminggu (Yudrik Jahja, (2013). Manakala kajian terhadap 50 orang wanita usia matang (22-30 tahun) di Pontianak dalam tahun 2012, mendapati bahawa 32 orang dari mereka aktif melakukan hubungan seks dengan berganti-ganti pasangan. Punca mereka aktif melakukan melakukan hubungan seks disebabkan dorongan mencari pendapatan, mencari kepuasan dan perceraian (Abang Ishar, 2012).

Dalam konteks cinta, remaja wanita matang memiliki keunggulan dari kebanyakan remaja lelaki. Kebanyakan remaja wanita lebih setia, memelihara hubungan cinta dan dapat dipercaya. Oleh itu, kebanyakan remaja wanita kurang bersedia untuk berkongsi kasih dan cinta. Kebanyakan wanita tidak rela dimadu dan berbahagi cinta. Pada tahap awal remaja wanita agak sukar digoda, tetapi apabila cinta telah bersua di dalam dada, maka dia tidak mahu melepaskan cinta. Sebagai contoh, lihat pandangan wanita mengenai cintai seperti disajikan dalam tiga pertanyaan berikut:

1. Bagaimanakah cara mendapatkan cinta kekasih?
2. Bagaimana perasaan setelah cinta diterima kekasih?
3. Apakah ada cinta sejati?

Terhadap pertanyaan pertama, 65 orang atau 65% remaja perempuan menjawab '***bersikap menerima sesuai penilaian'.*** Sementara 35 orang atau 35% mengatakan '***apabila remaja lelaki berulang-ulangkali menggoda' timbul kasihan, lalu menerima cintanya'***. Untuk soalan nombor 2, didapati 71 orang atau 71% remaja perempuan menjawab '***apabila cinta telah bertaut dalam hati, maka dia selalu khuatir akan ditinggalkan'***. Sementara 29 orang atau 29% wanita menyatakan '***kadangkala timbul perasaan takut dirinya dilepaskan***' sebagai kekasih. Lalu dia selalu menjaga perasaan kekasih hatinya. Untuk soalan nombor 3, didapati 90 orang atau 90% remaja perempuan mengatakan '***sentiasa ada cinta sejati'***. Cinta sejati berlandaskan ajaran agama. Sementara, 10 orang atau 10% remaja menjawab '*mereka bergantung kepada nasib*'. (Abang Ishar, 2012).

Terhadap soalan nombor 2, didapati 71% remaja perempuan sangat setia dengan cinta. Mereka mengatakan apabila cinta telah berlabuh di hati, dia selalu khuatir akan ditinggalkan. Pada soalan nombor 3, didapati 90% remaja wanita sangat menginginkan cinta sejati. Sementara remaja lelaki 10% mengakui wujudnya cinta sejati. Bagi lelaki cinta identik dengan berahi. Sikap wanita yang terlalu setia, banyak berkorban untuk cinta, bertahan lama dan khuatir akan dilepaskan cintanya sangat wajar. Bukan disebabkan wanita itu lemah, rakus, terlalu menuntut dan bersikap *autokratik*. Ini semua kerana faktor fisiologi dan psikologi. Maknanya, Allah SWT memang menciptakan wanita seperti itu untuk persiapan mereka menjadi seorang isteri yang cemerlang dan solehah. Sekiranya timbul sifat cemburu, itu hanya

fenomena cinta seorang wanita. Sekiranya wanita itu benci dengan kekasih, atau suaminya tetapi hakikatnya dia sedang rindu. Oleh itu, wanita suka dipuji, dimanja, diberikan bunga, dengan itu hatinya sentiasa gembira dan cintanya berbunga-bunga. Wanita tidak boleh dikritik, sebaliknya lebih suka dibela dan diberi cubitan manja. Wanita mudah merajuk, tetapi mudah juga dipujuk.

Di sini akan disajikan perbezaan lelaki dan wanita dari aspek fisiologi, psikologi dan dorongan seks. Perbezaan ini memang telah diciptakan Allah sejak zaman azali lagi. Bagi mereka menjalani kehidupan yang serasi, bahagia dan harmoni.

LELAKI	WANITA
Kulit Kulit berubah menjadi kasar, tidak jernih, berwarna agak pucat dan pori-pori menjadi luas.	**Kulit** Kulit menjadi kasar, lebih tebal, berwarna pucat, lubang pori-pori bertambah besar.
Otot Otot-otot bertambah besar dan kuat, sehingga merubah bentuk tangan, kaki, bahu dan seluruh bentuk tubuh.	**Otot** Otot bertambah besar dan semakin kuat, khasnya fasa pertengahan dan menjelang akhir fasa baligh, sehingga memberi bentuk pada bahu, tangan, paha dan tungkai kaki.
Suara Suara berubah setelah rambut kemaluan tumbuh. Pada tahap awal, suara menjadi serak, lalu tinggi dan menurun. Volumenya meningkat dan kadangkala suara menjadi pecah, lalu menjadi stabil.	**Suara** Suara menjadi lebih penuh dan bertambah merdu. Suara serak dan pecah jarang berlaku pada perempuan.
Pinggul Berbentuk kekar dan kuat	**Pinggul** Pinggul menjadi bertambah lebar, besar dan bulat akibat membesarnya tulang pinggul dan lemak bertambah.
	Payudara Setelah wanita mencapai usia baligh, payudaranya membesar. Puting susu membesar dan menonjol. Selari dengan perkembangan kelenjar susu, payudaranya menjadi lebih besar dan berbentuk bulat.

Cinta Lebih aktif: mengirim surat, melamar, membuat pelbagai helah untuk bertemu,muka tebal dan tidak mudah mengalah. Suka mencintai	**Cinta** Lebih pasif: menerima surat, menerima lamaran, ingin dicintai dan tidak mahu berkongsi cinta.
Seks Agresif mencari, merayu, mencanda, menggoda, bergelora, meminta dan mengajak hubungan seks.	**Seks** Berpura-pura malu, suka menerima, digoda, hiba, merasa dan menyerahkan kehormatan.

Berkaitan bab cinta, wanita menyimpan pelbagai rahsia cinta. Wanita merupakan titisan darah cinta Hawa yang diperuntukkan untuk lelaki yang mulia. Cinta seorang wanita yang ikhlas merupakan satu kemuliaan. Aktiviti cinta wanita terlalu mahal; kadangkala kelihatan ego tetapi sebenarnya dia seorang insan yang ingin dimanja. Cinta seorang wanita yang solehah merupakan mahligai cinta yang teramat mulia. Oleh sebab itu, pilihlah wanita solehah sebagai tempat melabuh cinta; agar cinta boleh bertahan sehingga ke hari tua. Wanita cantik solehah adalah sumber kebahagiaan dunia dan akhirat. Dalam kitab suci al-Quran ada surah al-Nisa', yang ertinya wanita-wanita. Salah satu dari kandungan surah ini adalah menjelaskan kehebatan dan keagungan kaum wanita. Rasulullah SAW bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Dunia adalah tempat kesenangan, dan sebaik-baik kesenangan dunia adalah isteri yang solehah.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, al-Mar'atu al-Salihah; hadis 801, daripada Abdullah bin Amru).

Kitab suci al-Quran menjelaskan bahawa darjat lelaki dan wanita sama mulianya di sisi Allah. Lelaki yang soleh dan wanita yang solehahsama-sama menjadi penghuni syurga. Sebagaimana Allah berfirman:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ
أُو۟لَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ ٱللَّهُ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ١٧

Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Taubah 9 : 71).

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّٰتِ عَدْنٍ ۚ وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ أَكْبَرُ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ٢٧

Allah menjanjikan kepada orang-orang mukmin lelaki dan perempuan dengan syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya dan (mendapat) tempat-tempat yang bagus di syurga ʹAdn. Dan keredhaan Allah adalah lebih besar; itu adalah keberuntungan yang besar.

(Surah al-Taubah 9 : 72).

Berdasarkan kepada kedua dalil al-Quran ini, nyata bahawa semua kaum wanita memiliki darjat yang sama di hadapan Allah. Kaum wanita menjadi penolong kaum lelaki, mereka juga mendapat syurga Aden bersama-sama dengan lelaki yang mukmin. Perbezaan wanita dengan lelaki hanya dari aspek jantina, bentuk fizikal, emosional, tanggungjawab, skop kerja dan psikologi. Tak lebih tak kurang.

KEAJAIBAN CINTA

Salah satu keajaiban cinta adalah boleh membuat manusia hidup bahagia dan merana. Sungguhpun demikian, manusia amat suka bermain cinta. Semua anusia suka mencintai dan dicintai. Lelaki mudah jatuh cinta dengan wanita; wanita juga mudah jatuh cinta dengan pria. Bahkan yang ajaibnya, perempuan muda cantik jelita sering kali jatuh cinta dengan lelaki tua yang telah beristeri.Semamangnya keajaiban cinta selalu menghiasi hidup semua manusia. Keajaiban cinta juga sering menimpa golongan remaja lelaki muda, yang jatuh cinta dengan seorang wanita tua.Singkatnya dunia cinta tidak terhad kepada golongan muda; terapi

boleh terjadi kepada semua manusia tanpa mengira usia. Di seluruh belahan dunia, cinta dan emosi cinta selalu menghiasi kita manusia. Di mana-mana lelaki dan wanita selalu memadu cinta. Tanpa cinta hidup manusia tiada berghairah dan bermaya. Oleh sebab itu, manusia selalu bermain cinta.

Apatah lagi bila cinta telah berlabuh di dada, rasa cinta seseorang semakin membara; rasa rindu tiada taranya. Disebabkan cinta yang membara itu, banyak lelaki dan wanita yangmabuk cinta. Fenomena cinta memang luar biasa, kadangkala terlalu sukar dilukiskan dengan kata-kata. Di sini akan dihuraikan beberapa tanda khas seseorang yang telah jatuh cinta dan saling mencintai.

SELALU RINDU

Di antara keajaiban cinta adalah perasaan selalu rindu. Perasaan rindu menguasai jiwa setiap insan yang sedang bercinta. Perasaan rindu itu timbul kerana tekanan emosi ingin bertemu. Perasaan rindu itu kadangkala timbul kerana ingin menatap wajah sang kekasih; ingin mendengar perkataan cinta dan bisikan cintanya. Sering kali perasaan rindu timbul kerana telah lama tidak bertemu.

Lelaki yang sedang jatuh cinta pasti akan rindu; demikian juga wanita yang sedang jatuh berasa amat rindu. Rindu seorang wanita kepada lelaki lebih kuat dibandingkan dengan rindu seorang lelaki kepada wanita. Kerana rindu seorang wanita kepada lelaki lebih dominan dipengaruhi oleh kecerdasan emosinya. Kalau emosi rindu telah menguasai emosi wanita, maka wanita itu selalu membayangi wajah kekasihnya dengan pelbagai gambaran indah melulu. Perasaan rindu wanita juga banyak dipengaruhi oleh faktor kesetiaan. Apabila wanita telah jatuh cinta dan cinta telah berlabuh di dalam jiwanya; maka wanita sangat setia dengan kekasihnya. Faktor kesetiaan ini yang menyebabkan wanita sangat rindu; rindu ingin selalu bertemu.

Wanita yang telah jatuh cinta sangat bijak menjaga cinta. Wanita juga pandai bermain cinta dan mempertahankan cinta. Ketika dia rindu; dia pasti meneleponmu; wanita itu akan berkata: '*I miss you*'. Ketika rindu, wanita akan bertanya: '*oh my darling*, bila dan di mana kita dapat bertemu'. Perasaan rindu menghendaki kedua pencinta ingin selalu bertemu. Sehari tidak bertemu; rasanya seminggu tidak bertemu. Desakan rindu selalu mendorong semangat cinta untuk bertemu selalu.

Seminggu tidak bertemu; terasa satu bulan telah berlalu; aduhai perasaan rindu sentiasa menggebu-gebu. Sebab wajah senyum kekasih terbayang-bayang seakan-akan memanggilnya agar bertemu.

Lelaki dan wanita yang sama-sama telah jatuh cinta; emosi rindu sering datang mengganggu. Disebabkan tekanan perasaan rindu, kadangkala timbul perasaan khuatir dan takut sesuatu akan terjadi pada kekasih. Disebabkan tekanan perasaan rindu, boleh menyebabkan kekasih demam rindu. Demam rindu, bukanlah penyakit jasmani, akan tetapi ia hanya sekadar fenomena cinta.

Menurut psikologi, perasaan rindu merupakan emosi resah, gelisah dan khuatiran terhadap seseorang yang dicintai. Perasaan rindu terjadi disebabkan perasaan estetik bercampur dengan emosi menguasai seluruh fikiran.Perasaan rindu adalah tekanan perasaan yang amat tinggi kepada kekasih. Tekanan perasaan itu menyebabkan gejolak hasrat, emosi dan dorongan untuk bertemu kekasih dalam waktu yang kerap. Perasaan rindu boleh timbul disebabkan tekanan intrinsik kerana faktor berjauhan dan telah lama tidak melihat wajah serta mendengar suaranya. Maknanya rindu akan terjadi jika individu yang dicintai tidak ada di sisi, tidak kelihatan wajah dan tidak kedengaran suaranya. Walaupun kadangkala sukar menentukan jarak dan masa yang boleh menimbulkan rasa rindu dengan kekasih. Ada yang dipisahkan dengan samudera yang luas, dengan jarak ribuan mil barulah terasa rindu. Ada juga yang dipisahkan oleh bandar, sudah timbul rasa rindu. Bahkan ada juga yang dipisahkan oleh jalan kampung dan pintu rumah, sudah mengalami rasa rindu. Ada juga yang terpisah bertahun-tahun lamanya, barulah merasa rindu. Ada yang dipisahkan oleh bulan, sudah terasa rindu dan kangennya. Ada juga yang dipisahkan dengan minggu telah menimbul gejolak rindu. Bahkan ada yang hanya dipisahkan dengan kiraan hari telah menimbulkan rasa rindu yang tiada terkira. Perasaan rindu amat bergantung kuat atau lemahnya cinta yang bertaut dalam kalbu.

Atkinson, J.W. & Shiffrin, R.M. (1978) mengatakan bahawa rindu kepada kekasih boleh terjadi disebabkan tiga faktor, iaitu: ***(1) adanya tujuan tertentu terhadap kekasih***. Ini terjadi kepada cinta palsu, yang timbul kerana ada tujuan-tujuan tertentu. Rindu jenis ini terlalu mudah sirna dan ditelan oleh kebencian. Menurut Prof. Hamka (1991), rindu jenis ini termasuk cinta buaya, dia mendekati seseorang kerana ada tujuan tersembunyi dan maksud syahwat semata. Oleh itu, rindu jenis

ini melukai hati dan bukan bersumber dari fitrah manusia yang sebenar; ***(2) adanya keperluan seks yang segera.*** Rindu jenis ini hampir sama dengan rindu yang pertama, tetapi rindu jenis ini lebih menekankan untuk mendapatkan hubungan seks sepuas-puasnya. Lazimnya rindu jenis ini, dimiliki oleh lelaki mata keranjang dan memiliki wajah yang menawan. Lelaki yang memiliki wajah *hensem* dan menawan selalu diminati oleh banyak perempuan cantik. Oleh itu, lelaki ini dengan mudah dapat menarik simpati, mengambil hati dan cintanya lebih mudah bertaut di dalam hati seorang perempuan. Amat malang, perempuan yang terlalu mudah tergoda dan terpedaya menyerahkan kehormatannya. Apabila lelaki ini telah kerap melakukan hubungan seks dengannya, atau memuaskan syahwatnya dengan perempuan itu, maka dia akan meninggalkan perempuan itu. Lelaki itu akan mencari perempuan lain sebagai penggantinya. Oleh itu, rindu lelaki seperti ini timbul disebabkan dorongan syahwat seks, bukan rindu kerana cinta sejati; ***(3) adanya keserasian spiritual dan kebersihan hati dengan kekasih.*** Rindu seperti ini timbul kerana dorongan cinta sejati dan murni. Pencinta akan selalu merasakan kehilangan kekasih apabila kekasih berada jauh darinya. Pencinta dan yang dicintai sama-sama memiliki rasa rindu yang amat dalam, tetapi sama-sama memelihara amanah cinta dan kesucian jiwa. Rindu seperti ini yang nilainya amat mulia, yang dimiliki oleh hamba-hamba Allah yang ikhlas dan soleh-solehah. Rindu jenis ini merupakan cinta yang dibawa sehingga mati. Bahkan memiliki perkaitan dengan ibadah seseorang insan. Maknanya cinta yang menimbulkan perasaan rindu sejati sehingga berterusan ke akhir hayat. Rindu model ini akan berterusan ke akhirat. Perasaan rindu sentiasa memotivasi semangat untuk sama-sama mengerjakan ibadah dan memelihara kehormatan cintayang amat mulia. Meskipun dia menangisi kekasih, bukan bermakna kerana zahirnya cinta, tetapi justeru kerana mendalamnya rasa rindu. Dia menangisi kerana mengharapkan cinta zahir itu kekal berterusan sehingga ke alam syurga.

Seorang wanita yang memendam perasaan rindu dengan kekasih hatinya, setelah kedua insan yang saling mencintai menikah, tiba-tiba keduanya dipisahkan oleh lautan samudera, suaminya menjalankan kerja-kerja dakwah di seberang lautan. Setelah tiga bulan bertugas, suami pulang dan isteri telah sehari menunggu kepulangan kekasih hatinya di Tanjung Periuk, Jakarta. Apabila suaminya keluar dari kapal, si isteri yang telah lama menunggu di pelabuhan menyambut

kedatangan suami dan mencium tangan serta memeluk erat badan suaminya. Suami berkata, '*terlalu lama abang mengira masa dan memendam perasaan rindu'*. Isterinya menjawab, '*terlalu lama juga adinda menanggung perasaan rindu'*. Kemuncak rasa rindu kedua insan yang saling mencintai ini, mereka terus ke masjid mengerjakan solat sunat di hadapan Allah. Inilah percintaan yang diiringi dengan perasaan rindu sejati yang mengandungi nilai *adab yang tinggi*. Bercinta setelah menjadi suami isteri akan menambah kenikmatan cinta sejati. Membina kebahagiaan yang hakiki. Apabila keduanya melakukan hubungan seks yang halal lagi diberkati. Bukan sekadar membina rasa tenteram dan kebahagiaan zahir, tetapi kedua insan ini akan menuju kebahagiaan yang abadi, iaitu syurga duniawi dan ukhrawi.

Di antara ciri-ciri cinta sejati ialah tidak pernah merasa puas dengan kegembiraan pencinta melainkan bersama kekasih. Selama kekasihnya tiada di sisi, hidupnya sentiasa tidak bergairah. Dia sentiasa merasa rindu untuk berada di sisi kekasih. Rindu adalah kedudukan orang arif yang paling agung. Jika dia berupaya mewujudkan kerinduannya, maka dia dapat berpaling dari hal-hal yang memalingkannya dari sesuatu yang dia rindukan.

Sesungguhnya tanda cinta seseorang selalu diikuti dengan rasa rindu kepada kekasih. Rindu kepada manusia adalah fakta psikologi dan kejiwaan. Rindu kepada manusia merupakan gambaran rindu hakiki dan palsu. Apabila kerinduan itu berpaksikan kepada nilai-nilai yang suci dan murni, maka rindu akan membina suatu kekuatan. Rindu jenis ini akan berkekalan sampai ke akhir hayat. Bahkan rindu jenis ini akan membina kegairahan cinta abadi, yang sama-sama membina syurga yang hakiki, di akhirat nanti. Manakala cinta yang bermotifkan nafsu, lalu diikuti oleh rindu yang ada tujuan tertentu, khasnya untuk mendapatkan khidmat seks kekasih, maka ini dinamakan cinta palsu. Ia akan mudah layu.

INGIN BERSAMA KEKASIH

Tanda cinta seterusnyamendorong hasrat seseorang untuk selalu bersama kekasih. Kebahagiaan semakin bertambah apabila seorang lelaki selalu bersama wanita kekasih hatinya. Ketika bersama, lelaki yang sedang mencintai kekasihnya, boleh berlama-lama melihat wajah wanita pujaan hatinya. Mata merupakan pintu utama yang akan merungkaikan rahsia-rahsia percintaan hamba. Mata lebih jelas daripada

lidah, sebab dari penglihatan mata akan menimbulkan satu rangsangan yang menembus hati. Kemudian mata dan hati akan menerjemahkan maksud tujuan cinta yang mulia atau sebaliknya. Sedangkan lidah, merupakan ungkapan kata yang mengikuti kehendak pemiliknya. Pandangan seorang pencinta akan fokus kepada kekasih, di manapun kekasih itu melangkah, berjalan dan pergi berjauhan. Apabila mata telah memperhatikan berulang-ulang wajah kekasih, maka hati akan mempersepsikan kekasih itu sedang berbuat atau merinduinya. Dengan pandangan mata, hati menyatakan bahawa kekasih sedang menunggu kehadirannya. Oleh itu, aktiviti penglihatan merupakan aspek penting dalam membina rasa rindu.

Di dalam penglihatan akan memberi pengaruh kejiwaan yang mendalam sehingga berupaya menenteramkan fikiran dan hati. Di dalam pandangan itu ada sugesti yang besar, sama ada pandangan dari mata zahir ataupun mata batin. Pandangan mata zahir akan turun ke hati, lalu membina persepsi penilaian baik. Pandangan mata batin akan membina kekuatan cinta dan mencari jalan untuk mengekalkan rasa cinta kepada kekasih.

Cinta sejati dalam konteks cinta adalah melihat kekasih hati dengan pandangan yang murni. Pandangan yang murni itu hanya wujud dalam jiwa insan yang benar-benar soleh. Bagi lelaki yang sedang jatuh cinta, dorongan ingin melihat wajah kekasih bertujuan untuk mengubati perasaan rindu. Lantaran itu, setiap lelaki dan wanita yang sedang dilamun cinta; keduanya ingin selalu bersama. Dengan selalu bersama, kedua-duanya boleh saling melihat wajah kekasihnya.

Melihat wajah kekasih merupakan ubat cinta yang paling mujarab. Pandangan mata yang ikhlas akan menambah rasa cinta; pandangan mata yang murni menambah kelazatan cinta. Oleh sebab itu, kedua-dua insan yang sedang bercinta sama-sama suka menatap wajah pasangannya.

BERKORBAN MASA

Setiap insan yang sedang jatuh cinta dan bercinta banyak berkorban masa untuk si dia. Tanda cinta seorang kepada kekasihnya adalah bersedia memberi keutamaan masa untuk orang yang dicintai. Apabila seorang lelaki yang telah jatuh cinta kepada wanita; wanita pun telah menerima cinta lelaki itu; maka lelaki itu harus banyak

berkorban masa untuk wanita yang dicintainya. Demikian juga wanita yang telah mencintai seorang pemuda, maka wanita itu mesti bersedia melapangkan banyak masa untuk lelaki yang dicintainya.

Perasaan cinta selalu mekar bersua di dalam dada. Apalagi bila seorang pemuda bersedia melapangkan banyak masa untuk kekasihnya, maka kekasihnya banyak menatap wajah dan mendengar bisikan cinta. Dengan itu, hati kekasih semakin bahagia. Eksis cinta sentiasa bergelora. Cinta boleh layu sekiranya kekasih selalu sibuk dan tidak menyediakan banyak masa untuk kekasih. Antara makna cinta yang murni adalah sentiasa memberi keutamaan masa dan tenaga untuk berkhalwat dengan kekasih. Dengan cara itu seseorang dapat mengadu, bersadu dan mendengar apa yang dikeluhkan oleh sang kekasih. Apabila seseorang tidak memberikan keutamaan masa serta tenaga, maka cinta tidak akan tumbuh subur. Sebaliknya, mungkin bunga-bunga cinta akan semakin kendur. Oleh itu, seseorang yang berani mengisytiharkan mencintai seorang kekasih, maka dia harus berani berkorban masa dan tenaga untuk bertemu, berbincang, mendengar keluhan-keluhan dan berkhalwat dengannya.

Untuk lelaki yang sedang jatuh cinta dan bermain cinta, maka dia mesti terikat dengan masa-masa khas untuk kekasih. Dia harus mengambil berat dan memberi keutamaan masa untuk selalu membina kesatuan cinta. Persatuan cinta adalah usaha-usaha memahami fikiran, minat dan keperibadian kekasih. Apabila telah diketahui segala maklumat berkenaan hal-hal yang boleh membina hubungan cinta, maka setiap kekasih perlu sentiasa memberi keutamaan pembinaan persatuan cinta. Seluruh sikap yang boleh merosak hubungan cinta perlu disingkirkan. Dengan itu, kedua-dua insan yang sedang bercinta perlu sama-sama memberi perhatian untuk membina hubungan cinta itu. Dengan perkataan lain, hubungan cinta selalu subur dan berkekalan apabila kedua insan yang bercinta sama-sama memberi keutamaan masa untuk saling memahami antara satu dengan yang lain. Bukanlah dinamakan cinta, jika kekasih sentiasa memiliki keinginan yang bertentangan dengan kekasih. Apalagi tidak memberi keutamaan seperti yang diingini kekasih.

Lelaki yang ego tidak akan bersedia berkorban masa untuk kekasih. Lelaki yang ego hanya memikirkan dirinya sendiri. Cinta seperti ini hanya sepihak. Nilai cinta seperti ini kaku dan membisu. Cinta seperti ini hanya mementingkan diri sendiri. Dia memiliki kekasih hanya

agar dirinya ada yang mencintai dan bukan untuk mencintai sepenuh hati. Dia hanya suka dengan dirinya selalu dipuji, tetapi tidak mahu melakukan hal yang sama terhadap orang yang dicintai. Dia selalu ingin kekasihnya mengikuti keinginan dan memberi keutamaan masa untuk dirinya sendiri. Sementara dia sendiri tidak mahu berkorban masa dan tenaga. Cinta seperti ini penuh dengan sifat berpura-pura. Cinta seperti ini penuh dengan kemunafikan. Kerana lain di mulut dan lain di hati. Mulut mengatakan cinta, tetapinya hati dusta.

Seharusnya apabila perasaan tidak cinta; katakana tidak cinta; kalau perasaan suka dan cinta katakan aku suka dan cinta. Jangan ada dusta di antara kita. Menurut psikologi Islam, sifat munafik dan berpura-pura ini sangat dicela. Dari sanad Nafi' bin Malik bin Abu Amir Abu Suhail dari bapanya, dari Abu Hurairah ra bahawa Rasulullah SAW bersabda:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ

Tanda-tanda orang munafiq ada tiga; jika berbicara dusta, jika berjanji mengingkari dan jika diberi amanat dia khianat.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab Iman, ayatul Munafiq; hadis 32, daripada Abu Hurairah).

Apabila seorang lelaki mengatakan cinta kepada kekasih, tetapi tidak memberi keutamaan masa untuk membina cinta itu, maka cinta itu dinilai semu. Sekiranya dia mengatakan cinta dengan kekasih, tetapi tidak memberi keutamaan perasaan kekasih dan hanya mengharapkan kekasih yang menuruti kehendak dirinya, ini juga cinta basa-basi. Bukan cinta yang datang dari hati. Dalam konteks cinta aras tinggi, apabila manusia mencintai bapa, anak-anak, saudara-mara, isteri-isteri, kaum keluarga, harta kekayaan, perniagaan dan tempat kediaman adalah mengalahi kecintaan kepada Allah, Rasul dan jihad di jalanNya, maka cinta itu bersifat palsu. Cinta seperti ini tiada nilainya di hadapan manusia; terlebih lagi di sisi Tuhan. \

Hati yang mencintai kekasih harus memberi keutamaan masa untuk mencurahkan segala isi hati. Mencurahkan segala keluh kesah, mengadu dan mengharapkan belas kasih sayangnya. Dalam konteks rohani, insan yang cinta kepada Allah dan RasulNya harus sentiasa bersedia menyediakan masa dan mencurahkan tenaga untuk berkhalwat

denganNya. Bahkan masa ini sentiasa dikhaskan untuk memohon segala hajat-hajat dan rahmatNya. Mencintai Allah dengan sepenuh hati, ertinya memberi perhatian penuh dan masa-masa khusus untuk selalu *mujahadah* denganNya. *Mujahadah* adalah sentiasa berusaha mengorbankan masa, jiwa raga dan tenaga untuk memperhatikan segala rahmat Allah yang terbentang luas. Tanpa *mujahadah* dan pengorbanan masa, jiwa dan tenaga adalah mustahil untuk menganggap diri kita telah mencintai Allah. Demikian juga untuk membuktikan rasa cinta Allah dan RasulNya, hakikatnya banyak berkorban dari segi masa dan tenaga untuk melakukan segala apa-apa yang dicintaiNya.

Allah SWT menyuruh hamba-hambaNya jika mencintaiNya, harus diselaraskan dengan mencintai RasulNya. Dalam masa yang sama, supaya menyuruh hamba-hambaNya mengambil sikap proaktif dengan menyediakan banyak masa untuk berkorban jiwa raga dan tenaga. Menyediakan banyak masa terutama untuk bermohon, munajat, mujahadah dan berkhalwat dengan lebih lama. Kerana dengan mengorban masa yang lama ini, seseorang dapat menghayati tujuan cinta iaitu dengan mengorban jiwa secara khas bagi merasai lazatnya melalui amalan-amalan khusus.Bahkan Allah SWT menjadikan perbuatan mengikuti Rasulullah SAW sebagai sebab cintaNya kepada hambaNya. Tidak sempurna kedudukan iman seseorang sehingga menjadikan Rasulullah SAW lebih dicintai dari diri mereka sendiri, terutama dari anak-anak dan ibu bapa mereka. Diriwayatkan dari Qatadah, dari Anas bekata, Nabi SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Tidaklah beriman seorang dari kalian hingga aku lebih dicintainya daripada orang tuanya, anaknya dan dari manusia seluruhnya.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Iman, al-Mahabbah; hadis 14, daripada Anas bin Malik).

BERULANG-ULANG MENYEBUT NAMA KEKASIH

Tanda cinta lelaki dengan wanita, lelaki itu selalu menyebut nama wanita yang dicintainya. Lelaki yang mencintai seorang gadis pujaan hatinya, dia tidak pernah bosan menyebut nama gadis itu. Di bibirnya selalu keluar kata-kata dan nama kekasihnya. Ketika berjalan menyebut nama kekasih; ketika bernyanyi menyebut nama kekasih; ketika bekerja

menyebut nama kekasih; ketika makan teringat kekasih; ketika mandi terngiang-ngiang nama kekasih; ketika bercanda dengan keluarga menyebut nama kekasih; ketika bersendirian menyebut nama kekasih; ketika berbaring ingat nama kekasih; bahkan ketika tidur bermimpi nama kekasih. Inilah ekspresi cinta; cinta yang sedang membara dan bergelora.

Berulang-ulang kali menyebut nama kekasih merupakan tanda-tanda cinta yang mendalam. Apabila hati sedang jatuh cinta, perasaan cinta sentiasa bergelora di dalam dada. Cinta yang bergelora ini memberi membina energi rindu. Sehingga setiap insan yang sedang dilanda jatuh cinta, maka dia akan sentiasa menyebut-nyebut nama kekasihnya dengan berulang-ulang. Maknanya semua manusia yang sedang jatuh cinta akan mengalami tekanan emosi yang serupa. Di mana mereka sama-sama sentiasa menyebut-nyebut nama kekasih di bibir. Dalam semua kesempatan dia menyebut nama kekasih. Dalam perjalanan dan ketika hendak memeluk bantal pun dia menyebut nama kekasih.

Sudah menjadi kelaziman bagi semua manusia yang sedang jatuh cinta dan saling mencintai, mereka akan saling memberi tindak balas yang mengembirakan hati pasangan. Tindak balas positif sentiasa berkembang dari semasa ke semasa mengikut simponi cinta. Kemudian setiap tindak balas yang diberikan juga berbeza antara setiap komuniti, individu, cara dan bentuk. Maknanya cinta semakin bertambah lazat jika kedua insan yang sedang bercinta saling memberi dan menerima. Keduanya sentiasa mengingat dan menyebut nama kekasih dalam semua keadaan. Apatah lagi cinta sedang mekar di dalam hati.

Apabila seorang perempuan membenci lelaki tetapi selalu menyebut-nyebut dan mengingatinya, maka sebenarnya dia mencintai lelaki itu. Mungkin kebencian itu terjadi kerana dia tidak mampu meraih cintanya. Rasa putus asa menjadikan dirinya membencinya, meskipun secara tidak sedar rasa cintanya masih sangat besar kepadanya.

Seindah-indah cinta adalah cinta yang dilafazkan dengan mulut secara berulang-ulangkali. Apabila mulut melafazkan kata cinta, lalu diiringi dengan tindakan mulut melafazkan kata-kata cinta dengan menyebut-nyebut namanya, maka cinta itu akan semakin berkembang mekar di dalam dada. Bahkan apabila dibuktikan dengan menyebut-nyebut nama dan mengingatNya, gelora cinta selalu subur di jiwa kedua-dua insan yang sedang bercinta.

Dalam konteks psikologi al-Quran, cinta akan bertambah indah dan mulia; sekiranya lisan berulang-ulangkali menyebut nama Allah; berulang-ulang kali berzikir kepada Allah. Ini kerana lisan yang selalu menyebut-nyebut nama Allah membuat hati jadi tenang dan bahagia. Disebabkan perasaan bahagia, kerap kali hati seseorang bergetar kerana merasakan ketenteraman jiwa yang luar biasa. Inilah hakikat cinta yang agung dan cinta yang mencapai darjat makam *muqarrabin*. Setiap saat dan kesempatan sentiasa menyebut-nyebut nama Allah bagi meluahkan rasa rindu dan mengubatinya.

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ٢

Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah mereka yang bila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya bertambahlah iman mereka dan hanya kepada Tuhanlah mereka bertawakal.

(Surah al-Anfal 8 : 2).

Allah berfirman lagi:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ٢٨

Orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram.

(Surah al-Ra'd 13 : 28).

Ayat al-Quran ini menjelaskan pengaruh cinta yang selalu menyebut-nyebut nama Allah dan mengingatiNya. Apabila hati telah benar-benar menjadi tempat bersemayamnya cinta murni, maka seseorang tidak akan mahu melepaskannya. Kerana seluruh jiwa raga, tenaga dan fikiran sentiasa diarahkan untuk menyebut nama dan mengingati Allah. Hati benar-benar rindu dan sentiasa rindu denganNya. Hati seperti ini telah mencapai tahap rindu yang amat tinggi, yang dikenali dengan "***taqwal qulub***", atau "***qalbun muqarrabun***". ***Taqwal***

qulub maknanya hati yang benar-benar takwa. ***Qalbun muqarrabun*** maknanya hati yang dekat dengan Allah. Kedua jenis hati ini sering disebut dengan istilah ***qalbin salim***, yang bermakna hati yang sejahtera, hati yang damai-bahagia. Apabila cinta manusia telah mencapai tahap *taqwal qulub*, *qalbun muqarrabun* dan *qalbin salim*, maka manusia tidak lagi menginginkan cinta zahir dan dunia. Kerana semua cinta itu akan musnah ditelan zaman. Cinta yang bersifat zahir dan keduniaan terlalu rendah nilainya. Bahkan usianya terlalu singkat dan kelazatannya juga dapat dikira. Sedangkan cinta yang murni akan mengejar darjat yang abadi. Oleh itu, manusia dalam kategori ini tidak pernah merasa puas dengan cinta yang sedia ada, tetapi dia akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai ketiga-tiga makam cinta.

MEMELIHARA PERHUBUNGAN

Tanda cinta seorang lelaki kepada wanita; dia selalu memelihara perhubungan dengan wanita kekasih hatinya. Memelihara perhubungan ertinya selalu mengambil berat hal-hal yang boleh mengekalkan perasaan cinta. Memelihara perhubungan bermakna bijak mengambil hati, memahami perasaan kekasih, menyelami minat kekasih terhadap sesuatu, dan menghindari hal-hal yang dapat memutuskan perhubungan cinta. Demikian juga wanita yang telah mencintai lelaki, maka dia harus berusaha mengembirakan hati lelaki dengan pelbagai cara. Antaranya, tidak menyinggung perasaan, tidak menyakiti hati kekasih dengan kata-kata yang melukai perasaannya. Memahami minat dan kecenderungan kekasih, jika kekasih suka hal-hal yang bersifat sastera dan keindahan, maka berikanlah kepadanya bunga, hadiah hari jadi dan lagu-lagu merdu yang indah. Semua ini akan mengembirakan hati kekasih.

Apabila lelaki melihat wanita pujaan hatinya suka membaca novel cinta, berikan kepadanya buku novel cinta, maka hatinya akan gembira. Apabila lelaki mendengar wanita pujaan hatinya suka meluahkan perasaannya, dengarlah dengan simpati dan semak setiap kata-katanya. Dengan itu, kekasih akan merasa dirinya didengar, diberi perhatian dan disayangi. Sekiranya wanita mudah merajuk, bujuk dia segera, pasti emosinya mudah sejuk dan gembira. Sesungguhnya di antara ciri cinta yang rindu, kekasih perlu mendengar segala luahan perasaan, ungkapan kata dan emosi cintanya. Apabila tiada perhatian yang diberikan, maka hubungan cinta boleh menjadi retak. Kerana tiada lagi tempat untuk meluahkan perasaan. Semakin banyak luahan perasaan yang dilafazkan,

maka semakin banyak hal-hal yang tabu menjadi tahu. Semakin banyak hal-hal dikatakan dan diluahkan kekasih, semakin baik emosi cinta akan berlabuh di dalam dada. Maka kekasih perlu mendengar segala-galanya. Kekasih sejati akan sentiasa bersedia memberi dan menerima segala luahan hati si manja.

Ketika aktiviti cinta sedang bersua di dada; hindarilah berbantah-bantah dengannya. Sebaliknya banyak lafazkan kata-kata pujian kepadanya. Seorang lelaki sedang mencintai wanita jantung hatinya; jangan sekali-kali mengkritik perkataan dan pemikirannya; dengar dengan perhatian dan berilah sanjungan; maka hati wanita itu pasti akan sentiasa berbunga-bunga. Demikian juga sebaliknya, wanita yang mencintai seorang lelaki jangan suka menyinggung perasaannya. Ertinya kedua insan yang sedang memadu cinta perlu saling memelihara perhubungan cinta.

Dalam konteks psikologi al-Quran, perhubungan cinta yang paling utama adalah memelihara perhubungan cinta dengan Allah. Memelihara perhubungan cinta dengan Allah bertujuan mencari keredhaan Allah dengan sebanyak-banyaknya. Orang-orang mukmin sentiasa berusaha bersungguh-sungguh mengumpulkan rahmat dan redha Allah. Misalnya, mereka secara berterusan mengerjakan solat tahajud, kerana waktu malam masa yang paling sesuai untuk mengeluh, bersadu, berzikir, beristighfar, berdoa dan membaca ayat-ayat al-Quran. Walaupun kadangkala badan terasa penat bekerja di waktu siang, tetapi disebabkan dorongan cinta yang membara dan tekanan perasaan rindu dengan Allah, maka badan penat menjadi bertenaga. Bahkan dengan hati tenteram dia menghadapkan wajahnya dengan penuh khusyuk. Kerap kali di sela-sela keheningan malam itu, sambil menyebut-nyebut nama Allah, dia menangis bersadu tentang dirinya, masalah kehidupan manusia dan memohon kekuatan jiwa. Semakin hening malam semakin bercucuran air matanya. Bahkan ketika membaca ayat-ayat Allah mereka menyungkur wajahnya sambil menangis dan hatinya bertambah khusyuk. Sebagaimana Allah berfirman:

وَيَقُولُونَ سُبْحَٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ٨٠١ وَيَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ
يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ۩ ٩٠١

Dan mereka berkata: "Maha Suci Tuhan kami, sesungguhnya janji

Tuhan kami pasti dipenuhi.Dan mereka menyungkur atas muka mereka sambil menangis dan mereka bertambah khusyuk.

(Surah al-Isra' 17 : 108-109).

Cinta aras tinggi hanya boleh dilakukan dengan memelihara perhubungan dengan Allah iaitu dengan cara mendekatkan hati mengerjakan tahajud di malam yang sunyi dan hening. Ketika inilah hati berkomunikasi dengan Allah secara langsung bagi mendapatkan cinta teragung dari Allah.

Komunikasi itu berlangsung dengan penuh khusyuk dan tawaduk; berlangsung lama dan diiringi dengan linangan air mata. Kerana setiap komunikasi itu berlangsung, Allah pasti mendengar dan memberi keredhaanNya kepada hamba-hambaNya yang secara berterusan berkomunikasi denganNya setiap malam. Apalagi komunikasi yang penuh dengan kekhusyukan ini membina kekuatan hati dan seluruh jiwa. Sehingga akibat komunikasi yang tanpa sempadan masa dan tempat ini membuat hati pencinta bertambah *zauq*, dekat kepada Allah dan tidak mahu berpisah denganNya. Rasa lazat cinta dan *halawatul iman* telah terjelma dalam tahajud, yang diiringi dengan titisan air mata pencinta untuk kekasihNya. Oleh itu, hatinya bertambah kilauan bersih seperti permata. Sehingga setiap kali mulut menyebut-nyebut nama-nama Allah dan membaca ayat-ayat Allah, dia sentiasa menyungkur sujud sambil menangis serta bertambah khusyuk. Inilah cara orang-orang soleh memelihara perhubungan dengan Allah. Mereka sentiasa mengambil berat hubungan cinta dengan Pencipta.

IKHLAS MELUAHKAN PERASAAN

Salah satu tanda cinta seseorang mesti ikhlas meluahkan perasaan kepada kekasihnya. Lelaki yang mencintai wanita perlu meluahkan perasaannya secara jujur, ikhlas dan terbuka.Kalau suka katakana suka; kalau cinta katakan cinta; kalau jatuh cinta katakan jatuh cinta; jangan berpura-pura jatuh cinta tetapi suka; jangan ada dusta di antara kita. Ikhlas meluahkan perasaan cinta merupakan tanda cintayang teramat dalam dan mulia. Sekiranya cinta telah berlabuh dan cinta telah diterima dengan ikhlas oleh si dia; jangan sekali-kali mengkhianati cinta. Jangan sekali-kali menduakan cinta. Setelah cinta diterima dengan ikhlas oleh wanita; wanita itu juga jujur menerima cintanya, maka jangan sekali-kali bergaya dan sombong kerana cinta telah diterima. Seorang lelaki

yang baik mestinya meluahkan perasaannya dengan sejujur-jujurnya. Berkatalah kepada wanita itu, aku suka dan cinta kepadamu kerana engkau *seorang gadis cantik*, *solehah* dan *pandai* mengaji. Sekiranya engkau menerimaku; *aku bersyukur, bangga* dan *bahagia*. Terima kasih di atas kesediaanmu ikhlas menerima cintaku. *I love you, Ana uhibbu ilaik*. Sekiranya engkau menolakku, hati ini terasa sakit, malu dan kecewa; tetapi tidak mengapa. Mungkin ini satu dugaan cinta kepadaku.

Abi adalah seorang lelaki soleh meluahkan perasaan cinta kepada Athirah, seorang gadis pujaan hatinya, seraya berkata: 'Ya Athirah! Maafkan Abi, maafkan Abi. Telah lama Abi memendamkan perasaan ini, Abi cinta kepadamu, Abi sangat mencintaimu. Abi cinta kepadamu kerana engkau seorang gadis cantik, berkulit putih dan pandai mengaji. Ya Athirah, engkau gadis cantik solehah. Apakah Athirah bersedia menerima cinta Abi? Kalau menerima *alhamdulillah*, kalau menolak Abi pasrah. Jawablah pertanyaan Abi ini dengan jujur dan ikhlas. Tolong jagalah rahsia Abi ini?

Wahai Athirah, jika suka katakan suka. Kalau cinta katakan cinta. Kalau menerima cinta Abi, katakan menerima dengan ikhlas. Janganlah Athirah berpura-pura suka dan cinta sebenarnya tidak. Katakan cinta dengan sejujur-jujurnya jika Athirah cinta dengan Abi.

Ya Abi! Saya suka dan cinta juga dengan Abi. Saya menerima cintanya Abi. Saya ikhlas menerima kasih sayang dan cintanya Abi. Saya juga ternyata telah lama menyimpan perasaan suka dan cinta dengan Abi. Saya amat suka dan mencintai Abi. Terima kasih Abi yang telah ikhlas mencintai Athirah. Athirah akan menjaga cinta Abi; Athirah akan menjaga rahsia cinta suci Abi kepada Athirah. Semoga Allah SWT meredhai cinta Abi kepada Athirah. Semoga cinta kita berterusan sehingga perkahwinan yang halal dan diberkati nanti. Terima kasih Abi atas keterbukaan dan keikhlasan Abi meluahkan perasaan cinta kepada Athirah. *I love you too Abi*.

Apabila lelaki dan wanita saling jatuh cinta, keduanya pasti akan saling bercakap panjang dengan meluahkan perasaan masing-masing. Kerana dengan meluahkan perasaan itu kekasih akan menjelaskan isi hatinya yang sebenar kepada insan yang dicintainya. Setiap kali pertemuan dan khalwat keduanya pasti akan diselingi dengan luahan-luahan perasaan yang amat dalam.

Walaupun luahan perasaan ini hanya itu-itu sahaja, tetapi tidak pernah bosan didengar oleh kedua-dua insan yang sedang bercinta.

Memang seseorang yang sedang bercinta selalu banyak agenda cinta. Agenda untuk merawat rasa rindu, membina cinta yang berterusan dan merancang istana cinta yang bahagia. Bahkan orang yang sedang bercinta suka berangan-angan dan berkhayal. Kedua-dua insan sama-sama mengimpikan keindahan cinta yang berkekalan. Dalam luahan perasaan itu sering kali diliputi dengan senyum dan suara tawa, tetapi kadangkala berlaku juga suara kelu, sedih dan tangis. Semuanya diluahkan untuk kekasih hati, kerana hanya kekasih hati yang sejati yang mampu memahami luahan emosi cinta. Sering luahan perasaan cinta itu diluahkan kepada rakan, atau orang-orang tertentu. Abu Muhammad bin Hazin berkata kepada Umar, 'wahai Amirul Mukminin! Aku cinta seorang wanita, aku selalu melihat dan mengimpikannya. Aku selalu tergila-gila dengannya dan aku selalu berhayal bahawa aku merasa sentiasa bersamanya'. Lalu Umar Khatab berkata, 'Itu di luar kekuasaanku' (Muhammad Suwaid, 2009).

Imam Al-Ghazali (1991) dalam bukunya ***Menyingkap Rahsia Hati*** berkata: 'Seorang ulama ditanya mengenai cinta dan jatuh cinta'. Dia menjawab: 'Terjadinya cinta sehingga saling meluahkan perasaan jiwa dan melafazkan kata-kata kepada kedua-dua insan yang sedang bercinta, bukan hanya sekadar pilihan keduanya. Bukan juga semata-mata disebabkan cinta buta, atau ambisi cinta keduanya. Hakikatnya bagi keduanya, kadangkala lebih banyak menderita disebabkan jiwa terlalu banyak melamun cinta. Tetapi keadaan itu memang harus terjadi seperti terjadinya suatu penyakit kronik yang menimpa diri seseorang. Tiada bezanya antara keadaan mabuk cinta dengan keadaan sakit dilamun cinta, atau cinta yang sentiasa bertaut dalam jiwa insan. Kerana lazatnya cinta yang berkobar-kobar sentiasa berhadapan dengan tekanan emosi rindu, fikiran menerawang dan berkhayal. Oleh itu, kedua insan perlu saling meluahkan perasaan emosi, cinta, sedih, gelisah dan cemburu itu bagi memori cinta.

Hamka (1983) menceritakan kisah cinta Barirah, di manabekas suaminya selalu mengikuti dan menggodanya setelah keduanya bercerai. Padahal Barirah telah menjadi janda dan tidak mempunyai suami. Tetapi lucunya, mata suami selalu mengalir pada kedua pipinya. Melihat itu, Rasulullah SAW berkata "Wahai Abbas, tidakkah kamu kagum dengan cinta Mughis kepada Barirah dan kebencian Barirah kepada Mughis? Kemudian Rasulullah SAW bersabda lagi: "Mahukah kamu rujuk dengan bekas suamimu?" Lalu Barirah itu bertanya kepada

Rasulullah SAW, "Apakah baginda memberi perintah kepadaku?" Rasulullah SAW menjawab: "Aku hanya ingin membantu sahaja". Lalu Barirah berkata: "Aku tidak memerlukannya". Tetapi Rasulullah SAW tidak melarang seseorang jatuh cinta dan mencintai bekas isteri, atau suami atau siapa sahaja. Hanya sahaja faktor adab dan syariat perlu menjadi asas cinta dan bermain cinta.

Meluahkan perasaan dengan orang yang dicinta tidak salah. Kerana itu merupakan bahagian dari kehidupan cinta yang biasa. Meluahkan perasaan kepada seseorang kerana dorongan cinta dan hasrat untuk membina cinta adalah lumrah hidup para pencinta. Kadangkala para pencinta yang sedang memendamkan perasaan cinta itu meluahkan perasaannya dengan bahasa kiasan atau madah cinta.

BERMESRA BERSAMA

Ekspresi cinta yang lain selalu ingin bermesra bersama dengan kekasih. Bermesra dengan kekasih merupakan tanda cinta sedang berlabuh dan bunga cinta yang sedang bermanja-manja. Lelaki yang mencintai wanita amat suka duduk berdua dalam suasana hening dan berkelana. Bermesra bermakna menikmati keindahan cinta dalam suasana yang santai dan bersahaja. Tidak ada yang lebih indah bagi kedua insan yang sedang bercinta melainkan bermesra dalam *zauqnya* cinta yang sedang membara. Apalagi jika kekasih telah berada di sisi, melihat wajah kekasih, mendengar suara dan kata-katanya, rileks serta bercanda, maka bermesra akan menambah rasa cinta.

Apabila bermesra diterjemahkan oleh remaja-remaja yang tidak menghayati agama, maka bermesra didefinisikan sebagai menjalin hubungan kasih secara lebih intim, bercumbu, berpeluk-pelukan, berciuman dan melakukan hubungan seks. Definisi cinta menurut materialisme dan liberalisme, bermesra bermakna duduk berdua-duan dalam suasana yang sepi, lalu diiringi dengan canda, kata-kata rayuan, berpelukan, ciuman serta diakhiri dengan melakukan hubungan seks sepuas-puasnya (MeckWell, (2011). Menurut penganut fahaman ini bermesra merupakan satu keperluan yang mesti dilakukan oleh seseorang yang sedang bercinta dan mabuk cinta. Kerana tujuan cinta dan berkasih sayang adalah bermesra dengan orang yang dicintai. Lalu menikmati hubungan seks dengan penuh keghairahan. Apabila bermesra tanpa melakukan cumbu-rayu, pelukan, ciuman dan hubungan seks, maka itu hanya sekadar hubungan biasa. Oleh itu, setiap ada cinta harus

ada hubungan mesra dan seks (Meck Well, 2011).

Tidak dinafikan definisi bermesra dengan kekasih adalah duduk berdua-duan di dalam suasana yang sunyi, sepi dan saling memberi tindak balas. Kemudian diikuti dengan canda-tawa, perasaan gembira, cumbu, pelukan, ciuman dan diselingi dengan hubungan seks. Memang secara fisiologi, memang nafsu atau syahwat kedua-dua insan yang sedang bercinta pasti akan mencuat dan tegang. Sehingga dengan peluang itulah kedua-dua insan yang sedang dilanda cinta lalu sama-sama rela, terangsang dan sedar melakukan hubungan seks. Konon, perhubungan cinta dan rasa rindu bertambah hebat. Percintaan semakin hangat dan menggairahkan. Apalagi situasi itu berlaku kepada para remaja, di mana satu situasi yang sangat sensitif dan terlalu mudah terangsang oleh sentuhan kulit, ciuman dan rabaan. Dengan itu, aktiviti percintaan semakin rancak dan bertambah mesra. Secara biologis, memang aktiviti seks bermula dari hubungan perkenalan, lalu diiringi dengan rasa ingin mencintai dan dicintai. Apabila perasaan cinta telah berlabuh di dalam dada kedua-dua insan, maka terjadilah hubungan percintaan itu. Apabila hubungan percintaan telah semakin rancak dan dinamik, maka pelbagai helah dan cara dilakukan untuk sentiasa mengambil peluang bermesra dengan kekasih. Disebabkan kedua-dua insan telah sering bermesra di dalam suasana yang sepi dan indah, maka sudah tentu akan timbul keinginan yang lebih tinggi dan intim lagi. Kemuncak dari percintaan yang bertambah mesra itu adalah keinginan merasakan hubungan yang lebih hebat lagi. Hubungan itu diterjemahkan dalam bentuk seks. Apabila seks telah dilakukan sekali, pasti ingin merasakan yang kedua kali, ketiga kali dan seterusnya berkali-kali. Ya, cinta dan rindu seperti ini adalah cinta kerana berahi. Meskipun benar kedua insan saling mencintai dan melakukan perhubungan yang mesra itu dengan penuh kesedaran sendiri. Tetapi tetap faktor emosi dan berahi telah menguasai seluruh tubuh kedua-dua insan yang sedang bercinta. Sekali lagi, tanda cinta seperti ini wujud di dalam kalangan manusia yang tidak beragama. Sekiranya mereka beragama tetapi tidak menghayati ajaran agama, atau mereka tidak mengerti sama sekali ajaran agama. Seluruh fikiran, emosi dan hati mereka telah dirasuki oleh syaitan-syaitannyata. Sehingga mereka memandang hubungan seks secara suka rela dan bebas itu sebagai satu keperluan yang mesti dilakukan tanpa perlu mengikuti ajaran agama. Yang penting hubungan yang mesra, cumbu, ciuman, pelukan dan seks itu dikerjakan atas dasar

kerelaan kedua-dua insan yang sedang bercinta.

Menurut Islam, perasaan cinta itu merupakan salah satu anugerah Allah kepada semua manusia. Dengan cinta itu, manusia menjadi indah. Kerana cinta itu mendorong hidup manusia untuk berusaha, bekerja, belajar dan mencari penghidupan yang lebih baik. Dengan cinta itu, manusia mencari jodoh yang serasi, sepadan dan sebaya dan saling jatuh cinta. Kedua-dua insan yang sama-sama jatuh cinta, diizinkan menikmati cinta dan hubungan cinta tetapi dihalalkan dengan pernikahan. Kerana dengan pernikahan mengikut ajaran agama, kehidupan cinta manusia akan semakin bertambah-tambah, semakin bergairah dan semakin menyerlah. Buah dari perhubungan cinta yang disahkan dengan pernikahan itu akan membina mahligai cinta yang luar biasa. Cinta seperti ini bukan sekadar menikmati hubungan seks berkali-kali, tetapi membawa berkah kehidupan yang luar biasa sehingga menghantar kedua-dua insan yang saling mencintai itu melahirkan anak-anak manusia yang soleh-solehah, yang akan meneruskan hubungan percintaan itu. Bukan hanya terhenti di sini, rasa cinta ini akan berkekalan sehingga ke alam akhirat, iaitu syurga yang berkekalan buat selama-lamanya.

Konsep bermesra dengan kekasih adalah duduk berdua-duaan dengan kekasih pujaan hati, bercanda, bercumbu, berpelukan, berciuman dan melakukan hubungan seks berulang-ulang, tetapi semuanya telah dihalalkan dengan ijab-kabul pernikahan. Sudah tentu, pernikahan di hadapan ***qadi,*** atau ***hakim syariah***, atau ***penghulu*** atau ***juru nikah*** yang bertauliah. Islam menilai kemesraan seperti ini bukan hanya memenuhi keperluan biologis hubungan seksual semata, tetapi semuanya akan mendapat pahala di sisi Allah. *Subhanallah*! Tanda cinta yang paling agung di sisi Allah, jika kedua insan yang sedang bercinta, bermesra untuk menikmati suasana dan perhubungan cinta yang lebih lazat diiringi dengan *zikrullah*. Maka rasa kemesraan bukan hanya lazat dari segi biologi, tetapi lazat dari segi psikologi. Maknanya kenikmatan cinta yang luar biasa ini terlalu sukar diungkapkan dengan kata dan simponi bahasa. Kerana kenikmatan cinta yang diliputi *zikrullah* ini, terlalu agung dan *ladunni*. Hanya kedua-dua *insan* yang bercinta kerana Allah serta mereka mendapat keredhaan Allah sahaja yang dapat merasakannya. Ia terlalu *ladunni*. Salah satu faktornya adalah kerana mereka menyandar perasaan cinta tertinggi dan bermesra itu kepada yang memberikan "**Rasa Cinta**, iaitu **ALLAH SWT**". Sebagaimana

Allah berfirman:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِۗ

Adapun orang-orang yang beriman amat sangat cintanya kepada Allah..'

(Surah al-Baqarah 2 : 165).

Tatkala nikmat cinta berahi, seks dan nikmat rohani bergabung ke dalam satu nikmat, maka manusia akan hanyut dalam lautan cinta yang sejati. Itulah sebabnya, orang-orang mukmin tidak mahu mengkhianati cinta. Nikmat cinta berahi yang diiringi dengan nikmat rohani ini digambarkan dalam satu hadis yang menyatakan bahawa perempuan solehah lebih baik dari dunia dengan segala isinya. Sehingga ketika pasangannya atau kekasih memandangnya sentiasa menyenangkan. Di sinilah bermulanya nikmat hubungan dan kebahagiaan antara kedua belah insan yang sedang bercinta. Diriwayatkan oleh Said al-Maqburi dari Abu Hurairah ra, ditanyakan kepada Rasulullah SAW:

أَيُّ النِّسَاءِ خَيْرٌ قَالَ الَّتِي تَسُرُّهُ إِذَا نَظَرَ وَتُطِيعُهُ إِذَا أَمَرَ وَلَا تُخَالِفُهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهَا بِمَا يَكْرَهُ

Siapakah wanita yang terbaik? Beliau menjawab: 'Yang menyenangkan apabila dilihat suaminya, taat apabila disuruh, tidak menyelisihkan diri (pandai menjaga kehormatan diri) dan menjaga hartanya yang diamanahkan suaminya.

(Riwayat Nasaie, hadis nombor 3179).

Hadis ini hampir selari dengan kandungan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amar bin al-Ash, yang intinya adalah memuji martbat wanita solehah. Sebebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا كُلَّهَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Sesungguhnya dunia seluruhnya adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita solehah..

(Riwayat Nasaie, hadis nombor 3180).

CEMBURU

Lelaki yang telah jatuh cinta sering cemburu dengan wanita yang dicintainya. Demikian juga wanita yang sedang jatuh cinta selalu cemburu dengan lelaki kekasihnya. Cemburu seperti ini lazim terjadi pada setiap orang yang sedang jatuh cinta dan bercinta. Cemburu merupakan eksperesi tanda cinta; terlebih lagi cemburu wanita kepada lelaki merupakan obsesi cinta yang tidak boleh dibelah-bahagi. Seorang gadis yang telah berlabuh cintanya di jiwa lelaki; maka wanita itu tidak akan mahu melepaskan kepergian lelaki itu tanpa sebarang alasan cinta. Cinta dan cemburu seorang wanita adalah cinta harga mati. Oleh itu, cinta wanita memiliki perasaan cemburu yang amat tinggi kepada lelaki yang telah menjadi miliknya. Menurut psikologi, emosi cinta seorang wanita kepada lelaki kekasih hati lebih tinggi dan berkobar-kobar dibandingkan dengan cinta seorang lelaki kepada wanita kekasih hatinya. Kerana cinta dan cemburu seorang wanita lebih banyak dipengaruhi oleh energi emosional; sedangkan cinta dan cemburu seorang lelaki dipengaruhi oleh energi emosional dan rasional. Oleh itu, wanita sangat mudah menitiskan air mata apabila mendengar perkataan kasar; dicemuh. dikritik dan direbut cintanya.

Walau bagaimanapun perasaan cemburu selalu menjelma kepada setiap insan yang bercinta. Cemburu adalah satu tekanan emosi yang menguasai fikiran, jantung, hati dan seluruh organ tubuh. Sebagaimana sifat suka bermesra, perasaan cemburu dengan kekasih juga merupakan tanda cinta seseorang kepada kekasih yang sedang berkobar-kobar. Ahli psikologi mengatakan bahawa cemburu merupakan fenomena emosi yang timbul kerana adanya sesuatu yang terjadi pada diri kekasih. Abang Ishar (2022), dalam bukunya Psikologi Dalam Al-Quran mengatakan sikap cemburu dan cinta manusia berada di dalam hati. Hati adalah tempat bersemayamnya cinta, cemburu dan perasaan rindu manusia. Apabila cinta telah berlabuh, maka hatilah yang akan merasakan kebahagiaan, kegembiraan dan rindu kepada kekasih. Apabila cinta tidak berbalas, atau terputus hubungan cinta, maka hati juga yang merasakan pahit, pedih dan penderitaannya.

Hati dalam bahasa Arab disebut *qalb,* bentuk jamaknya *qulub*. Dalam bahasa Inggeris disebut *heart*, tetapi istilah ini bukanlah hati yang merujuk kepada makna zahir pada manusia. Hati yang dimaksudkan adalah suatu organ yang tersimpan di dalam roh manusia

yang berfungsi untuk mengolah pelbagai maklumat, mempelajari dan menghayati ilmu, atau suatu mesin penyimpan data yang membentuk keperibadian.

Di dalam al-Quran terdapat banyak perkataan ***qalb, qulub (hati, hati-hati)***. Demikian juga dalam hadis banyak disebutkan istilah *qalb, qulub* (hati, hati-hati). Sedangkan dalam al-Quran, istilah ***aql*** (akal) tidak pernah disebutkan dalam bentuk kata benda, kecuali pada hadis-hadis *dhaif*. Terdapat dalam al-Quran, bahawa salah satu kerja hati adalah berfikir atau ***aqala***. Istilah ***aqala*** adalah bentuk kata kerja (*verb*) dari akal. Mungkin, boleh jadi al-Quran tidak menganggap akal sebagai sebagai suatu benda, tetapi hanya sebagai salah satu kerja hati. Fakta ini selari dengan ayat al-Quran:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَآ أَوْ ءَاذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۖ فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى ٱلْأَبْصَـٰرُ وَلَـٰكِن تَعْمَى ٱلْقُلُوبُ ٱلَّتِى فِى ٱلصُّدُورِ ٦٤

Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta, ialah hati yang di dalam dada.

(Surah al-Hajj 22 : 46).

Cemburu itu datang dari hati yang mencintai. Apabila perasaan cemburu timbul, ia terus mengekspresikan tindakan lain seperti merajuk, tidak mahu bercakap-cakap, membisu seribu bahasa, sedih, benci-benci rindu, marah dan menangis. Semua ini kerana perasaan cinta yang bersemayam di dalam dada.

Tanpa cinta tidak akan pernah wujud rasa cemburu di hati. Tidak dapat dikatakan cinta, orang yang tidak cemburu kepada kekasihnya. Sekiranya ada seseorang tidak memiliki perasaan cemburu; situasi ini boleh terjadi kerana dua hal, iaitu (1) cinta dusta, orang seperti ini berpura-pura cinta tetapi sebenarnya dusta; (2) lemah iradahnya dan tidak mempunyai harga diri. Manusia seperti ini telah rosak hatinya. Sesungguhnya hati seperti ini tidak memiliki nilai sensitiviti yang benar terhadap perasaan rindu. Rasulullah SAW bersabda:

وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Dan ketahuilah pada setiap tubuh ada segumpal darah apabila baik maka baiklah tubuh itu dan apabila rosak maka rusaklah tubuh tersebut. Ketahuilah, ia adalah hati.

Takhrij: (al-Bukhari, al-Tauhid, al-Qalb; hadis 30, daripada Nu'man bin Basyir).

Merujuk dalil naqli di atas, sifat cemburu berpunca dari emosi yang menguasai hati. Emosi itu merupakan *fitrah* yang telah Allah kurniakan ke dalam hati manusia. Perasaan cemburu dibahagikan kepada dua iaitu cemburu kepada yang mengurniakan perasaan iaitu Allah dan cemburu kepada manusia. Cemburu kepada yang mengurniakan perasaan cemburu merupakan cemburu yang tertinggi nilainya. Cemburu kepada manusia ertinya cemburu dengan orang yang dicintai. Cemburu dalam konteks ini lumrah cinta.

Cemburu kepada wanita, atau lelaki yang belum dihalalkan, hanya atas dasar cinta komuniti semata-mata, maka cemburu jenis ini perlu dihindarkan. Apalagi menafikan ajaran agama. Cemburu dalam konteks ini termasuk cemburu buta dan dicela oleh agama. Cemburu dengan menuduh kekasih berbuat curang orang lain; cemburu jenis ini juga tercela dan berdosa.

CINTA MEMBINA ENERGI

Ketika cinta mula berputik, hati seorang gadis pasti berbunga-bunga. Demikian juga apabila surat lamaran cinta seorang lelaki telah diterima cintanya oleh seorang gadis, maka hati lelaki itu riang gembira, bangga dan bahagia yang taranya. Perasaan suka, bangga, gembira dan bahagia menjadi bertambah-tambah disebabkan si dia. Tekanan perasaan cinta selalu membara di dalam lautan cinta.

Dalam konteks psikologi, rasa cinta seseorang kepada kekasih hatinya akan sentiasa memberi energi. Memberi energi maknanya emosi cinta itu akan selalu memberi dorongan kuat untuk bertemu, berjalan dan beraktiviti. Dorongan cinta yang membara membina energidapat duduk berdua dengan kekasih berlama-lama di taman dan di tempat pertemuan cinta. Seorang remaja usia 18 tahun menceritakan dia

duduk berduan dengan kekasihnya sehingga ke waktu subuh. Seorang wanita cantik berkata dia duduk dengan pacarnya sambil minum dan makan *kueci* berjam-jam lamanya. Beberapa anak muda menceritakan mereka pergi kerkemping dengan pasangan masing-masing selama sehari. Salah seorang gadis remaja berusia 19 tahun menceritakan dia tahan berembun semalaman duduk berduaan dengan kekasih hatinya. Mercury (bukan nama sebenar), seorang gadis jelita menceritakan dia sentiasa berjumpa dan bercanda dengan kekasihnya setiap hari. Semua cerita ini diambil dari Harian Metro: Disket Artis Bogel (1994). Rasa cinta memang sentiasa memberi energi tambahan kepada seseorang yang sedang bercinta, sama ada cinta sejati berlandaskan agama atau cinta berahi. Mencintai dan dicintai adalah aspek psikologi setiap manusia yang selalu memberi motivasi kendiri.

Sekiranya seorang lelaki yang bercinta tidak faham agama;wanita yang dicintai juga tidak beragama, maka keduanya akan melakukan hubungan cinta yang terlarang. Cinta seperti ini dianuti oleh orang-orang yang berfikiran bebas, menafikan ajaran agama dan budaya. Cinta dalam konteks ini hanya diterjemahkan dengan hubungan seks. Maka setiap ada aktiviti dan pertemuan selalu dihiasi dengan pelukan, ciuman, canda-tawa dan hubungan seks dengan kekasih. Bagi mereka syarat cinta sejati adalah seks. Tiada cinta tanpa hubungan mesra dan seks. Dorongan cinta bagi mereka sentiasa memberi tenaga untuk melakukan hubungan seks berkali-kali dengan kekasih hati. *Nauzubillah*!

Apabila seorang lelaki bercinta taat mengerjakan perintah agama; demikian juga wanita itumemahami ajaran agama, maka perasaan cinta akan membina energi positifke arahhubungan cinta yang lebih tinggi dan sangat bermakna. Maknanya rasa cinta itu akan mendorong kedua insan yang sedang bercinta untuk menikah, menjadi pasangan suami isteri yang halal lagi diberkati. Rasa cinta akan memberi tenaga kepada kedua insan ini membina hubungan cinta yang berkekalan sehingga ke hari tua. Keduanya bukan sekadar menjalin cinta dalam bentuk melakukan hubungan mesra seperti bercumbu, bercanda, bergembira, bermanja dan melakukan hubungan senggama, tetapi lebih jauh dari itu. Insan yang taat dengan agama akan memaknai cinta dengan falsafah cinta yang paling tinggi dan mulia. Cinta sentiasa memberi energi kepada keduanya untuk mengerjakan kebaikan amal dan perkhidmatan hidup yang berkualiti. Cinta keduanya akan selalu bersinar sepanjang masa. Asas utama dari cinta ini adalah ***keimanan, ketakwaan*** dan ***adab***

mulia. Setiap insan yang jatuh cinta; cinta telah sama-sama berlabuh dalam dada, bagi mereka itu merupakan satu anugerah Allah. Anugerah ini akan bertambah indah dan bermakna jika rasa cinta yang membara itu disalurkan dengan benar. Saluran cinta yang benar, sentiasa mengutamakan faktor keimanan, ketakwaan dan adab percintaan yang mulia. Menurut Islam, rasa cinta akan lebih menggairahkan lagi jika kedua-dua insan harus diijabkabulkan dan disaksikan oleh saksi-saksi yang soleh di hadapan kedua ibu bapa. Mahligai cinta semakin terang bercahaya. Bagaikan cahaya indah bulan purnama. Mereka duduk berdua menikmati indahnya bulan purnama; duduk di pantai sambil menyaksikan ombak menghempas pantai. Di sela-sela rasa aman, bahagia dan gembira itu, keduanya melafazkan beberapa ayat-ayat cinta serta zikir maksurat. Aduhai, indahnya jiwa. Tenteramnya hati dan nikmatnya cinta. Semakin hari semakin berputik mekar cinta, setiap bulan bertambah lazat kehidupan cinta, bertambah tahun semakin subur rasa cinta dan keindahan cinta di dada. Setiap kali melakukan hubungan seks selalu diiringi dengan menyebut nama Allah dan membaca doa. Cinta seperti ini bukan hanya memberi kenikmatan hubungan seks pasangan, tetapi akan menambah kebahagiaan berdua.

Cinta yang berlandaskan agama akan membina energi bahagia. Terlebih lagi bila kedua insan yang telah membina cinta itu dikurniakan zuriat, maka mereka akan semakin rajin mencari kurnia Allah dengan pelbagai cara. Dalam fikiran mereka cinta sentiasa memberi tenaga untuk rajin bekerja, berusaha mendidik dan membesarkan anak-anak yang dihasilkan dari hubungan cinta yang mulia. Cinta memang selalu membina energi untuk bekerja, berjuang dan berjihad di jalan Allah.Rasa cinta terhadap isteri solehah akan membawa kedamaian dan kebahagiaan perhubungan cinta. Rasa cinta terhadap anak-anak membina energi untuk disiplin mendidik merekaagar berjaya menjadi anak-anak yang soleh, berilmu dan bertakwa.

DUNIA BERTAMBAH INDAH

Perasaan cinta membina hidup menjadi lebih indah. Di setiap pertemuan, tempat dan suasana diselimuti rasa indah. Seorang pemuda yang telah jatuh cinta dengan seorang gadis; jiwanya bertambah ghairah dan indah. Demikian juga seorang wanita yang telah jatuh cinta dengan seorang pemuda; jiwanya sentiasa bahagia dan indah. Setiap pergerakan dan langkah kakinya terasa indah. Seorang wanita yang telah mencintai

dan dicintai lelaki; kelihatan wajahnya selalu ceria, terselip senyuman manis dan tingkah lakunya manja. Untuk mengekspresi rasa cintanya, wanita itu selalu berpakaian indah. Ketika bersendirian, wanita juga bernyanyi dengan lagu-lagu merdu dan indah.

Dunia ini memang bertambah indah. Setiap hari dan masa hidupnya selalu dihiasi rasa indah. Setiap langkah kaki berjalan terasa indah, emosi cinta menjadi indah, berpakaian menggunakan baju-baju yang indah dan setiap hari selalu membawa lagu-lagu indah. Lidia Kandau seorang penyanyi terkenal dari Indonesia ketika mengekspresikan cintanya kepada seorang kekasih sering membawa lagu-lagu cinta, antara gubahan lagu cinta itu seperti berikut:

Masihkah kau ingat sayang

Gadis yang kau cinta sayang

Dia yang membawa sayang

Lagu-lagu ***indah*** *sayang*

Seluruh gubahan lagu ini menjelaskan perasaan indah seorang wanita yang telah jatuh cinta kepada seorang lelaki pujaan hatinya. Ketika sunyinya malam, hatinya bertambah rindu dan sayang; ketika makan, hatinya teringat canda-tawa kekasih; ketika tidur terbayang-bayang wajah kekasih; teringat semasa berjalan bersama, duduk bersama dan makan bersama; semua ini terasa indah. Perasaan cinta selalu menambah keindahan cinta. Kadangkala kekasih memberi bunga,kerana bunga dianggap sebagai simbol cinta yang indah. Ketika penulis menerima ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), selain isteri tercinta memberikan bunga, rakan-rakan perempuan dan mahasiswa perempuan juga memberikan bunga kepada penulis. Ketika ditanya, mereka menjawab, '*bunga adalah lambang cinta kasih sayang dan keindahan perjuangan'. Subhanallah*! Penulis hanya mengucapkan terima kasih kepada isteri tercinta, rakan-rakan perempuan dan mahasiswa berkenaan.

Kecantikan wajah selau dikaitkan dengan indah. Kebaikan hati dan akhlak sering juga dikaitkan dengan indah. Seorang lelaki yang sedang jatuh cinta sentiasa memandang indah wajah kekasih, memuji tingkah laku dan tubuhnya yang indah. Itulah sebabnya manusia suka dengan

sesuatu yang indah. Rasulullah SAW mengatakan salah satu kriteria perempuan yang baik untuk dinikahi adalah memiliki kecantikan. Cantik itu indah. Lazimnya lelaki suka melihat kecantikan zahir wanita. Kerana sesungguhnya kecantikan zahir itu indah. Selain keindahan zahir, Allah SWT menyuruh manusia untuk menikmati keindahan batin. Keindahan batin adalah merupakan sebaik-baik keindahan yang Allah SWT anugerahkan kepada jiwa dan fikiran manusia. Keindahan batin merangkumi keindahan wajah, tubuh, sikap, karakter, akhlak, iman, ilmu dan amal. Keindahan ini akan mempengaruhi seluruh penilaian manusia kepada manusia dan seluruh makhluk Allah selain manusia. Termasuk keindahan alam. Keindahan batin akan menghiasi kecantikan Zahir. Walaupun rupa zahir seseorang itu tidak indah, tetapi keindahan batin akan menutupinya dengan keindahannya, kewibawaan, sikap-akhlak yang indah dan pelbagai sikap-sikap lain yang menarik perhatian. Seorang mukmin akan kelihatan lebih indah dan berwibawa disebabkan kuat imannya. Seorang mukmin akan kelihatan lebih indah, jika memiliki ilmu yang tinggi dan diiringi dengan ketinggian akhlaknya. Kerana itu siapa yang melihatnya akan segan dan tertarik kepadanya. Siapa sahaja yang berinteraksi dengannya akan menyukainya, kerana hal itu dilihat langsung oleh mata. Apabila kita melihat orang-orang soleh, berilmu, amanah dan memiliki adab yang indah, niscaya dia akan kelihatan sebagai orang yang indah, meskipun jasadnya hitam legam dan tidak tampan wajahnya.

Di kalangan lelaki dan wanita ada yang memiliki pelbagai kelebihan tertentu, misalnya wajahnya yang cantik rupawan, bentuk tubuhnya yang menawan, suaranya yang merdu indah. Lantaran itu, manusia laintertambat hatinya untuk mencintainya. Secara fitrah jiwa manusia selalu menganggap sesuatu yang baik dan menarik hatinya itu indah. Kebanyakan manusia lebih suka mendengar perbicaraan orang yang berwajah rupawan, meskipun berhati buruk, daripada orang yang berwajah buruk berhati baik. Sebab penilaian manusia tahap awal adalah penampilan fizikal seseorang yang tampan-rupawan. Oleh yang demikian, Allah SWT mengingatkan orang-orang mukmin supaya jangan terpedaya dengan wajah zahir seseorang yang rupawan dan keindahan bentuknya. Orang-orang mukmin diingatkan bahawa keindahan teramat agung ialah keindahan zahir dan batin.

Keindahan zahir-batin merupakan nikmat Allah yang utama kepada hamba-hambaNya. Walau bagaimanapun, kecantikan dan keindahan zahir juga merupakan satu nikmat Allah yang diberikan

kepada orang-orang tertentu, yang perlu disyukuri oleh pemiliknya. Kerana keindahan zahir ini nampak dibandingkan dengan keindahan batin. Semua manusia dapat melihatnya. Berbeza dengan keindahan batin, yang perlu dibuktikan oleh pemiliknya supaya orang ramai dapat mengetahuinya. Apabila manusia memeliharanya dengan bersyukur dan bersifat takwa, niscaya keindahan zahir-batin itu akan bertambah agung di sisi seluruh makhluk, khasnya di hadapan Allah. Sebaliknya, jika manusia menggunakan keindahan zahir itu untuk derhaka kepada Allah, niscaya dia akan mengubah penampilan zahirnya di dunia sebelum perubahan di akhirat. Maka penampilan yang indah itu akan bertukar menjadi kotor, buruk dan hilang cahayanya. Setiap individu yang tidak bertakwakepada Allah dengan keindahannya akan bertukar menjadi jelek dan buruk dalam pandangan manusia. Sementara keindahan batin akan mengangkat keburukan zahir, lalu menutupinya. Demikian juga keburukan batin akan menarik keindahan lahir, lalu menutupinya.

Setiap orang yang menggunakan keindahan fizikal untuk bermaksiat biasanya cahaya wajahnya bertukar menjadi gelap. Setiap organ keindahan berupa kulit, hidung, mata, bibir, rambut, payudara, pinggul dan sebagainya akan berubah menjadi buruk dan dipandang tidak baik. Pelaku zina kerap kali dijangkiti penyakit kulit yang menjijikkan. Individu yang hanya berzina sekali sahaja akan terkena penyakit kulit biasa. Akan tetapi individu yang sering kali melakukannya, penyakit kulit dan kelamin akan menimpanya. Abdul Mujib (2006) menyatakan bahawa ‘setiap individu di masa tuanya menderita penyakit kulit, dijangkakan individu berkenaan selalu melakukan zina di masa mudanya. Oleh itu, biasanya biaya belanja pengubatan penyakit kulit dan kecantikan pezina sangat besar. Ditambah lagi dengan biaya pengubatan doktor-doktorahli untuk menyembuh penyakit kulitnya. Dengan seseorang yang berbuat jahat, kejahatan dan kesan kejahatan itu akan kembali kepada drinya. Sebagaimana Allah berfirman:

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰٓ إِلَّا مِثْلَهَا

Sesiapa yang mengerjakan perbuatan jahat, maka dia tidak akan dibalasi melainkan sebanding dengan kejahatan itu.

(al-Mukmin 40 : 40).

Apabila orang tua yang semasa mudanya berwajah rupawan dan indah; semasa mudanya dia menghindari perbuatan zina, keindahan

wajahnya di masa tua akan tetap terjaga. Di wajahnya selalu terpancar wajah anggun berwibawa.

BAB 3
UJIAN CINTA

SEJARAH CINTA

Sejarah cinta manusia bermula dari penciptaan Adam seorang diri. Kemudian Allah SWT menciptakan Hawa sebagai kekasih sejati Adam sepanjang hayat. Proses penciptaan Hawa agak unik kerana berasal dari tulang rusuk Adam yang paling bengkok. Sejarah penciptaan Hawa dari tulang rusuk bengkok ini selari dengan hadis sahih sahih. Diriwayatkan dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَعِ أَعْلَاهُ إِنْ ذَهَبْتَ تُقِيمُهُ كَسَرْتَهُ وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Berikanlah nasihat kebaikan kepada wanita, kerana wanita itu diciptakan dari tulang rusuk, dan tulang rusuk yang paling bengkok adalah bagian atasnya. Jika kamu berusaha meluruskannya maka tulang rusuk itu akan patah, tetapi jika kamu membiarkannya maka dia akan tetap bengkok. Oleh kerana itu gaulilah wanita-wanita dengan baik.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, al-Iman billahi wal Akhir; hadis 848, daripada Abu Hurairah).

Merujuk hadis sahih ini bermakna wanita adalah bahagian dari lelaki. Bahagian yang lebih kecil, tetapi keduanya berasal dari satu

jiwa. Sesuai dengan firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ وَخَلَقَ مِنۡهَا زَوۡجَهَا وَبَثَّ مِنۡهُمَا رِجَالٗا كَثِيرٗا وَنِسَآءٗۚ

Hai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang banyak…'

(Surah al-Nisa' 4 : 1).

Perkahwinan Adam dan Hawa melahirkan banyak zuriat; setiap anak yang lahir selalu kembar berpasangan iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan. Syariat ketika itu, membolehkan kahwin adik beradik; tetapi tidak boleh kahwin dengan sama-sama dilahirkan kembar. Sebagai contoh, Qabil tidak boleh kahwin dengan adik perempuan yang sama kembar dengannya; Qabil hanya dibolehkan kahwin dengan adik perempuan yang dilahirkan kembar bersama dengan Habil. Syariat ketika itu menghalalkan perkahwinan antara Qabil dengan perempuan yang lahir bersama Habil. Demikian juga Habil hanya dibolehkan kahwin dengan perempuan yang dilahirkan bersama Qabil.

Dikisahkan perempuan kembar yang lahir bersama dengan Qabil adalah cantik. Sedangkan perempuan kembar yang lahir persama Habil kurang cantik. Dorongan cinta Qabil kepada perempuan kembar yang lahir bersamanya untuk tetap mahu kahwin dengannya.

Kemudian Adam memerintahkan keduanya untuk berkorban. Tentang kisah Qabil dan Habil ini dinyatakan dalam al-Quran seperti berikut: 'Ceritakanlah kisah dua anak Adam, Qabil dan Habil menurut yang sebenarnya. Ketika keduanya mempersembahkan korban, maka diterima dari salah seorang mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Qabil berkata: aku akan membunuhmu. Habil menjawab: sesungguhnya Allah menerima korban dari orang yang bertakwa. Sesungguhnya jika engkau menggerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan menggerakkan tanganku untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan Seru sekalian alam. Sesungguhnya aku ingin agar engkau membawa dosaku dan dosamu, maka kamu akan menjadi penghuni

neraka, yang demikian balasan bagi orang-orang yang zalim. Maka hawa nafsu Qabil menjadikannya menganggap mudah membunuh saudaranya…' (al-Maidah : 27-30).

Faktor dorongan nafsu yang mempengaruhi Qabil untuk membunuh adik kandungnya. Dorongan cinta buta juga yang menyebabkan Qabil tega membunuh adik kandungnya demi untuk mendapatkan seorang perempuan cantik.

Demi desakan cinta, Qabil sanggup berkorban atas nama cinta; walaupun cinta buta. Demi kemuliaan cinta, Habil tidak melawan Qabil; ikhlas menyerahkan jiwanya. Habil adalah pemuda yang berhati mulia; mempertahankan cinta dengan cara yang mulia. Qabil pemuda yang berhati singa, gila cinta, mabuk cinta dan lebih suka memilih cinta durjana.

Cinta Ibrahim kepada Hajar, menurunkan zuriat yang teragung di seluruh alam, iaitu Ismail. Dari zuriat Ismail, melahirkan Nabi Muhammad SAW.

Cinta Muhammad kepada Khadijah dijelaskan dalam hadis sahih. Dalam Riwayat Aisyah ra berkata, 'Demi Allah, saya tidak pernah merasa cemburu kepada isteri-isteri Nabi SAW yang lain kecuali kepada Khadijah. Meskipun dia tidak hidup bersama saya. Pernah suatu hari ketika Rasulullah SAW menyembelih seekor kambing berkata: berikan sebahagian daging ini kepada sahabat-sahabat Khadijah. Aku marah kepada Rasulullah seraya berkata: 'Khadijah'? Kemudian beliau menjawab:

إِنِّي قَدْ رُزِقْتُ حُبَّهَا

Sesungguhnya aku benar-benar telah dianugerahi cinta Khadijah.

Takhrij: (Muslim, Kitab Keutamaan Sahabat (54), Bab Keutamaan Khadijah (20), hadis 1678; daripada Aisyah ra).

Khadijah binti Khuwailid telah menghabiskan seluruh hidupnya demi cinta kepada Muhammad. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW amat mencintainya. Demi cintanya kepada Muhammad, Khadijah mengorbankan seluruh harta kekayaan dan jiwa-raganya demi Muhammad. Lantaran Rasulullah SAW menjelaskan bahawa syurga yang disediakan untuk Khadijah terbuat dari emas dan perak. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah ra berkata, suatu ketika Malaikat Jibril

pernah datang kepada Rasulullah SAW sambil berkata: Ya Rasulullah, ini dia Khadijah. Dia datang kepadamu dengan membawa wadah berisi lauk-pauk. Apabila datang kepadamu, maka sampaikan salam dari Allah SWT dan dariku kepadanya. Berikan berita gembira kepadanya:

بِبَيْتٍ فِي الْجَنَّةِ مِنْ قَصَبٍ لَا صَخَبَ فِيهِ وَلَا نَصَبَ

Rumahnya di syurga terbuat dari emas dan perak, di mana tidak ada kebisingan dan kepayahan di dalamnya.

Takhrij: (Muslim, Kitab Keutamaan Sahabat (54), Bab Keutamaan Khadijah (20), hadis 1677; daripada Abu Hurairah ra).

Selain cinta kepada Khadijah, Muhammad SAW juga amat mencintai Aisyah. Aisyah satu-satunya isteri Rasulullah SAW yang gadis, cantik jelita dan muda. Isteri-isteri yang lain sudah tua dan janda-janda. Mengenai cinta Rasulullah SAW kepada Aisyah dijelaskan dalam banyak hadis sahih. Antaranya, dari Riwayat Abu Musa menjelaskan keutamaan Aisyah dengan wanita-wanita lain adalah seperti keutamaan sarid (bubur) dibandingkan dengan makanan lain. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Musa berkata, Rasulullah SAW bersabda: lelaki yang sempurna itu banyak, sedangkan perempuan yang sempurna itu hanya Maryam binti Imran dan Asiah isteri Firaun.

وَإِنَّ فَضْلَ عَائِشَةَ عَلَى النِّسَاءِ كَفَضْلِ الثَّرِيدِ عَلَى سَائِرِ الطَّعَامِ

Sesungguhnya keutamaan Aisyah di antara kaum wanita yang lain adalah seperti keunggulan sarid (bubur) dibanding dengan makanan yang lain.

Takhrij: (Muslim, Kitab Keutamaan Sahabat (54), Bab Keutamaan Khadijah (19), hadis 1673; daripada Abu Musa ra).

Mengenai cinta, Amru bin Ash pernah bertanya kepada Rasulullah mengenai wanita yang paling dicintainya. Rasulullah SAW: '*Wanita yang paling dicintainya adalah Aisyah'*. Fakta cinta Rasulullah SAW kepada Aisyah ini selari dengan hadis sahih. Diriwayatkan dari Abu Usman al-Nahdi, dari Amru bin al-Ash, bahawa Rasulullah menjadikannya sebagai pemimpin bagi pasukan *zatus-salaasil.* Amru bin Ash berkata, aku kemudian mendatangi Rasulullah, lalu aku bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيْكَ قَالَ عَائِشَةُ قُلْتُ مِنْ الرِّجَالِ قَالَ أَبُوهَا

Ya Rasulullah, siapakah wanita yang paling engkau cintai? Beliau menjawab: 'Aisyah.' Aku bertanya lagi. Dari lelaki? Beliau menjawab: 'Ayah Aisyah '.

Takhrij: (Tirmizi, Kitab Manaqib (46), Bab Keutamaan Aisyah (63), hadis 3885; daripada Amru bin Ash ra). Kedudukan hadis ini sahih. Terdapat juga dalam Mutafaqun Alaih.

Demikianlah indahnya kisah cinta. Cinta yang diperolehi dengan cara yang mulia dan cara memelihara cinta. Kisah indahnya cinta sentiasa menghiasi lembaran hidup manusia. Di mana-mana manusia selalu jatuh cinta; mudah jatuh cinta; akan tetapi banyak manusia yang gagal memelihara cinta.

Dikisahkan oleh Al-Kharaith (2009), di Madinah pernah terjadi ada seorang wanita cantik jelita. Dia jatuh cinta kepada seorang pemuda Quraisy. Kemudian pemuda itu juga menerima cinta wanita cantik itu, sehingga kedua insan yang saling jatuh cinta ini hidup bersama dan tidak mahu berpisah. Tetapi suatu hari, pemuda itu tiba-tiba merasa bosan hidup bersama dan dia meninggalkan wanita itu. Namun, wanita itu tetap mencintai pemuda itu, walaupun dia telah meninggalkannya. Disebabkan terlalu rindu, sedih dan gelisah, maka wanita itu ditimpa sakit. Pembantunya tidak mahu lagi memperdulikan keluh-kesahnya, juga tidak mahu lagi bersimpati untuk menolongnya. Hingga akhirnya wanita itu menjadi gila. Dia berjalan-jalan di tengah-tengah kota mencari kekasihnya. Kesudahannya dia merobek-robek pakaiannya sendiri dan telanjang. Ketika kekasih menemuinya untuk mengubatinya, tetapi tidak berjaya. Pelbagai usaha telah dilakukan mengubatinya, tetapi juga gagal.Gadis itu berjalan merayau-rayau di tengah-tengah kota. Gadis itu juga berjalan-jalan di kota waktu malam seraya bersyair:

Cinta yang pertama kali meneguhkan

Ia datang bersamanya dan digiring oleh takdir

Hingga saat sang pemuda telah mencebur diri

ke dalam gelora hasrat

Datanglah hal-hal yang tidak dapat ditanggung

oleh orang-orang dewasa

Siapa yang mampu menanggung hasrat (hawa nafsu)

seperti yang kami tanggung

Yang mengalahkan kekuatan

hingga tersingkaplah seluruh rahsia

Perasaan cinta setiap orang hakikatnya terlalu mulia dan suci. Namun disebabkan insan yang memiliki cinta itu tidak faham agama; akhirnya menilai perasaan cinta itu dari segi syahwat dan hubungan bebas semata; maka nilai cinta itu menjadi hina dan rendah. Mereka mengadakan hubungan yang mesra, lebih mesra dengan pelbagai cara, untuk menikmati rasa. Cinta seperti ini terkutuk dan terlalu rendah nilainya. Akibatnya kedua insan yang sedang bercinta itu melakukan hubungan seks bebas tanpa melalui pernikahan. Seks seperti ini menyimpang dari landasan agama, walaupun benar menurut etika. Setiap insan yang melakukan hubungan seks bebas tanpa perkahwinan ini terkutuk, hina dan merendah-rendahkan perasaan cinta yang suci. Oleh itu, wajar manusia seperti ini dikutuk oleh Allah dengan pelbagai penyakit. Antaranya mereka dijangkini oleh penyakit kelamin (AIDS), sel-sel sperma mereka menjadi rosak dan tubuh mereka menjadi lumpuh setelah menjalani masa tuanya. Hanya ada satu jalan keluar terbaik bagi para pengamal seks bebas iaitu mereka masuk Islam dan bertaubat. Apabila mereka tidak bertaubat setelah melakukan hubungan seks bebas berkali-kali, sama ada dengan para pelacur atau kekasih hatinya, maka besar kemungkinan mereka akan dilaknat Allah dengan pelbagai bentuk.

Hidup manusia yang berpandukan ajaran agama selalu mencari jalan keselamatan. Prinsip lelaki dan perempuan yang beriman tidak mahu terjebak dengan cinta palsu, cinta buta dan cinta yang hina-dina. Mereka bersedia menjalin hubungan cinta apabila berlandaskan cinta murni yang selari dengan ajaran agama. Dalam konteks cinta yang murni, Islam memberi panduan jelas supaya lelaki dan perempuan Islam menjauhi segala jenis pergaulan yang boleh mendekati kepada zina. Sebagaimana Allah berfirman:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلزِّنَىٰٓ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةً وَسَآءَ سَبِيلًا ٢٣

Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk.

(Surah al-Isra' 17 : 32).

Sejarah perjalanan cinta anak-anak Adam dan Hawa dipenuhi dengan pelbagai ujian dan cubaan berat. Antara ujian cinta yang paling berat kepada perjalanan sejarah manusia hari ini adalah hubungan cinta yang terlarang. Banyak manusia yang terjerumus ke lembah maksiat; terjebak dengan perzinahan, pergaulan bebas dan hubungan seks tanpa pernikahan.

Orang-orang yang hidupnya suka berzina dan memakan riba, mereka akan dimasukkan ke dalam neraka. Di neraka mereka akan diberi minuman yang sangat panas dan makanan-makanan yang berduri. Sebagaimana Allah berfirman:

تَصْلَىٰ نَارًا حَامِيَةً ٤ تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ ءَانِيَةٍ ٥ لَّيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِن ضَرِيعٍ ٦

(Mereka) masuk ke dalam api yang sangat panas. Diberi minum air dari sumber yang sangat panas. Mereka tiada memperoleh makanan selain dari pohon yang berduri.

(al-Ghasyiyah 88 : 4-6).

Menurut Hamka, ayat 5-6 ini menjelaskan seksa kepada manusia makan riba dan menjaja cinta palsu. Lelaki yang di masa remajanya suka menghabis masa mudanya dengan aktiviti cinta buta iaitu perhubungan seks bebas tanpa nikah dengan banyak wanita, maka lelaki itu akan diberi hadiah berupa makanan yang berduri di neraka. Demikian juga wanita yang di masa gadisnya lebih banyak menghabiskan masa mudanya untuk mengerjakan maksiat perzinaan dengan pelbagai lelaki. Apabila mereka mati tidak sempat bertaubat, maka mereka akan ditempatkan ke dalam neraka. Di neraka mereka akan diberi minuman yang sangat panas sehingga menghancurkan seluruh isi perut. Mereka juga diberi jenis makanan yang berasal dari pohon yang berduri sehingga menyebabkan seluruh isi perut dan tulang-belulang menjadi hancur. Menurut Hamka (1994) lagi, mereka juga akan diberi jenis makanan yang dikenali sebagai *zaqqum*. Sebagaimana Allah berfirman:

لَآكِلُونَ مِن شَجَرٍ مِّن زَقُّومٍ ٢٥ فَمَالِـُٔونَ مِنْهَا ٱلْبُطُونَ ٣٥ فَشَـٰرِبُونَ
عَلَيْهِ مِنَ ٱلْحَمِيمِ ٤٥ فَشَـٰرِبُونَ شُرْبَ ٱلْهِيمِ ٥٥

Mereka benar-benar akan memakan pohon Zaqqum. Dan akan memenuhi perut mereka. Sesudah itu kamu akan meminum air yang sangat panas. Maka kamu minum seperti unta yang sangat haus.

(al-Waqiah 56 : 52-55).

Manusia yang menjalani kehidupan dengan mengikuti dorongan nafsu syahwat termasuk golongan ahli maksiat. Apabila mereka mati dalam keadaan maksiat, maka mereka akan diseksa dalam neraka. Dalam neraka, mereka disediakan makanan yang berasal dari '*pohon zaqqum'*. Pohon *Zaqqum* adalah jenis minuman yang sangat panas berduri. Minuman yang sangat panas memutuskan seluruh isi perut dikenali sebagai '*hamim*'. *Hamim* khasnya jenis minuman yang sangat panas disediakan untuk lelaki dan wanita yang suka menodai cinta.

Merujuk ayat al-Quran, para pengamal seks di luar pernikahan akan mendapat seksaan yang amat dahsyat daripada Allah. Oleh itu, para remaja harus sedar bahawa kehidupan masa muda jangan dihabiskan untuk memuaskan nafsu syahwat semata; sebaliknya arahkanlah energi cinta itu untuk membangun cinta yang mulia di hadapan manusia dan Pencipta.

UJIAN CINTA

Apabila perasaan cinta saling bersambut, maka kedua insan yang saling jatuh cinta itu akan merasa bahagia; bahagia yang tiada taranya. Perasaan cinta yang bergelora itu berupaya membina motivasi untuk bekerja, belajar dan mengejar tujuan-tujuan khusus dalam percintaan. Di dalam hubungan cinta itu ada energi cinta; apabila energi itu digunakan ke arah positif, maka ia akan membawa kemajuan dan keharmonian cinta. Banyak lelaki menjadi rajin belajar setelah mendapatkan wanita yang dicintainya; banyak lelaki yang berjaya menjadi sarjana dan doktor setelah wanita yang dicintainya selalu memberinya semangat belajar demi mengejar cita-cita bagi menggapai mahligai cinta. Apabila cita-cita menjadi sarjana dan doktor menjelma, maka perasaan bahagia kedua-duanya berganda-ganda. Banyak wanita yang mencintai lelaki miskin berjaya memompa semangat kekasihnya untuk belajar bersungguh-

sungguh; sehingga lelaki itu berjaya menjadi seorang dosen. Energi cinta yang membara dialihkan kepada motivasi untuk mendorong kekasih belajar; sekiranya perasaan rindu, ingin berjumpa dan dahaga cinta sedang menguasai jiwa keduanya; keduanya menganggap ini sebagai satu ujian cinta. Kedua-duanya memang terasa rindu; terasa ingin selalu bertemu; kedua-duanya memang terasa ingin bercanda-ria, ingin duduk bersama, bermadah cinta dan saling meluahkan kata-kata cinta; tetapi kedua-duanya saling mengawal diri, demi cinta yang mulia. Inilah yang namanya ***ujian cinta***. Ujian cinta ini memang berat; teramat berat. Kadangkala ia diiringi dengan linangan air mata, tetapi semua dikawal demi cinta murni. *Aduhai adinda*; abang terasa amat rindu; rindu ingin bertemu denganmu walaupun hanya sebentar; dan abang rindu ingin menatap wajahmu yang indah. Tetapi disebabkan aktiviti kampus, kesibukan menyelesaikan pekerjaan kuliah; abang tidak dapat menemuimu; meskipun perasaan rindu menggebu-gebu. Maafkan abang! Maafkan abang! *I love you, I miss you adinda*. Semua ini abang lakukan demi cinta; cinta kita berdua. Semua ini ujian cinta!

Ujian cinta seperti ini membina semangat untuk belajar bersungguh-sungguh bagi menggapai kebahagian cinta yang hakiki. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu; senang kemudian. Demi cinta, kedua-duanya bersedia menempuhi pelbagai ujian cinta. *Ujian cinta yang terberat* adalah *menanggung perasaan rindu*; rindu ingin bertemu dan menatap wajah kekasih.

Dalam konteks cinta buta, cinta yang membara boleh menimbul ujian cinta yang berbahaya. Ujian cinta dalam konteks ini, perasaan cinta dan rindu boleh membawa malapetaka kepada seseorang yang sedang mabuk cinta. Cinta buta biasanya tidak berpegang kepada nilai-nilai budaya dan agama. Apabila emosi cinta telah menguasai jiwa, akal dan hati manusia, maka emosilah yang lebih menonjol. Maknanya emosi cinta yang telah bergelora dalam dada kedua-dua insan yang sedang bercinta lebih dominan dikuasai oleh pergerakan dan emosi cinta. Kerap kali tekanan emosi cinta yang membara mengalahkan akal sihat dan fikiran yang rasional. Oleh itu, orang-orang yang sedang mabuk cinta sentiasa menguraskan banyak tenaga, masa dan belanja demi cinta. Apalagi jika lakonan cinta kedua insan telah berada di kemuncak percintaan, kadangkala keduanya sering terlanjur mengadakan hubungan seks sebelum pernikahan. Demi cinta buta, kedua-duanya sanggup melakukan hubungan seks berkali-kali

kerana telah terlena dengan indah cinta. Akibatnya banyak perempuan yang mengandung anak-anak di luar nikah. Bagi orang-orang yang tidak mengetahui ajaran agama, mereka lebih mudah terjebak dengan hubungan seks sebelum pernikahan. Hubungan percintaan kadangkala berakhir dengan perpisahan. Apalagi jika perempuan bertemu dengan lelaki mata keranjang, yang suka menjaja dan menjual cinta disebabkan wajahnya yang tampan. Memang lelaki jenis ini terlalu mudah menggoda wanita, dan wanita juga terlalu mudah jatuh cinta. Tetapi apabila wanita telah menyerahkan segala kehormatannya berkali-kali, kedua-duanya mengadakan hubungan seks yang kerap semasa percintaan itu. Apabila wanita itu telah mengandung, maka lelaki itu akan meninggalkan wanita yang menjaja cinta. Inilah ***ujian cinta; ujian cinta buta*** yang membuat nilai cinta jadi hina.

Perasaan cinta terlalu banyak menguras energi dan masa. Ketika bercinta, kedua-dua insan yang sedang bermain cinta, banyak menguras tenaga dan masa. Dalam aktiviti cinta, faktor emosional terlalu banyak menguasai jiwa kedua-duanya. Dalam percintaan itu, terdapat banyak ujian cinta. Ujian cinta merujuk kepada sikap yang berkaitrapat dengan kemahuan dan dorongan yang selalu menyuruh kepada hal-hal positif dan negatif. Apabila salah satu dari dorongan mengalahkan dorongan yang satu, maka pasti salah satu dorongan itu akan berkuasa. Bila dorongan positif lebih dominan, maka kedua-dua insan yang sedang bercinta tidak akan terjebak kepada maksiat serta perhubungan yang terlalu bebas. Dorongan cinta boleh membina aura percintaan yang mulia, tetapi dalam masa yang sama juga keduanya sama-sama mampu menghadapi ujian cinta. Bahkan percintaan keduanya sentiasa berasaskan kepada ajaran agama dan nilai-nilai adab yang mulia. Walaupun ujian sentiasa menimpa kedua-duanya, tetapi mereka mampu menghadapinya dengan hati yang sabar. Kerana memang Allah SWT selalu memberi ujian kepada manusia untuk menguji siapa di antara manusia yang benar-benar setia. Dalam konteks cinta, tahan menghadapi godaan maksiat cinta. Kehidupan manusia dan perhubungan cinta selalu berhadapan dengan ujian. Sebagaimana Allah berfirman:

ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡمَوۡتَ وَٱلۡحَيَوٰةَ لِيَبۡلُوَكُمۡ أَيُّكُمۡ أَحۡسَنُ عَمَلٗاۚ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡغَفُورُ

Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi

Maha Pengampun.

(Surah al-Mulk 67 : 2).

Allah berfirman lagi:

وَلَنَبۡلُوَنَّكُمۡ حَتَّىٰ نَعۡلَمَ ٱلۡمُجَٰهِدِينَ مِنكُمۡ وَٱلصَّٰبِرِينَ وَنَبۡلُوَاْ أَخۡبَارَكُمۡ ١٣

Dan sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar Kami mengetahui orang-orang yang berjihad dan bersabar di antara kamu dan agar Kami menyatakan (baik buruknya) hal ihwalmu.

(Surah Muhammad 47 : 31).

Perjalanan hidup manusia selalu diberi ujian oleh Allah. Termasuklah dalam soal percintaan individu. Dalam percintaan setiap insan dengan kekasihnya, akan berhadapan dengan pelbagai ujian; sama ada ujian cinta yang berat, sedang ataupun ringan. Lelaki yang sedang bercinta dan dilamun aura cinta akan gagal menghadapi ujian cinta, jika tidak sabar dan tidak memiliki keperibadian yang mulia. Apabila kedua insan yang sedang bercinta itu tidak sabar dan tidak patuh dengan ajaran agama, maka keduanya akan mudah melakukan hal-hal yang mencacatkan nilai percintaan yang murni.

Hubungan cinta seseorang dengan kekasih hatinya banyak ujian. Maksud ujian dalam konteks ini lebih merujuk kepada dugaan-dugaan dalam percintaan. Apabila seseorang bercinta, maka sentiasa mengalami dugaan yang bersifat emosional dan psikologi. Di antaranya ialah kecil hati, tersinggung, marah, benci, cemburu, rindu, salah persepsi dan takut kalau kekasih berkhianat. Sering terjadi hubungan cinta terputus di tengah jalan. Akibatnya fikiran merana, sedih, murung, benci, menyesal, prustasi dan kecewa. Di antara ujian yang bersifat psikologi adalah perasaan rindu, sentiasa ingin bertemu, tetapi janji pertemuan terganggu. Akibatnya benci-benci tetapi rindu. Termasuklah putus hubungan percintaan merupakan salah satu ujian cinta. Apabila ia terjadi akan mengganggu emosi dan psikologi.

Ujian cinta sering kali melanda setiap insan yang sedang bercinta. Sering kali berlaku ujian cinta terjadi kepada lelaki yang sedang mabuk cinta dengan Wanita. Banyak lelaki yang soleh menjadi durjana dan hancur hidupnya kerana ujian cinta wanita. Lelaki mencintai wanita yang salah, merosak imannya, merosak imejnya terhadap manusia ramai

dan hubungannya dengan Allah. Bahkan kadangkala memusnahkan seluruh percaturan hidupnya. Inilah ujian cinta yang membawa hidup menjadi *fotamorgana*.

Dalam konteks cinta buta, ujian cinta dapat mendatangkan azab kepada salah seorang, atau kedua-dua insan yang sedang bercinta. Apabila cinta tidak diterima dan ditolak, maka akan menimbulkan jiwa jadi terseksa. Demikian juga bila hubungan percintaan, pertunangan diputuskan oleh salah seorang, maka boleh menyebabkan jiwa terseksa dan merana. Hubungan cinta yang telah lama terbina melalui hubungan suami isteri, tiba-tiba terputus di tengah jalan, maka individu yang mengalaminya mendapat seksa kerana cinta. Apabila kedua-dua insan yang sedang bercinta itu bercinta mengikuti kehendak syahwat mereka semata-mata dan sentiasa memuaskan hubungan seks setiap kali ada aktiviti percintaan, jika tidak bertaubat, maka keduanya akan mendapat azab neraka di akhirat. Maka Allah SWT akan berkata kepadanya: '***Rasakanlah azab (fitnahmu) itu***' Azab api neraka yang dahulunya *'kamu tidak hiraukan semasa bercinta'*. Engkau hanya memuaskan hawa nafsu, bukan bercinta berdasarkan agama. Cintamu adalah cinta dusta. Cintamu hanyalah cinta buta.

Lelaki itu mendapat ujian cinta, maknanya lelaki itu sedang ditimpa ujian, atau azab yang mengakibatkan habis harta benda dan tidak berfungsi akal fikirannya. Wanita itu mendapat ujian cinta, bermakna wanita itu sedang ditimpa bencana, mendapat cubaan atau sedang tergoda kerana jatuh cinta. Dalam cinta terdapat banyak ujian, bermakna cinta banyak menimbulkan bencana, atau godaan lelaki dan perempuan. Di mana ujian cinta menjadi satu fakta yang sering terjadi kepada semua pemabuk cinta. Ujian terbesar yang selalu timbul ialah bencana, godaan, pengkhianatan dan kepalsuan. Ujian terbesar dalam emosi cinta timbul dalam bentuk seksaan yang menyakitkan hati. Ujian yang paling besar dengan cinta ialah kebanyakannya menimbulkan pelbagai bencana, godaan-godaan yang menyeksa hati. Cinta memang indah, tetapi kerana cinta juga manusia menjadi binasa.

HUBUNGAN SEJENIS

Hubungan sejenis salah satu bentuk penyimpangan seks dalam hubungan cinta. Lazimnya hubungan seks ini dilakukan di luar tabi'i, misalnya antara lelaki dengan lelaki, atau perempuan dengan perempuan. Hubungan seks ini disebut luar tabi'i kerana hubungan seks

itu dilakukan dengan bukan pasangan jantina yang berbeza. Hubungan sejenis lazimnya dikerjakan oleh orang-orang Barat yang sekularisme. Dalam konteks psikologi, hubungan seks berlainan jenis jantina ini dikenali sebagai '***homo seksual***'. ***Homo seksual*** telah lama wujud ribuan tahun yang lalu. Sejarah seks di luar tabi'i ini telah bermula pada zaman Nabi Luth lagi, di mana kaum lelaki tidak suka kepada perempuan dan mereka mengadakan hubungan sejenis. Apalagi kalau lelaki dianugerahkan oleh Allah SWT berupa wajah yang tampan (*hansem*), maka ramai lelaki lain akan tertarik dan berebut-rebut untuk mengadakan hubungan dengan lelaki berkenaan.

Di lihat dari aspek biologi, hubungan sejenis merupakan bentuk penyimpangan fitrah cinta secara hakiki. Sesungguhnya hubungan sejenis tidak mungkin boleh membuahi sel-sel keturunan. Kerana secara biologi, tujuan hubungan seks yang teramat indah untuk melahirkan keturunan yang banyak. Selain itu, hubungan itu tidak akan memberi rasa nikmat secara biologi. Dalam konteks psikologi, hubungan seks itu tidak akan berupaya membina kebahagiaan hidup manusia. Kerana kebahagiaan utama hidup manusia di dunia adalah melakukan hubungan seksual dengan pasangan. Ketika hubungan seks itu berlaku, kedua-dua insan yang saling mencintai dan menyayangi akan merasakan kelazatan cinta yang hakiki. Kemudian akan memberikan kebahagiaan hidup yang berterusan sehingga ke hari tua. Kebahagiaan hubungan seksual suami isteri ini akan melahirkan anak-anak yang menyejuk mata. Dari sinilah manusia akan berkembang dan berusaha membina kebahagiaan hidup di dunia. Bahkan kebahagiaan itu akan berterusan sehingga ke akhirat nanti. Sedangkan hubungan seks sejenis bertentangan dengan prinsip biologi dan psikologi. Diyakini manusia tidak akan merasakan kelazatan cinta, kenikmatan hubungan seks dan membelakangi *fitrah naluriah*. Sekiranya kedua insan yang sejenis (lelaki sama lelaki) mengatakan mereka berdua merasa nikmat dan bahagia mengadakan hubungan seks di luar *tabi'i* itu, itu hanya kenikmatan yang amat semu dan palsu belaka. Oleh itu, Tuhan murka dengan pelaku-pelaku homo seksual. Kerana bukan sahaja menyimpang dari segi biologi, fitrah dan rasa, tetapi bertentangan dengan akal sihat.

Dalam Islam, *homo seksual* termasuk dalam kategori zina dan perbuatan yang terkutuk. Semua amalan *homo seksual* itu dilakukan oleh manusia yang tidak sihat otak dan akalnya. Para pelakunya adalah insan-insan yang tidak beragama dan tidak meyakini ajaran agama.

Homo seksual adalah sehina-hina perlakuan hubungan seks. Kerana bercanggah degan *hukum fitrah naluriah*, berlawanan dengan aspek biologi dan bercanggah dengan agama. Oleh itu, para sahabat sepakat bahawa para pelaku *homo seksual* ini dihukum bunuh. Hanya sahaja mereka berbeza pendapat tentang cara membunuh pelaku-pelakunya. Dalam kalangan sahabat mengatakan pelaku *homo seksual* itu dengan dua cara iaitu dirajam dan dibakar.

Umar bin Al-Khattab berkata para *pelaku homo seksual dirajam dengan batu hingga mati, sama ada yang telah menikah atau belum menikah*. Pendapat ini dipersetujui oleh oleh Imam Ahmad, Ishak dan Malik. Demikian juga lelaki yang menyetubuhi lelaki lain di duburnya. Menurut Umar lagi 'dubur lebih besar keharamannya dari kemaluan. Jadi, dia harus dirajam, baik yang telah menikah atau belum menikah' (Yusuf Qardhawi, 1995).

Ali bin Abi Talib mengatakan bahawa pelaku *homo seksual* boleh dihukum dengan cambuk dan dirajam sampai mati. Ini kerana mereka telah melakukan kejahatan maksiat yang menyerupai kaum Nabi Luth. Pada zaman Nabi Luth, semua pelaku-pelaku homo seksual dibinasakan oleh Allah. Hukuman seperti ini selari dengan firman Allah:

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ مُشْرِقِينَ ٣٧ فَجَعَلْنَا عَٰلِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ ٤٧

Maka mereka dibinasakan oleh suara keras yang mengguntur, ketika matahari akan terbit. Maka Kami jadikan bahagian atas kota itu terbalik ke bawah dan Kami hujani mereka dengan batu dari tanah yang keras.

(al-Hijr 15 : 73-74).

Khalid bin Walid pernah menulis surat kepada Abu Bakar As-Shiddiq, bahawa dia telah menemukan di beberapa bandar Arab, ada beberapa orang lelaki menikahi lelaki lain seperti menikahi wanita. Lantaran itu, Abu Bakar Shiddiq mengumpulkan para sahabat Rasulullah SAW, di antaranya Ali bin Abi Thalib. Menurut Ali bin Abi Thalib sesungguhnya lelaki menikahi lelaki lain seperti menikah perempuan adalah kejahatan kaum Nabi Luth. Oleh itu, Allah SWT menghukum mereka dengan cara yang kamu semua telah mengetahui. Agar mereka dibakar dengan api.

Sejarah cinta umat manusia dinodai oleh kaum Luth. Kaum Luth telah melakukan hubungan sejenis; lantaran itu seluruh mereka dibinasakan oleh Allah dengan sekelip mata.

Seluruh kaum Luth dibinasakan dengan cara tanah tempat tinggal mereka diterbalikkan oleh Allah. Mereka semua mati ditimpa dan ditimbus oleh tanah. Sebagaimana Allah berfirman:

لَعَمْرُكَ إِنَّهُمْ لَفِي سَكْرَتِهِمْ يَعْمَهُونَ ٢٧ فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ مُشْرِقِينَ ٣٧
فَجَعَلْنَا عَٰلِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ

Demi umurmu (Muhammad), sesungguhnya mereka terombang-ambing di dalam kemabukan (kesesatan). Maka mereka dibinasakan oleh suara keras yang mengguntur, ketika matahari akan terbit. Maka Kami jadikan bahagian atas kota itu terbalik ke bawah dan Kami hujani mereka dengan batu dari tanah yang keras.

Nabi Ibrahim pergi ke kota Sodom untuk melihat keadaan sebenar kaum Luth. Kemudian datanglah para tetamu ke rumah Ibrahim. Ibrahim berbincang kepada mereka tentang kaum Nabi Luth. Lalu para tetamu itu berkata: '*Wahai Ibrahim! Tinggalkanlah soal-jawab ini. Sesungguhnya telah datang ketetapan Tuhanmu dan sesungguhnya mereka itu akan mendapat azab yang tidak dapat ditolak*' (Hud 11 : 76). Setelah itu disusuli oleh kedatangan para tetamu lelaki yang berwajah tampan ke rumah Nabi Luth, kedatangan para tetamu tampan itu menyebabkan Luth merasa sesak dadanya. Kerana apabila tamu-tamu yang berwajah tampan rupawan ini bermalam di rumahnya, maka pasti orang-orang lelaki itu akan mendatangi rumah Luth. Sebagaimana fakta ayat:

قَالُواْ يَٰلُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَن يَصِلُوٓاْ إِلَيْكَۖ فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ ٱلَّيْلِ
وَلَا يَلْتَفِتْ مِنكُمْ أَحَدٌ إِلَّا ٱمْرَأَتَكَۖ إِنَّهُۥ مُصِيبُهَا مَآ أَصَابَهُمْۚ إِنَّ مَوْعِدَهُمُ
ٱلصُّبْحُۚ أَلَيْسَ ٱلصُّبْحُ بِقَرِيبٍ ١٨

Para utusan (malaikat) berkata: "Hai Luth! Sesungguhnya kami adalah utusan-utusan Tuhanmu, sekali-kali mereka tidak akan dapat mengganggu kamu, sebab itu pergilah dengan membawa keluarga dan pengikut-pengikut kamu di akhir malam dan janganlah ada seorangpun

di antara kamu yang tertinggal, kecuali isterimu. Sesungguhnya dia akan ditimpa azab yang menimpa mereka kerana sesungguhnya saat jatuhnya azab kepada mereka ialah di waktu subuh; bukankah subuh itu sudah dekat?

(Surah Hud 11 : 81).

Tidak lama kemudian malaikat Jibril datang menemui mereka. Jibril dan malaikat-malaikat lain menghentam wajah-wajah mereka dengan sayapnya. Hingga biji mata mereka tercungkil keluar. Hingga penghuni langit dunia mendengar suara ngauman anjing-anjing mereka yang memekakkan dan suara-suara ayam yang berkokok nyaring. Kemudian Malaikat Jibril membalikkan kotanya, lalu Allah SWT menghujani mereka dengan batu-batu berapi. Azab ini juga dirasai oleh para penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman, para pengembala dan para penduduk yang sedang dalam perjalanan. Tiada seorang pun yang dapat menyelamatkan diri mereka. Semua ahli-ahli seks di luar *tabi'i (homo seksual)* dimusnahkan hanya dalam sekelip mata pada waktu subuh. *Subhanallah!*

Luth telah berulang-ulang mengajak kaumnya supaya bertakwa kepada Allah dan malarang kaumnya yang *homo seksual* itu supaya berhenti berbuat maksiat. Bahkan berulang-ulang Luth menyeru kaumnya supaya mengawini puteri-puterinya, tetapi justeru seruan itu diolok-olok oleh kaumnya sendiri. Kaum-kaumnya homo seksual itu menjawab: '*Bukankah kami telah melarangmu dari melindungi manusia*' (Hud 11 : 71). Maksudnya perkataan lelaki-lelaki *homo seksual* ini adalah melarang Luth menerima tetamu lelaki. Apatah lagi tetamu Nabi Luth adalah lelaki yang sangat indah rupa dan wajahnya. Membuat mereka semakin tergila-gila kepada tetamu itu. Tetapi mereka tidak mengetahui bahawa tetamu Nabi Luth itu adalah utusan-utusan Allah (malaikat-malaikat) yang sengaja didatangkan oleh Allah kepada Luth untuk memusnahkan mereka dari muka bumi. Termasuk isteri Nabi Luth, seorang yang derhaka yang dibinasakan pada waktu subuh itu (al-Hijr 15 : 60). Pada tahap permulaan kedatangan tetamu kepada Nabi Luth ini juga mencurigakan, sehingga Luth sendiri mengatakan kepada tetamu sebagai '*kaum, atau seseorang yang tidak dikenal*' (al-Hijr 15 : 62). Tetapi akhirnya setelah mendapat penjelasan dari malaikat-malaikat itu, barulah hati Luth menjadi tenang.

Mujahid berkata: '*ketika Jibril turun, dia memasukkan sayapnya ke bawah kota-kota kaum Luth. Lalu mengangkatnya hingga*

seluruh penghuni langit mendengar ngauman anjing-anjing yang sangat nyaring, yang mengguntur kan dan ditambah lagi suara yang mengguntur yang memekakkan. Kebanyakan ahli-ahli tafsir menambah takwil-takwill makna ayat dengan mengatakan bahawa anjing-anjing, ayam dan para haiwan peliharaan manusia yang mengeluarkan suara yang kuat. Kemudian dikombinasikan dengan suara yang mengguntur datangnya dari langit. Lalu diikuti dengan tindakan Jibril membalikkan kota-kota itu dengan sayapnya, sehingga pada bahagian bawahnya menjadi ke atas. Kemudian diikuti dengan hujan batu (Hamka, 1983).

Abu Salih (2005) telah mengambil riwayat Ibnu Abbas berkata: 'Luth menutup pintu untuk melindungi tetamunya. Tetapi mereka, para pelaku-pelaku homo seksual menendang pintunya lalu masuk. Apabila kaum kufur ini masuk ke dalam rumah Luth, maka Malaikat Jibril membutakan mata mereka. Lalu mereka berkata: 'Wahai Luth! Kamu telah menyihir kami'. Mereka lalu mengancam Luth, sehingga menimbulkan rasa takut kepada kaumnya. Luth berkata lagi: 'Mereka pergi, tetapi nanti kita akan diganggu lagi'. Para tetamu (malaikat) itu berkata: 'Jangan takut! Kami adalah utusan para Tuhanmu. Batas waktu yang dijanjikan bagi mereka adalah waktu subuh'. Luth berkata: 'Sekarang sahaja'. Tetapi Jibril menjawab: 'Bukankah subuh sebentar lagi? Lalu kota Sodom diangkat sehingga penghuni langit mendengar suara ngauman anjing-anjing mereka yang sangat nyaring. Kota itu dibalik dan dihujani dengan batu'.

M. Quraish Shihab (1997), seorang ahli tafsir mengatakan bahawa berlaku perdebatan antara Ibrahim dengan para malaikat. Ibrahim bertanya kepada para utusan: "Apabila ada 50 orang yang soleh (beriman) di antara mereka, 'apakah mereka akan dihancurkan?' Para utusan menjawab: "Tidak". Ibrahim bertanya lagi, "Apabila ada 40 orang?" Mereka menjawab: "Tidak". Ibrahim bertanya lagi: "Jika ada 30 orang?" Para utusan menjawab: "Tidak". Sehingga pertanyaan terhenti setelah bilangan mencapai sepuluh atau lima orang soleh (beriman). Kemudian para utusan itu datang ke ladang tempat Luth bekerja. Luth menyangka bahawa mereka adalah tetamu. Lalu dia menerima mereka di petang hari itu semasa dia akan pulang ke rumahnya. Setelah itu, Luth berkata: "Apakah kamu lihat apa yang dilakukan oleh para penduduk?" Mereka menjawab: "Apa yang mereka lakukan?" Luth menjawab: "Tidak ada manusia yang lebih jahat dari mereka". Akhirnya mereka (para utusan) itu datang ke rumah. Melihat para tetamu lelaki tampan itu datang ke rumah, ketika itu isteri Luth yang telah tua dan

buruk wajahnya pergi ke luar memberitahukan kepada kaumnya: 'Luth kedatangan tamu malam ini. Mereka adalah orang-orang yang tidak pernah aku lihat ada orang yang lebih tampan (*hansem*) dari mereka. Juga tidak ada aroma tubuhnya lebih harum dari mereka. Kemudian segera kaumnya pergi ke rumah Luth. Kemudian mereka langsung mendorong pintu, hingga hampir sahaja merobohkannya. Lalu salah satu malaikat berdiri dengan sayapnya terus menghentam mereka. Kemudian dia menutup pintu dan mereka terbang membumbung ke atas. Ketika itulah Luth berkata: '…*Ini adalah puteri-puteriku, mereka lebih suci bagimu*…' (Hud 11 : 78). Sehingga Allah SWT berfirman: '*Sekiranya aku ada mempunyai kekuatan (untuk menghalangmu atau kalau aku dapat berlindung kepada keluarga yang kuat tentu aku lakukan. Para utusan (malaikat) berkata: "Hai Luth! Sesungguhnya kami adalah utusan-utusan Tuhanmu, sekali-kali mereka tidak akan dapat mengganggumu*…'

(Surah Hud 11 : 80-81).

Lalu Malaikat Jibril melenyapkan mata mereka. Sehingga mereka semua menjadi buta pada malam itu. Malam itu mereka melewatinya dalam keadaan sangat buruk, buta dan menunggu seksaan Allah. Kemudian dalam situasi itu, Luth bersama dengan keluarga dan orang-orang beriman lain keluar meninggalkan rumah serta kota Sodom itu. Kemudian Malaikat Jibril meminta izin untuk menghancurkan mereka. Setelah mendapat izin, malaikat-malaikat mengangkat bumi Sodom dan membawanya naik. Sehingga seluruh penghuni kota Sodom yang homo seksual itu mendengar suara anjing-anjing mereka yang sangat nyaring. Demikian seluruh haiwan di kota itu juga mengeluarkan suara-suara yang memekakkan telinga. Dalam masa yang sama juga mereka menyalakan api dan menerbalikkan seluruh bumi kota Sodom itu. Sehingga seluruh penduduk yang derhaka, terutama para pengamal seks-seks di luar *tabi'i (homo seksual)* diterbalikkan oleh Allah SWT pada waktu subuh, atau ketika matahari mula naik. Isteri Luth yang derhaka lagi kufur itu sempat mendengar suara orang yang terjatuh. Ketika itu dia masih bersama Luth, tetapi dia pergi memisahkan diri. Kemudian dia juga ditimpa azab yang amat dahsyat itu.

Prof. M. Quraish Shihab (1997) menjelaskan bahawa Ibrahim berdebat dengan para malaikat tentang kaum Nabi Luth. Isi dari perdebatan itu ialah supaya para malaikat itu tidak menimpakan azab kepada mereka. Ibrahim berkata: "*Bagaimana menurut kamu sekalian,*

jika di antara penduduk kota Sodom, kaum Luth itu terdapat sepuluh rumah milik orang-orang Muslim. Apakah kamu sekalian membiarkan mereka atau tetap menghancurkan mereka?" Para malaikat menjawab: "Tidak ada sepuluh rumah miliki orang-orang muslim di sana. Juga tidak ada lima atau empat atau tiga atau dua". Mendengar itu, Ibrahim sangat sedih mengenang nasib yang menimpa saudaranya Luth dan keluarganya. Lalu Ibrahim berkata: "Sesungguhnya di kota itu ada Luth". Para malaikat berkata:

قَالَ إِنَّ فِيهَا لُوطًا ۚ قَالُوا نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَن فِيهَا ۖ لَنُنَجِّيَنَّهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَتَهُ كَانَتْ مِنَ الْغَابِرِينَ

Berkata Ibrahim: "Sesungguhnya di kota itu ada Luth". Para malaikat berkata: "Kami lebih mengetahui siapa yang ada di kota itu. Kami sungguh-sungguh akan menyelamatkan dia dan pengikut-pengikutnya kecuali isterinya. Dia adalah termasuk orang-orang yang dibinasakan.

(Surah al-Angkabut 29 : 32).

Lalu Allah SWT mengutus Malaikat Jibril kepada mereka, menghentam kota Sodom dengan sebelah sayapnya. Kemudian menerbalikkannya, sehingga pada bahagian bawahnya menjadi ke atas. Lalu diikuti dengan hujan batu, suara yang sangat mengguntur sehingga memekakkan telinga seluruh penduduk yang *homo seksual* dan kufur kepada Nabi Luth. Demikian juga orang-orang yang diam sahaja dan menerima perbuatan *zina sodomi*, orang-orang yang menunjukkan jalannya sama ada yang sudah menikah atau belum menikah, yang mencinta dan dicintai; atau semua mereka yang sedang mabuk cinta di luar tabi'i sedang mereka meyakini dan mengamalkan cara tersebut diratakan dengan mendapat azab yang amat dahsyat.

Prof. M. Quraish Shihab (1997) menjelaskan bahawa "ketika para malaikat masuk ke rumah Luth, dia menyangka bahawa para malaikat itu adalah para tetamu yang akan membantunya. Maka Luth menyambut kedatangan mereka dengan sangat gembira dan memuliakan mereka. Tetapi sebaliknya, isterinya justeru menentangnya dengan pergi menemui orang-orang yang menentang suaminya. Isteri Luth memberitahukan kaumnya dengan berkata: "*Telah datang para tetamu Luth. Aroma tubuh mereka sangat harum wangi". Pengkhianatan ini disebutkan Allah SWT di dalam kitabNya. Ibnu Abbas menafsirkan firman Allah:*

"Allah membuat isteri Nuh dan isteri Luth sebagai perumpamaan bagi orang-orang kafir. Keduanya berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang soleh di antara hamba-hamba Kami. Lalu kedua isteri itu khianat kepada suaminya (masing-masing)…" (Surah al-Tahrim 66 : 10).

Menurut Prof. Hamka (1988) dalam kitab Tafsirnya Al-Azhar menjelaskan bahawa isteri Nabi Luth tidak melakukan zina, tetapi dia menderhakai kerasulan Nuh dan menganggap Nuh sebagai seorang yang gila. Sesungguhnya tidak ada seorang pun isteri nabi yang berbuat seperti itu. Bentuk pendehakaan isteri Nuh adalah ketika suaminya berdakwah, isterinya berkata bahawa Nuh sudah gila. Sedangkan isteri Luth, dia menunjukkan para tetamunya kepada kaumnya.

MENGAWAL PERASAAN RINDU

Antara ujian cinta yang selalu melanda adalah perasaan rindu. Perasaan rindu merupakan tanda cinta; perasaan rindu merupakan tekanan emosi yang berkobar-kobar untuk saling mencintai; perasaan rindu selalu membelenggu kedua insan yang sedang bercinta untuk selalu ingin bertemu; perasaan rindu merupakan perasaan suka dan bahagia bila telah bertemu. Kadang kala perasaan rindu amat berat dipikul oleh kedua insan yang sedang bercinta.

Perasaan rindu akan semakin membelenggu bila telah lama tidak bertemu. Semakin lama tidak bertemu semakin terasa tekanan itu mempengaruhi jiwa dan mengganggu. Oleh sebab itu, lelaki yang sedang jatuh cinta dengan seorang gadis cantik, fikirannya banyak terganggu. Sering terjadi kerana perasaan rindu kepada kekasih; seorang lelaki tidak boleh bekerja dengan tenang dan fokus; sering terjadi kerana tekanan perasaan rindu seorang lelaki tidak boleh belajar dengan perhatian; malah tidak boleh faham terhadap materi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Demikian juga seorang gadis yang sedang bercinta dan sedang jatuh cinta dengan seorang lelaki tidak boleh belajar disebabkan tekanan perasaan rindu. Perasaan rindu selalu datang mengganggu. Mengganggu fokus, fikiran dan emosi. Oleh sebab itu, perasaan rindu menggebu-gebu merupakan ujian cinta. Ujian cinta kedua-dua insan yang sedang bercinta. Cinta yang membara boleh menyebabkan kedua-dua insan yang sama-sama jatuh cinta '*demam rindu'*. Demam rindu adalah perasaan rindu melulu. Perasaan itu hanya boleh diubati dengan bertemu; bertemu kekasih selalu.

Perasaan rindu selalu menjelma ketika hendak tidur. Sering kali terjadi lelaki yang sedang jatuh cinta dengan seorang gadis, matanya sukar tidur; kerana perasaan rindu mendorong mata untuk berjaga; disebabkan tekanan perasaan rindu, wajah kekasih sentiasa terbayang-bayang di depan mata. Aduhai rindu; aku rindu dan selalu rindu. *Ya Athirah! Wajahmu nan cantik jelita. Ya Athirah, senyummu tersipu-sipu dimataku. Ya Athirah, hijabmu selalu indah! Suaramu nan manja, selalu aku tunggu. Ya Athirah! I miss you*.

Demikian juga perasaan rindu seorang gadis kepada lelaki yang dicintainya akan datang menjelma. Sebagaimana rindu seorang lelaki; rindu seorang gadis kepada seorang lelaki juga menyebabkan mata untuk berjaga. Tekanan perasaan rindu menyebabkan kekasih selalu terbayang-bayang di kolopak mata. Ya Abi! Wajahmu sentiasa berwibawa. Ya Abi, senyumanmu sentiasa menggoda. Bahasa dan kata-katamu penuh makna. Ya Abi! Pakaianmu sederhana; kata-kata nasihatmu menyejuk jiwa; hatimu mulia; ilmumu selalu memanduku ke syurga. Aku cinta Abi; ya Abi aku benar-benar cinta Abi; aku ingin bermanja-manja dengan Abi; Aku amat rindu dengan Abi. Jiwaku sentiasa dekat dengan Abi. Aku ingin hidup bersama Abi; aku ingin Abi jadi imamku. Aku selalu rindu mendengar suara Abi. Perasaan rinduku kepada Abi tidak boleh dibendung lagi. Wajah Abi selalu menjelma dalam mimpiku. Aku benar-benar mencintai Abi. Aku memang selalu rindu; rinduku kepadamu tiada hijab. Aduhai, hidupku akan lebih bermakna bila Abi telah rasmi menjadi milikku. Rinduku kepada Abi, mendorongku untuk ingin segera diijabkabulkan di depan penghulu. Ya Abi! Semoga hatiku dan hatimu bersatu. *I miss you*.

RINDU ATHIRAH VS ABI

Semak perasaan rindu Athirah dan Abi. Kedua-duanya sedang sama-sama jatuh cinta. Athirah seorang gadis yang solehah, taat dan pandai mengaji. Suaranya indah dan merdu. Cinta Athirah telah berlabuh di hati Abi. Abi seorang lelaki soleh, taat dan berilmu. Cinta Abi juga telah berlabuh di hati Athirah. Ternyata selama tiga bulan ini bermula Ogos-Disember 2023, keduanya sama-sama menyembunyikan cinta. Athirah dan Abi, keduanya taat mengerjakan perintah agama.

Perasaan cinta kedua-duanya mula berputik dengan cara yang mulia. Athirah seorang pelajar yang cantik dan solehah. Abi seorang lelaki berilmu, sehariannya selalu bergelut dengan aktiviti mengajar

dan ilmu. Proses cinta keduanya bermula secara tidak disengaja. Pada mulanya, Athirah bersadu kepada Abi bahawa dirinya ingin keluar dari asrama dan berhenti belajar, kerana tidak berminat belajar agama. Abi lalu menasihatinya supaya bersabar. Sesungguhnya di antara ciri-ciri orang mukmin dan solehah adalah sabar. Sabar adalah kunci kejayaan. Setelah mendengar nasihat Abi, fikiran Athirah jadi sejuk. Bahkan semangat belajar Athirah bertahap jadi bertambah. Malah pertemuan dengan Abi membuat jiwa Athirah jadi tenang. Pertemuan dengan Abi selalu berulang-ulangkali. Dari pertemuan-pertemuan ini bibit cinta semakin berkembang. Perasaan cinta kepada Abi semakin bertambah. Aku jadi rindu; rindu sekali dengan Abi. Aku ingin selalu bersama Abi. Aku benar-benar rindu dengan Abi. Aku jatuh cinta dengan Abi bukan kerana dia seorang lelaki yang hensem; dia bukan lelaki yang hensem dan kaya. Tetapi Abi seorang lelaki yang baik hati; taat dan berilmu tinggi. Abi seorang yang alim dan intelektual. Cintaku kepada Abi benar-benar tak terduga. Cintaku kepada Abi bagaikan bunga yang sedang tumbuh mekar; mengeluarkan wangi semerbak. Saban hari, aku ingin melihat wajah Abi. Perasaan rindu kepada Abi tidak dapat dibendung lagi. Jiwa ini terasa ingin selalu bersama Abi; cinta dan rindu kepada Abi menggebu-gebu. *Ooh Abi, I love you, I miss you; I miss you*.

Abi juga ternyata menyimpan perasaan cinta kepada Athirah. Abi jatuh cinta dengan Athirah. Abi jatuh cinta dengan Athirah kerana dia seorang wanita solehah, taat dan pandai mengaji. Athirah juga seorang gadis berwajah cantik dan ayu. Senyumnya terlalu manis dan menyejukkan kalbu. Wahai Athirah! Wajahmu amat anggun, senyummu membuat hati Abi terpesona. Apakah salah bila *Abi mencintaimu ya Athirah*? Ya Athirah, balaslah cinta Abi. Kalau Athirah menerima cinta Abi; balaslah dengan ikhlas. Kalau Athirah menerima cinta Abi, Abi hanya mampu bersyukur kepada Allah. Dari segi wajah, memang wajah Abi ini tidak sepadan dengan kecantikan wajah Athirah. Athirah dikurniakan Allah wajah yang cantik jelita; sedangkan Abi tiada apa-apa. Wajah Abi tidak kacak; *tidak hensem* dan tidak menawan. Tetapi kalau Athirah menolak cinta Abi, Abi hanya mampu pasrah kepada Allah. Ya Athirah jawablah cinta Abi; kalau cinta katakan cinta; kalau menerima katakan menerima; kalau menolak katakan menolak; jangan ada dusta di antara kita berdua?

Ya Abi, saya menerima cinta Abi. Terima kasih Abi telah mencintaku. Aku pun sebenarnya telah menyimpan perasaan cinta

dengan Abi; tetapi kerana perasaan malu aku menyembunyikan perasaan cinta itu. Aku cinta Abi; aku sangat mencintai Abi; aku menerima cinta Abi dengan ikhlas, aku berharap Abi juga mencintaiku dengan ikhlas. Aku benar-benar jatuh cinta kepada Abi. Kalau Abi mencintaiku; aku juga mencintai Abi; kalau Abi suka kepadaku; aku juga suka kepada Abi. Ya Abi, akhir-akhir ini perasaan rinduku kepada Abi semakin menggebu. *I love you; I miss you*.

Bunga cinta keduanya semakin mekar. Sehingga perasaan rindu sentiasa mengiringi keduanya untuk selalu bertemu.

Suatu hari, Abi menghantar Athirah keluar kota. Athirah dan kawan-kawannya melakukan aktiviti amali di kampung saudara baru. Satu hari tidak melihat wajah Athirah; rasanya satu minggu tidak bertemu. Dua hari tidak melihat wajah Athirah; rasanya satu bulan perasaan memendam perasaan sayu. Satu minggu tidak melihat wajah Athirah; rasanya mahu pengsan kerana menanggung perasaan rindu.

Ya Tuhan! Perasaan rinduku selalu mengganggu. Aku amat rindu dengan Athirah; aku ingin melihat wajahnya walaupun hanya sekejap. Aku ingin bertemu; aku ingin melihat wajahnya yang ayu. Ya Tuhan! Abi sangat rindu kepadamu Athirah. *Insya-Allah*, Abi akan pergi bertemumu di tempat amali. Abi ingin duduk bersamamu; Abi ingin makan minum bersamamu; Abi ingin solat berjamaah denganmu; Abi ingin melihat senyuman manjamu. Abi benar-benar rindu.

Bagaimana dengan Athirah. Mengapa tiada berita dan membisu? Setelah bertemu, Athirah menjelaskan bahawa dirinya kehilangan jejak dan informasi. Kerana handponnya masih ditahan dan tidak diberikan kepadanya. Oleh itu, semua informasi tentang Abi; tidak tahu. Memang hati ini terasa pilu. Ya Abi! Hatiku selalu mengimpikan Abi mesti bertemuku; ternyata hari ini jadi kenyataan. Aduhai, rinduku kepada Abi menyebabkan lidahku menjadi kelu. Tidak boleh banyak berkata, melainkan hanya menahan perasaan rindu. Inilah ***ujian cintaku kepada Abi***. Ya Tuhan! Mengapa perasaanku ini selalu ingin bertemu dengan Abi. Aku terlalu rindu dengan Abi.

Ya Tuhan! Pertemukan aku dengan Abi. Berilah peluang aku menatap wajah Abi. Ringankan langkah Abi supaya ada kesempatan bertemu aku di sini; rinduku kepada Abi tidak dapat diubati melainkan hanya dengan melihat wajahnya; mendengar suara dan duduk bersembang-sembang dengannya. Ya Tuhan! Jangan pisahkan aku dan Abi. Ya Tuhan! Satukan hatiku dan hati abi. Ya Tuhan! Segera

halalkan hubungan cinta kami berdua; permudahkan jalan ke mahligai pernikahan. Perasaan rindu selalu tidak terbendung lagi.

Alhamdulillah, sekarang perasaan rinduku terubati kerana Abi telah datang menemuiku di sini. *Syukur ya Allah*! Engkau telah mengabulkan permintaanku. Abi telah berada di sisiku. Setelah bertemu, kelihatan wajah Athirah *senyum simpul*.

Assalamualaikum Athirah! Apa kabar? *Wa alaikumussalam Wbth. Alhamdulillah* baik-baik dan *barakallah*. Ya Athirah, Abi rindu sangat kepadamu; aku juga rindu dengan Abi. Bagaimana dengan kawan-kawan yang lain? *Alhamdulillah*, mereka semua baik dan selamat.

Belum lama! Athirah mengambil air suwam. Ini *Abi, air suwam*. Sambil menyambut air dari tangannya; tanganku bersentuhan dengan tangan Athirah. Terasa sekali getaran hangat tangannya dan rindunya. Terima kasih Athirah. Sambil aku melihat wajahnya yang cantik dan lugu. *Jangan buru-buru pulang Abi*; nanti kita makan bersama.

MENGAWAL PERASAAN CEMBURU

Ujian cinta lain mengawal perasaan cemburu. Sering terjadi seorang lelaki yang telah jatuh cinta kepada wanita memiliki sifat cemburu; demikian juga sebaliknya wanita yang telah jatuh cinta kepada lelaki juga memiliki sifat cemburu. Sifat cemburu merupakan bahagian dari ekspresi cinta. Semakin tinggi magnet cinta seseorang kepada kekasih, semakin tinggi perasaan cemburu. Oleh sebab itu, perasaan cemburu selalu menghiasi perhubungan cinta antara lelaki dan wanita. Tekanan cemburu boleh menjadi martabat cinta; kerana dengan cemburu itu manusia selalu berusaha menjaga perasaan kekasihnya. Rasa cemburu yang bergelora menyebabkan seorang lelaki berusaha menjaga perasaan wanita yang dicintainya dengan pelbagai cara. Antara menghindari tingkah laku dan perkataan yang boleh menyebabkan retaknya hubungan cinta.

Cinta tanpa perasaan cemburu ibaratkan rumah yang tiada bertaman. Rumah yang tiada tanaman bunga suasananya kurang indah dan gersang. Demikian cinta tanpa perasaan cemburu menyebabkan hubungan cinta jadi kurang indah. Cemburu itu bahagian dari indahnya cinta. Aktiviti cinta memang menyimpan banyak perasaan cemburu.

Apabila seorang lelaki melihat gadis yang dicintainya sedang bercakap-cakap dengan lelaki lain; maka perasaan cemburu akan

timbul. Setelah gadis itu menjelaskan bahawa lelaki yang bercakap-cakap dengannya itu hanya kawan biasa atau keluargannya, maka barulah hilang perasaan cemburu itu. Demikian juga bila seorang gadis yang telah jatuh cinta kepada seorang lelaki akan cemburu melihat lelaki yang menjadi kekasihnya bergambar bersama perempuan lain. Setelah mendengar penjelasan bahawa perempuan itu adalah kawan biasa atau emak saudaranya, barulah perasaan cemburu hilang.

Perasaan cemburu selalu menjelma bila-bila masa di hati setiap insan yang sedang bercinta. Perasaan cemburu boleh timbul kepada lelaki atau perempuan; perasaan cemburu timbul disebabkan pelbagai lakonan kekasih yang mencurigakan. Perasaan cemburu selalu menghiasi aktiviti cinta. Cinta yang indah selalu identik dengan sifat cemburu. Bahkan hal-hal yang kecil boleh menyebabkan sifat cemburu. Cemburu itu lumrah cinta; cemburu itu bunga cinta; cemburu itu emosi cinta yang bergelora; cemburu itu obsesi cinta; cemburu itu mainan cinta.

Cemburu mudah datang dan mudah hilang. Ubat mujarab cemburu adalah sifat jujur dan amanah. Jangan sekali-kali mengkhianati cinta; jangan sekali-kali menodai cinta; jangan sekali-kali menipu cinta; jangan sekali-kali menjadi buaya cinta.

Cemburu yang wajar itu tandanya cinta. Cemburu yang ada puncanya itu tanda rambu-rambunya cinta. Cemburu nan manja itu kasih sayang dalam cinta. Cemburu yang bersahaja itu indahnya cinta. Cemburu yang berlebihan itu tanda retaknya cinta. Cemburu buta menyebabkan musnahnya cinta. Oleh itu, kawallah perasaan cemburu yang berlebihan agar terhindar dari retaknya hubungan cinta.

Lelaki yang sedang mencintai gadis pujaan hatinya; gadis itu pun telah jatuh cinta dan ikhlas menerima cinta lelaki itu; maka jangan sekali-kali lelaki itu menyinggung perasaan gadis itu dengan memuji gadis lain. Lazimnya gadis yang telah mencintai lelaki, tidak boleh ada wanita lain di hati lelaki itu melainkan dirinya sendiri. Sesungguhnya perasaan cemburu wanita amat menggebu-gebu.

MENGAWAL HUBUNGAN CINTA NISTA

Sering terjadi perasaan cinta menyebabkan hubungan terlarang. Perasaan cinta selalu menginginkan hubungan cinta nista. Hubungan cinta nista serupa dengan hubungan terlarang; yang mendorong kedua

insan yang sedang bercinta untuk melakukan hubungan seks bebas tanpa perkahwinan. Hubungan seks sebelum kahwin dan seks bebas berganti-ganti pasangan merupakan bentuk cinta nista. Lazimnya hubungan cinta nista ini dilakukan oleh lelaki dan wanita yang tidak beragama, atau tidak faham agama.

Antara ujian cinta yang berat bagi setiap lelaki dan wanita adalah mengawal hubungan cinta nista. Bagi orang-orang Eropah yang menganut falsafah liberalisma dan sekularisme mereka lebih suka memilih hubungan cinta nista. Oleh itu, mereka boleh mengadakan hubungan cinta nista bila-bila masa; kerana mereka menganggap bahawa masalah hubungan cinta lelaki dan wanita tiada kaitannya dengan agama dan budaya. Hubungan cinta nista dianggap biasa sekiranya lelaki dan wanita itu melakukan atas dasar suka sama suka.

Cinta nista adalah hubungan cinta yang terlarang dari segi agama. Hubungan cinta nista juga bercanggah dengan nilai-nilai murni dan adab cinta. Cinta nista lebih merujuk kepada hubungan bebas antara lelaki dan wanita tanpa sempadan agama dan budaya. Bagi seseorang yang berfahaman cinta nista, mereka lebih suka hidup glamor, hubungan seks bebas, pergaulan bebas dan berganti-ganti pasangan.

Cinta nista menghalalkan semua jenis perhubungan cinta tanpa pernikahan. Bila lelaki tertarik dengan wanita dan jatuh cinta kepada wanita itu; wanita itu bersedia menerima cinta lelaki itu; maka keduanya tidak ada halangan untuk melakukan hubungan seks terlebih dahulu tanpa perlu menikah. Keduanya bebas melakukan hubungan seks berulang-ulang tanpa perlu memikirkan dosa. Kerana asas hubungan cinta nista bersandarkan kepada suka sama suka. Orang-orang yang menganut fahaman cinta nista tidak percaya dengan Tuhan; mereka tidak mengenali istilah dosa dan pahala. Bagi mereka cinta nista dan hubungan seks merupakan satu keperluan biologi. Setiap orang boleh merasakan cinta nista dan melakukan hubungan seks bila-bila masa.

Biasanya di kota-kota besar, banyak lelaki dan wanita yang menganut fahaman cinta nista ini. Kadang kala orang yang telah belajar agama juga boleh terpengaruh dan terjebak dengan cinta nista. Sesungguhnya hidup seseorang di kota-kota besar terlalu besar godaan cinta nista, kerana banyak wanita cantik yang menjual dirinya dengan harga yang murah. Lantaran itu, banyak lelaki yang kaya dan berharta melakukan hubungan seks bebas dengan para pelacur. Ini juga bahagian dari cinta nista. Aktiviti cintai seperti ini bahagian dari ujian cinta.

Dapatan kajian psikologi di negara-negara Eropa menunjukkan bahawa 450 dari 500 orang lelaki dan perempuan berusia 16-30 tahun telah melakukan hubungan seks berulang-ulang dengan pasangan; atau berganti-ganti pasangan (Cervone at al, 2021).

Dapatan kajian ini menunjukkan betapa dahsyat hubungan cinta nista berlaku di negara-negara Eropah yang maju. Oleh sebab itu, terlalu sukar membendung pengaruh cinta nista ini melainkan seseorang itu memiliki kesedaran yang tinggi terhadap kemuliaan cinta. Praktek cinta nista ini merupakan ujian cinta yang berat bagi orang-orang mukmin.

MENGAWAL FITNAH CINTA

Hubungan cinta lelaki dan wanita banyak terjadi fitnah cinta. Fitnah cinta ertinya godaan-godaan semasa hubungan cinta sedang berjalan. Sering terjadi apabila seorang telah jatuh cinta kepada seorang gadis; gadis pun telah menerima cinta lelaki itu terjadi pelbagai fitnah cinta. Fitnah cinta sering melanda setiap orang yang sedang bercinta. Apalagi hubungan cinta sedang mekar dan berbunga-bunga.

Bentuk fitnah cinta pelbagai, antaranya khianat, sikap berpura-pura, munafik, tidak jujur dan berdusta. Kadangkala fitnah cinta disebabkan ada orang ketiga. Sering hubungan cinta yang telah bertahan lama dikacaukan dengan gosif yang tersebar di media. Seorang lelaki dan wanita telah menjalin hubungan cinta; tiba lelaki itu mendapat gosif di media bahawa ia bercinta dengan wanita lain. Wanita yang telah lama menjadi lelaki itu terus marah dan tidak mahu bertemu dengan lelaki yang telah dicintainya itu. Gosif sering digunakan untuk memutuskan hubungan cinta kedua insan yang sedang bercinta.

Seorang gadis amat mencintai seorang pemuda. Pemuda itu pun juga amat mencintai gadis itu. Setelah hubungan cinta berlangsung, tiba-tiba gadis itu menerima berita bahawa pemuda yang dicintainya itu orang jahat; suka berganti-ganti pasangan. Mendengar berita itu, maka wanita itu jadi sedih, murung dan benci. Inilah yang namanya fitnah cinta. Demi keutuhan cinta; fitnah cinta perlu sentiasa dikawal.

PUTUS CINTA

Putus cinta boleh berlaku kepada setiap lelaki dan wanita yang sedang bercinta. Putus cinta boleh berlaku disebabkan khianat cinta; putus cinta boleh terjadi kerana salah faham; putus cinta boleh berlaku kerana bunga cinta telah layu; putus cinta boleh terjadi kerana sifat curang;

putus cinta boleh terjadi kerana ada si doi baharu; putus cinta boleh terjadi kerana harta; putus cinta boleh terjadi kerana uang dan tahta. Putus cinta boleh terjadi bila-bila masa. Oleh sebab itu, putus cinta merupakan ujian cinta yang terberat.

Putus cinta bererti putusnya perhubungan kasih sayang. Putus cinta bermakna tiada perasaan cinta; mungkin perasaan cinta menjadi layu kerana mengkhianati cinta. Putus cinta disebab cinta telah berpindah kepada kekasih baharu. Putus cinta terjadi disebabkan fitnah cinta yang selalu melanda. Putus cinta merupakan tekanan emosi yang menyakitkan setiap orang yang sedang bercinta.

Putus cinta boleh menyebabkan hati seseorang jadi gelisah. Lantaran itu, banyak orang apabila diputuskan cinta oleh kekasihnya menjadi wajahnya murung, lemah tidak bermaya dan hilang kegembiraan. Disebabkan putus cinta, banyak gadis mengurung dirinya di dalam bilik; tiada salera makan, patah semangat dan hilang energi untuk bekerja.

Banyak wanita apabila diputuskan cintanya menangis tersedu-sedu; banyak wanita yang diputuskan cintanya jadi sedih, murung, tidak mahu berkata-kata, tidak mahu makan dan minum dan mengurung dirinya di dalam bilik. Suatu ketika, seorang gadis cantik bernama Siti (bukan nama sebenar). Dia menangis tersedu-sedu di hadapan al-Quran sambil berulang-ulangkali mengusap air matanya. Ketika ditanya, dia tidak mahu menjawab. Setelah diselidiki, ternyata dia telah diputuskan hubungan cinta oleh lelaki yang menjadi kekasihnya. Sejak pagi sehingga petang dia tidak tentu bekerja; wajahnya kelihatan merah kerana air mata. Badannya kelihatan kurang bermaya. Sedih, *aduhai sedihnya hati* ini, katanya. Inilah ujian cinta terberat buat Siti.

Ya Siti! Sabarlah, sabarlah Siti. *Insya-Allah*, Siti akan mendapat pengganti yang lebih baik, soleh dan lebih setia mencintai Siti. Siti hanya mampu mengangguk-angguk kepalanya, bila mendengar kata-kata nasihat abangnya.

Putus cinta boleh terjadi kerana bunga-bunga cinta telah hangus terbakar. Terbakarnya bunga-bunga cinta kerana banyak pertentangan, banyak perbedaan, banyak salah faham dan kurangnya hadiah cinta. Akhirnya salah seorang darinya memutuskan hubungan cinta itu; walaupun pada awalnya cinta kedua telah bersemi.

Seorang wanita cantik jelita telah lama memendam rasa rindu; akan tetapi perasaan rindu tidak pernah terbalas disebabkan lelaki

yang dicintainya berada di seberang lautan. Lelaki yang dicintainya sedang menuntut ilmu di Universiti al-Azhar, disebabkan terlalu lama menunggu; akhirnya wanita itu memutuskan hubungan cintanya. Namun setelah lama menunggu tetapi wanita itu belum lagi menemukan lelaki lain yang boleh mengambil alih cinta lelaki yang pernah dicintainya. Tiba-tiba lelaki yang pernah dicintainya itu baru pulang menuntut di Universiti al-Azhar Mesir, setelah tibanya di tanah air, lelaki yang pernah dicintainya bertemu lagi di warung Bakso Pontianak. Wanita yang telah memutuskan hubungan cinta dengan lelaki itu terserentak wajah lelaki yang pernah dicintainya itu. Kemudian dia menatap dengan sayu sambil melihat wajah lelaki itu. Lelaki itu juga menatap wajah wanita itu. Lelaki itu mendekati wanita itu sambil berkata: 'Ya Fitri, dengan siapa di sini'. Aku sendirian jawab Fitri. Bang Burhan dengan siapa: 'aku juga sendirian'. Sudah dapat pacar baru, tanya Burhan: 'belum lagi'.

Pertemuan ini ternyata kembali menggetarkan hati Fitri. Burhan juga ternyata belum punya cinta. Bagaimana kalau hubungan cinta yang terputus ini kita sambung kembali, tanya Burhan dengan nada sayu. Sambil menundukkan kepalanya, Fitri menjawab: 'aku ikhlas. Asalnya Burhan benar-benar cinta'. Cinta Burhan pun kembali berputik kepada Fitri. Maafkan aku Fitri. Selama ini aku terlalu sibuk belajar; aku sibuk belajar; sekarang baru aku habis belajar. Demikian juga cinta Fitri mula berputik kembali kepada Burhan. Keduanya saling jatuh cinta. Kemudian kedua meneruskan hubungan cinta; keduanya akhirnya membina hubungan cinta dengan cara kahwin. Setelah menjadi suami isteri hubungan cinta keduanya bertambah mesra dan bahagia.

Inilah ujian cinta yang membawa kepada kebahagiaan cinta. Cinta yang dibina atas dasar ketakwaan membina rasa bahagia. Setelah sepuluh tahun menjadi suami isteri, Burhan dan Fitri dikurniakan tiga orang cahaya mata; dua lelaki dan seorang perempuan.

Kesan dari putus cinta menyebabkan emosi terganggu, marah, benci dengan kekasih yang memutuskan cinta, sedih, perasaan tertekan, murung, hilang semangat, hilang gairah, malas, prustasi; bahkan ada yang menangis tersedu-sedu. Disebabkan besarnya kesan buruk dari putus cinta; maka putus cinta merupakan ujian cinta yang terberat.

Oleh sebab itu, berhati-hatilah bermain cinta. Apabila cinta telah bersua di dalam dada; atau kalau cinta sudah berlabuh di dalam jiwa kita dan pasangan kita; jangan sekali-kali mengkhianati cinta. Cinta itu

terlalu mulia; peliharalah cinta dengan cara-cara yang mulia; berilah hadiah cinta kepada kekasih hati; jangan racuni cinta dengan minyak gas dan racun berbisa; nanti akan merana kerana cinta.

MEMORI CINTA

Dorongan cinta menjadikan hidup manusia lebih bergairah. Tanpa cinta hidup manusia jadi lemah. Dengan cinta lelaki kepada wanita mendorong hidup lelaki itu jadi bergairah; bergairah dalam belajar, bergairah dalam bekerja dan bergairah dalam bercanda. Dengan cinta wanita kepada seorang lelaki pujaan hatinya menyebabkan wanita itu bergairah dalam bekerja; bergairah dalam berpakaian kemas dan rapi dan bergairah dalam menepati temu janji setia. Inilah yang namanya memori cinta; memori cinta yang selalu memberi gairah kehidupan.

Bercinta memang sentiasa menambah gairah. Semua lelaki dan perempuan ingin merasakannya. Bahkan orang-orang tua yang telah mempunyai anak dan cucu juga mahu merasakannya. Demi gairahnya dorongan cinta; banyak orang yang sanggup menulisnya dalam sebuah biografi kehidupannya.

Perlu disedari, walaupun cinta menambah gairah; tetapi banyak manusia yang kecundang kerana gairahnya cinta. Memori cinta memang selalu menambah gairah; tetapi banyak manusia yang menderita, hancur dan binasa disebabkan gairah cinta yang membabi-buta. Cinta membuat raja menjadi buta, cinta membuat para penguasa jatuh dari tangga tahta kuasa dan cinta membuat manusia diperbudak oleh hamba dunia. Banyak sandiwara cinta yang telah memusnahkan karir politik pemimpin yang ternama, akhirnya cinta membawa bencana. Sehingga akhirnya membuat mereka menjadi manusia yang menderita dan hina-dina di dunia. Terlalu banyak kisah cinta yang memusnahkan kejayaan hidup seseorang yang mulia. Terlalu banyak fakta-fakta cinta menukar kehidupan bahagia menjadi hamba sahaya.

Memori cinta selalu menambah gairah; menambah gairah kerja dan kehidupan. Gairah hidup seorang remaja lelaki disebabkan perasaan cinta yang membara di dalam dadanya; cinta kepada gadis pujaan hatinya selalu menambah gairah hidupnya. Demikian juga sebaliknya, gairah kerja seorang gadis banyak termotivasi kerana cintanya kepada seorang lelaki idamannya. Gairah lelaki dan wanita bermula dari cinta. Tanpa cinta kehidupan lelaki dan wanita kurang bermaya. Walau bagaimanapun, cinta boleh membawa malapetaka kehidupan manusia.

Semua kebahagiaan hidup manusia bermula dengan cinta; kemudian berakhir kerana cinta.

Bahkan kemusnahan manusia di alam ini kelak akan bermula dengan cinta. Kerana manusia terlalu mencintai hidup dunia dan medium cinta. Medium cinta yang paling utama kepada manusia adalah hawa nafsu. Dari syahawat inilah manusia mula mempertuhankan hawa nafsunya sendiri, akhirnya manusia menyembah tuhan-tuhan selain Allah. Allah berfirman:

أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ أَفَأَنتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا ٣٤

Terangkanlah kepadaku tentang orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya. Maka apakah kamu dapat menjadi pemelihara atasnya?

(Surah al-Furqan 25 : 43).

Semua manusia yang terjebak dengan aktiviti aktiviti cinta buta dan bermain-main dengan memori cinta yang bergairah; memuaskan perhubungan cinta buta, terlena dengan samudera cinta; bermain dengan gelombang cinta dan mempertuhankan hawa nafsu cinta, maka individu itu akan binasa kerana cinta. Cinta dalam konteks ini bukan lagi menambah gairah; akan tetapi mengundang musibah.

PERNIKAHAN TERAPI CINTA

Pernikahan dalam perkahwinan merupakan terapi cinta kepada setiap orang saling jatuh cinta. Cinta itu terlalu mulia. Untuk mendapatkan cinta mesti dengan cara yang paling mulia. Amalan cinta yang mulia itu hanya ada dalam agama; cinta yang mulia itu tidak dapat diperolehi dengan cara yang sembarangan. Cinta yang mulia tidak boleh didapat dengan cara pendangan zahir semata; tetapi harus mengikuti adab-adab dan ajaran agama. Cinta yang mulia hanya boleh dipraktekkan bila seorang lelaki yang sedang jatuh cinta itu memahami ajaran agama; taat dan menjaga adab-adab cinta. Antara adab cinta adalah tidak berpelukan, tidak berciuman dan tidak melakukan hubungan seks sebelum nikah. Oleh sebab itu, Islam mengajarkan kepada semua lelaki dan perempuan yang telah sama-sama jatuh cinta; bila kedua-duanya telah sama-sama redha; ibu bapa kedua-duanya sama-sama suka; maka kedua-duanya segera nikah. Tujuan nikah adalah untuk menghalalkan hubungan cinta

keduanya; agar setiap hubungan cinta sejati kedua-duanya tersalurkan dengan cara yang benar, beradab dan mulia.

Hubungan cinta yang telah dihalalkan itu akan menambahkan lagi rasa cinta kedua-duanya di dalam mengharungi bahtera rumahtangga. Cinta yang mulia ini, tidak sekadar hanya untuk membina cinta; melaksanakan cinta dan bermain cinta. Akan tetapi cinta yang mulia itu memiliki nilai terapi jiwa; mengubati perasaan rindu; menambah hangatnya kebahagiaan cinta yang mulia. Oleh sebab itu, setiap kali aktiviti cinta dilakukan suami isteri akan menambah lagi gairah cinta.

Apabila suami isteri bermain cinta, berpelukan, berciuman, bersenda gurau, bermanja-manja dan berhubungan seks; semuanya akan dicatat sebagai amal soleh dan akan diberi ganjaran pahala. Dengan perkataan lain, semua aktiviti dan permainan cinta akan dikira sebagai ibadah dan mendapat pahala di sisi Allah. Oleh sebab itu, *perkahwinan dalam Islam merupakan terapi cinta yang termulia*. Cinta yang mulia ini akan berterusan sehingga hari tua; bahkan akan berlanjutan sehingga ke akhirat.

Oleh sebab itu, orang-orang mukmin sentiasa disuruh untuk berkahwin, kerana dengan kahwin itu kedua-dua insan yang sedang bercinta boleh menikmati kelazatan hubungan seks, yang akan memberi berkah, sakinah dan kebahagiaan cinta. Sebagaimana Allah berfirman:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم
مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ١٢

Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

(Surah al-Rum 30 : 21).

Pada ayat 21 ini tidak ada menyatakan tentang hubungan seks, tetapi perkataan "***azwaajan***" yang bermakna isteri-isteri. Maknanya dalam kata *azwaajan* itu merujuk kepada maksud hubungan seks suami isteri. Allah SWT menjelaskan bahawa lelaki cenderung dan merasa tenteram kepada perempuan. Sememangnya lelaki selalu mencintai

wanita. Wanita juga sangat mencintai lelaki. Perasaan cinta keduanya yang mendorong kedua-duanya memilih untuk menikah. Setelah menikah, bermakna keduanya boleh melakukan hubungan seks halal dan sekaligus menikmati kelazatannya. Inilah yang dimaksudkan dengan istilah '***Litaskunuu ilaihaa***: *supaya kamu cenderung kepadanya*'. Maknanya keduanya selalu ingin melakukan hubungan seks dengan isteri tercinta. Seks halal ini yang berupaya membina cinta kasih (*mawaddah*) dan sayang (*rahmah*) antara kedua-dua insan itu. Bahkan seks halal yang diikuti pemuasannya dengan cara-cara yang diredhai Allah, maka seks itu akan membina terapi cinta tahap tinggi. Hari ini berlaku perceraian yang tinggi di Malaysia, merujuk Eksklusif (Rabu, 22 Februari 2017), '156 orang pasangan Islam bercerai setiap hari, lebih 274,000 pasangan bercerai dalam tempoh enam tahun, Selangor mencatat kes cerai yang paling tinggi. Kebanyakan kes percaraian yang direkodkan itu melihatkan pasangan muda dengan usia perkahwinan lima tahun ke bawah. Punca utama perceraian ialah tiada persefahaman, pasangan curang, pasangan tidak bertanggungjawab, campur tangan keluarga dan masalah kewangan'.

Memang benar, kelima masalah ini menjadi penyumbang kepada perceraian. Menurut Abang Ishar (2022), terlalu tingginya kes perceraian di Malaysia berpunca kerana perkahwinan mereka tidak mengikuti ajaran Islam. Sekiranya mereka berkahwin dengan dasar keimanan dan ketakwaan, kedua-dua insan yang saling memerlukan cinta dan kasih sayang itu tidak akan tergamak untuk bercerai, melainkan jika ada alasan-alasan yang benar-benar munasabah. Sekiranya mereka mengatakan saling mencintai, itu hanya dusta di antara kita. Mungkin juga niat perkahwinan mereka hanya sekadar suka-suka, bukan "***lillaahi ta'ala***". Apabila kedua insan yang kahwin itu benar-benar menghayati makna perkahwinan secara Islam, pasangan itu tidak akan berlaku curang, tidak bertanggungjawab dan tiada persefahaman. Kerana lazimnya, kedua-dua insan yang telah berazam untuk menikah mereka telah mengetahui keperibadian dan isi hati pasangan masing-masing. Hanya sekadar salah faham, terlalu mudah diselesaikan. Cinta seperti ini adalah ***cinta monyet, bukan cinta sejati***. Itulah sebabnya mereka terlalu mudah untuk bercerai, kerana tidak berfikiran jauh dan tidak memahami cinta yang ***sejati.***

Apabila cinta yang dibina itu diasaskan untuk mencari keredhaan Allah; maka gelora cinta suami isteri itu akan sentiasa hidup subur dalam

jiwa keduanya. Bahkan setiap kali kedua melayari hubungan seks dan merasai kelazatannya, mereka akan menganggap itu merupakan satu kurnia Allah SWT yang amat mulia. Keduanya akan berazam untuk sama-sama membina hubungan cinta. Aktiviti seks selalu menambah rasa cinta sambil mencari keredhaan Allah SWT. Diyakini ini sebagai asbab al-Quran menyuruh manusia mencintai Allah dan RasulNya di atas segala-galanya. Sebagaimana Allah berfirman:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٣

Katakanlah: 'Jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mencintai dan mengampuni dosa-dosamu'. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Ali Imran 3 : 31).

Menurut Islam, hubungan seks yang diharamkan akan merosak hubungan cinta. Kadangkala antara keduanya sering timbul kebencian, permusuhan dan perasaan dendam. Dari sinilah akan membawa perceraian. Seperti yang sering menimpa manusia moden hari ini, bahawa setiap cinta yang dihalakan kepada selain Pencipta, maka akhirnya akan membawa kebencian. Kebencian akan menimbulkan kerosakan hubungan, memutuskan rasa cinta dan sayang. Akhirnya membawa kepada perceraian, seperti fakta semasa di atas. Bahkan akan membina permusuhan yang berterusan. Oleh itu, ajaran Islam mengajarkan setinggi-tinggi cinta adalah cinta kepada Allah dan Rasul. Kerana cinta ini akan dibawa sampai ke alam kubur dan akhirat. Allah SWT berfirman:

ٱلْأَخِلَّآءُ يَوْمَئِذٍۭ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا ٱلْمُتَّقِينَ ٧٦

Teman-teman akrab pada hari itu sebagiannya menjadi musuh bagi sebagian yang lain kecuali orang-orang yang bertakwa

(Surah al-Zukhruf 43 : 67).

Seks halal membawa berkah dan rasa cinta. Dengan perasaan cinta itu, manusia dapat mengekalkan hubungan cinta dan melahirkan keturunan yang mulia. Melestarikan keturunan merupakan pekerjaan

yang sukar, seorang lelaki harus membekalkan keperluan keluarga bagi menyara kehidupan dari pelbagai ancaman. Jiwa raga dipertaruhkan untuk melaksanakan tanggungjawab itu. Demikian juga seorang wanita, dia harus menghabiskan seluruh usianya di rumah untuk mengurus rumahnya, melayani suami dan membesarkan anak-anak. Tanggungjawab ini yang amat berat. Manusia tidak akan mahu melakukannya apabila tiada kenikmatan di dalamnya. Lantaran itu, Allah SWT memberikan kenikmatan yang sangat agung agar manusia mahu memikul tugas berat itu bagi menyara kehidupan keluarga. Bahkan Allah SWT menganugerahkan kenikmatan fizikal dan spiritual yang amat besar supaya manusia yang mahu melaksanakan tugas beratnya dengan dua hal:

Pertama, melalui hubungan seks antara suami isteri. Seks tidak semestinya diterjemahkan dalam bentuk hubungan seksual semata-mata. Tetapi lebih jauh dan mendalam dari itu, seluruh rangkaian dari yang paling rendah, seperti melihat, bercakap, bersentuhan, bercanda, bergurau, bermanja, sehingga hubungan yang intim. Kesemuanya mengandungi kelazatan seks. Walaupun dengan tahap yang berbeza-beza. Allah SWT memberikannya supaya lelaki dan wanita memiliki hasrat untuk saling memiliki, yang dipandu oleh agama dengan pernikahan. Allah SWT memberi syarat keharusan untuk merasakan hubungan seksual itu hanya dengan cara pernikahan yang benar. Apabila syarat ini dinafikan, diyakini manusia hanya mahu merasakan kenikmatan seks dengan tidak bertanggungjawab. Dengan adanya kenikmatan seks, ujian yang diberikan Allah selama mereka menjalankan tugas melestarikan keturunannya akan menjadi terasa ringan. Segala penat lelah di sepanjang perjalanan hidupnya dapat terubati. Oleh sebab itu, dalam seks terkandung kenikmatan yang luar biasa. Hal ini bertujuan untuk meringankan bebanan berat tugas melestarikan keturunan.

Kedua, melalui anak-anak. Terdapat kenikmatan memiliki anak-anak, walaupun tidak selazat kenikmatan hubungan seks. Semua penat lelah dan kesusahan akan hilang ketika saat melihat anak-anak yang lucu, comel dan menyejukkan hati. Anak-anak menjadi buah hati dan menambah perasaan rindu kedua ibu bapanya. Dengan adanya anak-anak, seorang lelaki akan merasa ringan untuk melangkahkan kaki mencari rezeki, nafkah dan berusaha meningkatkan kesejahteraan hidup keluarga. Seorang wanita juga akan menjadi ringan untuk mengurus dan melayani keluarga.

SEKS MENGEKALKAN HUBUNGAN CINTA

Hubungan seks yang halal akan mengekalkan hubungan cinta. Dalam konteks psikologi al-Quran, hubungan seks akan membina ketenangan jiwa. Dalam al-Quran terdapat istilah *sakinah*, yang maknanya ketenangan atau ketenteraman jiwa yang tiada bandingannya. Setiap kali suami isteri mengadakan hubungan seks, selain akan memberi kenikmatan hubungan, dalam masa yang sama juga akan membina ketenangan jiwa yang hakiki. Sesungguhnya ketenangan jiwa itu dikurniakan Allah khusus kepada kedua-dua pasangan yang melayari bahtera cinta. Oleh sebab itu, semasa melakukan hubungan seks, kedua-duanya disuruh untuk saling bercanda, bersenda-gurau, bercumbu, berpelukan, berciuman dan melakukan hubungan seks dengan cara yang dikehendaki masing-masing. Kemuncak dari hubungan itu, keduanya sama-sama diberi kesempatan untuk menikmati hubungan *jimak*.

Aktiviti seks yang tidak halal tidak akan pernah mengekalkan hubungan cinta dan membina ketenangan jiwa. Yang ada hanyalah untuk memuaskan dorongan syahwat, mendapat ketenangan sesaat. Setiap kali dorongan itu timbul, kembali dia mencari pasangan untuk melakukan hubungan seks itu, atau cukup hanya dengan mendatangi pelacur-pelacur yang sentiasa bersedia menyerahkan seluruh badannya untuk dinikmati setiap lelaki durjana.

Lelaki dan wanita yang selalu mengamalkan hubungan cinta dusta; melakukan hubungan seks dan berganti-ganti pasangan; jiwa mereka tidak akan pernah merasakan ketenangan setiap kali mengadakan hubungan seks. Dalam fikiran mereka timbul resah, gelisah, cemas dan diburu oleh rasa takut. Apalagi yang selalu berganti-ganti pasangan untuk memuaskan hubungan seks, di dalam fikiran mereka dikhuatiri terkena jangkitan virus AIDS dan penyakit kelamin. Dalam tahun 2007, Forgi (2009) telah menjalankan satu kajian di Sweden, 50 orang lelaki yang mengamalkan hubungan seks bebas berganti-ganti pasangan ternyata 52% dari mereka merasakan gelisah, terutama mereka takut dijangkiti oleh virus AIDS dan penyakit kelamin. Ternyata 43 orang dari 100 orang yang mengamalkan seks bebas berganti-ganti pasangan dijangki oleh virus AIDS dan penyakit kelamin. Sebelumnya, dalam tahun 2005, Forgi (2009) telah menjalankan kajian di Jerman terhadap 100 orang wanita berusia 25-35 tahun yang mengamalkan hubungan seks bebas dengan berganti-ganti pasangan. Kajian mendapati 42 orang dari mereka atau 42% telah dikenalpasti dijangki oleh penyakit kelamin.

Akibatnya mereka menjadi menyesal dan fikiran mereka menjadi tidak tenang. Menurut Etaugh & Rose (2005) ada '26 orang dari 100 orang remaja lelaki berusia 18-20 yang ketagihan melakukan seks bebas berganti-ganti pasangan telah dikenalpasti mengidap fenomena AIDS dan penyakit kelamin. Fenomena ini menggambarkan kerisauan ibu bapa terhadap anak-anak mereka yang terlibat dengan gejala pergaulan bebas tanpa kawalan yang berkesan'.

Fakta-fakta kajian ini membuktikan bahawa hubungan seks tidak halal, tidak akan pernah membina ketenangan jiwa. Kerana hakikatnya hubungan itu hanyalah untuk mendapatkan kebahagiaan yang sesaat. Zahirnya memang mereka mengatakan bahagia dan nikmat, tetapi hakikatnya mereka berdusta atas nama cinta. Semua perhubungan itu hakikatnya membina ketegangan emosi dan psikologi manusia. Itulah sebabnya, Tuhan amat murka dengan tingkah laku seks durjana.

SEKS MEMBINA CINTA KASIH

Seks yang dibina melalui ikatan pernikahan yang serasi akan membina cinta kasih (*mawaddah*) antara kedua-dua pasangan. Seks dalam konteks ini, dilakukan atas dasar cinta kasih yang murni. Oleh itu, seks ini akan memberi tekanan kejiwaan. Sehingga dengan hubungan seks yang berkali-kali itu akan secara berterusan membina rasa cinta kasih yang ikhlas. Kedua-dua akan saling merindui jika berpisah kerana tugas dan aktiviti pekerjaan. Keduanya akan saling memelihara perhubungan dan memberi kepercayaan. Kerana memang, cinta kasih itu adalah cinta yang dibina atas dasar *sakinah* dan kedalaman aura cinta. Cinta kasih ini tidak bersyarat, tidak menilai dari zahir seseorang, tetapi hanya didasari oleh faktor keimanan dan ketinggian akhlak. Seks membina cinta kasih ini akan berlangsung sehingga ke akhir hayat. Banyak manusia yang tidak memahami hakikat cinta, tergiur melihat sepasang kekasih yang cantik, yang telah membina rumahtangga dan terus mengekalkan cinta kasih mereka yang hakiki. Tetapi mereka tidak mahu meneladani rumahtangga yang telah terbina kukuh oleh pasangan kekasih sejati itu. Mereka mengira cinta kasih yang ikhlas dan murni itu muncul, dibina sambil lewa dan tanpa pernikahan di antara keduanya. Lalu mereka mengamalkan pelbagai teori dan gaya hubungan intim untuk mendapatkan hubungan seks yang memuaskan. Harapan mereka dengan mendapatkan kepuasan hubungan seks itu, akan timbul cinta kasih yang tulus dan konsisten di antara kedua-duanya. Mereka keliru,

tidak akan pernah ada cinta kasih yang murni dan hakiki pada hubungan seks di luar pernikahan. Yang ada hanyalah cinta materialistik, atau cinta fizikal sahaja. Cinta ini terlalu syarat dengan tujuan-tujuan tertentu dan tersirat. Cinta ini akan segera berkecai. Diyakini salah satu pasangan itu pasti akan mencari lagi pasangan lain yang lebih menggairahkan. Cinta mereka amat rapuh seperti sarang laba-laba. Dari luar kisah cinta mereka amat indah, romantik dan bergairah. Tetapi sebenarnya, dalam cinta seperti itu ada api dalam sekam. Bila-bila masa api itu akan segera membakar dan memutuskan seluruh neuron cinta mereka berdua. Sehingga seluruh keindahan cinta mereka akan hancur berkecai seperti debu.

Cinta dalam konteks ini sangat panas membakar. Terutama membakar hawa nafsu untuk mendapat kepuasan seks bebas tanpa pernikahan dan sempadan nilai mulia. Terlalu banyak korban yang merana kerana dianiaya, dibunuh, dijebak menjadi pelacur, mengeluarkan anak-anak tanpa ayah, menjual kehormatan; semuanya berpunca dari wang, fizikal dan seks syahawat semata-mata. Bahkan pembunuhan disebabkan alasan seks, kerap kali amat mengerikan. Pelaku-pelakunya tidak segan-segan menzalimi, menikmati, membunuh, membakar, mengkhianati dan menghabisi pasangan disebabkan seks, atau cemburu kerana seks. Mereka menjadi korban syahawat dan alasan seks. Oleh itu, Islam sentiasa mengajarkan keperluan cinta kasih yang berkekalan. Semua itu, hanya dapat dikekalkan hanya dengan pernikahan yang sah. Hanya dengan pernikahan cinta akan bertambah *gairah*, indah dan sentiasa membina cinta kasih. Oleh itu, hindarilah bermain cinta dan mendekati zina. Jadilah cinta seperti air sungai mengalir tenang, sehingga berujung kepada samudera luas yang tiada bertepi. Cinta kasih (*mawaddah*) tidak akan pernah surut dan bertepi, tetapi sentiasa menjadi motivasi, memberi inspirasi dan amat tinggi. Semakin dinikmati, semakin bertenaga dan bertambah gairah cinta. Itulah cinta kasih, cinta sehingga akhir hayat. Bahkan berterusan ke syurga yang abadi. Isteri-isteri yang solehah dan suami yang soleh, yakni pasangan cinta yang soleh-solehah, akan bertukar wajah dan bertambah indah di alam akhirat. Sebagaimana Allah berfirman:

فِيهِنَّ قَٰصِرَٰتُ ٱلطَّرۡفِ لَمۡ يَطۡمِثۡهُنَّ إِنسٞ قَبۡلَهُمۡ وَلَا جَآنّٞ ٦٥

Di dalam syurga itu ada bidadari-bidadari yang sopan menundukkan pandangannya, tidak pernah disentuh oleh manusia sebelum mereka

(penghuni-penghuni syurga yang menjadi suami mereka), dan tidak pula oleh jin.

(Surah al-Rahman 55 : 56).

Salah satu yang menjadi bidadari-bidadari itu adalah isteri-isteri yang solehah semasa hidup di dunia. Semasa hidup di dunia, isteri menikmati hubungan cinta kasih suami tercinta, demikian juga suami menikmati cinta kasih isteri *nan manja*. Semuanya dilakukan untuk merasakan kelazatan seks yang halal lagi diberkati. Begitulah indahnya cinta dan hubungan seks kerana cinta yang ***lillahi ta'ala***. Allah berfirman:

فِيهِنَّ خَيْرَٰتٌ حِسَانٌ ٧٠ فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ١٧ حُورٌ مَّقْصُورَٰتٌ
فِي ٱلْخِيَامِ ٢٧ فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ٣٧ لَمْ يَطْمِثْهُنَّ إِنسٌ قَبْلَهُمْ
وَلَا جَآنٌّ ٤٧ فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ٥٧ مُتَّكِـِٔينَ عَلَىٰ رَفْرَفٍ خُضْرٍ
وَعَبْقَرِيٍّ حِسَانٍ ٦٧

Di dalam syurga itu ada bidadari-bidadari yang baik-baik lagi cantik-cantik. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan. (Bidadari-bidadari) yang jelita, putih bersih, dipingit dalam rumah. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan. Mereka tidak pernah disentuh oleh manusia sebelum mereka (penghuni-penghuni syurga yang menjadi suami mereka), dan tidak pula oleh jin. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan. Mereka bertelekan pada bantal-bantal yang hijau dan permadani-permadani yang indah.

(Surah al-Rahman 55 : 70-76).

Demikianlah indahnya cinta menurut Islam. Upaya untuk menikmati keindahan cinta melalui hubungan seks yang halal sentiasa mendapat perhatian penuh oleh ajaran Islam. Disedari, bahawa aktiviti seks setelah pernikahan merupakan cara terbaik dan berkesan untuk membina rasa cinta kasih yang berkekalan sampai akhir hayat. Oleh itu, Islam sentiasa menggalakkan setiap bujang dan gadis untuk nikah segera bagi membina mahligai cinta. Membina mahligai cinta

berasaskan iman dan takwa, supaya rasa cinta tidak hanya terhenti di dunia, tetapi terus berkelanjutan di akhirat. *Subhanallah*! Terlalu agung dan indahnya cinta menurut Islam. Hubungan seks sentiasa berupaya membina "*cinta kasih (mawaddah)*".

SEKS HALAL MEMBINA KASIH SAYANG

Baja cinta yang subur mengadakan hubungan seks dengan pasangan yang halal. Selain itu, perasaan kasih sayang sentiasa mekar, kerana disiram dengan air cinta yang penuh keimanan. Perasaan kasih sayang itu berkembang dari semasa ke semasa, walaupun usia telah senja.

Hubungan seks yang halal, benar-benar **membina kasih sayang suami isteri**. Terlebih lagi bila hubungan seks itu telah melahirkan zuriat, perasaan kasih sayang antara suami isteri semakin bertambah. Perasaan kasih sayang semakin subur setelah menyaksikan anak-anak yang comel dan bermain-main di dalam dan di halaman rumah. Perasaan kasih sayang itu berkembang kepada anak-anak. Perasaan kasih sayang seperti ini sebenarnya bersumber dari sifat Rahman dan Rahim Allah kepada semua hambaNya. Allah SWT sengaja memberikannya kepada manusia, kerana dengan cara itu manusia dapat mengekalkan perhubungan yang romantik terhadap pasangan hidup serta anak-anak. Seks halal lagi diberkati itu, bukan sekadar memberi kenikmatan hubungan jimak semata-mata, tetapi Allah SWT akan mengekalkan rasa kasih sayang antara suami isteri sehingga ke akhir hayat mereka. Bahkan kedua-dua suami isteri dan anak-anak yang soleh juga dimasukkan ke dalam syurga. Inilah yang dimaksudkan seks halal membina kasih sayang dan kebahagiaan suami isteri. Oleh itu, ajaran Islam sentiasa memberi galakan kepada semua pasangan pencinta untuk dapat menerapkan nilai-nilai cinta hakiki dalam kehidupan berumahtangga. Sifat kasih sayang suami terhadap isteri akan mengumpulkan rahmat Allah ke jiwa isteri, demikian juga sifat kasih sayang isteri terhadap suami akan memperkasa rahmat Allah ke dalam jiwa suami. Sehingga dengan itu, kedua-dua insan ini akan sentiasa memadu kasih sayang. Setiap kali keduanya melakukan hubungan jimak, selain mendapat kenikmatan dan kelazatan seks yang luar biasa, dalam masa yang sama juga kedua-duanya sama-sama mendapat pahala di sisi Allah. Sekiranya, isteri mengandung disebabkan hubungan seks itu akan melahirkan anak yang soleh. Mendapatkan anak yang soleh ini merupakan satu kurnia Allah yang amat agung kepada pasangan suami isteri. Kerana tidak

semua pasangan suami isteri dikurniakan anak yang soleh. Apabila suami soleh, isteri solehah dan anak-anak juga soleh-solehah, maka Allah SWT akan mengumpulkan mereka semua di syurga. Sebagaimana Allah berfirman:

وَيَنقَلِبُ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ مَسْرُورًا

Dan dia akan kembali kepada keluarganya (yang sama-sama beriman) dengan gembira.

(Surah al-Insyiqaq 84 : 7-9).

Perasaan kasih sayang lantaran hubungan seks suami isteri ini, tidak hanya terhad dalam menikmati hubungan badan, rasa bangga dan nikmat, tetapi lebih jauh lagi. Bahkan ia merentasi sempadan fizikal, emosi, jiwa, rohani dan *syurgawi ukhrawi.* Oleh itu, Allah SWT akan memasukkan keluarga tersebut ke dalam syurga. Allah SWT mengumpulkan kembali keluarga tersebut dengan penuh kegembiraan. Maksudnya seluruh seisi keluarga tersebut bergembira kerana sama-sama masuk syurga.

Sementara hubungan seks di luar nikah hanya menikmati seks secara zahir, singkat dan tiada nilai di hadapan manusia dan Allah. Manusia yang menikmati hubungan seks seperti ini terlalu mudah jenuh, bosan dan layu sebelum berkembang. Sebab itulah mereka selalu berganti-ganti pasangan, konon untuk menukar salera dan menikmati hubungan seks yang lebih lazat. Mereka juga beralasan untuk mencari kepuasan dan perlakuan seks yang berbeza-beza tingkat kenikmatannya. Hubungan seks seperti ini tiada nilai kasih sayang, apatah lagi untuk memuliakan '***hakikat cinta sejati'***. Sekiranya pasangan ini memilih untuk berkahwin sebagai suami isteri, hubungan seks keduanya tidak akan berupaya membina '***kasih sayang***'. Hubungan perkahwinan keduanya akan segera retak dan tidak akan bertahan lama. Keduanya akan mudah bercerai-berai. Sebab mereka tidak menghayati makna kasih sayang yang sejati. Mereka menilai dari segi zahir, melihat aspek kulit dan fizikal pasangan semata. Selain itu, hubungan seks seperti ini sentiasa dilanda masalah dan lebih banyak membawa mudharat. Kerana mereka sentiasa bertukar-tukar pasangan dan sentiasa mencari yang cantik dari yang cantik-cantik. Mereka juga hanya untuk melampiaskan kegairahan hawa nafsu. Orang-orang yang melakukan seks di luar nikah, yang berganti-ganti pasangan tidak akan mendapatkan kasih

sayang yang sebenar. Jiwa mereka dilanda pelbagai masalah, seperti gelisah, tidak tenang dan tidak bahagia. Apatah lagi, bila kelamin mereka didapati terkena jangkitan AIDS dan penyakit kelamin. Sungguh menekan perasaan mereka. Sebagaimana telah dijelaskan di atas, bahawa 85% lelaki dan wanita yang mengamalkan seks bebas dan sentiasa bertukar-tukar pasangan, mereka dijangkiti virus AIDS dan penyakit kelamin. Bagaimanakah fikiran dan hati mahu tenteram jika kelamin telah dijangkiti oleh penyakit yang belum ditemukan ubatnya? Inilah yang namanya tiada kasih sayang. Allah SWT telah mencabut kasih sayang itu di dalam jiwanya. Kemudian menukarnya dengan satu penyakit yakni penyakit kelamin. Maknanya *rahmat Allah* bertukar menjadi *laknat Allah* (*kutukan Allah*). *Na'uzubillah*! Apakah maknanya ini semua?

Oleh sebab itu, ajaran Islam memandang bahawa perkahwinan merupakan kaedah terbaik dan berkesan membina gairah seks yang halal, membika cinta kasih (*mawaddah*) dan kasih sayang (*rahmat*). Dengan perkataan lain, tujuan perkahwinan yang paling agung dalam Islam adalah untuk membina daya tahan *sakinah* (kebahagiaan zahir-batin), membina cinta kasih (*mawaddah*) yang berterusan dan mengekalkan perasaan kasih sayang (*rahmah)* suami isteri sehingga akhir hayat. Kemudian menghantar mereka ke syurga.

Rasulullah SAW menasihati para pemuda supaya menerapkan cinta hakiki, yakni menikah dengan wanita yang dicintainya. Kerana dengan menikah itu akan membina kebahagiaan hubungan seks dan memelihara kemuliaan. Kemuncak dari segala percintaan remaja hakikatnya wujud dalam pernikahan. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَمْ نَرَ لِلْمُتَحَابَّيْنِ مِثْلَ النِّكَاحِ

Tidak pernah terlihat dua orang yang saling mencintai seperti pernikahan.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Nikah, al-Mahabbah; hadis 1509, daripada Ibnu Abbas). Kedudukan hadis ini sahih.

SEKS HALAL MELAHIRKAN ZURIAT YANG SOLEH

Seks halal akan membina zuriat yang soleh dan solehah. Zuriat yang soleh dan solehah ini yang akan meneruskan perjuangan hidup

manusia yang mencintai manusia kerana Allah dan mencintai Allah dan RasulNya. Terutama meneruskan perjuangan ibu bapa mereka yang soleh dan solehah serta menjalani kehidupan yang berasaskan agama. Setiap pasangan suami isteri yang soleh, mereka sentiasa mendambakan untuk mendapatkan anak-anak yang soleh dari setiap perhubungan seks itu. Oleh itu, Rasulullah SAW membimbing setiap pasangan suami isteri yang hendak melakukan hubungan seks (*jimak*) supaya membaca doa berikut:

بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبْ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا

Dengan nama Allah, Ya Allah, jauhkanlah kami dari godaan syaitan, dan jauhkanlah syaitan daripada anak yang Engkau berikan kepada kami.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, al-Doa fi al-Jima'; hadis 832, daripada Ibnu Abbas).

Menurut hadis sahih ini, apabila pasangan suami isteri melakukan hubungan jimak yang diberkati, kemudian dikurniakan anak. Maka anak yang dilahirkan itu tidak akan dapat diperdaya oleh syaitan. Ini kerana hubungan cinta kasih itu diredhai dan mendapat perlindungan Allah. Selain hubungan itu membina kebahagiaan antara kedua-dua kekasih, dalam masa yang sama juga ia membangun keturunan yang soleh.

Maksud doa ini adalah bahawa supaya hubungan seks halal antara suami-isteri tidak dicampuri oleh syaitan. Apabila ditakdirkan isteri mengandung dari hasil hubungan itu, maka syaitan juga tidak mampu mempengaruhi dan memperdayakan anak itu. Anak itu akan lahir sihat zahir dan batinnya. Jika dididik dengan penuh kasih sayang, maka anak itu akan tumbuh dan berkembang menjadi anak yang soleh-solehah. Selain itu, anak yang dilahirkan itu sentiasa menyejuk matahati dan membina kebahagiaan suami isteri dalam institusi keluarga. Anak yang menyejuk matahati ini akan terus tumbuh membesar dan berkembang menjadi anak yang soleh-solehah. Oleh itu, lelaki yang soleh sentiasa berdoa kepada Allah untuk mendapatkan anak-anak yang menyejuk matahati dan menjadi pemimpin orang-orang yang bertakwa. Sebagaimana Allah berfirman:

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ٤٧

Ya Tuhan kami! Anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk matahati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Furqan 25 : 74).

Seks halal menghendaki seorang suami untuk memohon zuriat yang taat, berserah diri dan keturunan yang pintar. Bahkan pasangan yang soleh dan solehah sentiasa memohon kepada Allah untuk mendapatkan anak-anak yang sentiasa mendirikan solat (terutama solat lima waktu) dan solat-solat sunat. Sebagai doa-doa yang dibawakan oleh para nabi-nabi dan rasul di bawah ini.

رَبَّنَا وَٱجۡعَلۡنَا مُسۡلِمَيۡنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةٗ مُّسۡلِمَةٗ لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا
وَتُبۡ عَلَيۡنَآۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ٨٢١

Ya Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang yang tunduk patuh kepada Engkau dan (jadikanlah) diantara anak cucu kami umat yang tunduk patuh kepada Engkau dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara dan tempat-tempat ibadat haji kami, dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.

(Surah al-Baqarah 2 : 128).

Sila merujuk dan mengamalkan doa-doa Nabi Ibrahim di bawah ini:

رَبِّ ٱجۡعَلۡ هَٰذَا ٱلۡبَلَدَ ءَامِنٗا وَٱجۡنُبۡنِي وَبَنِيَّ أَن نَّعۡبُدَ ٱلۡأَصۡنَامَ ٥٣

Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri ini (Mekah), negeri yang aman dan jauhkanlah aku beserta anak cucuku daripada menyembah berhala-berhala.

(Surah Ibrahim 14 : 35).

رَّبَّنَآ إِنِّيٓ أَسۡكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيۡرِ ذِي زَرۡعٍ عِندَ بَيۡتِكَ ٱلۡمُحَرَّمِ رَبَّنَا
لِيُقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ فَٱجۡعَلۡ أَفۡـِٔدَةٗ مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهۡوِيٓ إِلَيۡهِمۡ وَٱرۡزُقۡهُم مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ

لَعَلَّهُمۡ يَشۡكُرُونَ ٧٣

Ya Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan shalat, maka jadikanlah hati sebagian manusia cenderung kepada mereka dan beri rezekilah mereka dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur.

(Surah Ibrahim 14 : 37).

رَبِّ ٱجۡعَلۡنِي مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِيۚ رَبَّنَا وَتَقَبَّلۡ دُعَآءِ ٤٠

Ya Tuhanku! Jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan shalat, ya Tuhan kami, perkenankanlah doaku.

(Surah Ibrahim 14 : 40).

Mengapakah pasangan suami isteri sentiasa mendambakan anak-anak yang soleh dan solehah. Jawapannya sederhana sahaja, kerana ingin mendapatkan doa dari anak-anak tersebut dan meneruskan perjuangan dakwah. Selain itu, keinginan itu merupakan satu dorongan yang amat mulia bagi menentukan kualiti manusia di hadapan Tuhan. Anak yang soleh sudah tentu akan mendoakan kedua ibu bapa mereka. Lihatlah doa-doa terserbut:

رَبَّنَا ٱغۡفِرۡ لِي وَلِوَٰلِدَيَّ وَلِلۡمُؤۡمِنِينَ يَوۡمَ يَقُومُ ٱلۡحِسَابُ ١٤

Ya Tuhan kami! Ampunlah aku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab (hari kiamat).

(Surah Ibrahim 14 : 41).

رَّبِّ ٱرۡحَمۡهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرٗا ٤٢

Wahai Tuhanku! Kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil"

(Surah al-Isra' 17 : 24).

Demikianlah indahnya apabila manusia mengharungi cinta hakiki dan murni dalam penyaluran kehendak seks yang halal lagi diberkati. Cinta manusia itu bertambah indah, jika manusia itu menghayati benar-

benar makna hubungan seks dan sekaligus menikmati kelazatannya. Ternyata hubungan seks itu berupaya membina kebahagiaan manusia sejagat. Manusia sentiasa bertambah tenteram (*sakinah*), bertambah cinta kasih (*mawaddah*) dan bertambah kasih sayang (*rahmah*) terhadap orang-orang yang dicintainya. Bahkan hubungan seks itu membina kebahagiaan hidup yang berterusan sehingga akhir hayat serta berlanjutan ke syurga akhirat yang berkekalan buat selama-lamanya.

SEKS BERTERUSAN HINGGA KE SYURGA

Sebagaimana telah dinyatakan di atas, bahawa kebahagiaan hubungan seks itu tidak hanya terhenti di dunia, tetapi akan berterusan ke hubungan cinta di syurga. Oleh itu, memang kenikmatan hubungan seks itu akan membina kebahagiaan hidup manusia sampai ke akhirat kelak. Tetapi terdapat beberapa kriteria seks berterusan boleh menghantar pelaku-pelakunya sehingga ke syurga. Dari perspektif Islam ada empat kriteria iaitu (1) hubungan seks dilakukan setelah disahkan dengan pernikahan, (2) tujuan perkahwinan mestilah mematuhi panduan Islam, dan (3) seks memelihara kelangsungan jenis manusia. Apabila ketiga-tiga kriteria ini ada kepada setiap pasangan suami isteri, *insya-Allah,* seks itu akan membina kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Hubungan Seks Yang Mulia

Islam memandang seks sebagai satu kemuliaan yang mesti dijaga. Oleh itu, untuk melakukan hubungan seks harus dilakukan dengan cara yang mulia. Cara itu, tidak akan didapati dalam mana-mana buku panduan melakukan hubungan seks melainkan hanya dapat ditemukan dalam ajaran agama. Melakukan hubungan seks merupakan satu keperluan syahawat dan memberi kesempatan kepada setiap manusia yang normal untuk merasakan kenikmatan hubungan seks. Tetapi harus dilakukan dengan cara yang halal lagi diberkati. Cara halal lagi diberkati itu adalah nikah di hadapan *qadhi* dan disaksikan oleh saksi-saksi yang adil lagi soleh. Apabila seseorang melakukan hubungan seks secara bebas tanpa pernikahan dan berganti-ganti pasangan walaupun berasaskan kesukaan dan kerelaan hati, maka itu dinamakan dengan zina. Hubungan seks bebas berganti-ganti pasangan dan bertukar-tukar salera ini biasanya diamalkan oleh masyarakat yang tidak percaya dengan agama. Termasuklah orang-orang yang menganut fahaman *liberalisme, pragmatisme, ateisme* dan *marxisme*.

Mengadakan hubungan seks suami isteri adalah perintah sunnah. Maknanya setiap kali suami isteri mengadakan hubungan seks dikira sebagai satu ibadah. Selain berfungsi untuk memberikan rasa tenang (*sakinah*), bahagia dan kasih sayang, dalam masa yang sama hubungan seks suami isteri itu akan mendatangkan pahala. Bahkan suami isteri sentiasa digalakkan menikmati pelbagai bentuk hubungan seks dengan memperhatikan hal-hal seperti berikut:

Pertama, diharamkan bagi suami isteri menceritakan kepada orang lain tentang aktiviti seksual mereka, sama ada dengan perkataan atau isyarat. Keduanya sentiasa disuruh memelihara rahsia perhubungan itu. Diriwayatkan dari Abu Said al-Khudri ra berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشَرِّ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ الرَّجُلَ يُفْضِي إِلَى امْرَأَتِهِ وَتُفْضِي إِلَيْهِ ثُمَّ يَنْشُرُ سِرَّهَا

Sesungguhnya manusia yang paling jelek kedudukannya di sisi Allah pada hari kiamat adalah suami yang bersetubuh dengan isterinya, dan isteri bersetubuh dengan suaminya, kemudian suami tersebut menyebarkan rahasia isterinya.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, asar al-Nas; hadis 835, daripada Abu Said al-Khudri).

Menurut hadis sahih ini hubungan jimak suami isteri tidak boleh diceritakan kepada seseorang. Ini kerana hubungan ini adalah hubungan yang sangat mulia dan penuh rahsia antara kedua insan yang saling menyayangi. Kedua-dua belah pihak sentiasa disuruh menjaga rahsia.

Dikisahkan dalam satu riwayat Abu Hurairah ra, bahawa Rasulullah SAW juga mencela seorang lelaki yang mencela dan membenci isterinya yang beriman. Ini kerana jika suami tidak menyukai sesuatu perangai isterinya, boleh jadi di sisi lain suami menyukai perangainya yang lain. Fakta seperti ini jelaskan dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim. Dari Abu Hurairah ra berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَفْرَكْ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً إِنْ كَرِهَ مِنْهَا خُلُقًا رَضِيَ مِنْهَا آخَرَ أَوْ قَالَ غَيْرَهُ

Janganlah suami yang beriman membenci isteri yang beriman, kerana apabila suami tidak menyukai suatu perangainya tentu ada perangai lain yang menyenangkannya.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, la Yafrak mu'min mu'minah; hadis 849, daripada Abu Hurairah).

Kedua, diharamkan suami mengadakan hubungan seks dengan isterinya melalui dubur. Dari segi biologi, dubur bukan diperuntukkan untuk perhubungan cinta yang mulia, tetapi lebih kepada penyimpangan fitrah. Sesuatu yang menyimpang dari fitrah tidak akan mendatangkan sebarang kebaikan kepada pasangan pencinta. Selain itu, hubungan seks melalui dubur juga bercanggah dengan adab yang mulia dan jalinan perasaan kedua pasangan pencinta. Oleh itu, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa lelaki yang menyetubuhi isterinya melalui dubur dianggap sebagai perbuatan terkutuk. Allah SWT tidak akan melihat lelaki tersebut. Sebagaimana diriwayatkan Abu Hurairah ra, dari Nabi SAW bersabda:

لَا يَنْظُرُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَى رَجُلٍ جَامَعَ امْرَأَتَهُ فِي دُبُرِهَا

Allah tidak akan melihat kepada seorang lelaki yang menyetubuhi isterinya melalui duburnya.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Nikah, Jaama'a Imra'at; hadis 1573, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis sahih. Terdapat juga dalam riwayat Imam Muslim dan Abu Daud.

Ibnu Abbas pernah ditanya mengenai orang yang menyetubuhi isterinya pada bahagian duburnya. Dia menjawab: "kamu bertanya kepadaku mengenai kekafiran". Dengan melihat teguran-teguran keras Rasulullah SAW terhadap para pelaku seks melalui dubur, maka sudah sepatutnya hal itu dihindari oleh pasangan suami isteri yang soleh. Bahkan menurut pandangan fisiologi, melakukan hubungan seks di bahagian dubur itu akan membahayakan kesihatan dan fizikal. Sedangkan dari aspek etika dan adab, amalan itu bertentangan dengan prinsip-prinsip akhlak yang mulia. Kerana amalan menyetubuhi melalui dubur itu merupakan salah satu penyimpangan seks.

Ketiga, diharamkan bagi seorang suami menyetubuhi isterinya yang sedang *haid* dan dalam keadaan *nifas*. Kerana *haid* dan *nifas* itu merupakan darah kotor yang keluar daripada seorang wanita. *Haid* adalah darah yang keluar lazimnya setiap bulan bagi wanita yang telah

baligh. Manakala *nifas* pula adalah darah yang keluar setelah bersalin. Mengenai darah haid, Allah SWT berfirman:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَٱعْتَزِلُوا۟ ٱلنِّسَآءَ فِى ٱلْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ٢٢٢

Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: "Haid itu adalah suatu kotoran". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid; dan janganlah kamu mendekati mereka, sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri.

(Surah al-Baqarah 2 : 222).

Keempat, diharamkan bagi seorang suami mengadakan hubungan jimak dengan isteri-isterinya di siang hari sepanjang bulan ramadhan. Tetapi larangan itu hanya bersifat sementara, kerana faktor ibadah puasa ramadhan. Setelah berbuka puasa, maka keduanya boleh mengadakan hubungan seks. Dalam konteks seks ini, al-Quran menggambarkan hubungan seks suami isteri ini sebagai '***pakaian indah***'. Maknanya pakaian sentiasa memberi keindahan kepada kedua pasangan. Apabila pakaian itu digunakan dengan sebaik-baiknya.

Selain itu, pakaian itu boleh dipakai bila-bila masa selama pakaian itu sentiasa bersih dan tidak kotor. Pakaian itu boleh menambah keindahan antara kedua-dua pasangan suami isteri. Makna yang tersirat dari pakaian di sini adalah apabila hubungan seks itu dilakukan sesuai dengan kehendak Allah, selain mendapat kebaikan, pahala, rasa nikmat dan lazat, dalam masa yang sama juga akan memberi keindahan jiwa kepada kedua-dua insan yang saling mencintai. Pakaian itu akan sentiasa kelihatan indah jika digunakan sesuai keadaan dan panduan al-Quran. Oleh itu, al-Quran menggunakan istilah '***libasun***', yang bermakna pakaian. Sebagaimana Allah berfirman:

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ ٱلصِّيَامِ ٱلرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَآئِكُمْ ۚ هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ ۗ

Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu; mereka adalah pakaian bagimu dan kamu juga pakaian bagi mereka…"

(Surah al-Baqarah 2 : 187).

Pengharaman mengadakan hubungan seks dengan wanita yang sedang nifas ditetapkan berdasarkan kepada kias. Kias nifas adalah dengan darah *haid,* kerana memiliki alasan (*illat*) dan sebab yang serupa. Demikian disepakati oleh jumhur *ulama fiqh*. Hanya seorang suami dibolehkan bersenang-senang dengan isterinya pada bahagian di antara pusat dan lutut pada saat dia haid dan nifas, tetapi di atas sarung (isteri harus menggunakan sarung, kain). Menurut ulama fiqh, diharamkan bersenang-senang di bawah sarung, kain. Di antara hikmah pengharaman itu adalah untuk menghadkan kegairahan nafsu agat tidak melakukan hal-hal yang dilarang oleh syariah.

Sedangkan untuk menikmati hubungan seks dengan pelbagai teknik dan kekerapan melakukannya tidak dilarang oleh agama. Kerana bagi pasangan suami isteri, hubungan seks itu boleh memberi kelazatan dan sekaligus membina kebahagiaan. Mengenai hubungan seks dari sebelah belakang atau menggunakan teknik yang pelbagai juga tidak dilarang oleh agama. Dikisahkan orang-orang Yahudi menceritakan jika lelaki mendatangi isteri (mengadakan hubungan seks) wanita dari sebelah belakang, maka mata anak yang dilahirkan kelak akan juling. Setelah pendapat ini tersebar dalam kalangan orang-orang mukmin, maka turunlah wahyu al-Quran berikut:

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ

Isteri-isterimu seperti kebun tanamanmu, maka datangilah kebun tanamanmu mengikut kehendakmu.

(Surah al-Baqarah 2 : 223).

Ayat ini membantah pandangan orang-orang Yahudi yang mengatakan bahawa jika suami mengadakan hubungan seks melalui sebelah belakang isteri. Maknanya tidak salah suami isteri mengadakan hubungan seks dari sebelah belakang, asalkan tidak memasukkan zakar di bahagian dubur isteri. Oleh itu, ayat di atas, al-Quran menggunakan istilah "***kebun tanaman***" dan kebun tanaman itu boleh didatangi dari semua arah jalan. Maka datangilah kebun tanaman itu dengan pelbagai

jalan, selama jalan itu tidak menyesatkan. Terlalu indah bahasa al-Quran yang digunakan bagi menjelaskan hubungan seks ini. Ini juga menggambarkan bahawa seks suami isteri adalah sesuatu hubungan yang mulia, yang berupaya membina cinta kasih dan kebahagiaan.

Tujuan Perkahwinan dalam Islam

Tujuan perkahwinan dalam Islam untuk membina institusi keluarga yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Dalam Islam perkahwinan adalah institusi yang amat mulia, kerana itu ia harus dibina dengan cara-cara yang paling mulia. Apabila tujuan perkahwinan bercanggah dengan al-Quran dan sunnah, maka institusi perkahwinan itu tidak akan bertahan lama. Dalam Islam tujuan perkahwinan menuntut pasangan suami isteri sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya. Kerana antara kedua belah pihak memiliki tugas dan tanggungjawab yang berbeza-beza. Suami bertugas mencari rezeki dan bertanggungjawab menyara semua keperluan keluarga. Suami adalah pemimpin tertinggi dalam keluarga, yang bertugas dan bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti kepimpinan dalam keluarga. Oleh itu, semua pekerjaan yang berat, keras, keselamatan, kemakmuran dan kepimpinan dipegang oleh suami. Termasuklah tugas mendidik isteri dan anak-anak merupakan tanggungjawab suami. Sementara, isteri bertugas sebagai pendamping setia, menjaga rahsia keluarga, mengerjakan pekerjaan yang ringan-ringan, seperti memasak, mengemaskan rumah, mencuci pakaian, memberi pelayanan terbaik kepada suami dan anak-anak. Dalam konteks kepimpinan, isteri berperanan sebagai timbalan pemimpin. Oleh itu, tugas dan tanggung isteri lebih banyak mengurus masalah pentadbiran dalam rumah, memastikan keceriaan isi rumah, mengemas keperluan makan-minum anak-anak, kebersihan pakaian sekolah dan persediaan pelajaran anak. Termasuklah menyemak perkembangan dan kemajuan pelajaran anak di sekolah adalah tugas isteri.

Sekiranya suami isteri sama-sama bekerja setiap hari, kedua-dua pasangan tetap dituntut untuk mengikuti panduan Islam. Misalnya, ketika waktu maghrib, isyak dan subuh, suami harus memainkan peranannya sebagai pemimpin, seperti menjadi imam sembahyang, mengajar isteri dan anak-anak mengerjakan ibadah. Suami juga perlu memastikan apakah isteri dan anak-anak mengerjakan ibadah sembahyang lima waktu, memastikan apakah anak-anak boleh membaca al-Quran dan

memastikan apakah isteri dan anak-anak gadis menutup aurat setiap kali keluar rumah. Dalam konteks kepimpinan, seorang suami sentiasa dituntut untuk bersikap kasih sayang, lemah lembut terhadap isteri dan anak-anak serta memotivasi kejayaan prestasi belajar anak-anak di sekolah. Suami sangat dituntut untuk mengajak anak lelakinya mengerjakan solat berjamaah di masjid. Sementara isteri perlu sentiasa memberi pelayanan terhadap suami dan anak-anak. Misalnya, berhias untuk suami, menjaga rahsia perhubungan dengan suami dan seluruh isi rumahtangga, sentiasa memperhatikan jadual belajar anak-anak dan memotivasi aktiviti belajar anak-anak. Di antara yang boleh dilakukan oleh isteri adalah membimbing anak belajar, duduk dekat anak yang sedang belajar, memuji prestasi belajar anak, menyiapkan makanan dan pakaian anak serta sentiasa berdoa untuk kejayaan anak-anak.

Apabila pasangan suami isteri benar-benar melaksanakan asas dan tujuan perkahwinan menurut panduan Islam, *insya-Allah* diyakini perkahwinan itu akan berkekalan sehingga akhir hayat mereka. Selain, pasangan suami isteri ini akan membina kebahagiaan institusi perkahwinan yang hakiki. Kerana jika seluruh rangkaian perkahwinan itu sentiasa mengikuti ajaran Islam, Allah SWT akan mencucuri rahmat dan keredaanNya kepada pasangan tersebut. Perkahwinan yang mendapat cucuran rahmat dan keredaan Allah, diyakini akan selalu mendapat pertolongan Allah. Pasangan suami isteri ini akan mendapatkan kebahagiaan yang luar biasa, yang tidak dirasakan oleh kebanyakan orang. Selain itu, pasangan suami isteri ini akan berjaya membina sebuah keluarga ***sakinah, mawaddah*** dan ***rahmah***. Keluarga ini sentiasa mendapat kekuatan dalam membina kejayaan akademik anak-anak. Kebahagiaan perkahwinan tidak semata-mata dinilai dari segi kecukupan kebendaan, misalnya rumah yang besar, jenama kereta yang terkenal, gaji yang besar dan kedudukan yang tinggi. Bahkan banyak orang-orang yang berpangkat besar, tinggal dalam rumah yang indah, besar dan megah, memiliki wang yang banyak, tetapi justeru mereka gagal mendidik anak-anak mereka. Oleh itu, ukuran kebahagiaan tidak dilihat dari segi zahir semata-mata, tetapi ia lebih kepada unsur dalaman. Terdapat ramai ibu bapa miskin, tetapi anak-anak mereka justeru cemerlang – menjadi ulama, ilmuwan dan sarjana yang intelektual. Semua ini, kerana pertolongan Allah kepada pasangan suami isteri tersebut. Salah satu faktor kajayaan anak-anaknya kerana pasangan suami isteri itu dahulunya membina institusi perkahwinan mengikut panduan Islam.

Seks Memelihara Kelangsungan Hidup Manusia

Hubungan seks halal suami isteri juga berfungsi memelihara kelangsungan hidup jenis manusia. Dengan aktiviti seks keturunan umat manusia akan tetap berlangsung, semakin banyak dan berkembang. Di dalam kelestarian dan kesinambungan ini ada unsur pemeliharaan terhadap kelangsungan hidup jenis manusia. Dengan itu, manusia akan berusaha meningkatkan mutu kehidupan dari semasa ke semasa dengan menggunakan pendekatan pendidikan dan menggunakan kaedah-kaedah pendidikan yang berkembang pesat sesuai dengan keperluan semasa. Apabila manusia hidup berkualiti ini merupakan satu pencapaian kemajuan tamadun. Oleh itu, maka aktiviti seks manusia juga semakin berkembang. Kerana manusia itu selalu mengevaluasi dan memperbaiki prestasi kehidupan. Ditambah lagi, manusia sentiasa terangsang untuk menambah jumlah anggota keluarga, misalnya menambah jumlah anak, lalu anak kahwin dan memiliki anak-anak, lalu anak-anak memiliki anak-anal lagi. Sehingga dari perkahwinan seorang lelaki dan wanita berkembang biak menjadi beranak, bercucu dan bercicit dan seterusnya. Inilah di antara fenomena perkahwinan dan perkembangan hidup manusia. Oleh itu, Allah berfirman:

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم بَنِينَ وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

Allah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri dan menjadikan bagimu dari isteri-isteri kamu itu, anak-anak dan cucu-cucu, dan memberimu rezeki dari yang baik-baik.

(Surah al-Nahl 16 : 72).

Dari sekalian banyak jenis manusia yang dilahirkan ke dunia dan perkembangan keturunan umat manusia yang bertambah ramai itu, kualiti kehidupan semua manusia yang terbaik hanyalah dinilai dari segi keimanan dan kelembutan hati manusia itu. Oleh itu, Allah SWT mempertikaikan semua cara hidup ramai manusia, yang mengambil cara yang batil (salah) dan mengingkari pelbagai nikmat Allah. Dengan bahasa yang indah dan penuh motivasi, Allah SWT menyeru manusia supaya bertakwa. Kerana Allah SWT telah menciptakan manusia itu dari seorang diri dan daripadanya Allah SWT menciptakan isterinya

serta dari perkembangan lelaki dan wanita itu manusia bertambah banyak, seperti sekarang ini (al-Nisa' 4 : 1). Semua perkembangan dan pertambahan bilangan manusia itu bermula dari aktiviti seks halal suami isteri. Oleh itu, Islam mengutuk semua tingkah laku seks yang di luar *tabi'i,* seks tanpa nikah dan perkahwinan yang batil. Kerana itu semua merendahkan martabat seks, yang tadinya indah dan mulia, kemudian bertukar menjadi hina dan rendah. Dalam Islam, hubungan seks dinilai sesuatu yang amat mulia. Apabila hubungan seks itu dilakukan dan dinikmati setelah pernikahan (perkahwinan), maka kedudukan seks itu sentiasa bermartabat mulia. Oleh sebab itu, hubungan seks (*jimak*) antara suami isteri itu dinilai sebagai amal soleh dan mendapat pahala di sisi Allah.

Dengan perkahwinan yang disyariatkan Allah SWT kepada manusia, maka anak-anak yang dilahirkan dari hasil perkahwinan itu akan merasa bangga dengan kedua ibu bapanya. Anak-anak juga akan memuliakan kedua ibu bapanya dan akan mencontoh tingkah laku mulia kedua ibu bapanya. Anak-anak tersebut juga akan merasakan martabat dirinya sebagai satu keturunan yang mulia. Dengan demikian, anak-anak akan merasa harga dirinya tinggi, jiwanya kuat, iradahnya hebat, cita-citanya tinggi, tingkah lakunya soleh serta aktiviti belajarnya rajin. Dengan itu, martabat manusia sentiasa mulia dan tinggi.

Melakukan hubungan seks halal menyelamatkan masyarakat dari kerosakan akhlak. Dalam masa yang sama ia juga akan membina ketahanan sosial dan sentiasa kekuatan jiwa masyarakat yang bertamadun. Masyarakat akan merasakan kedamaian sosial dalam kehidupan, kerana setiap anggota masyarakat sama-sama berperanan aktif melaksanakan tanggungjawab moral dalam perkahwinan. Oleh itu, Rasulullah SAW sentiasa menganjurkan semua pemuda supaya berkahwin. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ

Wahai pemuda! Siapa di antaramu sudah mampu kahwin, maka kahwinlah. Sebab perkahwinan itu akan dapat lebih memelihara pandangan dan dapat menjaga kemaluan.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab Nikah, ahsanu Lil Farji; hadis 4677,

daripada al-A'Masy).

Menurut hadis ini, nyata bahawa perkahwinan itu sangat berkesan memelihara pandangan dan memelihara kemaluan lelaki. Kerana apabila telah berkahwin, kemaluan lelaki akan tersalur dorongan hawa nafsunya terhadap orang yang dicintainya, yakni isterinya. Maknanya kahwin memberi kebebasan kepada lelaki untuk mengadakan hubungan seks dengan orang yang dicintainya. Sehingga dengan itu, dia sentiasa mencintai dan menyayangi isterinya. Demikian juga isterinya akan sentiasa merasakan kedamaian jiwa dan kebahagiaan kerana sentiasa mendapatkan cinta kasih dan kasih sayang dari suaminya. Selain itu, perkahwinan akan menyelamatkan umat manusia dari bahaya perzinaan sosial. Kerana salah satu kerosakan moral manusia berpunca dari aktiviti perzinaan dan tingkah laku seks bebas tanpa sempadan agama serta budaya. Setiap insan yang mengamalkan seks bebas akan terbelenggu dengan kerosakan akhlak, keganasan seksual, penyakit sosial dan penyakit fizikal. Apabila entiti masyarakat telah menganggap zina sebagai suatu amalan sosial dan memandangnya sebagai satu keharusan, maka manusia sudah berada di ambang kehancuran. Kerana hidup manusia menjadi ganas dan membina pelbagai ketegangan sosial. Dengan demikian ketenteraman masyarakat menjadi hancur. Kerana masing-masing manusia telah mengambil sikap yang sama dan bertingkah laku yang sama.

Seks halal juga membina kehalusan jiwa, yang mencirikan sifat-sifat kebapaan dan keibuan. Dengan seks halal itu, perasaan-perasaan pencinta dan yang dicinta akan bertambah halus dan romantik. Dari hati kedua-dua insan akan terpancar sinar kemuliaan sebagai seorang bapa dan ibu yang penyayang. Perasaan mulia ini sentiasa akan bertahan dan bahkan bertambah terhadap insan yang dicintai. Perasaan ini sangat bermanfaat apabila diarahkan untuk pendidikan anak-anak dan memberi dorongan anak-anak untuk rajin belajar serta menjadi anak-anak yang soleh. Cahaya iman semakin terang dan kebersihan hati bertambah-tambah. Sehingga kehidupan pasangan suami isteri yang dilengkapi dengan anak-anak yang cerdik dan soleh di sekeliling, menambah lagi rasa kebahagiaan yang tiada terhingga. Bahkan fikiran ibu bapa semakin gembira menatap masa depan anak-anak yang soleh dan cemerlang. Dengan demikian hidup manusia semakin dinamik. Oleh yang demikian, jangan hairan jika syariat Islam sentiasa menggalakkan perkahwinan. Kerana di sana tersimpan pelbagai rahsia kebahagiaan hidup manusia.

Umar pernah bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai harta. Maka Rasulullah SAW menjawab:

لِيَتَّخِذْ أَحَدُكُمْ قَلْبًا شَاكِرًا وَلِسَانًا ذَاكِرًا وَزَوْجَةً مُؤْمِنَةً تُعِينُ أَحَدَكُمْ عَلَى أَمْرِ الْآخِرَةِ

Hendaklah setiap kalian membawa hati yang bersyukur, lisan yang sentiasa berzikir, dan isteri beriman yang dapat menolong setiap orang dari kalian untuk kepentingan akhirat'.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Nikah, al-Fiddah wa al-Zahab; hadis 1517, daripada Sauban). Kedudukan hadis ini sahih.

Isteri yang beriman adalah isteri yang taat kepada Allah, Rasulullah SAW dan taat kepada suami. Isteri yang taat ini sentiasa menyejukkan matahati suami dan sentiasa menjaga kehormatan dirinya. Isteri seperti ini juga termasuk dalam kategori isteri yang solehah. Isteri solehah sentiasa patuh dan menyenangkan hati suami. Oleh itu, isteri seperti ini akan menjadi sumber kebahagiaan hubungan cinta. Ditanyakan kepada Rasulullah SAW:

أَيُّ النِّسَاءِ خَيْرٌ قَالَ الَّتِي تَسُرُّهُ إِذَا نَظَرَ وَتُطِيعُهُ إِذَا أَمَرَ وَلَا تُخَالِفُهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهَا بِمَا يَكْرَهُ

Ditanyakan kepada Rasulullah SAW: Siapakah wanita yang paling baik? Beliau menjawab: 'apabila dilihat suaminya menyenangkan, taat apabila disuruh, tidak menyelisihkan diri (pandai menjaga kehormatan diri) dan menjaga harta yang diamanahkan suaminya'.

Takhrij: (al-Nasaie, kitab Nikah, al-Nisaa'i Khairun; hadis 3179, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini sahih.

Oleh yang demikian, maka wanita seperti ini sentiasa menjadi sumber kebahagiaan dan ketenangan dalam perhubungan cinta. Dia sentiasa bijak membangun hubungan cinta, ikhlas mematuhi suami, sentiasa menjaga kesucian cinta dengan memelihara kehormatan diri serta menjaga amanah cinta. Oleh itu, Rasulullah SAW memuji wanita seperti ini sebagai wanita solehah yang lebih baik daripada dunia dengan segala isinya. Sebagaimana diriwayatkan dari Abdullah bin Amru ra,

sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Dunia adalah tempat kesenangan, dan sebaik-baik kesenangan dunia adalah isteri yang solehah.

Takhrij: (Muslim, kitab Nikah, al-Mar'atu al-Salihah; hadis 801, daripada Abdullah bin Amru).

Sementara dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah terdapat istilah *"afdal"* yang maknanya adalah lebih utama, atau lebih baik. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَلَيْسَ مِنْ مَتَاعِ الدُّنْيَا شَيْءٌ أَفْضَلَ مِنْ الْمَرْأَةِ الصَّالِحَةِ

Sesungguhnya dunia adalah perhiasan, dan tidak ada perhiasan dunia yang lebih utama daripada wanita solehah.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Nikah, al-Mar'atu al-Salihah; hadis 1516, daripada Abdullah bin Amru). Kedudukan hadis ini sahih. Riwayat ini juga ada dalam sahih Imam Muslim dan riwayat Abu Daud.

BAB 4
DOKTOR CINTA

MUKADIMAH

Doktor cinta merujuk kepada usaha seseorang untuk memelihara hubungan cinta. Bagaimana cara memelihara hubungan cinta supaya aktiviti cinta bertahan lama, berkekalan dan sentiasa setia mempertahankan hubungan cinta. Pil cinta yang paling mujarab adalah mengubati demam cinta dengan pelbagai ubat cinta. Antara ubat cinta yang paling berkesan adalah sifat saling percaya, selalu setia, tidak mengkhianati cinta dan tidak berdusta. Dalam konteks psikologi, doktor cinta selalu berusaha memelihara hubungan cinta dengan pelbagai cara demi kebahagiaan bersama. Antara terapi doktor cinta seperti memberi hadiah, bersikap lemah lembut, menggunakan bahasa manja dalam aktiviti cinta, banyak memberi, banyak menyebut nama kekasih dan banyak berjumpa.

HADIAH CINTA

Perasaan cinta perlu sentiasa dipelihara dengan pelbagai cara. Apabila perasaan cinta telah berlabuh di dada; perasaan cinta telah sama-sama menguasai jiwa; maka hidup terasa indah dan bahagia. Magnet cinta akan semakin membara bila kekasih selalu memberi hadiah cinta. Di antara yang sering dilakukan oleh anak-anak muda yang saling mencintai adalah saling memberi hadiah hari jadi, hadiah terhadap sesuatu kejayaan yang dilakukan oleh kekasih dan hadiah kecemerlangan prestasi belajar.

Hadiah yang diberikan bertujuan untuk memelihara rasa cinta. Lazimnya wanita, sangat suka menerima hadiah barang-barang istimewa

berupa barang kemas seperti cincin emas, rantai emas dan bunga. Sedangkan lelaki suka menerima hadiah berupa jam tangan, baju, kasut dan barang keperluan lainnya. Pemberian hadiah ini dapat memelihara hubungan cinta, menambah perasaan gembira dan membina gairah cinta. Kekasih akan merasa dirinya diperhatikan dan dicintai dengan tulus. Bagi wanita, setiap pemberian hadiah dari kekasih hati pada hari jadi, itu merupakan satu keindahan cinta. Wanita sentiasa mengingatinya, bahkan dia akan membayangkan hadiah itu sebagai satu perhatian yang istimewa untuk dirinya. Oleh itu, rasa cinta kepada kekasihnya semakin berkobar-kobar di dalam dadanya. Ibaratkan seperti bunga yang sedang mekar, harum semerbak dan sangat menyejuk mata memandangnya.

Bagi lelaki, bila menerima hadiah terhadap prestasi belajar dari orang yang dicintainya, maka hatinya bertambah gembira, terharu dan merasa bangga yang tiada terkira. Pemberian hadiah itu, bukan sekadar membina hubungan cinta, tetapi seorang lelaki akan sentiasa membayangkan ketulusan cinta seorang wanita. Hati lelaki itu jadi berbunga-bunga, aura cintanya bertambah, rasa sayangnya meluap-luap dan dalam hatinya timbul satu keyakinan bahawa '***inilah indahnya cinta'***. Kesan dari pemberian hadiah cinta membuat hati bertambah cinta dan perasaan bahagia.

Pemberian hadiah merupakan hadiah cinta; pemberian hadiah merupakan anugerah cinta; pemberian hadiah merupakan alat cinta; pemberian hadiah merupakan motivasi cinta. Oleh sebab itu, sekecil apapun pemberian hadiah dari kekasih jangan dipandang rendah dan tidak berharga. Terlebih lagi hadiah yang diberikan itu terlalu *special,* maka nilainya akan menggugah jiwa. Diyakini bunga cinta tidak layu; sebeliknya aura cinta semakin membara.

Apabila seorang lelaki menerima hadiah cinta berupa baju dari seorang gadis kekasih hatinya; maka hati lelaki itu merasa bahagia, walaupun harga baju itu tidak seberapa. Perasaan cinta lelaki kepada gadis itu pastinya bergelora. Apabila perasaan cinta sedang bergelora dan kukuh bersemayam di dalam dada; maka tidak ada seorang gadis cantik manapun yang boleh memisahkan rasa cinta. Perasaan cinta kepada orang yang dicinta tidak akan pernah pudar. Apatah lagi jika baja cinta sentiasa dipelihara. Kuasa cinta sentiasa diberi siraman air bersih yang menyejukkan, maka wajah kekasih seakan-akan berada di hadapan mata. Memberi hadiah dan menerima hadiah adalah satu keistimewaan dalam aktiviti cinta. Oleh itu, ia perlu dilakukan oleh

para pelaku cinta. Untuk lelaki, hadiah cinta terbukti berjaya menambat cinta seorang gadis nan manja. Pemberian hadiah sekaligus memelihara cinta. Hadiah cinta tidak semestinya berupa barang berjenama mahal, tetapi nilai pemberiannya yang itu lebih bermakna. Makna suatu cinta bukan dilihat dari segi zahir pemberian hadiah semata-mata, tetapi lebih kepada emosi, perhatian dan tindak balas kekasih terhadap diri kekasih yang saling mencintai. Oleh itu, insan-insan yang sedang bercinta, selalu berbalas-balas memberi hadiah cinta. Kerana memang kedua-duanya saling memelihara hubungan cinta.

Pemberian hadiah boleh membangun rasa gembira kepada hati yang menerima. Pemberian hadiah seorang lelaki kepada wanita, memiliki makna kesetiaan cinta. Kesetiaan cinta kepada kekasih yang sangat bermakna. Di dalam hadiah itu ada motivasi cinta; di dalam hadiah itu ada magnet cinta; di dalam hadiah itu ada energi cinta; di dalam hadiah itu ada perasaan bahagia. Aisyah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: '*Hendaklah kamu saling memberi hadiah, maka kamu akan saling mencintai*'.

Menurut hadis sahih, pemberian hadiah bertujuan untuk mendapatkan keredhaan cinta. Lantaran itu, orang-orang soleh berusaha mencari barang terbaik untuk diberikan sebagai hadiah kepada orang yang dicintai. Sebagaimana diriwayatkan dari Aisyah ra:

أَنَّ النَّاسَ كَانُوا يَتَحَرَّوْنَ بِهَدَايَاهُمْ يَوْمَ عَائِشَةَ

Sesungguhny orang-orang memilih barang yang terbaik sebagai hadiah pada hari pernikahan Aisyah…

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Hibah, Hadiyah Yauma Aisyah; hadis 2386, daripada Aisyah).

Menurut hadis bila seseorang menerima hadiah dari seseorang, maka seseorang itu perlu memberi hadiah balasan. Sesungguhnya orang yang memberi hadiah dan menerima hadiah boleh sama-sama membangun perasaan kasih sayang keduanya. Apabila seseorang tidak mempunyai sesuatu benda untuk membalas hadiah, maka dia boleh melafazkan pujian kepada seseorang yang memberi hadiah. Ini selari dengan sunnah, yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أُعْطِيَ عَطَاءً فَوَجَدَ فَلْيَجْزِ بِهِ فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَلْيُثْنِ بِهِ فَمَنْ أَثْنَى بِهِ فَقَدْ شَكَرَهُ وَمَنْ كَتَمَهُ فَقَدْ كَفَرَهُ

Sesiapa yang menerima hadiah dan dia mempunyai sesuatu untuk membalas hadiah, maka dia hendaklah memberi hadiah sesuatu itu. Jika dia tidak mempunyai apa-apa benda, maka hendaklah dia memuji pemberi hadiah, kerana sesiapa yang memuji, maka dia telah menunaikan hak terima kasih. Sesiapa yang tidak memuji pemberi hadiah, malah dia menyembunyikannya, maka dia tidak bersyukur.

Takhrij: (Abu Daud, kitab al-Adab, al-Syukr; hadis 4813, daripada Jabir bin Abdullah). Kedudukan hadis ini hasan.

Diriwayatkan oleh Ad-Dailami *dari Anas bin Malik secara marfu, Rasulullah SAW bersabda: 'Perlu kamu memberi hadiah, kerana hadiah itu akan melahirkan rasa cinta'.*

MENGGUNAKAN BAHASA MANJA

Apabila perasaan cinta seorang lelaki telah berlabuh di hati seorang gadis; perasaan cinta seorang gadis juga telah bersemayam di dalam hati lelaki; maka episode cinta telah bermula. Ini bermakna kedua-duanya telah saling mencintai. Ketika ini perasaan cinta telah mula berputik dan berkembang. Bunga cinta semakin bertambah seiring dengan perkembangan semasa. Ekspresi cinta telah mula mempengaruhi emosi dan tingkah laku. Telepon cinta selalu berbunyi; *whats app* cinta sentiasa ada; dan kata-kata manja selalu menghiasi cinta.

Demi cinta, lelaki akan memanggil kekasihnya dengan panggilan aura cinta. *Wahai adinda; ooh sayang; ooh my darling; I love you dan I miss you*.

Dengan menggunakan bahasa manja ini, seorang gadis akan merasa dirinya sangat Istimewa di mata kekasihnya. Terlebih lagi bila bahasa manja ini digunakan dalam situasi berkelah, berjalan-jalan di pantai dan semasa hendak tidur; maka hati kekasih sentiasa bahagia mendengarnya. Seorang lelaki juga akan merasa bahagia mendengar bila gadis kekasih hatinya membalas kata-kata *I love you too, I miss you too* dan *my darling*. Semua bahasa cinta ini akan memelihara hubungan cinta; menambah rasa cinta dan menambah rasa bahagia.

Demi cinta, seorang gadis yang sedang jatuh cinta selalu memanggil nama kekasihnya dengan panggilan manja. Contoh, hai sayang, ke sinilah sekarang. Halo sayang, di mana sekarang. *Ooh my darling* sedang apa? *Ooh my darling*, saya lagi rindu. Abang, jom kita makan bakso.

Dalam bahasa manja tersimpan banyak motivasi cinta; dalam bahasa manja menyimpan banyak perhatian kekasih; dalam bahasa manja ada kerinduan cinta; dalam bahasa manja ada hajat cinta yang hendak disampaikan; dalam bahasa manja ada lakonan cinta. Dengan perkataan lain, seluruh bahasa manja menuntut seorang kekasih untuk selalu memberi perhatian penuh terhadap hubungan cinta. Perhatian penuh mesti ditunaikan demi kelestarian cinta. Oleh itu, setiap bahasa manja yang digunakan oleh lelaki dan wanita yang bercinta amat berkesan memelihara hubungan cinta.

Dengan bahasa manja seorang lelaki memanggil seorang gadis pujaan hatinya: '*Hai Athirah sayang! Bagaimana kabarnya? Hai Athirah sayang*! Abi rindu padamu; Abi sudah lama tidak menatap wajahmu. Athirah menjawab: *Hai Abi sayang*, aku juga rindu dengan Abi. *Abi sayang*, mengapa lama tak menjengukku. Aduhai Abi, jangan terlalu lama meninggalkanku.

Panggilan manja adalah panggilan dengan menggunakan bahasa simbolik, misalnya sayang, manja, buah hati, jantung hati, kekasih dan label yang memotivasi cinta. Panggilan manja dan label yang mengandungi makna yang positif itu boleh mengembirakan hati kekasih mendengarnya. Sebagai contoh, Rasulullah SAW memanggil Aisyah dengan panggilan *Humaira*, yang bermakna berpipi merah.

Dalam kesempatan lain, sering Rasulullah SAW memanggil Aisyah dengan menambah kata "*Ya*" yang ertinya wahai. Seperti kata "*Ya Aisyah*", maknanya wahai Aisyah. Rasulullah SAW juga pernah memanggil Aisyah dengan panggilan singkat, seperti *Aisy*. Memang suami isteri boleh saling memanggil dengan panggilan manja, mesara dan nama-nama singkat yang mengandungi makna positif, yang disukai oleh kedua-dua belah pihak. Semua panggilan manja ini akan menyuburkan perasaan cinta.

Ekspresi cinta yang bahagia selalu menggunakan bahasa manja. Bahasa manja sebagai satu cara memperkasa hubungan cinta. Seorang gadis akan selalu mengingat seluruh bahasa manja yang digunakan

kekasih hatinya setiap kali ada pertemuan cinta.

SIKAP LEMAH LEMBUT

Sikap lemah lembut menggambarkan keperibadian seseorang yang beradab. Sikap lemah lembut juga menggambarkan keunggulan individu terhadap yang lain. Sikap lemah lembut boleh tercermin dalam bentuk perkataan, tingkah laku, respon terhadap seseorang dan perlakuan dalam hubungan cinta. Antara ciri orang yang bersikap lemah lembut adalah cepat meminta maaf dan mudah memberi maaf. Sikap lemah lembut dalam perkataan, misalnya tidak mengeluarkan perkataan yang kasar, menghukum, mencemuh, menghina, mengeluarkan kata-kata sumpah, maki hamun, menghujat, merendah-rendah orang lain dan mencari-cari kesalahan orang lain.

Apabila perkataan lemah lembut diterapkan dengan hubungan cinta; tidak mengeluarkan kata-kata kesat dengan kekasih; tidak mengkritik perkataan kekasih; tidak menyinggung perasaan kekasih; tidak menuduh kekasih berlaku curang; tidak mengeluarkan kata-kata bombastik; sebaliknya selalu bersedia mendengar keluhan hati kekasih.

Kebalikan dari sikap lemah lembut adalah sikap kasar. Dalam sikap kasar ada sifat munafik, berpura-pura, khianat, kepalsuan, dendam, liberal, penyakit kelamin, cinta buta, cinta nista, adu domba, permusuhan dan perceraian. Oleh sebab itu, sifat kasar boleh menghakiskan perasaan cinta. Sehebat apapun aura cinta; sekuat manapun hubungan cinta; seharmoni apapun perasaan cinta; apabila hubungan cinta itu dirasuki sikap kasar, maka hubungan cinta itu akan sirna.

Dalam konteks tingkah laku, sikap lemah lembut menyimpan pelbagai energi cinta. Sikap lemah lembut simbol keagungan cinta di seluruh dunia. Dalam sikap lemah lembut, terdapat banyak kebajikan dan menjadi sumber kebahagiaan cinta. Oleh itu, setiap lelaki yang bersikap lemah lembut terhadap seorang gadis pujaan hatinya, maka gadis itu akan mencintai lelaki itu sepenuh jiwanya. Demikian juga bila seorang gadis menunjukkan sikap lemah lembut kepada lelaki yang dicintainya, maka lelaki itu akan mencintai gadis itu sepenuh jiwa-raganya. Cinta seorang lelaki kepada seorang gadis seperti ini merupakan sumber kebahagiaan cinta. Kekuatan cinta seperti ini tidak akan dapat digoda, diperdaya dan tidak dapat dilunturkan oleh mana-mana wanita. Inilah yang dimaksudkan sifat lemah lembut adalah

sumber kebajikan. Sebagaimana diriwayatkan dari Mulaikah, dari Ya'la bin Mamlak, dari Ummu Darda, dari Nabi SAW bersabda:

مَنْ أُعْطِيَ حَظَّهُ مِنْ الرِّفْقِ فَقَدْ أُعْطِيَ حَظَّهُ مِنْ الْخَيْرِ وَمَنْ حُرِمَ حَظَّهُ مِنْ الرِّفْقِ فَقَدْ حُرِمَ حَظَّهُ مِنْ الْخَيْرِ

Sesiapa yang diberi bagian dari sifat lemah lembut, maka sesungguhnya dia telah diberi bagian kebaikan. Sesiapa yang tidak diberi bagian dari sifat lemah lembutnya, maka sesungguhnya dia tidak diberi bagian dari kebaikan.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Birr wa al-Silah; hadis 2013, daripada Abu Darda). Kedudukan hadis ini hasan sahih.

Dalam hadis sahih Imam Muslim dari riwayat Aisyah, dikisahkan Rasulullah SAW menyuruh Aisyah bersikap lemah lembut, kerana sifat lemah lembut itu akan menyebabkan seseorang dicintai oleh Allah. Sebagaimana diriwayatkan dari Aisyah ra, Rasulullah SAW bersabda:

يَا عَائِشَةُ إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرِّفْقَ

Ya Aisyah, sesungguhnya Allah itu Maha Lembut. Dia mencintai sikap lemah lembut.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Birr, al-Rafq; hadis 1794, daripadaAisyah).

Sifat lemah lembut merupakan kunci kebaikan setiap orang. Sikap lemah lembut dalam percintaan akan membina perasaan aman, bahagia dan memekarkan bunga-bunga cinta. Apabila lelaki berkata kepada gadis pujaan hatinya dengan nada suara yang lembut, jujur, tidak tinggi nada suaranya, tidak menyinggung perasaan dan selalu bersedia mendengar luahan perasaan gadis itu, maka gadis itu diyakini merasa salesa, bahagia dan bangga memiliki seorang kekasih yang lemah lembut. Sekiranya wajah lelaki itu tidak hensem dan rupawan, tetapi disebabkan sikapnya yang lemah lembut dan santun; maka bunga cinta di dalam jiwa gadis itu pasti mengagumi dan merasa bangga.

Demikian juga apabila seorang gadis berkata kepada lelaki pujaan hatinya dengan nada suara yang lembut, santun, beradab dan tidak kasar nada suaranya, maka lelaki itu akan merasa tenang, terharu, bahagia dan bangga memiliki gadis itu. Dalam hatinya berkata pilihan

cintaku kepadamu tidak salah. Kelembutan sikapmu yang menambah energi cinta; aku benar-benar cinta, *wahai adinda*!

Pemuda yang soleh selalu memuliakan hubungan cinta. Memelihara hubungan cinta dengan sikap lemah lembut. Abang Ishar dalam buku Psikologi Dalam Al-Quran (2022) menjelaskan bahawa terapi cinta yang berkekalan hanya ada dalam sikap kelembutan. Kemudian sikap lemah lembut itu diterjemahkan dalam bentuk akhlak terpuji seperti berkata jujur, tidak menyakiti perasaan orang lain, tidak berdusta, mendidik hati, penuh dengan nasihat dan selalu setia dalam bercinta. Sikap lemah lembut seperti ini menjadi salah satu asbab seseorang masuk syurga. Sebaliknya, perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk neraka adalah mulut dan kemaluan. Diriwayatkan dari Abu Hurairah ra, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ فَقَالَ تَقْوَى اللَّهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ وَسُئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ فَقَالَ الْفَمُ وَالْفَرْجُ

Rasulullah SAW ditanya tentang sesuatu yang banyak memasukan manusia ke dalam syurga? Beliau menjawab, 'Takwa kepada Allah dan akhlak yang baik.' Beliau juga ditanya tentang sesuatu yang banyak memasukkan manusia ke dalam neraka? Beliau menjawab, 'Mulut dan kemaluan'.

Takhrij: (al-Tirmizi kitab al-Birr wa al-Silatu al-Rahimah (berbakti dan silaturahim); hadis 2004, daripada Abu Hurairah). Menurut Abu Isa, kedudukan hadis sahih gharib.

Demikianlah panduan Islam mengenai sikap lemah lembut, yang mengandungi nilai kebaikan dan hikmat yang amat mendalam. Apabila sikap lemah lembut itu diterapkan dalam kehidupan, khasnya terhadap hubungan cinta yang ikhlas akan memancar sinar kebahagiaan cinta yang mulia.

Doktor cinta tertinggi wujud dalam sikap lemah lembut. Penyakit cinta tidak akan sembuh bila diberi makan pil-pil yang didapatkan dari rumah sakit dan klinik perubatan; melainkan sakit cinta itu hanya boleh diubati dengan kejujuran cinta; datang berjumpa dengan gadis kekasih hati yang sedang dilanda sakit cinta. Diyakini gadis yang sedang demam cinta akan sembuh sakitnya kerana berjumpa dengan lelaki yang jujur

dan sepenuh hati mencintai dirinya. Oleh itu, ubatilah demam cinta dengan kelembutan dan kejujuran cinta.

Diriwayatkan dari Jabir, sikap lemah lembut merupakan amalan kasih sayang. Apabila sikap lemah lembut telah hilang dalam diri seseorang, bermakna seseorang itu telah dijauhkan oleh Allah dari kebaikan. Sebagaimana diriwayatkan dari Jarir berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُحْرَمْ الرِّفْقَ يُحْرَمْ الْخَيْرَ.

Barang siapa dijauhkan dari sifat lemah lembut {kasih sayang}, bererti dia dijauhkan dari kebaikan.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Birr, al-Rafq; hadis 1792, daripada Jarir).

Dalam konteks jiwa, sifat lemah lembut dapat melunakkan hati semua manusia. Terelebih lagi sikap itu diterapkan terhadap kaum wanita yang sedang jatuh cinta; wanita yang sedang demam cinta dan membina istana cinta; maka sikap lemah lembut akan memancarkan cahaya bahagia. Cahaya bahagia ini akan bertahan lama atas nama cinta. Cinta terbina secara berkekalan sehingga keduanya diijabkabul di depan penghulu; di depan kedua ibu bapanya; di depan dua orang saksi; malah cinta keduanya berlangsung sehingga keduanya dikurniakan cahaya mata dan di hari tua.

MENYAYANGI PASANGAN

Terapi cinta yang boleh memelihara keharmian cinta adalah selalu menyayangi pasangan dengan ikhlas. Menyayangi pasangan bermakna menjaga setiap sikap, tindakan dan perkataan yang boleh merosak perhubungan cinta. Menyayangi pasangan bererti tidak menyakiti hati kekasih. Lazimnya kebahagiaan cinta sentiasa bertahta di dalam jiwa bila tidak ada perkara-perkara yang menyakitkan hati dan perasaan. Kebahagian seorang lelaki akan terus bersemadi di dalam hati bila melihat gadis kekasih hatinya tidak pernah menyakiti hatinya. Demikian kebahagian seorang gadis selalu bertahta di dalam jiwanya bila melihat lelaki yang dicintainya selalu bijak menjaga hubungan cinta; tidak pernah menyakitnya; tidak berkhianat dan selalu memberi baja cinta.

Apabila hati telah sama-sama bertahta di dalam hubungan cinta; perasaan cinta dan aktiviti cinta; maka istana cinta pasti sentiasa kekal

bertahta. Hindarilah sikap yang menyebabkan hati kekasih cemburu yang berlebihan; sekiranya terjadi maka perlu memujuk dan minta maaf kepada kekasih hati. Kadangkala ada seseorang yang suka melihat hati pasangannya cemburu, konon itu merupakan bukti cinta. Dia merasa bangga jika pasangannya tergila-gila kepadanya dan memujinya. Padahal tindakan ini salah, bertentangan dengan ajaran Islam dan menyakiti hati seseorang. Bahkan gangguan seperti ini hakikatnya boleh merosak hubungan cinta dan menimbul kebencian kekasih. Apabila kebencian berterusan menguasai emosi dan perasaan, tidak diubati segera ia boleh memutuskan kasih sayang dan menghilang perasaan cinta.

Ada sebilangan individu yang suka menyakiti hati pasangan kerana telah terbiasa melakukannya. Sifat ini kerana telah terbina oleh persekitaran keluarga dan pergaulan buruk. Sifat ini menjadi darah daging serta menjadi akhlak buruk, walaupun dia sendiri merasa tidak bersalah. Individu seperti ini perlu menyedari hakikat bahawa sifat itu adalah suatu perbuatan yang buruk. Sebelum cinta kekasihnya hilang terhadapnya, maka dia perlu insaf. Menjaga perasaan pasangan, bermakna berusaha tidak menyakiti hati pasangan sama ada dengan sikap atau kata-kata. Dalam bercinta, setiap pasangan dituntut untuk saling memelihara hubungan cinta. Menjaga perasaan kekasih boleh disamakan dengan menyayanginya sepenuh jiwa. Di dalam hadis dijelaskan bahawa manusia yang tidak menyayangi, dia tidak akan disayangi. Sebagaimana diriwayatkan dari Ismail bin Abu Khalid, dari Qais, dari Jarir bin Abdullah berkata, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَا يَرْحَمُ النَّاسَ لَا يَرْحَمُهُ اللَّهُ

Sesiapa yang tidak menyayangi manusia, maka Allah tidak akan menyayanginya.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Birr, al-Rifq wa al-Silah; hadis 1922, daripada Jarir bin Abdullah). Kedudukan hadis ini hasan sahih.

Dalam riwayat lain dijelaskan bahawa kasih sayang (*rahmat*) tidak akan dicabut kepada setiap orang melain orang yang binasa. Maksud orang yang binasa adalah orang tidak memiliki perasaan kasih kepada seseorang. Bekas budak Mughirah bin Syu'bah dari Abu Hurairah berkata, "Aku pernah mendengar Abul Qasim SAW bersabda:

لَا تُنْزَعُ الرَّحْمَةُ إِلَّا مِنْ شَقِيٍّ

Kasih sayang tidak akan dicabut kecuali dari orang yang celaka.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Birr wa al-Silah, al-Rifq al-Wasilah; hadis 1923, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini adalah hasan.

Diriwayatkan dari Amar bin Dinar, dari Abu Qabus, dari Abdullah bin Amru berkata, Rasulullah SAW bersabda:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمْ الرَّحْمَنُ ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ الرَّحِمُ شُجْنَةٌ مِنْ الرَّحْمَنِ فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلَهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَهَا قَطَعَهُ اللَّهُ

Orang-orang penyayang selalu disayangi oleh Zat yang Maha Penyayang. Sayangilah orang-orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka yang ada di langit akan menyayangi kamu. Rahim (huhungan kekerabatan) adalah akar yang kuat (cabang) dari Zat yang Maha Penyayang. Barang siapa yang menyambung kasih sayang, nescaya Allah akan menyambung tali kasih sayang dengannya. Barangsiapa yang memutuskannya, nescaya Allah akan memutuskan tali kasih sayang dengannya.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Birr wa al-Silah; hadis 1924, daripada Abdullah bin Amru).

Kedudukan hadis ini hasan sahih.

Perasaan kasih sayang merupakan satu amalan yang paling utama untuk membina kebahagiaan hubungan cinta dan hidup berkeluarga. Tanpa perasaan kasih sayang dan amalan kasih sayang diyakini cinta tidak akan bertahan lama dalam hubungan cinta. Apatah lagi jika amalan cinta hanya diasaskan dengan hubungan seks semata, institusi cinta akan segera layu ibaratkan bunga-bunga layu kerana tidak pernah disiram dengan air.

Dalam konteks cinta suami isteri, apabila salah seorang tidak menyayangi dan tidak menghormati pasangannya, ia boleh dianggap sebagai tidak menjaga perasaan kekasih. Apabila keadaan ini berterusan boleh memutuskan perasaan kasih sayang, atau hubungan cinta. Dengan perkataan lain, memutuskan hubungan tali silaturahim, atau memutuskan hubungan kasih sayang. Oleh itu, hadis di atas menyatakan sesiapa yang memutuskan hubungan silaturahim, bermakna dia telah memutuskan hubungan kekerabatan antara kedua-dua insan. Situasi cinta seperti ini

menjadi terputus. Itulah sebabnya apabila perasaan kasih sayang telah putus, hubungan cinta tidak akan dapat disambung kembali kerana telah hilang perasaan kasih. Dengan demikian hubungan cinta menjadi sirna.

Menyayangi kekasih boleh diterjemahkan menghargai segala bentuk usaha pasangan dan menghargai semua pemberiannya. Walaupun adakalanya usaha dan pemberian itu kurang menyenangkan. Misalnya, suami perlu memberikan hadiah yang mungkin tidak disukai isterinya, seorang isteri yang solehah tetap menerima hadiah itu, walaupun kadangkala berpura-pura suka. Sebaliknya, isteri perlu membuat masakan yang kurang disukai oleh suami, seorang suami yang soleh harus menerima hadiah makanan itu dengan hati gembira, walaupun kadangkala dia tidak suka dengan makanan itu. Sikap berpura-pura seperti ini tidak termasuk dalam kategori munafik dan dibenarkan oleh Islam.

BUNGA CINTA

Bunga cinta adalah memberi bunga kepada wanita yang dicintai. Apabila lelaki yang sedang jatuh cinta kepada seorang wanita memberikan bunga kepada wanita itu, maka bunga itu boleh memberi makna cinta. Bunga merupakan simbol cinta yang sentiasa harum semerbak, indah dan kelembutan jiwa.

Kaum wanita sangat suka dengan bunga. Bunga merupakan lambang keharmonian cinta. Sebilangan kaum wanita memandang bunga sebagai kehalusan jiwa dan kelembutan budi bahasa. Apabila seorang lelaki memberinya bunga, maka ia diterjemahkan sebagai satu kelembutan jiwa dan keharmonian cinta. Maka lelaki itu dinilai memiliki kelembutan budi bahasa. Apatah lagi, jika bunga yang diberikan itu datangnya dari kekasih, maka hatinya semakin sejuk dan jiwa jadi bahagia. Bahagia kerana cinta sentiasa dibina dan dipupuk dengan bunga-bunga cinta. Demikian juga jika bunga diberikan kekasih hati semasa majlis anugerah darjah kebesaran, atau semasa majlis-majlis yang berprestij seperti majlis konvokesyen, pelantikan sebagai Wakil Rakyat, maka pemberian bunga itu melambangkan satu kesetiaan cinta. Walaupun pemberian itu hanya berupa bunga, tetapi nilai cintanya amat bermakna.

Penulis pernah merasakan anugerah bunga cinta. Ketika majlis penerimaan ijazah Doktor Falsafah, maka isteri tercinta memberikan

hadiah bunga kepada penulis. Walaupun hanya berupa bunga, tetapi hati penulis amat gembira menerimanya. Dengan wajah senyum isteri berkata, "***bunga, hadiah cinta***". Ini sahaja yang dapat saya berikan sebagai hadiah cinta. Memang hati saya gembira menerimanya. Demikian juga kawan-kawan rapat memberi kenangan bunga sebagai ucapan "*tahniah dan congraitulation*". Kalaulah kawan-kawan rapat memberi bunga pun hati telah gembira, apatah lagi jika kekasih, atau isteri tercinta. Hati siapakah yang tidak gembira menerima mesej cinta berupa bunga? Oleh itu, setiap insan yang mencintai dan dicintai boleh sekali-sekala menggunakan bunga sebagai memelihara cinta. Agar cinta selalu bersemi di dalam dada.

MELAFAZKAN KATA CINTA

Terapi cinta berkesan mengubati demam cinta adalah melafazkan kata-kata cinta kepada insan yang dicintai. Apabila telah lama tidak bertemu, disebabkan berjauhan kerana belajar di seberang lautan, maka ucapkan kata-kata cinta kepada orang yang dicintai, maka perasaan bahagia pasti menjelma. Walaupun berjauhan, tetapi ketika mendengar kekasih melafazkan*: I love you, I love you, I love you*. Maka bunga cinta sentiasa mekar di dalam dada.

Demikian juga ketika perasaan rindu melanda, kekasih dengan suara sayu melafazkan kata-kata, '*I miss you'*. Hati yang rindu jadi terubati. Seorang sahabat melafazkan kata-kata cinta untuk kekasihnya yang sedang menuntut di Universiti Al-Azhar, Mesir, '***Ya habiibah, Ana uhibbu ilaik (wahai sayangku, saya cinta kepadamu)***'. Apabila kekasih melafazkan kata-kata cinta ini, maka semakin mekar dan berkembang rasa cinta antara kedua-dua insan yang saling mencintai.

Semulia-mulia cinta, cinta yang selalu bersemayam di dalam dada. Seindah-indah cinta, cinta yang sentiasa diberi terapi cinta. Terapi cinta yang berkesan mengubati demam cinta, antaranya selalu mendengar kata-kata cinta dari orang yang dicintai. Sesungguhnya

perkataan cinta ini berupaya membina dorongan cinta dan memelihara hubungan cinta yang telah terbina. Selain itu, setiap kali luahan perasaan cinta dilafazkan, maka tenaga cinta akan bergelora. Oleh itu, orang-orang yang sedang bercinta kerap melafazkan kata-kata cinta di hadapan kekasih demi menjaga hubungan cinta. Kerana setiap kali disebut kata cinta semakin timbul getaran cinta dalam dada dan semakin mekar rasa cinta. Menurut psikologi, manusia mempunyai

emosi yang sangat kompliks. Di antaranya emosi cinta. Di dalam emosi cinta itu terkandung beribu-ribu jenis emosi suka. Jenis emosi inilah yang mendorong dan terus mendorong kekuatan cinta. Apabila jenis emosi cinta ini disalahgunakan oleh kedua-dua pencinta. Maka kedua-dua insan yang sedang bercinta akan mudah terjebak dan tergoda. Terutama hasrat untuk melakukan hubungan seks bebas tanpa had, seperti yang diamalkan oleh orang yang tidak beragama dan tidak memegang teguh ajaran agama. Setiap individu yang normal sangat suka mendengar namanya disebut-sebut. Semakin banyak namanya disebut, semakin gembira hatinya. Apatah lagi namanya dikaitkan dengan kebaikan, ilmu dan cinta, maka semakin tersemai rasa cinta. Lebih khusus lagi, jika namanya dikaitkan dengan rasa cinta yang berkobar-kobar, maka semakin timbul gairah cinta. Demikianlah cinta zahir manusia, yang menjadi idola kaum remaja dan orang-orang yang sedang bercinta.

Islam mengajar manusia supaya mencinta wanita yang dicintainya dengan cara yang mulia. Nilai cinta dalam Islam terlalu agung. Oleh itu, untuk mendapatkan cinta, tidak boleh hanya sekadar mudah jatuh cinta dan menikmati hubungan cinta. Untuk mendapatkan cinta itu perlu pengorbanan yang tinggi, cara yang benar menurut panduan agama, dibina dengan tujuan yang mulia dan dinikmati dengan cara halal lagi diberkati. Menurut Dr. Abdul Halim Busari (2017), banyak 'manusia mudah jatuh cinta, tetapi banyak manusia yang gagal memelihara cinta. Maknanya cinta itu terlalu indah dan amat mulia. Untuk mendapatkan cinta harus dengan cara yang agung dan mulia. Tidak boleh hanya sekadar jatuh cinta dan merasakan cinta. Tetapi jatuh cinta dan hubungan cinta itu harus dibina atas dasar takwa, bukan kerana dorongan nafsu syahwat semata'.

Demikian juga ketika melafazkan kata-kata cinta di hadapan kekasih, kata-kata itu akan lebih bermakna lagi apabila kekasih itu benar-benar kekasih yang setia. Sebaliknya, jika kata-kata itu dilafazkan untuk kekasih yang berhati buaya, maka nilai kata-kata cinta itu hanya sikap berpura-pura. Cinta seperti ini tiada mengandungi makna, tetapi ia cinta palsu. Kerana manusia mencapainya dengan cara yang rendah, tidak berakhlak dan penuh dusta. Cinta seperti ini tidak akan bertahan lama dan akan menimbulkan keresahan jiwa. Sedangkan cinta dalam Islam adalah untuk membina kebahagiaan jiwa untuk selama-lamanya.

Nilai cinta akan lebih bermakna lagi bila kedua insan yang bercinta sama-sama taat mengerjakan perintah agama. Cinta dalam konteks ini,

yang mencintai dan yang dicintai benar-benar bertujuan untuk mencari keredhaan Allah. Oleh itu, yang mencintai dan yang dicintai sama-sama berada dalam rahmat Allah. Kedua-duanya sama-sama memelihara kesucian diri dan martabat agama. Cinta seperti inilah yang nilainya amat mulia. Fitrah cinta yang ada benar-benar disalurkan sesuai dengan fitrah cinta. Apabila keduanya telah menikah dan secara rasmi menjadi pasangan suami isteri yang saling mencintai. Inilah cinta yang sebenar dan murni. Apabila suami meluahkan segala perasaan cinta terhadap isteri, maka itu dikira sebagai kebaikan dan akan membina rasa kasih sayang. Demikian jika isteri melayani suami dikira sebagai amal soleh. Apabila kedua-dua menikmati hubungan seks berulang-ulang itu juga dikira sebagai satu ibadah dan amal soleh. Cinta seperti ini akan berkekalan sepanjang hayat, bahkan sampai ke akhirat. Oleh itu, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَيْنَ الْمُتَحَابُّونَ بِجَلَالِي الْيَوْمَ أُظِلُّهُمْ فِي ظِلِّي يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلِّي

Sesungguhnya Allah akan bertanya pada hari kiamat kelak, 'Di manakah orang-orang yang saling mencintai kerana keagunganKu? Hari ini, Aku akan melindungi mereka ketika tidak ada naungan kecuali naunganKu.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Zakah, al-Mutahabbu ; hadis 1776, daripada Abu Hurairah).

Cinta seperti ini yang akan membina kebahagiaan yang berkekalan sampai hari tua dan membawa kebahagiaan institusi rumahtangga. Bahkan kedua-dua insan yang saling mencintai akan mendapat perlindungan Allah yang sangat istimewa.

Dalam hadis sahih dijelaskan bahawa jika Allah mencintai seseorang, maka Allah akan memanggil malaikat Jibril seraya berfirman: "Wahai Jibril! Aku mencintai si fulan". Lantaran itu, cintailah dia". Akhirnya seseorang itu pun dicintai oleh malaikat Jibril. Pernyataan hadis ini terdapat dalam riwayat Abu Hurairah ra, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ عَبْدًا دَعَا جِبْرِيلَ فَقَالَ إِنِّي أُحِبُّ فُلَانًا فَأَحِبَّهُ قَالَ

فَيُحِبُّهُ جِبْرِيلُ ثُمَّ يُنَادِي فِي السَّمَاءِ فَيَقُولُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ فُلَانًا فَأَحِبُّوهُ فَيُحِبُّهُ أَهْلُ السَّمَاءِ قَالَ ثُمَّ يُوضَعُ لَهُ الْقَبُولُ فِي الْأَرْضِ

Sesungguhnya apabila Allah mencintai seseorang, maka Dia akan memanggil malaikat Jibril seraya berseru, 'Wahai Jibril! Sesungguhnya Aku mencintai si fulan. Oleh itu, cintailah dia!' Rasulullah bersabda: 'Akhirnya orang tersebut pun dicintai Jibril. Setelah itu, Jibril berseru di atas langit, 'Sesungguhnya Allah SWT mencintai si fulan. Oleh itu, cintailah dia!' Kemudian para penghuni langit pun mulai mencintainya. Rasulullah SAW bersabda, 'Setelah itu para penghuni bumi juga mencintainya…'

Takhrij: (Muslim, kitab al-Birr, al-Mahabbah; hadis 1779, daripada Abu Hurairah).

KESETIAAN CINTA

Perkara yang sukar dalam perhubungan cinta adalah memelihara kesetiaan cinta. Kesetiaan cinta memiliki nilai yang tinggi dan mulia. Seseorang yang setia dalam bercinta sanggup berkorban apa sahaja demi cinta. Insan yang setia dalam bercinta selalu berpegang teguh kepada janji setia; janji setia untuk saling mencintai dan dicintai. Insan yang setia dalam bercinta, selalu menjaga perasaan cintanya kepada kekasih hatinya. Insan yang setia dalam bercinta sentiasa berusaha menjaga perasaan gadis pujaan hatinya; dia tidak akan menyakiti kekasihnya dengan perkataan, perbuatan dan tidak akan menduakan cinta. Demikian juga insan yang setia dalam bercinta selalu berusaha menjaga perasaan lelaki yang dicintainya; dia tidak akan menyakiti lelaki itu dengan perkataan, perbuatan dan munafik dalam bercinta.

Apabila mulut telah bercakap setia; maka dia terus menjaga kesetiaan itu sampai bila-bila masa. Bila lisan telah bercakap cinta; maka dia terus mencintai kekasih hatinya dengan ikhlas dan terus setia. Bila lisan berkata cinta, hatinya juga cinta; bila penanya menulis perasaan cinta, sikapnya juga benar-benar cinta; inilah yang namanya kesetiaan cinta.

Kesetiaan cinta selalu menjaga wibawa cinta. Nilai cinta semakin bertahta di dalam jiwa bila sikap setia selalu menjelma di dalam dada. Kesetiaan cinta tidak boleh bersifat munafik cinta. Semua unsur munafik

cinta mesti dihindari, dijauhi dan disingkir jauh-jauh di dalam benak jiwa bagi orang yang sedang bercinta.

Di dalam kesetiaan cinta itu ada ikatan janji setia saling mencintai; dalam kesetiaan cinta itu ada ikrar saling merindui sesama; dalam kesetiaan cinta itu ada perasaan kasih sayang kepada orang yang dicintai; dalam kesetiaan cinta itu ada kejujuran cinta, maknanya kedua-duanya saling mencintai supaya hubungan cinta sentiasa terbina. Di dalam kesetiaan cinta itu ada pengorbana cinta, maknanya keduanya tidak akan mengkhianati salah seorang darinya. Inilah yang namanya kesetiaan cinta; kesetiaan cinta yang termulia dan kesetiaan cinta yang tiada duanya.

Dalan konteks nilai cinta, kesetiaan cinta identik dengan amanah cinta. Apabila seorang lelaki telah mencintai seorang wanita; wanita juga telah mencintai lelaki dengan dengan sepenuh jiwa, maka kedua mesti sama-sama bersikap amanah. Bersikap amanah dalam bercinta ini dikenali sebagai amanah cinta. Ertinya lelaki yang telah berjanji setia mencintai wanita; perlu menghindari sikap berpura-pura dan munafik.

Amanah cinta berkaitrapat dengan kesungguhan seorang lelaki menjaga kejujuran hati nurani, mengamalkan adab percintaan, mengawal emosi dorongan dan melaksanakan cinta benar-benar sesuai dengan panduan agama. Apatah lagi kehidupan cinta di usia remaja dan pemuda, amat memerlukan kebersihan jiwa. Amanah cinta juga berkaitrapat dengan tanggungjawab seseorang dalam menjalankan amanah yang diberikan kepadanya. Sifat amanah adalah sifat seorang nabi dan rasul serta para sahabat Rasulullah SAW. Oleh itu, ia merupakan sifat orang-orang yang berhati mulia dan takwa. Orang yang menjaga amanah adalah orang-orang yang boleh dipercaya dari semua tindakan, pekerjaan dan ucapan. Lawan dari sifat amanah adalah sifat munafik. Manusia munafik amat sukar dipercayai dalam segala hal, kerana lain di mulut dan lain di hati. Biasanya mulut orang-orang munafik bercakap beriman, tetapi hati mereka mengingkari. Mulut mereka bercakap manis, tetapi tujuan percakapan penuh dengan racun berbisa. Mulut bercakap cinta, tetapi nafsunya bergelora untuk menipu cinta. Apabila cinta telah didapati, kemudian mereka berbuat sekehendak hati memuaskan segala dorongan berahi. Manusia seperti ini adalah **munafik cinta**. Hari ini, terlalu ramai lelaki yang mengamalkan budaya '**munafik cinta**'.

Oleh yang demikian, amanah cinta perlu dijaga dengan bersungguh-sungguh oleh semua lelaki dan wanita. Amanah cinta

berkaitrapat dengan rangsangan penglihatan mata, sentuhan fizikal dan pergaulan bebas seharian. Di antara organ tubuh yang perlu dijaga oleh para lelaki adalah pendangan mata. Pendangan mata boleh menimbulkan rangsangan dan amat berbahaya kepada amalan cinta. Salah seorang sahabat bertanya kepada baginda SAW tentang memandang wanita secara spontan. Baginda SAW lalu segera memerintahkannya supaya memalingkan pandangan matanya kepada wanita. Sebagaimana diriwayatkan oleh Amr bin Sa'id, dari Abu Zur'ah bin Amr bin Jarir, dari Jarir bin Abdullah berkata, aku pernah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang memandang wanita secara spontan:

فَأَمَرَنِي أَنْ أَصْرِفَ بَصَرِي

Maka beliau lalu memerintahkanku untuk memalingkan pandanganku.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Adab, Nazrati al-Faja'ah; hadis 1432, daripada Jarir bin Abdullah).

Menurus hadis sahih ini diyakini bahawa aktiviti memandang wanita secara spontan dan tidak sengaja boleh membawa mudharat. Apatah lagi, aktiviti memandang itu berlama-lama dan berulang-ulang akan menimbulkan kesan yang lebih besar lagi kepada dorongan hawa nafsu lelaki. Antara kesan daripada memandang wanita itu adalah timbul hasrat dan keinginan kepada wanita. Selain itu, boleh menimbulkan pelbagai fitnah mata dan nafsu seorang lelaki. Kalau aktiviti memandang itu lama dan berulang-ulang, boleh mengundang dosa-dosa mata.

Salah satu adab mulia yang mesti dijaga oleh semua lelaki adalah melarang lelaki masuk ke dalam rumah para wanita tanpa seizin suaminya. Apabila lelaki masuk ke dalam rumah wanita yang telah bersuami boleh mendatangkan pelbagai fitnah mata. Bahkan boleh mengundangkan pelbagai fitnah sosial dalam perhubungan cinta. Sebagaimana dikisahkan dalam riwayat Amr bin Ash mengutus untuk bertemu Ali guna meminta izin kepadanya agar dapat menemui Asma' binti Umais, lalu Ali pun mengizinkan. Sebagaimana fakta riwayat dari Abdullah bin Amr bin As, bahawasanya ada beberapa orang lelaki dari Bani Hasyim datang berkunjung ke rumah Asma' binti 'Umais. Tak lama kemudian datang Abu Bakar, yang kala itu telah menjadi suami Asma bin 'Umais, ke rumah itu dan melihat mereka dengan pandangan yang kurang senang. Setelah itu, Abu Bakar pergi melaporkan hal

tersebut kepada Rasulullah SAW dengan perkataan, 'Ya Rasulullah, saya hanyalah menyangka baik'. Kemudian Rasulullah pun bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَرَّأَهَا مِنْ ذَلِكَ ثُمَّ قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمِنْبَرِ فَقَالَ لَا يَدْخُلَنَّ رَجُلٌ بَعْدَ يَوْمِي هَذَا عَلَى مُغِيبَةٍ إِلَّا وَمَعَهُ رَجُلٌ أَوْ اثْنَانِ

Sesungguhnya Allah membebaskan Asma' dari kejelekan. Tak lama kemudian, Rasulullah naik ke atas mimbar dan berkata: Mulai hari ini, janganlah ada seorang lelaki yang masuk ke rumah seorang wanita yang kebetulan suaminya tidak berada di rumah, kecuali disertai seorang atau dua orang lelaki lain.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Adab; hadis 1446, daripada Abdullah bin Amr bin Ash).

Salah satu faktor larangan lelaki melihat dan menemui wanita yang bukan mahram adalah pandangan mata dapat menimbulkan pelbagai fitnah dan dosa-dosa mata. Apabila mata saling memandang, maka timbul tindak balas hati dan emosi. Dari pandangan mata akan turun ke hati, yang kemudian akan mempengaruhi emosi. Akhir dari pandangan mata inilah seseorang boleh jatuh cinta. Semuanya bermula dengan aktiviti memandang dan saling pandang mata, akhir turun ke jiwa. Oleh itu, jangan hairan sehingga Rasulullah SAW menyatakan bahawa fitnah terbesar yang sering menimpa kaum lelaki adalah fitnah wanita. Hal ini selari dengan riwayat Abu Usman, dari Usamah bin Zaid dan Said bin Zaid bin Amr bin Nufail, dari Nabi SAW bersabda:

مَا تَرَكْتُ بَعْدِي فِي النَّاسِ فِتْنَةً أَضَرَّ عَلَى الرِّجَالِ مِنْ النِّسَاءِ

Aku tidak meninggalkan fitnah kepada manusia sesudahku yang lebih berbahaya bagi kaum lelaki selain kaum wanita.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Nikah, al-Fitnah 'ala al-Rijal; hadis 4706, daripada Amr bin Nufail).

Apatah lagi terhadap orang-orang yang tidak dikenali, terhadap kaum kerabat suami dan isteri pun dilarang seorang lelaki bermalam di rumah seorang wanita yang tidak disertai mahramnya. Boleh jadi, kaum

kerabat suami dan isteri boleh menjadi sumber fitnah dan bencana. Oleh itu, Rasulullah SAW melarang seorang lelaki bermalam di rumah seorang wanita seorang janda atau perawan. Sebagaimana diriwayatkan dari Jabir berkata, Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا لَا يَبِيتَنَّ رَجُلٌ عِنْدَ امْرَأَةٍ ثَيِّبٍ إِلَّا أَنْ يَكُونَ نَاكِحًا أَوْ ذَا مَحْرَمٍ.

Ketahuilah, janganlah ada seorang lelaki bermalam di rumah seorang janda, kecuali jika lelaki tersebut beristeri atau disertai mahramnya.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Adab, al-Mahram; hadis 1444, daripada Jabir).

Oleh yang demikian, lelaki dan wanita perlu memelihara amanah cinta yang benar-benar mulia. Amanah cinta dapat dipercayai bila lelaki dan wanita bijak mengawal diri mereka dari pergaulan bebas demi cinta. Perlu diinsafi bahawa aktiviti perzinaan boleh bermula daripada pergaulan bebas, pengaruh kawan-kawan rapat, media sosial dan duduk berdua-duaan dengan wanita. Ingatlah, bahawa takrif perzinaan bukan hanya hubungan badan antara lelaki dan wanita tanpa pernikahan, tetapi lebih jauh dari itu. Bahkan zina itu boleh berlaku dalam bentuk penglihatan mata, percakapan lisan, tangan, kaki dan hidung. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas dan Abu Hurairah ra, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنْ الزِّنَا أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ فَزِنَا الْعَيْنَيْنِ النَّظَرُ وَزِنَا اللِّسَانِ الْمَنْطِقُ وَالنَّفْسُ تَمَنَّى وَتَشْتَهِي وَالْفَرْجُ يُصَدِّقُ ذَلِكَ وَيُكَذِّبُهُ

Sesungguhnya Allah SWT menetapkan adanya bagian zina dari dalam diri keturunan anak Adam, dia akan menemukan hal tersebut. ***Zina mata adalah melihat, zina lisan adalah percakapan. Jiwa itu mengharapkan dan menginginkan, sedangkan farj (kemaluan)*** *membenarkan dan mendustakannya.*

Takhrij: (Muslim, kitab al-Nikah, al-Zina; hadis 2152, daripada Ibnu Abbas).

Sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawasanya Nabi Muhammad SAW:

لِكُلِّ ابْنِ آدَمَ حَظُّهُ مِنْ الزِّنَا بِهَذِهِ الْقِصَّةِ قَالَ وَالْيَدَانِ تَزْنِيَانِ فَزِنَاهُمَا الْبَطْشُ وَالرِّجْلَانِ تَزْنِيَانِ فَزِنَاهُمَا الْمَشْيُ وَالْفَمُ يَزْنِي فَزِنَاهُ الْقُبَلُ

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawasanya Nabi Muhammad SAW bersabda, "Setiap anak Adam AS terdapat bagian zina dalam dirinya. Dia berkata lagi, 'Kedua tangan terdapat ruang untuk berzina, zina tangan adalah dengan memegang, dua kaki juga berzina, zinanya adalah berjalan ke tempat perzinaan, mulut juga berzina, dan zinanya adalah mencium.

Takhrij: (Abu Daud, kitab al-Nikah, al-Zina; hadis 2153, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini sahih. Terdapat juga dalam sahih Imam Bukhari dan Muslim.

Bahkan dalam salah satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra dalam matan yang lain, dinyatakan bahawa zina kedua telinga adalah mendengar hal yang buruk. Sebagaimana riwayat berikut:

قَالَ وَالْأُذُنُ زِنَاهَا الِاسْتِمَاعُ

Dalam sebuah riwayat terdapat tambahan kalimat, "zina kedua telinga adalah mendengar hal yang buruk.

Takhrij: (Abu Daud, kitab al-Nikah, Isrif Basaruk; hadis 2154, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini hasan sahih. Terdapat juga dalam riwayat Imam Muslim.

Abang Ishar (2022) dalam Psikologi Dalam Al-Quran menjelaskan bahawa 'anggota indera tubuh manusia berupa kedua tangan, kedua kaki, kedua-dua mata, mulut dan kedua-dua telinga adalah yang paling mudah terjebak dengan aktiviti perzinaan. Kedua-dua tangan sering memegang dan meraba-raba; kedua kaki pula pergi ke tempat maksiat; kedua-dua mata melihat dengan pandangan syahwat; mulut sentiasa bercakap dusta, merayu dan menipu; dan telinga pula suka mendengar rayuan cinta. Bagi individu yang munafik cinta, maka dia akan terjebak dengan permainan cinta buta dan penuh kepalsuan. Oleh itu, dia menggunakan semua anggota indera ini untuk menipu cinta dengan

menggoda pasangan dengan pelbagai cara tipu-daya'.

Apabila lelaki dan wanita bersifat curang dalam bercinta; mengkhianati cinta masing-masing; menyakiti kekasih hati dengan perkataan dan perbuatan; maka ketika saat itu telah hilang kesetiaan cinta.

PERKAHWINAN TERAPI CINTA

Hubungan cinta yang halal akan membina kebahagiaan yang berkah, mulia dan berkekalan sehingga hari tua. Apabila lelaki dan wanita mengadakan hubungan seks setelah pernikahan, maka hubungan seks itu menjadi terapi cinta yang paling mulia. Setiap kali mengadakan hubungan seks; aura cinta akan membara, perasaan bahagia sentiasa tersemai dalam dada; emosi cinta selalu bergelora; keduanya akan dicucuri rahmat yang berkali-kali ganda. Dalam konteks psikologi al-Quran, sekali hubungan seks dilakukan, keduanya diberi ganjaran pahala berates-ratus kali ganda. Inilah terapi cinta yang paling berkesan menyembuhkan penyakit jiwa.

Menurut ajaran Islam menyalurkan hasrat hawa nafsu syahwat secara halal menjadi salah satu ibadah. Bermakna setiap aktiviti seks suami isteri akan mendapat rahmat, keredhaan dan pahala di sisi Allah yang melimpah-limpah. Semakin intim perhubungan suami isteri, semakin mencurah-curah rahmat Allah kepada keduanya. Semakin kerap keduanya melakukan hubungan seks, semakin bahagia perasaan kedua-duanya dan sakinah akan sentiasa terbina kukuh di dalam jiwa keduanya. Oleh itu, ajaran Islam sentiasa menggalakkan lelaki dan perempuan yang telah memiliki hasrat melakukan hubungan seks, supaya segera menikah. Kerana hanya dengan menikah mereka berdua dapat membina institusi keluarga bahagia, menikmati hubungan intim yang halal serta memikul tanggungjawab bersama.

Dijelaskan dalam hadis setiap tasbih, takbir, tahlil, tahmid, perintah mengerjakan kebaikan, termasuk melakukan hubungan seks suami isteri mengandungi nilai sedekah dan mendapat pahala. Bayangkan memuaskan hawa nafsu dengan cara yang perkahwinan pun mendapat pahala. Terlebih lagi jika mengadakan hubungan dengan isteri solehah akan menambah lagi kebahagiaan hidup yang tiada terkira. Kerana wanita solehah adalah lebih baik daripada dunia dengan segala isinya. Sebagaimana diriwayatkan dari Abdullah bin Amru, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Dunia adalah tempat kesenangan, dan sebaik-baik kesenangan dunia adalah isteri yang solehah.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Nikah, al-Mar'atu al-Salihah; hadis 801, daripada Abdullah bin Amru).

Hadis ini selari dengan ayat al-Quran surah al-Nisa' ayat 1, yang intinya perintah untuk melakukan perkahwinan itu merupakan salah satu jalan takwa. Sebab, semasa kedua insan telah diijab-kabulkan oleh juru nikah, bermakna kedua-duanya telah diberi tanggungjawab yang mesti ditanggung bersama. Dalam melaksanakan tanggungjawab itu banyak dugaan yang mesti dilalui dengan sabar oleh suami isteri. Apabila suami isteri dapat memainkan peranan masing-masing, tabah, sabar, amanah, jujur dan bertakwa, sudah tentu semua aktiviti ini akan menjadi satu ibadah. Selain aktiviti dan tanggungjawab itu berfungsi membina kebahagiaan suami isteri, dalam masa yang sama, kedua-duanya juga akan mendapat pahala.

Perkahwinan itu boleh diibaratkan melayari bahtera di lautan samudera yang luas dan penuh bahaya. Ketika berada di dalam bahtera, memang kelihatan laut biru, langit biru dan suasana pemandangan yang amat luas dan memegunkan perasaan. Demikian juga setiap pulau-pulau dan pantai yang nampak kelihatan indah. Semua yang indah itu sangat mempesonakan mata melihatnya. Tetapi perlu disedari bahawa di lautan yang luas itu kerap kali didatangi oleh ombak besar yang membahayakan. Ketika ombak sedang menghempas bahtera, maka bahtera menjadi goncang, bahkan seakan-akan mahu tenggelam di serang oleh ombak dan gelombang besar. Akibatnya bahtera sentiasa berada dalam keadaan bahaya. Maknanya untuk melayari kehidupan perkahwinan, suami isteri akan melalui masa-masa yang indah dan menggairahkan, tetapi terlalu banyak dugaan dan bahaya yang boleh menggugat keharmonian perkahwinan. Keduanya harus benar-benar bersedia menghadapi samudera yang luas, penuh dengan taufan dan gelombang besar. Bahtera harus berlayar menuju destinasi iaitu pulau keselamatan dan keredhaan Allah.

Lelaki dan wanita yang telah melayari bahtera cinta perlu faham, kehidupan rumahtangga sering dilanda taufan, ombak besar dan ranjau-ranjau berbahaya. Terdapat lelaki dan wanita yang melaksanakan perkahwinan hanya bersedia untuk bersenang-senang, seperti yang

dikisahkan dalam novel-novel cinta. Mereka melakoni hidup tanpa beban, mudah dan tiada perjuangan. Rumahtangga seperti ini akan mudah ditenggelamkan oleh angin taufan dan gelombang besar. Kerana nakhoda kapal belum bersedia melayari kapal dengan baik dan selamat. Dalam konteks rumahtangga, taufan dan gelombang besar itu adalah ujian-ujian yang Allah berikan dengan pelbagai tekanan, musibah dan pengaruh hidup dunia yang sangat menggoda. Setiap pasangan yang tangguh akan bertahan dan sampai ke destinasi tujuan dan akan mendapat keredhaan Allah. Manakala para pasangan yang lemah dan tergoda dengan pelbagai ujian, maka mereka akan hancur berkecai. Mereka akan gagal mencapai destinasi yang diinginkan. Kapalnya ditenggelamkan oleh gelombang dan taufan. Ujian yang besar khas untuk lelaki adalah terletak pada rumahtangganya. Sebab, lelaki memikul tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga, terutama memimpin isteri dan anak-anak. Apabila lelaki tidak bijak memimpin isteri dan anak-anaknya, maka dari sini nanti akan timbul pelbagai cubaan besar, antaranya isteri dan anak-anak boleh menjadi musuh. Sebagaimana Allah berfirman:

أَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّ مِنۡ أَزۡوَٰجِكُمۡ وَأَوۡلَٰدِكُمۡ عَدُوّٗا لَّكُمۡ

Hai orang-orang mukmin, sesungguhnya di antara isteri-isterimu dan anak-anakmu ada yang menjadi musuh bagimu…

(Surah al-Taghabun 64 : 14-15).

Isteri dan anak-anak boleh menjadi musuh di dunia dan akhirat. Terdapat banyak fakta sejarah, suami yang soleh tetapi dimusuhi oleh isteri dan anak-anaknya. Bahkan para nabi dan rasul mengalami peristiwa yang sama, sebagai contoh isteri dan anak Nabi Nuh. Demikian juga isteri Nabi Luth menjadi penentang utama kepada kemuliaan suaminya. Sebagaimana Allah berfirman:

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلٗا لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ ٱمۡرَأَتَ نُوحٖ وَٱمۡرَأَتَ لُوطٖۖ كَانَتَا تَحۡتَ عَبۡدَيۡنِ مِنۡ عِبَادِنَا صَٰلِحَيۡنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمۡ يُغۡنِيَا عَنۡهُمَا مِنَ ٱللَّهِ شَيۡـٔٗا وَقِيلَ ٱدۡخُلَا ٱلنَّارَ مَعَ ٱلدَّٰخِلِينَ ١٠

Allah membuat isteri Nuh dan isteri Luth sebagai perumpamaan bagi orang-orang kafir. Keduanya berada di bawah pengawasan dua orang

hamba yang saleh di antara hamba-hamba Kami; lalu kedua isteri itu berkhianat kepada suaminya (masing-masing), maka suaminya itu tiada dapat membantu mereka sedikitpun dari (seksa) Allah; dan dikatakan (kepada keduanya): 'Masuklah ke dalam jahannam bersama orang-orang yang masuk (jahannam)'.

(Surah al-Tahrim 66 : 10).

Demikian juga Allah SWT mengingatkan manusia bahawa anak dan harta benda jangan sampai melalaikan manusia dari mengingat Allah. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud: '*Wahai orang-orang beriman! Jangan sampai harta bendamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Siapa yang berbuat demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi* (al-Munafiqun 63 : 9). Rasulullah SAW juga ada mengingatkan akan besarnya bahaya cubaan yang akan dialami oleh kaum lelaki yang ditimbulkan oleh wanita, sama ada isteri atau wanita-wanita lain. Dalam riwayat Usamah bin Zaid bin Harisah dan dari Said bin Zaid bin Amr bin Nufail ra, kedua sahabat ini menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا تَرَكْتُ بَعْدِي فِي النَّاسِ فِتْنَةً أَضَرَّ عَلَى الرِّجَالِ مِنْ النِّسَاءِ.

Aku tidak meninggalkan ujian bagi kaum lelaki yang lebih berbahaya daripada wanita

Takhrij: (Muslim, kitab al-Nikah, al-Ftnah al-Rijal; hadis 2076, daripada Said bin Zaid).

Hadis ini selari dengan hadis yang menghubungkaitkan bahayanya fitnah kaum wanita yang menimpa Bani Israil. Dijelaskan bahawa dunia ini indah dan sangat menggiurkan. Oleh itu, banyak manusia yang tertipu dan terpedaya. Lantaran itu, Rasulullah SAW mengingatkan kaum lelaki supaya menjaga dirinya daripada godaan dunia dan wanita. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Said al-Khudri, dari Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ فَاتَّقُوا الدُّنْيَا وَاتَّقُوا النِّسَاءَ فَإِنَّ أَوَّلَ فِتْنَةِ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَانَتْ فِي النِّسَاءِ.

Sesungguhnya dunia ini indah dan menggiurkan yang dengannya Allah akan menguji kamu. Setelah itu, Allah akan melihat bagaimana perbuatan kamu. Oleh itu, jagalah diri kamu dari godaan dunia dan wanita, kerana sesungguhnya bencana pertama yang menimpa Bani Israil adalah wanita.

Takhrij: (Muslim, al-Nikah, al-Dunya Hulwun (Dunia ini menggiurkan); hadis 2077, daripada Abu Said al-Khudri).

Merujuk hadis-hadis sahih ternyata wanita boleh menjadi ujian besar kepada lelaki. Godaan wanita memang sangat menggiurkan dan boleh menjerumuskan lelaki ke lembah kehinaan. Berapa banyak pemimpin dunia yang jatuh kerana skandalnya dengan kaum wanita. Banyak suami yang hidup bahagia bersama anak-anak dan isteri, tiba-tiba musnah berantakan kerana ada wanita lain yang menggoda. Bahkan godaan wanita cantik boleh menyebabkan ramai lelaki terjerumus ke lembah maksiat. Oleh itu, dalam hadis di atas Rasulullah SAW mengingatkan umatnya supaya berhati-hati dengan keindahan dunia dan godaan wanita.

Apabila seorang lelaki telah menikah dengan wanita pujaan hatinya, bermakna dia telah mendapat kebun yang luas untuk menerapkan seluruh ilmu agama yang telah dimilikinya. Bagaimana sepatutnya untuk menerapkan sikap sabar, syukur, bersikap lemah lembut, penyayang, ikhlas dan menggunakan pelbagai formula berkesan untuk mendidik isteri dan anak-anak. Bagaimana sepatutnya suami yang bijaksana menerapkan sikap sabar semasa menghadapi pelbagai tingkah laku yang buruk, menentang kebenaran dan mengawal emosi amarah yang boleh menjejaskan perhubungan keluarga. Individu yang masih bujang, tentu hanya berteori mengenai pelbagai nilai ajaran Islam dan keperluan suami harus menerapkan ajaran Islam dalam rumahtangganya. Berteori boleh benar, tetapi dalam konteks membina institusi keluarga berteori lebih banyak salah daripada benarnya.

Faktor Keturunan

Faktor keturunan merangkumi kebagusan akhlak, solehah dan beragama. Termasuk faktor keturunan adalah kemuliaan keturunannya, jelas identiti keturunannya, kebaikan dan sifat-sifat unggul orang tua dan pegangan agama. Nabi SAW pernah menyatakan bahawa manusia ini seperti logam, yang berbeza-beza tingkat kemuliaan, kebaikan,

kerendahan dan keburukannya. Biasanya kemuliaan keturunan bersumber daripada agama dan ketaatan menjalankan perintah agama. Oleh itu, Rasulullah SAW bersabda:

تُنْكَحُ النِّسَاءُ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ

*Wanita dinikahi kerana empat perkara; kerana hartanya, **keturunannya**, kecantikannya, dan **kerana agamanya**, maka pilihlah yang memiliki agama (taat dalam agama), nescaya kamu beruntung.*

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Nikah, Tunkih al-Nisa'ul Lil Arba'; hadis 4700, daripada Abu Hurairah).

Dalam hadis sahih ini ternyata faktor keturunan menjadi salah satu asbab seorang lelaki mengawini perempuan. Akan tetapi faktor agama lebih utama dan mengatasi faktor keturunan. Ibu bapa harus redha menerima pinangan pemuda yang dikenali agamanya, kerana kebahagiaan hubungan lebih besar ditentukan oleh ketaatan mengerjakan perintah agama dan kebagusan akhlak. Sumber kebahagiaan perkahwinan bukan semata-mata terletak di harta, wajah dan keturunan. Bila pinangan lelaki yang taat mengerjakan perintah agama dan berilmu ditolak, maka akan terjadi kerosakan akhlak masyarakat. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah ra berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَتَاكُمْ مَنْ تَرْضَوْنَ خُلُقَهُ وَدِينَهُ فَزَوِّجُوهُ إِلَّا تَفْعَلُوا تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ عَرِيضٌ

Apabila datang (meminang) kepada kamu, orang lelaki yang telah kamu ketahui kebaikan akhlak dan agamanya, maka nikahkanlah dia, jika tidak kamu lakukan itu, nescaya akan terjadi fitnah di muka bumi dan tersebarlah kerosakan.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab al-Nikah, Khuluqah; hadis 1614, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini hasan.

Rasulullah SAW berulang-ulang mengingatkan para lelaki supaya berhati-hati dan bijak memilih perempuan-perempuan yang hendak dijadikan isteri. Kerana jika salah pilih, ia akan membawa keburukan

kepada keturunan dan keberlangsungan hidup berumahtangga. Bahkan akan merosak kebahagiaan hubungan percintaan yang amat suci dan mulia. Sebagaimana diriwayatkan secara *marfu*', Rasulullah SAW bersabda:

تَخَيَّرُوا لِنُطَفِكُمْ وَانْكِحُوا الْأَكْفَاءَ وَأَنْكِحُوا إِلَيْهِمْ

Pilihlah baik-baik tempat air mani (sperma) kamu, menikahilah perempuan yang sekufu dan nikahkanlah (anak-anak perempuanmu) kepada mereka yang sekufu.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab al-Nikah, al-Akfa'a (Kufu); hadis 1615, daripada Aisyah). Kedudukan hadis ini hasan.

Istilah *al-akfa* dalam hadis ini diterjemahkan sebagai sekufu atau sama darjatnya. Maksudnya agar kaum lelaki memilih wanita-wanita yang hendak dijadikan isterinya adalah lebih baik dari segi agama, solehah dan taat. Kerana anak-anak yang diturunkan dari hubungan cinta akan mengikuti garis keturunan ibu bapanya. Maknanya jika air mani ditumpahkan kepada perempuan yang sekufu, diyakini akan melahirkan anak-anak yang sihat, soleh dan bijak.

Hadis-hadis ini menasihati lelaki supaya memilih isteri bukan sekadar melihat aspek kecantikan tubuh wanita semata-mata, tetapi harus mengambil kira asal-usul keturunan yang berasal dari orang-orang yang baik, tumbuh dewasa dari kalangan keluarga yang telah terkenal kebaikan budi pekerti dan pekerjaannya. Semua ini bertujuan untuk memberi kebahagiaan perhubungan suami isteri dan membina sebuah institusi keluarga yang bahagia.

Faktor Sekufu

Sekufu ertinya sedarjat. Misalnya sedarjat dari segi ketaatan, agama dan akhlak. Apabila wujud perbezaan yang terlalu jauh akan menimbulkan pertentangan yang amat ketara. Rasulullah SAW sentiasa menasihati setiap pasangan suami isteri untuk memperhatikan faktor sekufu. Ini bertujuan untuk mengelak keretakan rumahtangga lebih awal dan membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Dalam hadis *marfu'* diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Abu Daud dari sanad Aisyah, Rasulullah SAW bersabda:

تَخَيَّرُوا لِنُطَفِكُمْ وَانْكِحُوا الْأَكْفَاءَ وَأَنْكِحُوا إِلَيْهِمْ

Pilihlah tempat air mani kamu dan nikahilah wanita yang sedarjat (sekufu) dan nikahkanlah (anak-anak perempuan kamu) kepada mereka yang sekufu.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab al-Nikah, al-Akfa'a (Kufu); hadis 1615-1999, daripada Aisyah). Kedudukan hadis ini hasan.

Dalam al-Quran ada ayat yang secara khusus menjamin supaya lelaki baik disuruh memilih perempuan yang baik. Sepertimana Allah berfirman:

ٱلْخَبِيثَٰتُ لِلْخَبِيثِينَ وَٱلْخَبِيثُونَ لِلْخَبِيثَٰتِ ۖ وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ ۖ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ٦٢

Wanita-wanita yang keji adalah untuk lelaki yang keji, dan lelaki yang keji adalah buat wanita-wanita yang keji (pula), dan wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki yang baik, dan lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik (pula). Mereka (yang dituduh) itu bersih dari apa yang dituduhkan oleh mereka (yang menuduh itu). Bagi mereka ampunan dan rezeki yang mulia (syurga).

(Surah al-Nur 24 : 26).

Walau bagaimanapun, sering kali terjadi wanita baik (solehah) menikah dengan lelaki yang tidak baik. Sebaliknya, lelaki baik (soleh) menikah dengan perempuan yang tidak baik. Hal ini terjadi disebabkan banyak faktor, antaranya, sama ada lelaki atau perempuan tertipu dengan penampilan zahir pasangannya. Sehingga mereka menganggap bahawa pasangannya adalah orang baik. Lazimnya lelaki atau wanita sering kali menggunakan pelbagai cara untuk memikat hati pasangan, misalnya menggunakan jeratan hutang, menggunakan sihir, menggunakan khidmad hubungan seks terlebih dahulu sebelum nikah. Ketika menikah situasi iman dan ketakwaan lelaki atau perempuan itu sedang berada dalam keadaan menurun serta tekanan emosional. Jika berlaku keadaan seperti ini, bermakna Allah SWT sedang menguji lelaki atau wanita berkenaan.

Faktor Gadis

Gadis merupakan wanita yang berusia muda belum pernah menikah dengan mana-mana lelaki. Dengan perkataan lain, gadis adalah wanita yang berusia muda masih perawan, suci dan belum pernah disentuh oleh lelaki. Wajah seorang gadis lebih menarik, manis dan menawan hati. Oleh sebab itu, lelaki suka kepada gadis daripada seorang janda.

Dari segi fiqh Islam, memilih gadis sebagai satu keutamaan dalam bercinta. Sesungguhnya pada gadis itu terdapat untaian cinta yang membera; pada gadis banyak kata-kata nan manja; pada gadis kelihatan indah mempersona; pada gadis amat menarik untuk bercengkrama; pada gadis banyak nikmat cinta; dan pada gadis tersimpan banyak istana cinta. Oleh itu, Islam menekankan lebih memilih kepada gadis. Gadis lebih Istimewa daripada janda.

Secara psikologi, perkahwinan seorang pemuda dengan gadis akan memperkuat rasa kasih sayang, kerana gadis itu akan memberikan sepenuh hatinya dan kelembutan jiwa raganya kepada lelaki pertama yang melindunginya, menyayangi dan mengadakan hubungan kasih sayang bagi membina mahligai cinta.

Secara fisiologi, gadis boleh melahirkan lebih banyak keturunan. Dari segi psikologi, remaja gadis lebih menarik, lebih manis mulutnya dan sentiasa memberi keseimbangan cinta yang sama kepada suaminya. Oleh itu, Rasulullah SAW mengingatkan para pemuda supaya mengawini gadis. Sebagaimana diriwayatkan dari Utbah bin Uwaim bin Sa'idah al-Ansari, dari bapanya, dari neneknya berkata, Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالْأَبْكَارِ فَإِنَّهُنَّ أَعْذَبُ أَفْوَاهًا وَأَنْتَقُ أَرْحَامًا وَأَرْضَى بِالْيَسِيرِ

Hendaklah kamu menikahi gadis, kerana mereka memiliki mulut yang lebih manis, lebih banyak melahirkan anak, lebih menyayangi dan lebih redha dengan sesuatu yang sedikit'.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab al-Nikah, al-Bikr; hadis 1520, daripada Uwaim bin Sa'idah al-Ansari). Kedudukan hadis ini hasan.

Dalam hadis lain dinyatakan kelebihan remaja gadis adalah lebih menarik kerana mereka boleh diajak untuk bermanja, bercanda, bersenda dan bercengkrama. Ini bermakna mereka sentiasa berupaya memberi kebahagiaan zahir-batin antara kedua-dua pasangan pencinta.

Dikisahkan dalam riwayat Jabir bin Abdullah, aku menikahi perempuan pada masa Rasulullah SAW, dan baginda berkata: 'apakah engkau sudah menikah wahai Jabir? Aku menjawab: 'ya'. Baginda SAW bertanya lagi?

أَبِكْرًا أَوْ ثَيِّبًا قُلْتُ ثَيِّبًا قَالَ فَهَلَّا بِكْرًا تُلَاعِبُهَا قُلْتُ كُنَّ لِي أَخَوَاتٌ فَخَشِيتُ أَنْ تَدْخُلَ بَيْنِي وَبَيْنَهُنَّ قَالَ فَذَاكَ إِذَنْ

Apakah gadis atau janda? Aku katakan, 'Janda'. Maka baginda pun berkata, 'Tidakkah sebaiknya engkau menikahi gadis agar engkau dapat bercengkrama? Aku menjawab, 'Aku memiliki beberapa saudara perempuan, dan aku takut akan terjadi sesuatu antara aku dengan mereka.' Beliau bersabda, 'Tidak mengapa jika demikian'.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Nikah, al-Bikr; hadis 4690, daripada Jabir bin Abdullah).

Dari mafhum kedua hadis ini dapat difahami remaja gadis ternyata lebih baik untuk dijadikan pasangan cinta. Sesungguhnya gadis selain usianya masih muda, bertenaga, menarik, cantik, lebih manis mulutnya dan mampu memberi keturunan yang lebih banyak. Salah satu tujuan perkahwinan dalam Islam adalah untuk mendapatkan zuriat yang banyak dan soleh. Dari anak-anak yang soleh ini akan meneruskan perjuangan cinta dan memelihara kelangsungan umat manusia di atas dunia. Bahkan gadis membuat aktiviti cinta lebih indah mempersona.

Dalam beberapa hal, menurut hadis Jabir ini bahawa mengahwini janda kadangkala lebih utama daripada mengahwini gadis dalam beberapa hal. Seperti keadaan Jabir, dia telah mengahwini janda demi untuk menolong, memelihara dan bertanggungjawab terhadap anak-anak Yatim. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 3, yang bermaksud: "*Dan bertolong-tolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan dan takwa*".

Antara alasan lelaki mengawini wanita yang banyak anak adalah sangat ingin mempunyai banyak anak dan ingin melahirkan keturunan. Oleh itu, lelaki perlu memikul tanggungjawab dan kewajipan memberi nafkah, pengajaran ilmu dan pendidikan agama. Apabila lelaki tidak melakukannya, maka suami akan dimintai pertanggungjawabnya terhadap isteri dan anak-anak tentang kepimpinannya itu. Sepertimana

diriwayatkan dari Nafi, dari Ibnu Umar, dari Nabi SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْأَمِيرُ رَاعٍ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Setiap kalian adalah pemimpin. Dan setiap kalian akan dimintai pertanggungjawaban terhadap yang dipimpinnya. Seorang Amir adalah pemimpin. Seorang suami juga pemimpin atas keluarganya. Seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya. Maka setiap kalian adalah pemimpin dan setiap kalian akan dimintai pertanggungjawaban atas yang dipimpinnya.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Nikah, al-Amir; hadis 4801, daripada Ibnu Umar).

Apabila lelaki yang mampu melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anaknya sepertimana yang telah dinasihatkan Islam, maka lelaki itu hendaklah berkahwin dengan mencari wanita yang banyak melahirkan anak. Agar dia dapat melipatgandakan jumlah umat Muhammad yang telah dijadikan Allah sebagai sebaik-baik umat yang wujud dalam kalangan manusia. Sebagaimana Rasulullah SAW telah memberikan nasihat kepada salah seorang pemuda yang berkata kepada baginda SAW: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku mencintai seorang wanita yang memiliki keturunan, kedudukan dan harta kekayaan, hanya sahaja wanita itu tidak mempunyai anak. Apakah aku harus mengahwininya?" Maka baginda SAW melarangnya. Kemudian pemuda itu datang lagi untuk kali kedua, juga Rasulullah SAW melarangnya. Kemudian pemuda itu datang untuk yang kali ketiga, baginda SAW lalu bersabda:

تَزَوَّجُوا الْوَلُودَ الْوَدُودَ فَإِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُمْ

Nikahilah wanita yang subur melahirkan anak dan pengasih, kerana aku bangga (dengan banyaknya umatku) dengan banyak anak kalian.

Takhrij: (al-Nasai, kitab al-Nikah, Imra'atan Taza hasabin wa Jamalin; hadis 3175, daripada Ma'qil bin Yasar). Kedudukan hadis ini hasan.

Demikianlah indah nilai cinta. Apabila aktiviti cinta dilaksanakan dengan benar, ikhlas, pemahaman ilmu dan agama, maka hubungan cinta akan lebih bermakna. Dari aspek biologi, sudah tentu setiap individu yang hendak berkahwin ingin merasakan nikmat dan lazatnya hubungan seks yang berkali-kali. Dari sini akan berkembang kepada pembinaan emosi cinta yang diredhai. Akhirnya melahirkan anak-anak yang soleh dan cemerlang. Dari segi fitrah, perkahwinan itu benar-benar suatu keperluan fisiologi dan psikologi, sebab hanya dengan perkahwinan manusia sentiasa merasa dan terus merasa, menikmati dan terus menikmati dan mengekalkan zuriat serta memperbanyak keturunan manusia.

BAB 5
FALSAFAH CINTA

MARTABATCINTA

Perasaan cinta merupakan unsur kasih sayang seseorang kepada orang lain. Perasaan cinta akan berkembang menjadi satu hubungan yang spesial, perasaan suka, intim dan berterusan. Apabila perasaan cinta ini terus menguasai emosi kedua belah pihak, keduanya telah saling menerima dan mencintai, maka hubungan keduanya menjadi hubungan lebih spesial. Hubungan yang spesial ini lebih dikenali sebagai jatuh cinta dan sama-sama jatuh cinta. Hubungan cinta keduanya semakin dihiasi dengan bunga-bunga cinta. Apabila keduanya sama-sama jatuh cinta dan saling mencintai, keduanya akan selalu membuat temu janji cinta dan banyak bercakap masalah cinta.

Sebagaimana telah dijelaskan di bab tiga dan bab empat, sesungguhnya cinta itu sesuatu yang sangat mulia. Di dalam cinta itu ada perasaan rindu. Perasaan rindu mendorong seorang lelaki untuk mengatur jadual temu janji supaya dapat bertemu; bertemu dengan orang yang dicintai. Sememangnya dorongan perasaan rindu menggerakkan hasrat untuk kerap bertemu dengan kekasih; kerana ketika bertatapan muka dan duduk berdua, banyak ungkapan kata, petua cinta dan kata-kata cinta yang di dengar dari kekasih pujaan hati.

Perasaan rindu mendorong seorang gadis untuk selalu duduk berdua dengan lelaki yang dicintainya dalam suasana hening, sepi dan romantik, Kerana ketika duduk berdua banyak luahan cinta yang dilafazkan; keduanya saling mencurahkan isi hati dan melepaskan perasaan rindu.

Perasaan rindu mendorong lelaki untuk selalu ingin bertemu dengan wanita yang dicintainya; dengan kerap bertemu dia boleh selalu

menatap wajah kekasih dan duduk berlama-lama dengan gadis pujaan hatinya. Tekanan perasaan rindu sering membuat lelaki demam rindu. Perasaan rindu hanya dapat diubati dengan bertemu; dan terus bertemu dengan orang yang dicintai.

Di dalam cinta itu ada perasaan bahagia. Perasaan bahagia akan bertambah-tambah bila orang yang dicintai selalu setia berada di sisinya. Terlebih lagi bila kekasih hati sering memberi pujian cinta; melafazkan kata-kata cinta; membisikkan kata-kata setia dan manja; maka bunga cinta semakin berkembang mekar di dalam jiwa. Itulah indahnya cinta.

Ketika mendengar kekasih melafazkan kata-kata cinta, rindu dan merasa bahagia selalu bersama, perasaan cinta semakin berkobar-kobar di dalam dada. Inilah yang namanya martabat cinta.

Martabat cinta bermakna tingkat kebahagiaan hubungan cinta. Martabat cinta adalah tingkat kebolehpercayaan dengan hubungan cinta. Semakin tinggi kebolehpercayaan terhadap pasangan, semakin bagus dan tinggi perasaan bahagia semasa bercinta. Semakin tinggi tingkat kepercayaan dan kesetiaan pasangan terhadap orang yang dicintainya, maka semakin tinggi nilai cinta. Inilah martabat cinta yang paling agung dan mulia.

Martabat cinta ini akan bertahan lama, kerana hubungan cinta berjalan lurus dan tidak ada ombak yang berbahaya. Sekiranya gangguan kecil, itu hanya ibaratkanombak kecil yang tidak mendatangkan sebarang bahaya kepada hubungan cinta. Dengan perkataan lain, martabat cinta adalah perasaan bahagia yang berkekalan di dalam jiwa dari awal bercinta sehingga membina sebuah keluarga yang bahagia. Bahkan martabat cinta mengandungi nilai falsafah yang sangat mendalam bagi kehidupan cinta; cinta yang membina hidup bahagia di dunia dan di akhirat.

GAIRAH CINTA MEMBINA RASA BAHAGIA

Perasaan cinta menimbulkan gairah bagi orang yang mencintai dan yang dicintai. Gairah cinta boleh menambahkan perasaan indahnya cinta. Nilai cinta itu terlalu mahal harganya, tidak boleh dibeli dengan wang ringgit kerana ia merupakan kurnia Pencipta Yang Maha Mencintai. Kuasa cinta itu berasal dari Pencipta, yang diberikan kepada makhlukNya bernama manusia. Semua manusia yang normal memiliki rasa cinta. Oleh itu, semua manusia suka mencintai dan dicintai. Kerana

dengan cinta, hidup menjadi bergairah dan bertambah indah. Demikian juga cinta menjadikan sesuatu itu menjadi menarik, memberi tenaga dalam dan gairah nafsu. Oleh itu, setiap kali mata memandangnya, semakin timbul gairah dan bertambah indah mata memandangnya. Bila mata tidak melihat wajahnya, hati akan menjadi rindu, perasaan menjadi terharu dan mulut menjadi seakan-akan bisu. Maka untuk mengubati itu semua, harus bertemu, melihat wajahnya, menyebut-nyebut nama dan memuji keindahannya. Dalam konteks cinta kekasih, gairah cinta akan membina rasa bahagia.

Gairah cinta selalu membina energi belajar dan bekerja. Fungsi gairah cinta untuk meningkat tenaga manusia rajin bekerja. Gairah cinta manusia, mendorong manusia untuk selalu bersaing, sama ada secara sihat atau tidak sihat. Fungsi gairah cinta adalah untuk memberi satu kekuatan tenaga, upaya dan cara bagi manusia mencapai satu tujuan. Oleh itu, manusia sentiasa berlumba-lumba mengejar kehidupan dunia. Manusia terus berlumba-lumba dan berjuang untuk mendapatkan kehidupan dunia. Kerana, dunia ini adalah suatu realiti, ia harus dikejar dan dicari dengan cara kerja keras serta bersungguh-sungguh. Apabila tidak dikejar, dicari dan disaingi, maka manusia akan tertinggal jauh di belakang. Mungkin juga manusia akan gagal mencapai hasrat dan cita-citanya.

Tanpa gairah cinta dunia, hidup manusia menjadi layu dan gersang. Oleh itu, manusia harus sentiasa bersedia untuk bersaing dan berlumba-lumba mengejar kehidupan dunia, walaupun nilainya terlalu rendah, sementara dan akan binasa bila-bila masa. Tetapi ia mesti dikejar dan dicari. Dari segi fisiologi, manusia diciptakan dari unsur material dan pelbagai campuran material. Dalam tubuh manusia, yang terdiri dari pelbagai jenis organ penting, bermula dari bentuk luaran yang dapat dilihat dengan mata, seperti kulit, dua kaki, dua tangan, dua telinga, dua lubang hidung, rambut, kepala, mulut, lidah dan perut, kesemuanya tercipta dalam bahan-bahan material serta dapat dilihat dengan mata. Sementara di bahagian dalaman, tidak dapat dilihat melainkan dengan alat teknologi berupa peralatan EEG dan lain-lain, seperti jantung, empedu, hati, limpa, akar perut, tulang-belulang, otak, seluruh sel-sel otak dan seluruh sel-sel tubuh, kesemuanya adalah berbentuk benda. Oleh itu, ia dapat dilihat dengan mata, atau dilihat dengan menggunakan peralatan teknologi moden. Lantaran seluruh organ tubuh, seluruh sel, organ otak dan sel otak manusia juga terbina dari bahan material.

Disebabkan manusia tercipta dan berkembang biak secara material fisiologi, maka amat wajar jika manusia sangat mencintai seluruh benda, harta kekayaan dan berfahaman kebendaan. Memang pada asasnya, manusia dibekal oleh unsur-unsur material, yang merupakan bahan-bahan asas untuk mencintai segala-galanya. Selain itu, Allah SWT juga telah menciptakan suatu unsur kuat yang menjadi pendorong kehidupan semua manusia, unsur itu dikenali sebagai *syahawat*.Kombinasi seluruh unsur material dan syahawat ini menambah lagi hasrat manusia untuk sentiasa mencintai kehidupan dunia. Memang secara psikologi, tidak salah manusia mencintai dunia serta melakoni hidup di dunia. Terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan fakta ini, bahawa memang manusia mencintai kehidupan dunia, harta dan wanita. Sebagaimana Allah berfirman:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ

Dihiasi manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: khasnya mencintai wanita-wanita…'

(Surah Ali Imran 3 : 14).

Manusia khasnya lelaki suka mencintai wanita. Manusia yang tercipta dari unsur material dan faktor syahawat yang selalu mendorong manusia untuk mencintai kebendaan serta kehidupan dunia. Oleh itu, jangan terkejut apabila manusia yang menyembah Tuhan dan berjiwa takwa bilangan mereka tidak banyak daripada yang derhaka kepada Pencipta. Kerana sesungguhnya, unsur material dan syahawat sangat mengairahkan setiap keingingan manusia untuk lebih mencintai kebendaan semata-mata. Pada ayat 14 di atas, Allah SWT menyebutkan sasaran utama cinta manusia ada tujuh iaitu (1) wanita, (2) anak-anak, (3) emas, (4) perak, (5) kuda pilihan, (6) haiwan ternak, dan (7) sawah ladang. Menurut ayat ini, dorongan cinta kepada wanita menempati kedudukan pertama, kerana syahwat lelaki memang sangat menginginkannya di dalam perhubungan cinta. Salah satu tujuan hubungan itu adalah untuk mengembang biakkan keturunan bagi meneruskan kehidupan cinta bagi sesama manusia.

Hasil dari hubungan cinta lelaki dan wanita akan melahirkan anak-anak. Dari sinilah hidup manusia berkembang biak dan menyebar ke seluruh muka bumi. Lantaran itu, lelaki sentiasa terdorong dengan hubungan cinta wanita. Hubungan cinta sentiasa memberi gairah

kehidupan sehingga manusia suka bersaing antara satu dengan lain bagi mendapatkan cinta wanita.

Dari ketujuh sasaran cinta di atas, semuanya merujuk kepada makna cinta yang bersifat Zahir dan kebendaan semata. Gairah cinta sentiasa membakar semangat manusia untuk menyalurkan dan mendapatkan apa-apa yang dihajatkan oleh syahawatnya. Setelah mendapatkah nikmat hubungan seks dengan wanita, seorang lelaki juga ingin mendapatkan anak-anak dari hasil hubungan seks itu. Alasan mendapatkan anak dinilai rasional, kerana sebuah perkahwinan yang bahagia terasa kurang sempurna jika pasangan suami isteri itu belum dikurniakan anak. Semakin banyak anak yang dilahirkan dari hasil perkahwinan itu semakin bangga pasangan suami isteri. Inilah yang namanya gairah cinta **menambah rasa bahagia**. Malah banyak lelaki mencari wanita lain. Dalam hal ini, faktor fisiologi menjadi pendorong utama kepada lelaki untuk mencari wanita lain. Kerana secara fisiologi, setiap lelaki yang normal sentiasa terangsang nafsu syahawatnya apabila melihat wanita cantik yang menggodanya, atau dia sendiri yang menggoda wanita. Tujuannya hanya untuk mendapatkan hubungan cinta dengan perempuan yang dicintai. Namun disebabkan faktor adab dan agama, lelaki yang soleh hanya dibolehkan menikahi empat orang wanita; itu pun sekiranya lelaki itu benar-benar mampu bersikap adil dalam menjalinkan hubungan cinta; kalau tidak mampu bersikap adil, maka berhubungan cinta dengan seorang wanita itu lebih utama. Inilah yang namanya kemuliaan cinta dan gairah cinta. Gairah cinta bila diaktualisasikan dengan cara yang benar; maka kedua insan yang bercinta dan sedang bercinta akan menambah lagi rasa bahagia.

Gairah cinta manusia tidak terhenti di sini, tetapi berkembang lebih jauh lagi, manusia mencintai harta yang banyak dan melimpah. Ghairah cinta seperti ini mendorong manusia untuk mengumpul harta sebanyak-banyaknya terutama emas, perak, kuda pilihan, haiwan ternak dan sawah ladang. Semua ini mengandungi nilai kebendaan yang sangat mahal, memiliki nilai perhiasan yang memberi kesenangan, sumber makanan dan kesihatan manusia serta perhiasan hidup di dunia. Oleh itu, semua manusia menginginkanya dan menggunakannya untuk keperluan hidup dan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara. Sekali lagi, sangat wajar manusia mencintainya. Sebab manusia memerlukannya untuk perhiasan, kemegahan dan kesenangan hidup di dunia. Bahkan untuk mendapatkan semua apa yang dihajatkan itu, manusia sanggup

bermusuhan, saling menzalimi antara sesamanya, dan saling berbunuh-bunuhan. Tidak kira apakah itu salah di sisi agama, atau peraturan pemerintah atau undang-undang sekalipun. Kerana ghairah cinta dunia sentiasa mendorong manusia supaya berebut dan sentiasa bersaing.

Gairah cinta manusia boleh meningkatkan kemuliaan cinta. Sekiranya yang mencintai dan dicintai itu orang yang faham agama. Manusia yang faham agama menganggap semua harta benda dan wanita yang dicintai hanya barang titipan Allah; ia boleh hilang sekelip mata. Mengetahui hakikat ini, maka

mereka tidak terlalu terpesona dengan gairah syahawat, seluruh harta benda dan pelbagai kesenangan hidup dunia. Sekiranya mereka mencari dan memilikinya, mereka akan menggunakan di jalan Allah dan untuk mendapatkan keredhaan Allah. Orang-orang beriman sentiasa menyedari hakikat hidup di dunia ini sebagai satu persinggahan sementara, terlalu singkat dan nilainya amat hina. Oleh itu, sekiranya dia memiliki harta benda yang banyak, haiwan-haiwan ternak yang banyak dan sawah ladang yang luas, seluruh harta kekayaan dan perhiasan hidup itu tidak sampai melalaikan dirinya dari mengingat Allah. Selain memberi zakat, dalam masa yang sama, dia juga akan menggunakan seluruh kurnia Allah SWT itu untuk membantu kaum *dhuafa*. Bahkan dia sentiasa memperhatikan nasib anak-anak Yatim dan orang-orang miskin. Sekiranya dia mencintai banyak wanita, tetapi masih dalam batas yang wajar dan halal. Gairah cinta seperti ini yang akan **menambah rasa bahagia**. Bahagia hidup di dunia dan mengharungi lautan cinta.

Manusia seperti ini mencintai dunia sekadar memenuhi keperluan hidup yang lazim dan sederhana. Gairah cintanya, hanya ditumpukan untuk mencintai kehidupan saudara-saudaranya yang beriman. Gairah cintanya sentias menjelma kerana agama. Diriwayatkan dari Anas, Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ مَنْ كَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Tiga hal sesiapa ada dalam dirinya dia akan merasakan manisnya iman (1) adalah Allah dan RasulNya lebih dicintainya dari segala-galanya (2)

orang yang mencintai orang lain semata-mata kerana Allah (3) orang yang takut kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya, sebagaimana dia takut dilemparkan ke dalam neraka.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Iman, halawatu al-Iman; hadis 22, daripada Anas).

Amali cinta yang terarah membina hidup manusia lebih bahagia; bahagia mengharungi bahtera cinta bersama wanita yang dicintainya. Cinta yang terarah membimbing hidup manusia untuk mencintai Rasulullah SAW lebih dari kecintaan kepada ibu bapa dan semua manusia. Cinta kepada Rasulullah SAW menjadi ikon cinta yang teragung, kerana baginda SAW memiliki akhlak yang mulia yang semestinya untuk diteladani oleh orang-orang beriman. Selain itu, pada diri Rasulullah SAW memang terdapat suri-teladan yang terbaik untuk diikuti oleh semua manusia, khasnya golongan pemuda yang sedang bercinta. Diriwayatkan dari Anas bin Malik berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Tidaklah sempurna iman seseorang sehingga aku lebih dicintai olehnya daripada anak, orang tuanya serta semua manusia.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Iman, al-Mahabbah; hadis 23, daripada Anas bin Malik).

MEMAKNAI CINTA

Hubungan cinta memiliki makna yang mendalam. Sekiranya seorang lelaki mencintai seorang gadis dengan ikhlas, tulus dan menjaga kesucian cinta, maka martabat cinta tidak hanya membina perasaan bahagia, tetapi juga mengekalkan hubungan cinta yang indah dan penuh makna. Demikian juga bila seorang gadis telah melabuhkan cintanya, menerima cinta seorang lelaki dan mencintai lelaki itu dengan ikhlas, jujur dan bersungguh-sungguh, maka hubungan cinta keduanya bersedia menghadapi pelbagai ujian cinta. Sekiranya kedua-dua insan; lelaki dan wanita yang telah sama-sama jatuh cinta dan menjalin hubungan cinta; kemudian keduanya sama-sama berusaha mempertahankan cinta dengan cara yang mulia; ini bermakna kedua-duanya tidak hanya akan merasakan kebahagiaan hubungan cinta, tetapi jauh lebih dari itu.

Hubungan cinta seperti ini diyakini berjalan dengan indah, bersahaja dan penuh makna. Ini bermakna kedua-duanya telah memaknai cinta yang penuh berkah.

Manusia akan boleh menghayati nilai-nilai keindahan dalam bercinta. Kesannya, dunia terasa gemerlap sehingga kehidupan amat menyenangkan, penuh gairah dan perasaan gembira. Sebaliknya, manusia yang salah menyalurkan cintanya, nilai keindahannya akan berkurang dan aktiviti cinta jadi kurag bermakna. Sekiranya hubungan cinta keduanya berjalan tetapi mungkin dimaknai dengan cinta buta, atau hubungan cinta yang hanya dihiasi oleh tekanan syahwat semata. Cinta seperti ini menjadi kurang bermakna, bersifat hedonistik dan perasaan cinta hanya bersifat sementara. Akibatnya nilai cinta juga menjadi rendah dan hina. Dunia cinta menjadi kotor, kurang bermartabat dan penuh noda.

Makna Cantik

Kebanyakan orang menilai cantik hanya dari segi zahir semata. Makna cantik dalam konteks ini merujuk kepada penilaian fizikal yang indah, jelita dan bentuk tubuh yang menarik. Walau bagaimanapun ada yang menilai cantik dari aspek jasmani dan rohani, luaran dan dalaman, atau kecantikan zahir dan batin. Dengan perkataan lain, cantik mengandungi makna yang berbeza-beza dan setiap orang mempunyai penilaian yang tidak sama mengenai makna cantik.

Ada yang berpandangan cantik berkaitan dengan keindahan bodi, fizikal dan wajah seseorang. Ada yang berpandangan cantik lebih merujuk kepada zahir karakter, keselarian dan keseimbangan. Misalnya ada wajah yang memenuhi persyaratan: matanya bulat, alis tebal, hidung mancung, bibir merekah, rambut bergelombang dan tubuhnya dan seimbang. Penilaian zahir, wanita seperti ini dianggap cantik. Demikian juga sebaliknya untuk lelaki. Apabila tidak memenuhi persyaratan, dari segi keselarian dan keseimbangannya, maka dianggap tidak cantik. Sekali lagi, ini penilaian zahir manusia. Tetapi penilaian dalaman, tidak seperti ini. Oleh itu, penilaian cantik yang merujuk kepada aspek karakter ini juga kurang tepat, kerana hanya menilai aspek zahir seseorang. Yang objektif adalah penilaian zahir-batin, seperti penilaian para sahabat terhadap kecantikan wajah dan badan Rasulullah SAW. Penilaian cantik seperti ini yang lebih tepat dan merangkumi semua aspek. Dengan demikian, definisi cantik adalah merujuk kepada

gabungan akhlak luaran dan dalaman. Oleh itu, al-Quran menjelaskan bahawa Muhammad SAW memang memiliki teladan terbaik. Al-Quran memuji kecantikan Muhammad SAW itu benar-benar memiliki akhlak yang agung. Sebagaimana fakta ayat:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu telah ada teladan terbaik bagimu…'

(Surah al-Ahzab 33 : 21).

Allah berfirman lagi:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ٤

Dan sesungguhnya kamu benar-benar memiliki budi pekerti yang agung.

(Surah al-Qalam 64 : 4).

Merujuk dalil al-Quran di atas, bahawasanya kecantikan itu merangkumi dua aspek, iaitu kecantikan zahir dan keindahan batin. Kecantikan batin adalah sesuatu yang amat disukai dan dicintai oleh manusia. Sebab zatnya berupa keindahan ilmu, ketinggian akal, kesucian, keberanian, kejujuran, kedermawanan, ketaatan dan ketakwaan. Keindahan batin inilah yang amat dinilai oleh ajaran Islam. Allah SWT sangat mencintai hamba-hambaNya yang memiliki keindahan batinnya. Diriwayatkan suatu hari, Abu Hurairah ra pernah melihat seorang lelaki yang menyeretkan kainnya sambil menghentakkan kainnya ke tanah. Ternyata lelaki itu adalah seorang pembesar dan penguasa Bahrain. Ternyata sifat sombong penguasa Bahrain ini ditegur oleh Rasulullah SAW. Diriwayatkan dari Abu Hurairah ra berkata, Nabi SAW bersabda:

رَجُلٌ يَمْشِي فِي حُلَّةٍ تُعْجِبُهُ نَفْسُهُ مُرَجِّلٌ جُمَّتَهُ إِذْ خَسَفَ اللَّهُ بِهِ فَهُوَ يَتَجَلْجَلُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Ketika seorang lelaki berjalan dengan menggunakan jubah yang dia gunakan, dan berjalan dengan rasa sombong, lalu dia ditelan oleh bumi, dan dia akan tetap berguncang-guncang (di dalam perut bumi) hingga datang hari kiamat.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab Libasun, al-Adab Libas (adab menggunakan pakaian);hadis 5343, daripada Abu Hurairah).

Antara kandungan penting hadis ini, Nabi SAW menilai kecantikan setiap orang tidak hanya merujuk kepada aspek zahir semata, akankecantikan itu selalu berkaitrapat dengan unsur zahir dan batin. Oleh sebab itu, dalam hal kecantikan manusia, Allah SWT tidak akan memperhatikan aspek kecantikan wajah seseorang. Allah SWT juga tidak melihat keindahan jenis pakaian, kebesaran nama dan pangkat; melainkan Allah SWT hanya melihat kecantikan amal dan hati setiap orang. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah ra berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ.

Sesungguhnya Allah tidak akan melihat bentuk tubuhmu dan hartamu, tetapi Dia akan melihat hatimu dan amalmu.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Adab, al-Qalb; hadis 1784, daripada Abu Hurairah).

Sekiranya seseorang itu memiliki fizikal yang cantik, indah dan rupawan lalu diiringi dengan akhlak yang baik; maka itulah kecantikan yang sempurna. Sekiranya seseorang memiliki fizikal yang cantik, indah dan rupawan tetapi memiliki akhlak yang baik; itu ertinya seseorang itu hanya memiliki zahir yang cantik; tetapi hati dan amalnya buruk. Sekiranya seorang gadis itu memiliki wajah yang cantik jelita, bodinya indah menawan dan diiringi dengan akhlaknya santun serta hatinya baik, maka itulah kecantikan yang menjadi pusat kebahagiaan cinta. Setiap lelaki yang memiliki gadis ini diyakini bertuah dan akan menemui kebahagiaan cinta.

Namun bila seorang gadis itu berwajah cantik jelita, tetapi perangainya buruk; itu ertinya gadis itu hanya memiliki kecantikan zahir. Cinta seorang lelaki boleh berlabuh di jiwa gadis ini, akan tetapi mungkin tidak akan bertahan lama, kerana kecantikan wajah semata tidak boleh menjadi jaminan untuk mengekalkan perasaan bahagia. Terlebih lagi perasaan cinta akan mudah sirna bila melihat seorang gadis pujaan hati mudah berkhianat dan berdusta atas nama cinta. Oleh itu, cinta yang hanya dibina atas nama kecantikan semata; maka nilai cinta itu menjadi kurang bermakna. Bila-bila masa hubungan cinta akan membawa petaka.

Kecantikan batin selalunya mengiringi kecantikan zahir. Walaupun zahir seseorang itu tidak cantik, indah dan rupawan, tetapi kecantikan batin akan menutupi segala kekurangan kecantikan zahirnya. Ditambah lagi dengan sikap manis, ramah, santun, kewibawaan dan suka menolong menjadikan kecantikan zahirnya dikagumi dan dihormati. Seorang perempuan yang kurang cantik zahir wajahnya, tetapi disebabkan batinya unggul, penyayang, lemah lembut dan tingggi akhlaknya, maka zahirnya yang tidak cantik ditutupi oleh kecantikan batinnya. Seorang lelaki akan kelihatan berwibawa dan disegani kerana kecantikan akhlak dan ketinggian akal budinya. Setiap orang yang berinteraksi dan berkomunikasi dengannya akan mencintainya. Hal ini dapat dilihat langsung oleh mata. Apabila kita melihat seseorang yang soleh, memiliki akhlak yang indah dan ilmu yang tinggi, nescaya dia kelihatan sebagai insan yang paling cantik wajahnya, walaupun kulitnya hitam legam dan tidak rupawan zahir wajahnya. Apalagi jika seseorang itu sentiasa mengamalkan solat malam, nescaya pengaruh solat itu akan membuat wajahnya bercahaya dan memperbaiki seluruh kekurangan zahirnya. Demikian juga para wanita yang banyak mengerjakan solat malam, manusia lain akan sentiasa menghormatinya dan mengagumi kecantikan jiwanya.

Kecantikan Batin

Kecantikan batin merujuk kepada kecantikan dalaman seseorang yang merangkumi adab yang mulia, hati yang baik dan bertakwa. Kecantikan batin merupakan satu kurnia Allah terbesar kepada orang-orang tertentu. Banyak manusia dikurniakan kecantikan tubuh badan dan wajah yang rupawan; tetapi perbuatan dan hati mereka buruk. Kecantikan zahir menjadi tidak bermakna apabila dizahirkan hanya dengan bersuka-suka dengan memuaskan hawa nafsu syahawat semata. Lazimnya seseorang yang memiliki kecantikan zahir mudah tenggelam ke dalam maksiat, mencintai kebendaan secara berlebihan dan tenggelam dalam lautan cinta. Sementara seseorang yang memiliki kecantikan batin, lebih mementingkan aspek dalaman, dia selalu membina keimanan, ketakwaan serta selalu menjaga seluruh kecantikan batinnya dengan memperbanyak amal, menghiasi dirinya dengan akhlak terpuji, menyayangi orang-orang beriman dan mencintai kekasihnya dengan ikhlas bagi membina bahtera cinta. Kecantikan batin mendorong seseorang untuk selalu bersyukur dengan nikmat-nikmat yang tidak

terhitung jumlahnya. Oleh itu, individu ini tidak pernah mengeluh, ragu, lemah dan berputus asa dari pemberian Allah. Bahkan, dalam keadaan susah dan sempit pun dia tetap bersyukur. Malah semakin kuat amal dan berganda khidmatnya kepada Allah. Kecantikan batin mendorong seseorang untuk menutupi segala kekurangan yang ada dalam rupa wajah yang tidak cantik dan rupawan.

Disedari kecantikan batin akan mengangkat keburukan zahir wajahnya. Dengan perkataan lain, setiap individu yang memiliki kecantikan batin lebih nyata dalam bertindak. Cahaya keimanan dan ketakwaan sangat berbekas di wajah dan seluruh tingkah lakunya. Kecantikan batin lebih bertahan lama dan sangat berkesan mempengaruhi emosi ramai masyarakat. Apabila seorang pemuda yang zahir wajahnya tidak kelihatan rupawan dan menarik di dalam masyarakat, tetapi disebabkan amalannya yang ikhlas suka membantu masyarakat, bertingkah laku jujur, amanah dan terkenal kebaikan pekertinya, pada tahap awal dia kurang dikenali oleh masyarakat; tetapi lama kelamaan, peribadinya dikenang oleh masyarakat ramai dan kebaikannya selalu disebut-sebut oleh masyarakat. Walaupun hidup pemuda itu sebagai orang miskin. Bahkan setiap pertolongan dan bantuan pemuda itu orang akan mengenangnya. Dari segi psikologi, kecantikan batin mempengaruhi seluruh aspek tingkah laku, pemikiran dan cara hidup seseorang. Oleh itu, seseorang yang memiliki kecantikan batin sudah tentu memiliki keindahan keperibadian, atau sahsiah, misalnya, dia amanah, selalujujur, tidak berdusta, suka mengerjakan kebaikan dan meninggalkan hal-hal yang tidak berfaedah dan wajahnya bercahaya. Kerana Allah SWT memberinya *burhan*, hidayah dan kemuliaan. Kecantikan batinnya tercermin dalam wajah, tingkah laku, percakapan terhadap sesama manusia dan selalu setia dalam bercinta.

Kecantikan batin sangat berkesan mempengaruhi penilaian masyarakat terhadap keperibadian seseorang. Harta Hart (1987) seorang ahli sejarah dari USA mengatakan bahawa dakwah Muhammad sangat berkesan menarik perhatian bangsa Arab ketika itu, bahkan dia berjaya mengislamkan seluruh jazirah Arab dalam tempoh yang amat singkat iaitu selama 23 tahun. Salah satu sebab utamanya adalah kerana Muhammad memiliki keunggulan akhlak yang luar biasa. Keunggualan akhlak Muhammad ini tidak dimiliki oleh mana-mana seluruh pemimpin di dunia dan ilmuawan hebat sekalipun, sama ada di Eropa, Timur atau Afrika. Keunggulan akhlak Muhammad ini

dilatar belakangi oleh kecantikan zahir-batinya, sehingga terjelmalah keperibadian baginda SAW yang amat indah sehingga menarik perhatian semua orang-orang yang melihatnya. Kemudian kecantikan akhlak Rasulullah SAW ini diikuti oleh para sahabatnya, menambah lagi semarak keindahan peribadi-peribadi yang agung sehingga setiap manusia yang memperhatikan pengikut-pengikut Muhammad ini memancarkan kecantikan akhlak yang amat mulia. Oleh itu, kedatangan Muhammad SAW ke muka bumi ini benar-benar menjadi rahmat untuk seluruh alam. Sepertimana Allah berfirman:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ٧٠١

Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.

(Surah al-Anbiya' 21 : 107).

Kecantikan batin mendorong setiap manusia untuk mengambil keindahan, menghayati dan mengamalkan keindahan yang dimiliki oleh Rasulullah. Sebagaimana, para sahabat yang telah lebih awal mengambil, menerapkan dan menghayati keindahan akhlak Rasulullah, maka umat Islam yang kemudian di seluruh dunia yang memiliki kecantikan batin juga sentiasa terdorong untuk mencontohi keindahan akhlak Rasulullah SAW.Oleh itu, semua umat Islam sentiasa terdorong untuk mengambil dan menghayati keindahan akhlak Rasulullah SAW. Kecantikan batin inilah yang menggerakkan hati para sahabat dahulu untuk saling mencintai antara sesama mereka. Mereka hidup bersatu padu didorong untuk meninggikan martabat kaum Muslimin. Didorong oleh kecantikan batin sahabat-sahabat sentiasa mencintai orang yang lebih alim, taat dan takwa. Diriwayatkan oleh Abu Idris berkata: "Aku masuk ke Damaskus (Syria), ketika itu ada seorang pemuda yang rupawan yang kelihatan putih giginya. Pemuda itu sedang dikerumuni oleh ramai orang. Apabila mereka berbeza pendapat mengenai sesuatu, maka mereka akan mengembalikan pendapatnya kepada pemuda itu. Lalu meminta pendapat kepadanya. Lalu aku bertanya mengenai pemuda itu, mereka menjawab: "Dia adalah Muaz bin Jabal". Keesokan harinya, pagi-pagi sekali aku pergi berangkat solat. Ternyata dia lebih dahulu berangkat. Aku melihatnya sedang solat, lalu aku menunggunya hingga dia selesai solat. Kemudian aku datang ke hadapannya. Setelah aku memberi salam, aku berkata: "Demi Allah! Aku mencintaimu

kerana Allah SWT". Mendengar itu, Muaz lalu berkata: "Apakah kerana Allah? Aku menjawab: "Kerana Allah". Lalu Muaz berkata lagi: "Apakah kerana Allah?" Aku menjawab: "Kerana Allah". Kemudian Muaz memegang ujung selendangku dan mendekatkan aku padanya, lalu dia berkata: "Bergembiralah, kerana aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Allah SWT berfirman, "Aku mewajibkan cintaKu untuk orang-orang yang saling mencintai kerana Aku, dan orang-orang saling duduk berdekatan kerana Aku'.

Muaz bin Jabal bukan sahaja memiliki kecantikan zahirnya, tetapi beliau juga memiliki kecantikan batinnya. Beliau merupakan salah seorang sahabat utama yang diutus oleh Rasulullah SAW ke negeri Yaman untuk berdakwah. Oleh itu, setiap kali dia melakukan aktiviti dakwah sentiasa mendapat sambutan dan perhatian ramai penduduk Negeri Yaman. Bahkan penduduk Yaman juga mencintai keperibadian Muaz disebabkan kecantikan zahir-batinnya. Keindahan zahir-batin Muaz, sehingga Rasulullah SAW menyuruh seseorang untuk mengambil bacaan al-Quran daripada Muaz bin Jabal. Sebagaimana diriwayatkan dari Amru bin Ibrahim, dari Masruq, dari Abdullah bin Amru, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

اسْتَقْرِئُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ ابْنِ مَسْعُودٍ وَسَالِمٍ مَوْلَى أَبِي حُذَيْفَةَ وَأُبَيٍّ وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ

Ambillah bacaan al-Quran dari empat orang. Iaitu dari Ibnu Mas'ud, Salim maula Abu Huzaifah, Ubay bin Ka'ab dan Mu'az bin Jabal.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab Akhlaq al-Karimah; Qira'at'ul Quran; hadis 3522, daripada Abdullah bin Amru).

Penduduk Negeri Yaman sangat mencintai Muaz bin Jabal. Suatu hari, salah seorang penduduk Yaman berkata kepadanya,"Demi Allah! Aku mencintaimu kerana Allah. Tiga kali orang itu bercakap bahawa dia benar-benar mencintai Muaz kerana Allah. Mendengar perkataan itu, Muaz menjawab: "*Bergembiralah, kerana aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Allah SWT berfirman, "Aku mewajibkan cintaKu untuk orang-orang yang saling mencintai kerana Aku dan orang-orang yang duduk berdekatan kerana Aku*…" Rasulullah SAW mengajak manusia untuk memperolehi kecantikan zahir-batin dengan mengamalkan cara hidup takwa dan memperbaiki akhlak. Kerana sifat

takwa dan budi pekerti yang baik tersebut lebih banyak membawa manusia ke syurga. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah berkata, Rasulullah SAW ditanya:

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ فَقَالَ تَقْوَى اللَّهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ وَسُئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ فَقَالَ الْفَمُ وَالْفَرْجُ

Rasulullah SAW ditanya tentang sesuatu yang banyak memasukan manusia ke dalam syurga? Beliau menjawab, 'Takwa kepada Allah dan budi pekerti yang baik.' Beliau juga ditanya tentang sesuatu yang banyak memasukkan manusia ke dalam neraka? Beliau menjawab, 'Mulut dan kemaluan'.

Takrhij: (al-Tirmizi, kitab al-Birr wa al-Silatu al-Rahimah - Berbakti dan Silatu Rahim; hadis 2004, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini sahih gharib.

Perlu diinsafi oleh setiap orang, apabila melihat wajah sendiri cantik dan rupawan, maka hiasilah kecantikan zahir ini dengan menggandakan kebajikan dan akhlak mulia. Janganlah dikotori kecantikan wajah dan tubuh dengan pekerjaan maksiat dan mabuk cinta buta semata. Sebaliknya, contoh kehidupan para sahabat dan orang-orang soleh yang indah wajahnya seperti Jarir bin Abdullah, Muaz bin Jabal dan Usamah bin Zaid yang mengamalkan hidup takwa dan memiliki akhlak yang mulia.

MEMPERINDAH DIRI

Memperindah diri bermakna memperkemas diri dengan pelbagai cara bagi tujuan kebaikan. Memperindah diri juga menjaga kebersihan diri, berpakaian kemas, rapi, indah dan harum wangi. Memperindah diri bertujuan membina kekemasan diri, keselesaan, keindahan, mengembirakan kekasih hati. Memperindah diri boleh menyenangkan hati orang yang kita cintai dan menambah aura cinta. Dalam konteks gairah cinta, memperindah diri boleh menambah semangat perhubungan cinta, misalnya perasaan kasih sayang dan perasaan senang kepada orang yang dicintai. Biasanya seseorang yang sedang jatuh cinta selalu berusaha memperindah dirinya di hadapan kekasih.

Amalan memperindah diri boleh dikaitkan dengan menggunakan pakaian yang kemas, rapi dan memakai minyak wangi. Sesungguhnya dengan cara ini boleh menambah gairah cinta semasa bercinta. Lantaran itu, Rasulullah SAW sangat suka memakai minyak wangi dan menggunakan baju tangan panjang. Diriwayatkan dari Sabit, dari Anas berkata, Rasulullah SAW bersabda:

حُبِّبَ إِلَيَّ مِنْ الدُّنْيَا النِّسَاءُ وَالطِّيبُ وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ

Dijadikan kecintaanku dari dunia ada pada wanita dan ***minyak wangi****, dan dijadikan penyejuk hatiku ada dalam solat.*

Takhrij: (al-Nasai, kitab al-Nikah, al-Nisa' wa al-Tayyib; hadis 3878, daripada Anas bin Malik). Kedudukan hadis ini sahih.

Selain hadis ini, terdapat lain yang menjelaskan tentang perbezaan jenis minyak wangi yang digunakan oleh lelaki dan wanita. Diriwayatkan dari Sufyan, dari Al-Jurairi, dari Abu Nadhrah, dari Abu Hurairah berkata, Rasululllah SAW bersabda:

طِيبُ الرِّجَالِ مَا ظَهَرَ رِيحُهُ وَخَفِيَ لَوْنُهُ وَطِيبُ النِّسَاءِ مَا ظَهَرَ لَوْنُهُ وَخَفِيَ رِيحُهُ

Wangi-wangian kaum lelaki itu adalah yang jelas aromanya dan samar warnanya. Sedangkan wangi-wangian kaum wanita adalah yang jelas warnanya namun samar aromanya.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Adab, Tiib al-Rijal (Wangi Lelaki): hadis 2787, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini sahih.

Merujuk kedua hadis ini, menggunakan minyak wangi adalah disunnahkan dalam hubungan cinta manusia kepada Allah dan cinta terhadap sesama manusia. Kerana suruhan itu bertujuan untuk memberi keselesaan dalam hal memperindah diri, menambah dorongan cinta seseorang kepada orang yang dicintai. Sering kali para pemuda menggunakan minyak wangi ketika hendak berjumpa dengan wanita yang dicintainya. Sesungguhnya memperkemas diri dan minyak wangi boleh memberi keselesaan dalam hubungan cinta. Memperindah diri juga boleh dilakukan dengan menggunakan pakaian yang sentiasa bersih, baju tangan panjang yang berwarna putih. Aktiviti memperindah diri

dengan pakaian bersih, baju tangan panjang dan berwarna putih tidak hanya menggambarkan keindahan semata, tetapi ia juga melambangkan keindahan cinta. Sebagaimana diriwayatkan dari al-Bara berkata:

مَا رَأَيْتُ أَجْمَلَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَرَجِّلًا فِي حُلَّةٍ حَمْرَاءَ

Aku tidak pernah melihat yang lebih indah dari Rasulullah SAW yang turun dari kendaraannya dan berjalan kaki dengan memakai pakaian merah.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Libasun, hullatin hamra' (pakaian warna merah); hadis 2915, daripada Al-Bara'). Kedudukan hadis ini sahih. Terdapat juga dala riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim.

Menurut kedua hadis ini, antara amalan ringan yang boleh memperindah diri adalah memakai pakaian yang berwarna putih dan warna merah. Dengan memperindah diri, manusia dapat menjaga keharmonian semasa menjalin hubungan cinta.

Aktiviti memperindah diri boleh dilakukan dengan menggunakan baju berwarna putih yang baru. Kerana baju baru boleh menambah keyakinan diri, sehingga hidup seseorang menjadi lebih terhormat. Pernyataan ini selari dengan nasihat Rasulullah SAW kepada Umar. Sebagaimana diriwayatkan dari Ibnu Umar, sesungguhnya Rasulullah SAW melihat Umar memakai baju putih, maka beliau bertanya:

ثَوْبُكَ هَذَا غَسِيلٌ أَمْ جَدِيدٌ قَالَ لَا بَلْ غَسِيلٌ قَالَ الْبَسْ جَدِيدًا وَعِشْ حَمِيدًا وَمُتْ شَهِيدًا

*Baju kamu ini baru dicuci atau memang baru? Umar menjawab: tidak, tetapi baru dicuci. Beliau bersabda: '**pakailah baju baru**, hiduplah secara terhormat, dan matilah sebagai syahid.'*

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Libasun, al-Bas Jadidan (Pakaian Baru); hadis 2879, daripada Ibnu Umar). Kedudukan hadis ini sahih. Terdapat juga dalam riwayat Imam Bukhari dan Muslim.

Dalam hal kecantikan dan keindahan diri, Rasulullah SAW mencela seseorang yang kelihatan tidak kemas dan membiarkan rambutnya

tidak terurus. Rasulullah SAW menggambarkan rambut yang panjang kusut dan tidak disisir itu sebagai ***lalat.*** Sebagaimana diriwayatkan dari Wail bin Hujr berkata, Nabi SAW melihatku, sedangkan aku memiliki rambut yang panjang, maka beliau bersabda:

ذُبَابٌ ذُبَابٌ فَانْطَلَقْتُ فَأَخَذْتُهُ فَرَآنِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي لَمْ أَعْنِكَ وَهَذَا أَحْسَنُ

Lalat, lalat. *Maka aku melompat dan menangkapnya, dan Nabi SAW bersabda: 'aku tidak bermaksud menyakitimu, tetapi ini lebih baik'.*

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab Libasun, Sya'arun Tawiilun (Rambut Panjang); hadis 2947, daripada Wa'il bin Hujr). Kedudukan hadis ini sahih sanadnya.

Memperindah diri boleh dikaitkan dengan mencukur bulu kumis, memotong kuku, bersiwak,memasukkan air ke dalam lubang hidung, membersihkan sela-sela jari dan beristinja dengan air. Hal ini bertujuan untuk menjaga kebersihan anggota badan, dalam masa yang sama untuk memperindah diri di hadapan Allah dan manusia. Dengan usaha-usaha itu, manusia boleh menambah gairah cinta dan memberi keselesaan dalam hubungan cinta. Diriwayatkan dari al-Zuhri, dari Said bin al-Musayyab, dari Abu Hurairah berkata, Rasulullah SAW bersabda:

خَمْسٌ مِنْ الْفِطْرَةِ الِاسْتِحْدَادُ وَالْخِتَانُ وَقَصُّ الشَّارِبِ وَنَتْفُ الْإِبْطِ وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ

Ada lima hal yang termasuk fitrah: mencukur bulu kemaluan, khitan, ***mencukur kumis****, mencabut bulu ketiak dan* ***memotong kuku****.*

Takhrij: (al-Bukhari, kitab Libasun, waqas al-Syarib - mencukur kumis; hadis 5439, daripada Abu Hurairah).

Seseorang yang memperindah diri perlu mengikuti ajaran agama; jangan sekali-kali mengubah ciptaan Allah SWT, mencukur alis mata, mengikir gigi, melakukan pembedahan wajah, menggunakan rambut palsu, menukar jantina, menggunakan botok, menggunakan ilmu sihir dan bomoh-bomoh sesat. Kaum wanita diharamkan memperindah diri dengan tujuan untuk memikat hati lelaki bukan mahram, menggunakan

harum-haruman yang tajam sehingga lelaki menjadi tergoda, berpakaian ketat sehingga nampak bentuk tubuh, membuka aurat dan menggunakan cara-cara yang haram lainnya. Atau bersolek (*tabarruj*), kecuali hanya untuk suami isteri tercinta. Selain itu, memperindah diri tidak boleh secara berlebih-lebihan sehingga menghambur-hambur wang hanya untuk bersolek dan berdandan semata. Hal yang paling penting adalah jangan sampai timbul rasa ria, sombong dan membanggakan diri sendiri.

Sebagaimana wanita, lelaki juga disunnahkan memperindah diri. Dinasihatkan bagi lelaki selalu menjaga kebersihan diri dan pakaian, seperti mandi, bersiwak, menggunakan minyak wangi, memotong kuku, jenggot dan misai, menggunakan pakaian yang bersih, rapi, kemas semasa bekerja dan beribadah, menggunakan kasut, sentiasa menyisir keindahan rambut dan selalu menunjukkan akhlak yang baik di hadapan semua manusia. Demikian juga sentiasa menjaga lidah dari bercakap tidak berfaedah, kotor, lucah dan menjaga mata dari melihat pemandangan yang merosak. Semua ini untuk keelokan dan keindahan diri sendiri dan menyenangkan hati orang-orang di sekeliling kita, terutama di pejabat dan pergaulan dengan masyarakat ramai.

Untuk keindahan diri,setiap lelaki dan wanita ditekankan supaya berpakaian bersih, kemas, rapi, wangi dan indah; kerana semua itu akan mempengaruhi minda, sikap dan gairah cinta. Bahkan ketika suami isteri hendak melakukan hubungan seks, disunnahkan isteri bersolek dengan memperindah diri dan menggunakan wangi-wangian. Demikian juga suami untuk melakukan hal sama. Kerana keindahan dan bau-bauan harum akan menambah keindahan hubungan cinta suami isteri.

TELADAN CINTA

Di Serian ada seorang lelaki yang sederhana dan alim. Lelaki ini dikenali sebagai Abi. Abi sangat kuat mengerjakan ibadah, ahli al-Quran dan berilmu tinggi. Abi terkenal sangat warak kehidupannya. Suatu hari Abi pergi ke Tabuan Jaya, Kuching. Di sini Abi melihat seorang gadis yang sangat cantik. Setelah diselidiki gadis itu bernama Athirah.Abi sangat tertarik dengan Athirah, kerana dia seorang gadis cantik dan fasih membaca al-Quran. Athirah juga seorang gadis yang solehah yang selalu menjadi primadona. Lantaran itu, Abi jatuh cinta. Kemudian Abi pergi ke rumah Athirah itu, mengutus seseorang untuk melamar Athirah kepada ayahnya. Setelah membaca surat lamaran Abi, Athirah bersetuju menerima lamaran cinta Abi. Singkat kata, Athirah

juga ternyata suka kepada Abi dan sangat mencintainya. Bermulalah perasaan cinta bersemayam di dalam dada kedua-duanya. Malangnya, Athirah sudah dilamar secara sembunyi oleh sepupunya melalui ayahnya. Sedangkan keduanya sudah terlanjur saling mencintai. Kedua-duanya sering mengalami gangguan emosi, hasrat cinta yang membara dan tekanan penderitaan rindu. Lalu Athirah mengirim sepucuk surat kepada salah seorang utusan kepada kekasihnya itu, yang berisi: 'Aku mengetahui betapa panasnya asmaramu kepadaku. Amat berat cubaan bagimu kerana aku. Jika kamu mahu, aku dapat datang menemuimu. Atau jika kamu mahu, aku juga dapat memberikan jalan yang mudah untuk datang menemuiku di rumahku. Cintaku kepadamu juga sentiasa membara; terlalu sukar aku menafikan hak cintamu kepadaku. Rinduku kepadamu selalu membayangi cinta kita berdua'. Setelah membaca surat itu, kemudian Abi berkata kepada utusan itu: '*tidak satupun yang aku pilih dari dua keburukan itu*'.

قُلْ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ٥١

Katakanlah: 'Sesungguhnya aku takut akan azab hari yang besar (hari kiamat), jika aku menderhakai Tuhanku'.

(Surah al-An'am 6 : 15).

Abi berkata kepada utusan itu dengan membaca firman Allah, pada surah al-An'am ayat 15 itu, 'Aku takut akan azab hari yang besar (kiamat), jika aku menderhakai Tuhanku'.

Ketika utusan itu menyampaikan jawaban Abi kepada gadis pujaan hatinya itu, Athirah berkata, "Dalam keadaan seperti ini, desakan cinta yang bergelora, dia masih takut kepada Allah? Demi Allah! Tidak akan ada seorang pun yang merasa lebih berhak dari orang lain untuk takut kepada Allah. Sebab, hanya hamba-hamba Allah SWT yang dapat bersama dalam hal ini". Lalu dia melepas dunianya, menjauhi segala perhiasannya dan hasrat hawa nafsunya. Dia hanya beribadah kepada Allah SWT serta membujang. Namun rasa rindu dan cintanya kepada Abi menjadikannya kurus kering. Sehingga membawa kepada kewafatannya. Setelah dia wafat, Abi datang berziarah ke kuburnya, dia menangis dan berdoa untuk gadis itu. Pada suatu hari, Abi mengantuk di kuburnya sehingga tertidur. Kemudian Abi bermimpi melihat Athirah dalam keadaan yang sangat cantik. Athirah bertanya kepadanya, "Bagaimana khabarmu?" Apakah yang kamu lakukan

setelah kematianku?" Athirah lalu bersenandung lagu:

Cinta yang terbaik, wahai kekasihku adalah cintamu

Cinta yang memandu kepada kebaikan dan keindahan cinta kita

Abi bertanya, "Kamu pergi ke mana?"

Athirah menjawab, "Kepada kenikmatan dan kehidupan yang abadi

Di syurga yang kekal, kepada Sang Raja yang tiada hancur

Kemudian Abi berkata: "Ingatlah aku di sana. Kerana aku tidak pernah melupakanmu". Athirah menjawab: "Demi Allah! Aku juga tidak pernah melupakanmu. Aku telah bermohon kepada Tuhan kita, agar Dia mengumpulkan kita bersama lagi. Bantulah aku dengan usaha kerasmu". Lalu Abi bertanya, "Bilakah aku dapat melihatmu lagi?" Athirah menjawab: "Kamu akan datang kepada kami sebentar lagi". Setelah mimpi itu, Abi hanya tujuh malam hidup di dunia. Kemudian Abi wafat dan Allah SWT merahmatinya.

GAIRAH CINTA GADIS

Cinta seorang gadis kepada lelaki lebih istimewa. Cinta gadis lebih indah, menarik dan bergelora. Cinta seorang gadis lebih bertenaga dan membahana. Oleh itu, seorang lelaki lebih utama mencari cinta seorang gadis dan kahwin dengan seorang gadis. Disebabkan gadis mempunyai banyak keistimewaan dibandingkan dengan janda atau wanita yang pernah berkahwin.

Bercinta dengan gadis menambah perasaan cinta; bercinta dengan gadis menambah gairah cinta; bercinta dengan gadis meningkatkan aura cinta; bercinta dengan gadis menjadikan hubungan cinta lebih mesra.

Gairah cinta seorang gadis kepada lelaki yang dicintainya lebih indah dan banyak diselingi dengan canda-tawa dan manja. Apabila seorang gadis telah jatuh cinta dan mencintai lelaki yang dicintainya, maka cinta seorang gadis itu amat istimewa. Diyakini cinta seorang gadis itu akan membina mahligai cinta. Maka berbahagialah lelaki yang memperolehi cintaseorang gadis, kerana gairah cinta gadis itu akan sentiasa berada di dalam jiwanya. Dalam konteks keutamaan cinta seorang gadis, diriwayatkan dari Aisyah ra, Rasulullah SAW pernah ditanya oleh Aisyah dengan untaian cinta seperti berikut:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ لَوْ نَزَلْتَ وَادِيًا وَفِيهِ شَجَرَةٌ قَدْ أُكِلَ مِنْهَا وَوَجَدْتَ شَجَرًا لَمْ يُؤْكَلْ مِنْهَا فِي أَيِّهَا كُنْتَ تُرْتِعُ بَعِيرَكَ قَالَ فِي الَّذِي لَمْ يُرْتَعْ مِنْهَا تَعْنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَتَزَوَّجْ بِكْرًا غَيْرَهَا

Wahai Rasulullah, bagaimanakah sekiranya Anda singgah di suatu lembah, dan di dalam lembah itu ada pohon yang buahnya telah dimakan, lalu Anda mendapatkan satu pohon yang buahnya belum di makan, maka pada pohon manakah Anda akan menambatkan Unta Anda? beliau pun menjawab: "Pada pohon yang belum disentuhnya." Maksudnya, adalah bahawa Rasulullah SAW belum pernah menikahi gadis selainnya.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Nikah, al-Fadilah al-Bikr - Keutamaan Gadis; hadis 4687, daripada Aisyah).

Maksud pertanyaan Aisyah kepada Rasulullah SAW menjelaskan bahawa dirinya satu-satu wanita yang dinikahi dalam keadaan masih gadis. Maknanya keutamaan cinta seorang gadis kepada Rasulullah SAW selalu berkobar-kobar dalam melaksanakan hubungan cinta. Mungkin inilah salah sebab mengapa Aisyah memiliki emosi sangat cemburu kepada isteri-isteri Rasulullah SAW yang lain.

Banyak riwayat yang menjelaskan keutamaan Aisyah dan kecintaan Rasulullah SAW kepadanya. Aisyah ra meriwayatkan bahawa dirinya pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda sebelum baginda SAW wafat di pangkuannya:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَأَلْحِقْنِي بِالرَّفِيقِ

Ya Allah, berikanlah rahmat kepadaku dan pertemukanlah aku dengan kekasihku.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Fadilah al-Sahabah, keutamaan Aisyah; hadis 1670, daripada Aisyah).

Rasulullah SAW amat mencintai Aisyah dan Aisyah juga amat mencintai Rasulullah. Aisyah merupakan satu-satunya isteri baginda SAW yang dinikahi dalam keadaan masih gadis dan muda. Sehingga gairah cinta Rasulullah SAW lebih banyak tertumpu kepadanya. Oleh itu, amat wajar ketika hendak wafat Rasulullah SAW meminta izin

kepada semua isterinya supaya sentiasa berada di sisi Aisyah. Akhirnya memang Rasulullah SAW wafat di pangkuan Aisyah. Sebagaimana fakta hadis. Diriwayatkan dari Aisyah berkata: ketika Rasulullah SAW berada dalam keadaan sihat wal afiat, beliau bersabda, 'Sesungguhnya seorang nabi tidaklah diwafatkan hingga diperlihatkan kepadanya tempatnya di syurga lalu dia dipersilahkan untuk memilih: Aisyah berkata:

فَلَمَّا نَزَلَ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَأْسُهُ عَلَى فَخِذِي غُشِيَ عَلَيْهِ سَاعَةً ثُمَّ أَفَاقَ فَأَشْخَصَ بَصَرَهُ إِلَى السَّقْفِ ثُمَّ قَالَ اللَّهُمَّ الرَّفِيقَ الْأَعْلَى

Ketika malaikat pencabut nyawa datang kepada Rasulullah, ***kepala beliau berada di pangkuan saya****, maka Rasulullah pingsan beberapa saat. Tak lama kemudian dia sedar kembali. Setelah itu, beliau tatap pandangan ke atas sambil mengucapkan, 'Ya Allah, pertemukanlah aku dengan kekasihku.*

Takhrij: (Muslim, kitab al-Fadilah al-Sahabah, keutamaan Aisyah; hadis 1671, daripada Aisyah).

HUBUNGAN CINTA BERTERUSAN KE SYURGA

Hubungan cinta yang mulia tidak hanya dinikmati di dunia semata, tetapi ia akan berkelanjutan sehingga ke akhirat. Perasaan cinta seorang lelaki kepada wanita akan berterusan sehingga ke akhirat. Demikian juga perasaan cinta seorang wanita kepada lelaki akan berterusan di akhirat kelak. Hubungan cinta malah semakin intim dan mempersona sekiranya lelaki dan wanita itu ikhlas saling mencintai serta memelihara kemuliaan hubungan cinta semasa di dunia. Demikian juga perasaan bahagia lelaki dan wanita yang bercinta itu semakin bertambah setelah keduanya berjumpa di akhirat. Lelaki yang soleh mencintai wanita akan menjadi bidadara kepada wanita yang dicintainya; sebaliknya wanita yang mencintai lelaki itu akan menjadi bidadari kepada lelaki yang dicintainya.

Keindahan cinta ternyata berkekalan sehingga ke syurga. Lelaki yang konsisten mempertahana kemuliaan cinta; menjaga adab cinta dan benar-benar mencintai wanita kerana agama; kemudian kedua

berkahwin membina mahligai cinta dunia sambil mencari keredhaan Tuhan; keduanya sama-sama saling mencintai; saling menjaga kesetiaan cinta; berikrar memelihara hubungan cinta sehingga ke hari tua. Demi kemuliaan cinta, keduanya bersedia menjadi suami isteri yang bertakwa, mengamalkan gaya cinta yang dipandu oleh ajaran agama. Hubungan cinta seperti ini yang akan membawa kebahagiaan cinta yang luar biasa. Inilah kebahagiaan cinta yang berkekalan untuk selama-lamanya; kerana ia akan menjelma lagi di syurga.

Selama di dunia para aktivis cinta hakiki selalu berjaya mengawal segala hawa nafsu syahwatnya sehingga menunggu kedatangan hari berbangkit dengan kesabaran yang tinggi dan berterusan mengerjakan segala kebaikan. Inilah keindahan jiwa menanti janji-janji pasti yang diberitakan al-Quran. Disebabkan wajah cinta merupakan satu keindahan, maka keindahan yang tertinggi dan paling agung ada di syurga. Oleh itu, orang-orang mukmin sentiasa berusaha mengejar keindahan yang hakiki itu. Mereka memperindah dirinya di dunia dengan amalan kebaikan untuk mendapatkan keindahan Yang Maha Indah di syurga yang abadi.

Keindahan cinta hakiki ini mampu dicapai oleh individu yang jiwanya bersih, melengkapi dirinya dengan akhlak mulia dan sifat takwa. Model cinta seperti ini akan menghantar lelaki dan wanita itu melanjutkan hubungan cinta keduanya di syurga. *Subhanallah*! Demikianlah indah dan mulianya cinta. Banyak ayat al-Quran yang menggambarkan keindahan syurga; penghuninya terdiri dari para bidadari dan bidadara. Wajah-wajah penghuni syurga sentiasa berseri-seri, sangat indah, rupawan dan selalu gembira. Kebahagiaan cinta di syurga; para lelaki penghuni syurga akan disambut oleh para bidadari yang sentiasa gadis.

Orang-orang yang mendapat keindahan syurga akan ditemani dan dilayani oleh bidadari-bidadara yang berwajah cantik, sentiasa gadis, suci dan selalu bersedia memberi pelayanan hubungan cinta. Sebagaimana fakta ayat:

فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ٢١ ثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأَوَّلِينَ ٣١ وَقَلِيلٞ مِّنَ ٱلۡأٓخِرِينَ ٤١ عَلَىٰ
سُرُرٖ مَّوۡضُونَةٖ ٥١ مُّتَّكِـِٔينَ عَلَيۡهَا مُتَقَٰبِلِينَ ٦١ يَطُوفُ عَلَيۡهِمۡ وِلۡدَٰنٞ
مُّخَلَّدُونَ ٧١ بِأَكۡوَابٖ وَأَبَارِيقَ وَكَأۡسٖ مِّن مَّعِينٖ ٨١ لَّا يُصَدَّعُونَ عَنۡهَا

وَلَا يُنزِفُونَ ١٩ وَفَٰكِهَةٍ مِّمَّا يَتَخَيَّرُونَ ٢٠ وَلَحْمِ طَيْرٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ
٢١ وَحُورٌ عِينٌ ٢٢ كَأَمْثَٰلِ ٱللُّؤْلُؤِ ٱلْمَكْنُونِ ٢٣

Berada dalam syurga kenikmatan. Segolongan besar dari orang-orang yang terdahulu. Dan segolongan kecil dari orang-orang yang kemudia. Mereka berada di atas dipan yang bertahta emas dan permata. Seraya duduk di atasnya berhadap-hadapan. Mereka dikelilingi oleh anak-anak muda yang tetap muda. Dengan membawa gelas, cerek dan minuman yang diambil dari air yang mengalir. Mereka tidak pening kerananya dan tidak pula mabuk.Dan buah-buahan dari apa yang mereka pilih. Dan daging burung dari apa yang mereka inginkan. Dan ada bidadari-bidadari bermata jeli.laksana mutiara yang tersimpan baik.

(Surah al-Waqi'ah 56 : 12-23).

Demikian mulianya nilai cinta; ia akan berterusan sehingga ke syurga. Hati yang telah dikotori oleh keindahan zahir dunia, kecintaan kepada kebendaan dankecantikan zahir wanita, tidak akan mampu menghayati makna-makna ayat ini. Walaupun al-Quran telah menggambarkan kehidupan syurga yang penuh dengan keindahan yang luar biasa, tetapi terdapat juga hadis-hadis Rasulullah SAW memberi penjelasan secara terperinci terhadap ayat-ayat mengenai bidadari dalam al-Quran.

Keindahan cinta di akhirat digambarkan dalam banyak hadis, antaranya dijelaskan pakaian orang-orang di dalam syurga tidak pernah kusut dan sentiasa kelihatan awet muda. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah, dari Nabi SAW bersabda:

مَنْ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ يَنْعَمُ لَا يَبْأَسُ لَا تَبْلَى ثِيَابُهُ وَلَا يَفْنَى شَبَابُهُ.

Orang yang masuk syurga itu selalu berada dalam kenikmatan tanpa ada kesedihan. Pakaiannya tidak pernah kusut dan sentiasa awet muda.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Sifatu al-Jannah, Ahlu Jannah; hadis 1973, daripada Abu Hurairah).

Dijelaskan dalam hadis sesungguhnya syurga dibangun dari batu bata yang terbuat dari perak dan emas, sedangkan pelapurnya adalah minyak misik yang sangat harum; kerikilnya terbuat dari mutiara dan yaqut, dan tanahnya adalah zafaran. Fakta ini selari dengan riwayat Abu

Hurairah ra seraya bertanya: *Ya Rasulullah, syurga terbuat dari apa*?

الْجَنَّةُ مَا بِنَاؤُهَا قَالَ لَبِنَةٌ مِنْ فِضَّةٍ وَلَبِنَةٌ مِنْ ذَهَبٍ وَمِلَاطُهَا الْمِسْكُ الْأَذْفَرُ وَحَصْبَاؤُهَا اللُّؤْلُؤُ وَالْيَاقُوتُ وَتُرْبَتُهَا الزَّعْفَرَانُ مَنْ دَخَلَهَا يَنْعَمُ لَا يَبْأَسُ وَيَخْلُدُ لَا يَمُوتُ لَا تَبْلَى ثِيَابُهُمْ وَلَا يَفْنَى شَبَابُهُمْ

Syurga dibangun dari batu bata yang terbuat dari perak dan emas, sedangkan pelapurnya adalah minyak misik yang sangat harum; kerikilnya adalah mutiara dan yaqut, dan tanahnya adalah zafaran. Sesiapa yang masuk ke dalamnya, maka dia akan merasa nikmat dan tidak merasa sengsara, kekal dan tidak akan mati, pakaiannya tidak rosak, dan keremajaannya tidak luntur (punah).

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Sifatu al-Jannah, AhluJannah; hadis 2526, daripada Abu Hurairah).

Merujuk kedua hadis ini keindahan cinta di syurga luar biasa; lelaki sentiasa perkasa dan sifat remajanya berkekalan. Demikian juga perempaun, sentiasa gadis. Lantaran itu, hubungan cinta di syurga bertambah indah dan bahagia selama-lamanya. Keindahan cinta di syurga tidak hanya terhenti di sini, tetapi setiap orang sentiasa ditemani para bidadara-bidadari syurga. Abu Said meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ زُمْرَةٍ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ضَوْءُ وُجُوهِهِمْ عَلَى مِثْلِ ضَوْءِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ وَالزُّمْرَةُ الثَّانِيَةُ عَلَى مِثْلِ أَحْسَنِ كَوْكَبٍ دُرِّيٍّ فِي السَّمَاءِ لِكُلِّ رَجُلٍ مِنْهُمْ زَوْجَتَانِ عَلَى كُلِّ زَوْجَةٍ سَبْعُونَ حُلَّةً يُرَى مُخُّ سَاقِهَا مِنْ وَرَائِهَا

Sesungguhnya raut wajah kumpulan pertama yang masuk syurga pada hari kiamat adalah seperti sinar rembulan pada malam bulan purnama. Sedangkan kumpulan kedua seperti sebaik-baik bintang yang bercahaya di langit. Setiap lelaki dari mereka memiliki dua isteri. Masing-masing isteri itu memiliki tujuh puluh pakaian (perhiasan), dan sumsum betisnya terlihat dari balik pakaiannya itu.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Sifatu al-Jannah, Ahlu Jannah; hadis 2535, daripada Abu Said). Kedudukan hadis ini hasan sahih.

Rasulullah SAW bersabda:

أَهْلُ الْجَنَّةِ جُرْدٌ مُرْدٌ كُحْلٌ لَا يَفْنَى شَبَابُهُمْ وَلَا تَبْلَى ثِيَابُهُمْ

Ahli syurga itu halus kulitnya, selalu terlihat muda, bercelak mata, tidak pudar kemudaannya (awet muda), dan tidak rosak pakaiannya.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab al-Sifatu al-Jannah, Ahlul Jannah; hadis 2539, daripada Abu Hurairah). Kedudukan hadis ini hasan.

Kecantikan bidadari digambarkan sebagai bermata bulat yang sangat menawan. Biji mata hitamnya sangat pekat dan kulitnya sangat putih bersih berseri. Bulu matanya sangat hitam dan panjang. Allah SWT menyatakan mereka sebagai *khairat* (kebaikan dan keindahan) yang tiada tolok bandingannya. Maknanya bidadari itu indah zahir-batinnya, sempurna fizikal dan akhlaknya, wajahnya amat cantik sehingga menawan hati. Dijelaskan dalam al-Quran, para bidadari itu sentiasa bersih, suci dan perawan.

Para bidadari itu sentiasa suci, bersih dari haid, kemeh dan kotoran lainnya. Mereka sentiasa memiliki hati yang bersih dari rasa cemburu, berbuat derhaka dan menggoda lelaki lain. Mereka sentiasa perawan, gadis dan memperlihatkan keindahan wajahnya untuk suaminya. Seluruh kecantikan fizikal dan wajahnya hanya untuk melayani suami semata. Dijelaskan al-Quran, bahawa para bidadari itu para wanita cantik yang tidak liar matanya. Sebagaimana Allah berfirman:

وَعِندَهُمْ قَٰصِرَٰتُ ٱلطَّرْفِ عِينٌ ٤٨ كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكْنُونٌ ٤٩

Di sisi mereka ada bidadari-bidadari yang tidak liar pandangannya dan jelita matanya. Seakan-akan mereka adalah telur (burung unta) yang tersimpan dengan baik.

(Surah al-Saffat 37 : 48-49).

Sifat bidadari-bidadari di syurga sentiasa perawan, suci dan tidak pernah disentuh oleh mana-mana manusia dan jin melainkan hanya untuk pasangannya.

فِيهِنَّ قَٰصِرَٰتُ ٱلطَّرْفِ لَمْ يَطْمِثْهُنَّ إِنسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جَآنٌّ ٦٥

Di dalam syurga itu ada bidadari-bidadari yang sopan menundukkan pandangannya, tidak pernah disentuh oleh manusia sebelum mereka (penghuni-penghuni syurga yang menjadi suami mereka), dan tidak pula oleh jin.

(Surah al-Rahman 55 : 56).

Ayat al-Quran juga ada menggunakan istilah *urub*, bermakna bidadari yang sangat manis wajahnya, khasnya dari penampilannya, kesetiaan, sangat cinta kepada suaminya, amat manja, indah rayuannya dan sentiasa mengembirakan hati suaminya. Dalam surah al-Waqiah ayat 37 disebutkan sebagai *atrab* bermakna berusia sama pada saat menjadi pemuda.

Allah SWT sering menyamakan bidadari-bidadari dengan mutiara yang tersimpan rapi, telur yang tersimpan kemas, *yaqut* dan *marjan*. Dari mutiara dapat diambil kemurnian, warna putihnya yang indah dan lembut permukaan kulitnya. Telur yang tersimpan rapi dan terpelihara dapat diandaikan sebagai belum pernah disentuh oleh tangan, warna putih yang asli dan tercampur sesuatu yang dapat memperindahnya, berupa warna kuning. Berlainan dengan warna putih pekat, yang keterlaluan putihnya (*albino*). Sementara, dari *yaqut* dan *marjan* dapat diambil indah warnanya yang murni, yang tercampur warna kemerahan. Perhatikan bagaimana indahnya bahasa yang digunakan oleh al-Quran ketika menjelaskan situasi bidadari. Jiwa orang-orang mukmin akan terpesona dan tergerak hasratnya untuk mendapatkannya. Apabila tidak ada getaran jiwa dan hasrat untuk mendapatkannya, maka itu suatu tanda keimanan seseorang itu telah rosak dan hatinya telah dipenuhi oleh bintik-bintik hitam berupa dosa.

Subhanallah! Kalau demikian indahnya kehidupan syurga, perhiasan yang melengkapi dan kenikmatan yang tiada tolok bandingannya ini ternyata benar-benar membuka matahati manusia yang menghendakinya. Mudah-mudahan penulis dan pembaca buku ini terpesona; lalu mengamalkan hubungan cinta yang mulia.

Dijelaskan dalam firman Allah bahawa orang-orang yang beriman dan banyak mengerjakan amal kebaikan, Allah SWT akan memasukkan mereka ke dalam syurga dengan penuh kegembiraan. Sepertimana Allah berfirman:

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَهُمۡ فِي رَوۡضَةٖ يُحۡبَرُونَ ٥١

Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, maka mereka di dalam taman (surga) bergembira.

(Surah al-Rum 30 : 15).

Ahli tafsir menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan bergembira dalam ayat 15 ini adalah para penghuni syurga dihiburkan oleh isteri-isteri mereka dengan pelbagai lagu penghibur. Penghuni-penghuni syurga selain mendapat pelayanan, hiburan dari bidadari-bidari, mereka juga mengadakan hubungan seks dengan isteri-isteri mereka yang menjadi bidadari-bidadari di syurga.

Rasulullah SAW bersabda: "Demi yang telah mengutusku dengan kebenaran. Kamu di dunia tidak lebih mengetahui isteri-isteri kamu dan tempat-tempat tinggal kamu dari penghuni syurga terhadap isteri-isteri mereka dan tempat-tempat tinggal mereka. Seorang lelaki di antara mereka menyetubuhi tujuh puluh dua isteri (bidadari) yang diciptakan oleh Allah SWT. Dia juga menyetubuhi dua orang isterinya yang merupakan anak Adam (manusia biasa). Keduanya lebih utama dari bidadari yang diciptakan Allah SWT kerana ibadah mereka kepada Allah SWT semasa di dunia. Lelaki itu menyetubuhi wanita pertama di sebuah ruangan dari batu Yaqut. Di atas sebuah ranjang yang terbuat dari emas yang bertatahkan mutiara. Di atasnya ada tujuh puluh isteri pada sutera yang tebal dan tipis. Lelaki itu meletakkan tangannya di antara kedua pundak isterinya (yang manusia biasa). Dia dapat melihat tangannya dari dada isterinya, juga dari balik pakaiannya, kulitnya dan dagingnya. Dia juga dapat melihat sumsum tulang betisnya. Seperti salah seorang kalian yang dapat melihat benang pada untaian ranting *yaqut*. Hatinya adalah cermin untuk suaminya. Dia tidak pernah bosan saat bersama isterinya. Isterinya juga tidak pernah bosan bersamanya. Setiap kali dia menyetubuhinya, isterinya (bidadari) sentiasa berada dalam keadaan gadis (perawan). Penisnya tidak pernah lelah (lemah). Faraj isterinya juga tidak pernah mengeluh sakit. Ketika dia sedang bersetubuh, ada dua orang yang berkata: "Kami tahu bahawa kamu dan isterimu tidak pernah jemu. Namun tidak ada air mani lelaki dan air mani perempuan. Juga masih ada isteri-isteri lain selain dia". Lalu dia keluar menyetubuhi isteri-isterinya yang lain satu persatu. Setiap isteri yang disetubuhi selalu berkata: "Demi Allah! Di syurga ini tiada sesuatu yang lebih baik darimu. Tidak ada yang lebih aku cintai di syurga ini selain daripada kamu". Hadis ini merupakan ringkasan dari satu hadis yang sangat panjang yang diriwayatkan oleh Ismail bin Rafi'.

Sementara dalam Jami' al-Tirmizi, dari riwayat Qatadah, dari Anas bin Malik berkata, Rasulullah SAW bersabda:

يُعْطَى الْمُؤْمِنُ فِي الْجَنَّةِ قُوَّةَ كَذَا وَكَذَا مِنْ الْجِمَاعِ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوَ يُطِيقُ ذَلِكَ قَالَ يُعْطَى قُوَّةَ مِائَةٍ

Seorang mukmin di syurga nanti dianugerahi kekuatan seperti ini dan seperti ini dalam berjima' (bersetubuh). Ada seorang sahabat bertanya, Wahai Rasulullah! Apakah dia mampu memanfaatkan kekuatannya itu? Beliau menjawab, Dia diberikan kekuatan seratus orang bidadari.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab Sifatul Jannah, al-Jima'; hadis 2536, daripada Anas bin Malik). Kedudukan hadis ini hasan sahih.

Menurut hadis ini, seorang lelaki akan dihiburkan dengan 100 orang bidadari bagi mengadakan hubungan jimak. Kerana setiap seorang lelaki akan diberi kemampuan dan kekuatan untuk melakukannya.

Demikianlah indahnya kehidupan cinta di syurga. Oleh itu, orang-orang beriman sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki dirinya, istiqamah mempertahankan keimanan, meningkatkan ketakwaan, berjihad di jalan Allah, mensucikan jiwa dengan memperbanyak zikir, istighfar, mujahadah serta menggandakan amal soleh dalam semua keadaan.

Terdapat suatu riwayat yang mengatakan di antara suami isteri di syurga ada yang menginginkan anak dalam hubungan mereka. Sebagaimana diriwayatkan oleh Amir al-Ahwal, dari Abu al-Sidiq al-Naji, dan dari Abu Said al-Khudri berkata, Rasulullah SAW bersabda:

الْمُؤْمِنُ إِذَا اشْتَهَى الْوَلَدَ فِي الْجَنَّةِ كَانَ حَمْلُهُ وَوَضْعُهُ وَسِنُّهُ فِي سَاعَةٍ كَمَا يَشْتَهِي

Jika seorang mukmin bersetubuh (ingin memiliki) anak di syurga. maka kehamilannya, kelahirannya dan kesempurnaan umurnya hanya dalam sesaat seperti ketika dia bersetubuh.

Takhrij: (al-Tirmizi, kitab Sifatul al-Jannah, al-Sifatu al-Jima' fi al-Jannah-sifat Jimak di Syurga; hadis 2563, daripada Abu Said al-Khudri).Kedudukan hadis ini hasan sahih.

Demikianlah indahnya cinta; dengan kemuliaan cinta itu mendorong lelaki dan wanita untuk konsisten memelihara gairah cinta sehingga hari tua. Harga cinta terlalu mahal, suci dan mulia. Oleh itu, ia tidak boleh dibeli dengan harta dunia dan kuasa, tetapi ia harus diperolehi dengan *maqam cinta* yang paling tinggi. Maqam cinta yang paling tinggi itu hanya wujud dalam ekspresi cinta kepada Allah, cinta Rasulullah SAW dan mencintai kekasih hanya kerana Allah. Dengan aktiviti cinta seperti ini akan menghantar lelaki dan wanita yang bercinta berterusan sehingga ke syurga.

BAB 6
MANTERA CINTA

Bab ini membincangkan hal mantera cinta dan perlbagai persoalan cinta. Perbincangan lebih fokus merungkaikan pelbagai persoalan cinta ditinjau dari aspek psikologi. Antara fokus perbincangan merangkumi bagaimana memikat hati seorang wanita; merungkaikan perasaan cinta; menjelaskan fenomena jatuh cinta; menjelaskan ayat-ayat cinta; bermadah cinta; ikrar cinta dan perkahwinan kerana cinta.

Selain itu, kandungan mantera cinta juga berisi penjelasan mengenai mantera-mantera cinta berupa ilmu pengasih, melembutkan hati lelaki dan wanita serta pelbagai doa cinta. Semua mantera cinta ini bertujuan untuk memikat hati kekasih, menambah rasa kasih sayang dan perasaan cinta kepada pasangan. Oleh itu, setiap lelaki dan wanita sentiasa dinasihatkan supaya dapat mengamalkan mantera cinta ini untuk keperluan cinta; mendapatkan cinta, menambah perasaan kasih dan mengekalkan perhubungan cinta yang ikhlas dan berkekalan. Menurut orang-orang alim, mantera cinta bertujuan untuk mendapatkan cinta sejati, memikat hati kekasih dengan cara kebaikan dan kasih sayang sehingga apabila perasaan cinta timbul benar-benar ikhlas dan bersumber dari Rahmat Allah. Oleh itu, di dalam mantera cinta terdapat doa-doa khas untuk mengekalkan hubungan cinta yang bahagia dan berterusan sehingga terjelma dalam suatu perkahwinan. Kemudian perkahwinan yang membawa kebahagiaan dunia dan akhirat.

MEMIKAT HATI WANITA

Dari perspektif psikologi, wanita adalah insan yang memiliki tingkat emosional yang tinggi dibandingkan dengan lelaki (Tulving, 1993). Sifat

emosional yang tinggi pada seorang wanita, tidak boleh dinilai sebagai satu kelemahan semata; akan tetapi ia merupakan satu ciri khas seorang wanita yang telah dibekali oleh Pencipta bagi keperluan pendidikan kanak-kanak (Abang Ishar Abang Yaman, 2022). Sememangnnya seorang wanita itumemiliki perasaan yang sangat halus, sensitif, mudah tersinggung, mudah merajuk, ego dan mudah menangis (Abang Ishar Abang Yaman, 2022). Kadangkala juga seorang wanita bersifat keras kepala, tidak mahu berbagi kasih dan ego sentris. Oleh itu, seorang wanita amat sukar menerima hakikat bahawa seorang lelaki boleh kahwin dua, tiga dan empat. Apabila seorang lelaki membincangkan hal lelaki boleh kahwin lebih dari satu orang di depan wanita; maka wanita akan segera melenting dan marah kepada lelaki itu.

Sungguhpun wanita memiliki tingkat emosional yang tinggi, ego, sensitif, mudah merajuk dan mudah menangis; akan tetapi wanita juga memiliki pelbagai sifat superior dan pelbagai kelebihan lain. Dalam konteks cinta, wanita merupakan insan yang paling setia kepada janji cinta; sedangkan lelaki lebih banyak yang munafik dalam bercinta. Dalam konteks perasaan cinta; wanita agak lambat menerima surat jawaban cinta dan memiliki perasaan cinta kepada seorang lelaki. Namun bila cinta telah bersemi di dalam dadanya, maka ikrar cinta seorang wanita lebih ikhlas dan bertahan lama. Oleh sebab itu, apabila wanita telah menerima surat lamaran cinta dan telah menerima cinta seorang lelaki, tingkat kesetiaan wanita tidak akan mudah luntur. Wanita akan mencinta lelaki itu sepenuh jiwa raganya, dia tidak akan mahu melepaskan cintanya dan wanita itu sanggup berjuang mempertahan cintanya kepada lelaki yang menjadi kekasihnya. Perasaan cinta wanita kepada lelaki yang dicintainya sentiasa bergelora. Oleh itu, mengenai cinta, wanita lebih setia, kuat memegang janji cinta dan jarang bersifat munafik dalam bercinta. Sedangkan lelaki amat mudah jenuh dalam bercinta. Ketika menggoda wanita; lelaki sanggup berbuat apa sahaja demi untuk mendapatkan cinta wanita; tetapi apabila wanita telah menerima cintanya; maka lelaki lebih banyak tertawa dan gembira. Sedangkan wanita lebih banyak menangis dan menderita kerana cinta. Dalam masa yang sama, seorang lelaki sanggup membawa muka tebal, tidak malu dan terus menerus menggoda wanita yang diinginkannya; tetapi bila cintanya telah diterima, maka lelaki itu merasa bangga dan bahagia. Namun dalam masa yang sama, seorang lelaki amat mudah munafik dalam bercinta. Ketika wanita telah menerima cintanya

dan berjanji mempertahankan cintanya; seorang lelaki kadangkala mudah mengkhianati cinta wanita yang telah menerimanya. Bahkan lelaki itu amat mudah menduakan cinta wanita yang telah menerima cintanya. Lelaki seperti ini munafik dalam bercinta. Lelaki seperti ini menyebabkan wanita itu menyimpan perasaan trauma dalam bercinta.

Dalam hal ekspresi cinta, wanita bersifat ego, sukar digoda, jual mahal, banyak sikap berpura-pura dan bergaya. Oleh itu, seorang lelaki perlu bersifat sabar dan perlu memikat hati seorang wanita dengan pelbagai cara. Untuk memikat hati wanita, seorang lelaki perlu terus berusaha memikat hati wanita itu dengan cara yang lemah lembut, santun dan berbuat baik kepada wanita itu. Jangan sekali-kali menyakiti hatinya, menyinggung perasaannya dan bersikap kasar terhadapnya.

Sekiranya wanita yang hendak dipikat itu bersikap kasar, keras dan sombong kepada kita; jangan dibalas sikap buruknya itu; sebaliknya tetap berhati lapang, sabar, tabah dan tenang terhadapnya. Berilah senyuman bila setiap bertemu dengan wanita itu.

Sekeras-kerasnya wanita tetap ada nilai kebaikan di dalam dirinya. Seburuk-buruk sifat seorang wanita pelacur, tetap masih ada kebaikan di dalam jiwanya. Bukankah seorang pelacur pernah menolong seekor anjing yang kelaparan di padang pasir? Pelacur itu kemudian turun ke semur mengambil air lalu memberi air itu kepada anjing yang sedang menjulur lidahnya kerana kehausan. Lantaran kerana pertolongan yang sedikit ini menyebabkan pelacur itu masuk syurga.

Oleh itu, ketika seorang lelaki melihat wanita yang berhati keras, kasar, ego, sombong, bergaya dan pelacur sekalipun janganlah dihukum mereka. Mereka juga manusia biasa yang memiliki segudang kelemahan dan segudang kebaikan.

Wanita adalah insan yang emosional dan mudah terpengaruh. Setiap lelaki perlu bersikap bijak, lemah lembut dan selalu bersikap lunak kepada wanita. Dijelaskan dalam riwayat sahih, bahawa wanita pada peringkat awal kejadian sejarahnya adalah berasal dari tulang rusuk lelaki.

Tulang rusuk itu merupakan satu struktur organ tubuh manusia yang bengkok. Makna yang tersirat dalam istilah ini adalah bahawa wanita itu sentiasa bengkok, mudah terpedaya dan tergoda dengan pelbagai rayuan dunia. Oleh itu, yang paling banyak masuk ke neraka adalah kaum wanita. Lantaran itu, untuk menghadapi kaum wanita

mestilah bersikap lemah lembut, santun, penuh kasih sayang dan selalu berbuat baik kepadanya. Jangan dikutuk wanita lantaran mereka diciptakan dari tulang rusuk yang bengkok. Sebaliknya berikan nasihat kebaikan kepada wanita. Sebagaimana dijelaskan dalam satu riwayat dari sanad Abu Hurairah ra berkata, dari Nabi SAW bersabda:

وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَعِ أَعْلَاهُ إِنْ ذَهَبْتَ تُقِيمُهُ كَسَرْتَهُ وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Berikanlah wasiat kebaikan kepada wanita, kerana wanita itu diciptakan dari tulang rusuk, dan tulang rusuk yang paling bengkok adalah di bagian atasnya. Jika kamu berusaha meluruskannya, maka tulang rusuk itu akan patah, tetapi jika kamu membiarkannya maka dia akan tetap bengkok. Oleh sebab itu bimbinglah para wanita dengan kebaikan.

Takhrij: (Muslim, Kitab Nikah (14), Bab Menyikapi Isteri ..(34); hadis 843, daripada Abu Hurairahra).

Dalam hadis ini terdapat istilah '***istausubin nisaa'i khairan'*** yang maknanya ***bimbinganlah wanita-wanita itu dengan kebaikan***. Makna yang terkandung dalam hadis ini adalah wanita itu sentiasa bengkok sekiranya tidak diberi bimbingan, atau nasihat secara berterusan. Oleh itu, Rasulullah SAW mengingatkan kaum lelaki supaya berhati-hati terhadap fitnah kaum wanita yang sentiasa bengkok itu. Untuk meluruskan tulang rusuk itu tidak boleh dengan keras, kasar dan arogan. Sebaliknya, didik dan bimbinglah wanita itu dengan kelembutan, kasih sayang dan kebaikan yang *istiqamah*. *Insya-Allah*, lelaki itu akan mendapat rahmat dan keredhaan Allah.

Dalam konteks cinta, bila seorang lelaki ingin mendapatkan cinta seorang wanita, maka *pikatlah hati wanita itu dengan pelbagai cara*. Antara cara yang paling berkesan memikat hati wanita adalah berbuat baik sebanyak-banyaknya kepada wanita yang hendak dicintai. Sekiranya wanita menolak lamaran cinta kita, cuba lagi memikatnya dengan kebaikan adab dan hadiah cinta. Tunjukkan sikap santun, rendah diri di hadapan wanita dan berikanlah hadiah makanan kesukaannya.

Berikanlah senyuman walaupun dia mencaci dan memaki hamun kita. Tolonglah wanita itu dengan pelbagai cara; pergilah ke rumahnya hanya sekadar menghantar bunga kesukaannya.

Apabila wanita itu ada masalah belajar, tolong bantukan menyelesaikan tugas-tugas rumahnya; bila wanita itu banyak tugas kuliah, bantulah dia menyelesaikannya; bila wanita itu demam berikan penadol cinta kepadanya.

Sekiranya wanita itu masih juga bersifat kasar, sombong dan menolak cintamu; katakan kepadanya dengan wajah senyumtak mengapa; hari ini kamu katakan tidak suka, tidak menerima dan menolak cintuku, aku hanya pasrah dan berdoa agar hatimu suatu ketika nanti dapat menerimaku. Terus berbuat baik kepadanya. Balaslah keburukan sikap dan kata-katanya dengan kebaikan adab. Jangan sekali-kali membalaskan keburukannya dengan keburukan; jangan berdendam kepadanya dan jangan sekali-kali membawa muka masam dan benci di depannya. Sebaliknya, selalu menunjukkan wajah senyum, tenang dan gembira di hadapannya.

Sekali, dua kali, tiga kali dan berkali-kali kita berusaha memikat hati wanita; maka hati wanita itu akan jadi lemah. Wanita itu akan kasihan dan tersentuh hatinya melihat kesabaran lelaki memikatnya dengan pelbagai cara. Dalam situasi ini, wanita akan mula menerima cinta lelaki itu. Lama kelamaan hati wanita menjadi hiba, timbul rasa kasih dan mengakui kejujuran hati lelaki yang memikatnya. Kemudian wanita itu mula jatuh cinta kepada lelaki yang memikatnya. Wanita itu akan menyimpan benih cintanya kepada lelaki yang telah berkali-kali ditolak, dibenci dan dimaki-hamunnya. Wanita itu akan menukarkan kebenciannya dengan perasaan suka dan cinta kepada lelaki yang berkali-kali menggodanya, yang tidak pernah berputus asa untuk mendapatkan wanita. Ketika ini perjuangan cinta seorang lelaki telah membuahkan hasil dan berjaya menggoda seorang wanita. Nilai perjuangan cinta seperti ini amat berharga dan mengandungi nilai sejarah cinta. Oleh sebab itu, apabila saat kita menggoda wanita untuk mendapatkan cintanya, tiba-tiba wanita itu menolak lamaran cinta dan berkasar dengan kita; jangan sekali-kali kita mudah berputus asa dan terguris emosi kita kerana sifatnya yang benci, bengis dan kasar kepada kita. Ingat, wanita itu tercipta dari tulang rusuk lelaki yang lembut dan mudah bengkok. Oleh itu, seorang lelaki yang satria dengan cinta, mesti mampu bersifat sabar untuk mendapatkan cinta wanita itu. Sifat

sabar dalam mendapatkan cinta, akan membuahkan cinta yang bertahta di dalam dada.

Apabila wanita telah jatuh cinta, maka dia akan mencintai lelaki itu sepenuh jiwanya. Ini bermakna hubungan cinta telah bermula. Apabila cinta seorang wanita telah berpaut di dalam dadanya, maka perasaan cinta wanita itu kepada lelaki yang pernah dibencinya akan menjadi terpesona. Berkat sifat sabar, tabah dan hati yang ikhlas memikat hati wanita, maka buah perjuangannya menumbuhkan ***perasaan cinta***. Bahkan ***perasaan cinta*** seorang wanita kepada lelaki yang dicintainya lebih berkobar-kobar dan membara.

PERASAAN CINTA

Perasaan cinta setiap orang merupakan anugerah Allah SWT kepada semua manusia. Dalam konteks Barat, perasaan cinta sering kali disalah tafsirkan dan aplikasi cinta sentiasa diterjemahkan sebagai satu hubungan perasaan suka sama suka antara lelaki dan wanita. Hubungan ini lalu diterjemahkan sebagai aktiviti seks bebas yang terlepas dari ajaran agama dan sosio-budaya. Oleh sebab itu, perasaan cinta menurut Barat adalah menyalurkan dorongan hubungan seks secara bebas tanpa perlu melalui perkahwinan. Sedangkan menurut Islam, perasaan cinta lebih merujuk kepada perasaan dalaman diri seseorang terhadap pasangan yang berlainan jantina. Perasaan cinta merupakan sesuatu yang sangat mulia dan indah. Kerana ia bersumber dari Yang Maha Pencipta. Disebabkan perasaan cinta itu sangat mulia; dikurniakan oleh Yang Maha Mulia, maka untuk mendapatkan cinta itu mesti dengan cara yang mulia. Untuk menyalurkan perasaan cinta juga harus dengan cara yang mulia; tidak boleh menyalurkan perasaan cinta hanya berasaskan kepada perasaan suka sama suka, atau melalui hubungan seks bebas.

Disebabkan perasaan cinta itu sangat mulia; berasal dari Yang Maha Mulia; maka aktiviti cinta mestilah dengan cara adab yang mulia. Perasaan cinta setiap orang merupakan sesuatu yang sangat *sacral*, suci dan mengandungi nilai spiritual. Oleh sebab itu, aktiviti cinta dan perasaan cinta mesti diperolehi dengan cara yang mulia. Cara mulia untuk menyalurkan perasaan cinta hanya ada dalam ajaran agama; kerana hanya agama yang mengajarkan bagaimana cara melangsungkan perkahwinan yang sah, benar dan diredhai oleh Pencipta.

Oleh yang demikian, setiap penyaluran perasaan cinta yang dilakukan secara bebas, terlepas dari ajaran agama dan tidak beradab,

maka penyaluran perasaan cinta seperti ini akan menodai hakikat cinta. Ketika berlaku hubungan seks bebas, berganti-ganti pasangan tanpa nikah dan hubungan seks yang berlainan jantina, maka nilai cinta itu menjadi hina. Perasaan cinta ini menjadi rendah dan hinanilainya di hadapan manusia dan Pencipta.

Apabila seorang lelaki memiliki perasaan cinta kepada seorang gadis, lelaki itu meluahkan perasaannya di hadapan gadis itu, tetapi gadis itu menolak perasaan cinta lelaki itu. Perasaan cinta seperti ini bersifat sepihak. Demikian juga sebaliknya bila seorang gadis mencintai seorang lelaki, tetapi lelaki itu tidak menerima perasaan cinta wanita itu, maka perasaan cinta seperti ini juga sepihak. Cinta yang sepihak ini hanya dirasai oleh seorang lelaki sahaja, atau sebaliknya. Cinta seperti ini masih di luar aura cinta. Cinta seperti ini menyakitkan jiwa.

Apabila seorang lelaki memiliki perasaan cinta kepada seorang wanita, kemudian lelaki itu berkata dengan sejujur-jujurnya kepada wanita itu bahawa dirinya memang mencintai wanita itu; kemudian wanita yang mendengar luahan hati lelaki itu pun menerima lamaran cinta lelaki itu. Kemudian wanita itu juga mengatakan bahawa dirinya ikhlas dan bersedia menerima ungkapan cinta lelaki itu. Perasaan cinta yang berbalas perasaan cinta yang sama ini dikenali sebagai sama-sama jatuh cinta. Sama-sama jatuh cinta ertinya kedua belah pihak, antara lelaki dan wanita memiliki perasaan yang sama iaitu sama-sama suka dan sama-sama cinta. Ketika ini bermulalah aktiviti cinta.

SAMA-SAMA JATUH CINTA

Sama-sama jatuh cinta bermakna antara lelaki dan wanita itu memiliki perasaan yang sama; iaitu sama-sama suka, sama-sama menerima, sama-sama bersedia dan sama-sama memiliki emosi cinta. Sama-sama jatuh cinta berkaitrapat dengan perasaan untuk memiliki si dia. Sama-sama jatuh cinta memiliki daya magnet yang kuat untuk saling menggoda, saling memikat dan saling memendamkan perasaan cinta.

Apabila situasi telah sama-sama jatuh cinta, keadaan cinta akan bertambah asyik. Ketika berjalan bersama, terasa asyik; ketika duduk berdua terasa asyik; ketika menatap wajah kekasih terasa asyik; ketika mendengar keluhan kekasih terasa asyik; ketika bersenda-gurau dengan kekasih terasa asyik; ketika mendengar lagu-lagu cinta kekasih terasa asyik; ketika makan bersama kekasih terasa asyik; ketika bergambar

bersama terasa asyik; ketika menerima surat cinta kekasih terasa asyik; ketika menerima kiriman bunga kekasih terasa asyik; dan ketika menerima hadiah hari jadi terasa asyik. Singkat kata, setiap aktiviti yang membabitkan cinta dan hubungan cinta, terasa asyik dan bertambah asyik. Itulah cinta. Sentiasa menyebabkan insan-insan yang sama-sama jatuh cinta merasa asyik. Bahkan ketika mengharungi lautan samudera; lelaki dan wanita yang sama-sama jatuh cinta sentiasa merasa asyik dalam bercinta.

Perasaan sama-sama jatuh cinta dan emosi cinta akan membina energi kasih sayang. Dalam situasi ini, perasaan kasih sayang terhadap pasangan semakin bertambah. Ketika perasaan kasih sayang telah menguasai seluruh jiwa, tidak boleh ada gangguan dan kritikan kepada pasangan kekasih. Jangan sekali-kali orang luar mengkritik kekasih; kita akan melenting dan akan membela kekasih hati kita. Disebabkan perasaan kasih sayang kepada pasangan, maka kekasih akan melakukan segala usaha demi untuk membela kekasih. Disebabkan perasaan kasih sayang, panas matahari dan hujan lebat tidak dapat menghalangi seorang lelaki untuk datang ke rumah wanita yang dicintainya. Perasaan rindu selalu, perasaan ingin saling bertemu demi untuk mengubati perasaan rindu. Demikian juga bila seorang lelaki dan wanita telah sama-sama jatuh cinta; maka hubungan cinta akan bertambah indah dan membara. Ketika telah sama-sama jatuh cinta, lazimnya kedua-duanya berusaha untuk saling memahami isi hati dan perasaan masing-masing. Saat inilah perasaan cinta akan sentiasa membara di dalam jiwa.

Saat perasaan cinta sama-sama membara, maka emosi cinta keduanya saling terpaut dan mempengaruhi aura cinta. Saat ini gelora cinta semakin membara. Jadual pertemuan cinta semakin kerap. Kerana dorongan cinta, wajah si dia selalu terbayang-bayang di mata. Dalam semua situasa selalu ingat dia. Ketika belajar ingat dia, ketika makan ingat dia, ketika duduk sendiri ingat dia, ketika mandi ingat dia, ketika tidur ingat dia dan ketika memeluk bantal ingat dia. Di mana-mana selalu ingat dia. Inilah perasaan cinta; cinta yang selalu membawa perasaan dahaga. Dahaga perasaan cinta.

Apabila perasaan dahaga cinta mempengaruhi jiwa, maka banyak surat cinta akan ditulis dan dikirimkan kepada kekasih. Banyak kata-kata cinta dirungkaikan dalam bentuk syair, pantun, pepatah dan madah cinta. Seorang lelaki yang sedang jatuh cinta akan merungkaikan perasaan cintanya kepada wanita yang dicintainya dengan bahasa-

bahasa yang indah, sastera, syair cinta dan gurindam cinta. Demikian juga halnya wanita yang telah jatuh cinta dan menerima cinta seorang lelaki, maka dia akan membalas surat cinta dengan menggunakan bahasa-bahasa yang indah, manja dan sastera. Dari sinilah nantinya, akan keluar ayat-ayat cinta yang menghiasi hubungan cinta keduanya. Ayat-ayat cinta akan menghiasi setiap kali pertemuan cinta dan hubungan cinta keduanya. Ayat-ayat cinta juga akan menghiasi setiap kata dan nada suara ketika melihat wajah kekasih; ketika mendengar untaian cinta dan bisikan cinta kekasih. Ayat-ayat cinta akan menambah lagi keindahan hubungan cinta keduanya.

AYAT-AYAT CINTA

Ayat-ayat cinta ertinya tanda-tanda cinta. Ayat-ayat cinta maknanya ekspresi perasaan cinta yang membara. Ayat-ayat cinta mengandungi sejuta makna perhubungan cinta. Ayat-ayat cinta adalah aktiviti dan bahasa cinta yang digunakan dalam hubungan cinta. Ayat-ayat cinta merupakan presentasi cinta yang yang membina perasaan suka, gembira dan bahagia. Ayat-ayat cinta adalah membincangkan hubungan cinta yang paling mulia; membina keluarga yang bahagia dari dunia sehingga ke alam syurga.

Ayat-ayat cinta dalam konteks anak muda, adalah kriteria cinta yang menuntut banyak pengorbanan. Lantaran itu, cinta dalam konteks ini memerlukan banyak bukti pengorbanan dari segi masa, tenaga, uang dan emosi. Oleh itu, bercinta gaya anak muda, lebih bersifat emosional, penuh fantasi, ilusi dan mudah frustasi. Ayat-ayat cinta dalam konteks pemuda, adalah model cinta yang matang, rasional dan ego. Disebabkan faktor rasional dan ego, pemuda yang mapan dan berpendidikan tinggi amat sukar mencari gadis-gadis cantik sebagai kekasihnya. Demikian juga wanita yang telah dewasa dan mapan amat sukar mencari pemuda sebagai kekasihnya. Faktor ego menyebabkan pemuda dan wanita dewasa kurang memikirkan cinta dibandingkan dengan remaja dan gadis. Walau bagaimanapun emosi cinta pemuda dan wanita dewasa tidak kalah kuatnya dengan emosi cinta anak-anak muda.

Pada hakikatnya, ayat-ayat cinta selalu menghiasi kehidupan semua lelaki dan wanita di mana-mana; dalam semua situasi, model percintaan, ekspresi cinta, nilai cinta dan pemeliharaan cinta. Ayat-ayat cinta selalu memerlukan pembuktian nyata setiap insan yang berani bercinta. Dalam ayat-ayat cinta itu terlalu banyak resiko dan ranjau

percintaan. Dengan perkataan lain, ayat-ayat cinta menuntut banyak bukti pengorbanan demi cinta.

Banyak Berkorban

Demi cinta, lelaki yang mencintai wanita mesti bersedia banyak berkorban. Berkorban untuk menyediakan banyak masa untuk banyak bertemu dengan wanita yang dicintainya. Berkorban dari segi uang, lelaki yang mencintai wanita dan telah dicintai oleh wanita perlu banyak berkorban dari segi uang. Demi cinta, lelaki harus selalu mengumpulkan banyak uang dan memiliki uang yang cukup untuk membeli pelbagai keperluan cinta; membeli hadiah cinta dan membeli bunga cinta. Bahkan ketika makan bersama, lelaki mesti mengeluarkan uang saku sendiri untuk membeli makanan dan minuman; semua ini dilakukan atas nama cinta.

Demi cinta, lelaki yang mencinta wanita mesti banyak berkorban masa. Maknanya demi cinta, lelaki selalu bersemangat mengunjungi wanita yang menjadi kekasihnya. Lelaki itu mesti kerap mengunjungi wanita; tidak kira sibuk, hujan dan panas. Maknanya demi cinta, lelaki itu mesti menyediakan banyak masa untuk selalu berjumpa dengan wanita idolanya. Apabila jarang berjumpa, atau hanya sekali sakala sahaja, ini bermakna bibit cinta dan perasaan cinta mula sirna. Ini bermakna lampu kuning, lelaki perlu berwaspada.

Demi cinta, lelaki mesti menyediakan uang yang cukup untuk membeli ubat dan peralatan cinta. Sesungguhnya perjalanan cinta sering diganggu oleh banyak hal, antara penyakit dan keadaan. Oleh itu, apabila kekasih hati sedang demam, maka berikanlah kepadanya *pil panadol* cinta dan pelbagai penawar cinta. Walaupun hanya berupa *pil panadol*, tetapi pil itu bukan sekadar hanya penyembuh sakit demam semata; tetapi pil itu akan menjadi penawar cinta. Diyakini kerana *pil panadol* akan menambah lagi gairah cinta.

Kadangkala wanita itu suka bermanja-manja. Meskipun dia tidak sakit kepala dan demam, tetapi demi untuk bermanja cinta, wanita itu meminta *pil panadol* kepada lelaki yang dicintainya. Dalam permintaan wanita itu terdapat ***ayat-ayat cinta*** yang amat dalam maknanya. Sekiranya lelaki yang memahani ayat-ayat cinta wanita itu, maka lelaki itu tidak akan menghampakan permintaan *pil pandol* itu. Sesungguhnya di dalam *pil panadol* itu tersembunyi nilai cinta yang teramat dalam bagi wanita yang telah mencintai lelaki yang menjadi kekasihnya.

Maknanya bila lelaki membelikan *pil panadol* dan memberikannya pil itu kepada wanita yang menjadi kekasihnya, maka pengorbanan cinta seorang lelaki itu amat mulia di mata wanita. Inilah yang namanya pengorbanan dalam bercinta.

Berkorban demi cinta tidak hanya dibebankan kepada lelaki sahaja, tetapi wanita juga perlu banyak berkorban untuk lelaki yang dicintainya. Antaranya, berkorban dari segi masa, tenaga dan sikap. Wanita yang telah mencintai lelaki perlu menyediakan masa untuk dapat menerima pertemuan cinta; sesekali wanita itu perlu membelikan makanan kesukaan lelaki yang dicintainya; atau memasak makanan kesukaan lelaki yang dicintainya. Demi cinta, wanita juga perlu sesekali membeli hadiah hari jadi untuk lelaki yang dicintainya. Demi cinta, lelaki dan wanita yang telah sama-sama jatuh cinta perlu banyak berkorban apa sahaja. Banyak berkorban atas nama cinta merupakan ayat-ayat cinta. Ayat-ayat cinta ini boleh menambah gelora cinta dan perasaan bahagia dalam bercinta.

Sabar

Dalam bercinta lazimnya banyak cubaan dan dugaan. Terlebih lagi bila hubungan cinta telah berjalan mesra dan lama. Antara cubaan dan dugaan yang sering terjadi seperti fitnah pihak ketiga, dengki dan sifat cemburu. Kadangkala dalam perhubungan cinta sering terjadi pertengkaran, salah faham dan sifat merajuk. Akibatnya perhubungan cinta jadi terganggu dan kurang baik.

Perhubungan cinta sering kali ditimpa pelbagai ujian cinta, seperti tempat kekasih yang jauh di seberang lautan; kerana belajar di luar negara, terputusnya komunikasi dankekasih jarang menghubungi kerana kesibukan bekerja dan belajar. Sering kali terjadi salah seorang pasangan berolah, cerewet dan bertingkah yang menyakitkan hati.

Ujian cinta boleh terjadi kerana ada wanita lain yang menggoda lelaki; demikian sering kali ada lelaki lain yang menggoda wanita yang telah menjadi kekasih kita. Terlebih lagi bila wanita lain yang menggoda itu lebih cantik dan menawan hati. Sekiranya wanita yang telah jatuh cinta kepada lelaki itu mengetahui ada wanita lain yang menggoda lelaki itu, maka wanita yang telah menjadi kekasih hati lelaki itu akan marah kepada lelaki itu.

Dalam percintaan sering terjadi pertengkaran cinta, ego cinta, perseteruan cinta dan persaingan cinta. Untuk menghadapi semua

cubaan dan dugaan ini hanya dengan sifat '*sabar*'. Ketika seorang wanita sedang marah dan melontarkan kata-kata kasar kepada lelaki yang menjadi kekasihnya, maka lelaki itu perlu sabar. Jangan dijawab kemarahan wanita itu dengan sikap kasar; sebaliknya dengankanlah kata-katanya dengan penuh perhatian. Biarkan mulutnya bercakap seperti air terjun; setelah dia habis bercakap barulah beri penjelasan kepadanya, bahawa wanita yang menggodanya itu bukanlah kekasih dirinya. Cinta dan sayang abang '*hanya untuk adinda'*. Katakan kepada wanita itu: 'sesungguhnya cinta abang kepada adinda tidak akan goyah walaupun ada wanita cantik lain yang menggoda'. Di hati abang, hanya *ada adinda*. *Insya-Allah*, kesetiaan cinta abang tidak akan berbelah bahagi kepada mana-mana wanita cantik sekalipun. Hanya maut yang dapat memisahkan kesetiaan cinta abang kepada adinda.

Kesetiaan

Faktor kesetiaan merupakan asas penting dalam hubungan cinta. Hubungan cinta yang dibina dengan sikap kesetiaan akan membina darjat cinta yang berkekalan dan perasaan bahagia. Semakin tinggi sikap kesetiaan dalam bercinta, maka semakin tinggi darjat cinta itu. Hubungan cinta yang dibina dengan sikap kesetiaan juga akan menambah kebolehpercayaan pasangan semasa bercinta.

Sikap setia adalah sikap yang selalu mempertahankan keutuhan cinta. Sikap setia berkaitrapat dengan kepercayaan kepada seseorang yang dicintai. Apabila seorang wanita setia dengan lelaki yang dicintainya, maka wanita itu akan menaruh kepercayaan yang tinggi kepada lelaki itu. Dalam fikiran wanita itu akan meyakini bahawa lelaki yang dicintainya itu benar-benar setia kepada dirinya; wanita itu akan meyakini bahawa lelaki itu selalu mencintai dirinya sampai bila-bila masa; wanita itu akan meyakini bahawa lelaki itu selalu menjaga perasaan dirinya. Walaupun lelaki itu berada jauh darinya; cintanya tetap untuk dirinya.

Demikian juga bila seorang lelaki setia dengan wanita yang dicintainya, maka lelaki itu akan menaruh kepercayaan yang tinggi kepada wanita itu. Lelaki itu akan meyakini bahawa wanita yang dicintainya itu benar-benar setia dan ikhlas mencintai dirinya; lelaki itu tidak akan menaruh sebarang buruk sangka kepada wanita yang dicintainya, kerana wanita itu sentiasa mencintai dirinya bila-bila masa. Sikap kesetiaan bercinta seperti ini selalu memberi keyakinan kepada

lelaki dan wanita yang sama-sama bersikap setia dalam membina hubungan cinta.

Kesetiaan cinta identik dengan sifat ikhlas dan jujur dalam bercinta. Apabila perasaan cinta telah benar-benar bersemi di dalam jiwa; telah sama-sama jatuh cinta dan saling mencitai, maka diyakini keduanya sama-sama ikhlas dan jujur meluahkan perasaan cinta. Keduanya berazam untuk mempertahankan kesetiaan cinta sampai bila-bila masa. Cinta yang dibina kerana kesetiaan cinta ini akan menambah rasa aman dan sikap jujur dalam bercinta. Dari sinilah akan timbul sikap saling percaya kepada pasangan kerana kesetiaan cinta benar-benar kuat bagaikan besi baja.

Kesetiaan cinta merupakan bahagian dari ayat-ayat cinta. Tanda-tanda cinta yang murni itu adalah setia dan tidak berkhianat dalam bercinta. Sekiranya berlaku khianat dalam bercinta, maka nilai cinta bertukar menjadi air tuba. Air tuba adalah air yang mengandungi racun. Mana-mana lelaki dan wanita yang mengkhianati cinta, maka dijangkakan salah seorang dari keduanya telah meminum air tuba. Akibatnya ayat-ayat cinta bertukar menjadi ayat-ayat bencana.

Apabila lelaki dan wanita yang telah bercinta; sama-sama jatuh cinta dan saling mencintai; keduanya akan berikrar dan selalu menjaga kesetiaan dalam bercinta. Ketika situasi ini, maka nilai cinta semakin indah. Hubungan cinta keduanya selalu dijaga, diberi baja dan sentiasa bergelora. Hubungan cinta seperti ini akan menambah gairah cinta; tidak akan ada yang berkhianat. Inilah yang namanya ayat-ayat cinta.

Tidak Berkhianat

Di antara *ayat-ayat cinta* adalah tidak berkhianat dalam bercinta. Khianat cinta berpunca dari sikap tidak jujur, suka berpura-pura dalam bercinta, mulut berkata cinta tetapi hati berdusta. Mulut bercakap mengasihi tetapi hati benci. Wajah kelihatan cantek jelita tetapi hati penuh dengan racun berbisa. Oleh itu, berwaspadalah dengan lelaki dan wanita yang suka mengkhianati cinta.

Tidak berkhianat ertinya selalu menjaga kesucian cinta. Apabila hubungan cinta telah terjalin; keduanya saling menjaga keutuhan cinta. Sekiranya berlaku salah faham mengenai cinta, segera mengatasinya demi keutuhan cinta. Sekiranya berlaku pertengkaran cinta, segera meminta maaf di atas segala kesalahan yang terjadi. Apabila lelaki melihat wajah wanita yang dicintainya murung dan bersedih, tanya

segera puncanya. Ubatilah kemurungan dan kesedihannya syair cinta. Hiburlah kesedihan hati kekasih dengan lagu-lagu cinta.

Tidak berkhianat ertinya selalu bersedia membantu kekasih dalam semua situasi. Bahkan ketika kekasih berada dalam kesusahan seperti ditimpa musibah; sakit, kematian salah seorang ahli keluarga dan kecurian. Ketika ini, seorang kekasih perlu berada di sisinya. Sekiranya tidak mampu membantu berupa uang dan fikiran; sekurang-kurangnya membantu dari segi sokongan moral. Walaupun kekasih sedang dilanda kesusahan, maka hubungan cinta tetap berjalan dan berkekalan.

Tidak berkhianat berkaitrapat dengan sikap cinta yang *istiqamah*. Lelaki yang ikhlas mencintai wanita, tidak akan goyah cintanya kepada wanita yang dicintainya. Walaupun ada wanita cantik lain yang menggodanya; atau banyak wanita cantik lain yang selalu berusaha memikatnya, tetapi hatinya tetap kepada wanita yang telah lama dicintainya. Demikian juga wanita telah mencintai lelaki sebagai kekasihnya, tidak akan luntur perasaan cintanya kepada lelaki yang dicintainya, walaupun kadangkala ada lelaki tampan lain yang menggoda, maka dia tidak akan tergoda. Sikap tidak berkhianat merupakan ayat-ayat cinta yang sejati. Cinta sejati tidak mudah berganti-ganti pasangan cinta; tidak tergiur dengan rayuan *gombal* cinta; dan tidak manpan dirasuah dengan harta benda. Cinta yang *istiqamah* tetap lurus memegang janji setia dalam bercinta.

Tidak berkhianat mengandungi sikap ikhlas menerima pasangan cinta. Ketika perasaan cinta telah sama-sama berlabuh dan sama-sama jatuh cinta; maka masing-masing pasangan ikhlas menerima kelebihan dan kekurangan pasangan. Terlebih lagi, bila ikrar cinta dan janji setia telah dilafazkan, maka lelaki dan wanita mesti memegang teguh janji untuk saling mencintai dan menyayangi. Tidak boleh ada mana-mana wanita cantik lain yang memisahkan hubungan cinta; tidak boleh ada mana-mana lelaki rupawan lain yang memutuskan hubungan cinta yang telah disepakati bersama. Maknanya hubungan cinta dan perasaan cinta mesti selalu subur di jiwa keduanya.

Walau bagaimanapun hubungan cinta boleh terjadi seperti air sungai; kadangkala pasang dan adakalanya ia surut. Ketika hubungan cinta mengalami surut mungkin disebabkan oleh kurangnya baja cinta, salah faham, cemburu dan pertengkaran cinta. Ketika situasi ini, mungkin sahaja wanita yang dicintai akan merajuk, marah dan menangis. Apabila wanita merajuk, marah dan menangis, maka lelaki

perlu segera memujuknya dan mesti pandai memujuk hati seorang wanita. Wanita merajuk, marah dan menangis kerana cinta. Oleh sebab itu, lelaki mesti *pandai memujuk hati wanita* yang menjadi kekasih kita.

Pandai Memujuk

Antara ayat-ayat cinta adalah pandai memujuk. Biasanya wanita amat mudah tersinggung, kecil hati, salah persepsi dan salah faham. Bahkan di antara wanita ada yang mudah menangis kerana cinta. Biasanya wanita marah, merajuk dan menangis disebabkan oleh salah faham; ada fitnah dan pelbagai gangguan cinta. Sesungguhnya cinta seorang wanita sangat ego dan satria. Wanita sangat takut kehilangan lelaki yang dicintainya. Bila wanita melihat lelaki yang menjadi kekasihnya berjalan dan bercakap-cakap dengan wanita lain, maka dia akan curiga dan khuatir. Di dalam fikirannya, menganggap wanita itu *pacar* lelaki yang dicintainya itu. Dari sini, emosi sedih mula menguasai fikiran dan hatinya; lantaran itu wanita itu akan marah, sedih, merajuk dan menangis.

Lelaki yang mencintai wanita dengan ikhlas sudah pasti berusaha memujuk wanita yang menjadi kekasih hatinya. Ketika wanita yang dicintainya marah, merajuk dan menangis, maka perlu dibujuk. Dibujuk dengan pelbagai cara dan menuntut perhatian penuh. Jangan biarkan kekasih hati merajuk dan menangis berlarut-larut; sentuhlah emosinya dan minta maaf segera kepadanya. Berjanjilah di hadapan kekasih untuk selalu memberi perhatian kepadanya dan tidak akan mengulangi kesalahan yang telah terjadi.

Tanyakan kepada kekasih mengenai punca kesalahfahaman yang menyebabkan dia merajuk dan menangis. Berikan penjelasan yang sejelas-jelasnya mengenai fakta dan peristiwa yang terjadi. Katakanlah bahawasanya wanita cantik yang berjalan dengan dirinya itu, adalah keluarga dekat dan secara kebetulan bertemu di market, lalu bercakap-cakap masalah pengajian. Diyakini bila mendengar penjelasan yang benar, kekasih kita kembali tenang dan faham bahawa sesungguhnya wanita tadi adalah keluarga dekat.

Sekiranya fakta dan peristiwa itu wanita lain, yang menyebabkan kekasih hati merajuk dan menangis, maka berikanlah penjelasan sekali lagi bahawa wanita tadi bukanlah wanita baru, atau kekasih baru, tetapi kawan lama. Bertemu secara kebetulan, lalu bercakap-cakap mengenai pengajian. Agar tidak timbul keraguan, katakanlah ikrar cinta kepada

wanita yang kita cintai. Katakan: 'cintuku hanya untukmu. Tiada wanita lain singgah di hatiku. Ikrar cinta ertinya tidak akan mengulangi peristiwa yang menyakitkan hubungan cinta. Meskipun peristiwa itu bukan fakta yang sebenar tetapi ia boleh menjadi satu pengajaran cinta. Sekali lagi, berikanlah kepada kekasih hati '*ikrar cinta'. Ikrar cinta* yang dilafazkan oleh lelaki kepada wanita yang dicintainya dengan ikhlas boleh menyejuk hati kekasih dan menambah keindahan cinta.

Ingat, pertengkaran sekali sekala dalam cinta merupakan bunga-bunga cinta; akan tetapi kalau pertengkaran sentiasa melanda; ia boleh mengakhiri hubungan cinta. Pertengkaran ringan itu indah, tetapi pertengkaran besar itu musibah. Oleh itu, lelaki yang telah ikhlas mencintai wanita dan mempercayai wanita yang dicintainya, perlu memiliki ilmu memujuk dan mesti pandai memujuk wanita yang sedang merajuk. Ikrar cinta yang paling mujarab adalah kesetiaan cinta. Tidak menduakan cinta, tidak munafik cinta dan mengkhianati cinta. Apabila kesetiaan cinta dilafazkan dan dibuktikan dengan sikap efik, *insya-Allah*, hati wanita semakin kuat mencintai lelaki yang menjadi kekasihnya.

Oleh itu setiap kali wanita yang kita cintai merajuk; maka bujuklah emosinya dengan cinta yang ikhlas. Minta maaf dengan jujur. Ketakan kepadanya: '*cintaku tidak akan pernah goyah padamu. Di jantung hatiku, hanya ada adinda seorang'*. Diyakini dengan mendengar bujukan itu, hati seorang wanita akan sedar dan sejuk mendengarnya; kerana memang benar bahawa dirinya yang dicintainya.

IKRAR CINTA

Ikrar cinta adalah *pernyataan cinta*. Ikrar cinta boleh dilafazkan oleh lelaki kepada wanita yang dicintainya; boleh dilafazkan oleh wanita kepada lelaki yang dicintainya; ikrar cinta boleh dilafazkan ketika saat bertatapan muka; ikrar cinta boleh diluahkan melalui surat cinta, pujian cinta, hadiah cinta dan kata-kata rindu yang ditujukan kepada seseorang yang kita cintai. Ikrar cinta merupakan bahagian dari ayat-ayat cinta yang berisi pelbagai mantera cinta.

Ikrar cinta bertujuan menjaga kesetiaan cinta; memelihara kesucian cinta, menambah gairah cinta dan melestarikan keindahan cinta. Di dalam ikrar cinta itu ada banyak mantera cinta; dalam ikrar cinta itu ada risalah cinta; di dalam ikrar cinta itu ada hadiah cinta. Dari semua rangkaian cinta dan perjalanan cinta yang panjang berliku-liku

kadangkala boleh menyebabkan seseorang demam cinta, menimbulkan perasaan rindu selalu, kadangkala menimbul polemik benci-benci tetapi rindu. Selain itu, perjalanan cinta yang indah akan selalu diiringi oleh lagu-lagu cinta dan rindu.

Antara ayat-ayat cinta yang bersifat spiritual adalah doa-doa cinta untuk mempertahankan kekasih, agar perjalanan cinta direalisasikan dengan perkahwinan. Perkahwinan kerana cinta akan membina mahligai cinta yang bahagia dan berkekalan sehingga hari tua. Bahkan ekspresi cinta yang teragung akan berterusan sehingga ke akhirat, iaitu syurga.

Risalah Cinta

Ketika bercinta risalah cinta memainkan peranan sebagai medium mengungkap perasaan seseorang kepada kekasih. Risalah cinta ertinya surat cinta. Di dalam risalah cinta ada banyak ungkapan bahasa yang mencermin hasrat cinta. Bagi sesetengah orang, risalah cinta berfungsi sebagai surat lamaran cinta, yang mana kandungan merungkaikan pelbagai isi hati dan hasrat untuk mendapat cinta. Sekiranya risalah cinta itu ditulis oleh seorang lelaki, maka isi surat itu mengharapkan wanita itu kiranya mahu menerima surat lamaran cinta. Lelaki itu berkata: 'sebenarnya telah lama aku memendamkan perasaan ini. Aku suka kepadamu, aku mencintaimu dan berharap dirimu mahu menerima lamaran cintaku ini. Aku sungguh tertarik kepadamu kerana wajahmu yang cantik, indah dan santun dalam berkata-kata. Selain itu, dirimu seorang wanita yang solehah dan pandai mengaji al-Quran. Apakah salah aku memilikimu. Oleh itu, apakah dirimu mahu menerima cintaku, atau ikhlas menerima cintaku. Selama ini aku selalu menyedari wajahku tidak layak untuk dirimu; walau bagaimanapun aku cuba memberanikan diriku untuk melamarmu'.

Aku pasrah sekiranya dirimu menolak dan aku bersyukur jika dirimu menerima. Sujud Syukur berkali-kali di hadapan pencipta disebabkan izin-Nya, cintamu bisa juga berlabuh di jasad yang hina, miskin dan orang biasa ini.

Kadangkala risalah cinta ini berbalas cinta. Banyak lelaki yang mengirimkan surat cinta kepada wanita, kemudian wanita itu menerima cintanya. Lalu menulis surat balasan cinta, yang isinya menerima lamaran cinta. Alangkah gembiranya lelaki itu. Setelah menerima surat balasan cinta, wanita itu menerima cinta, maka perasaan bangga dan bahagia terus menguasai jiwa lelaki itu. Banyak juga lelaki yang

menulis surat cinta kepada wanita yang jelita; tetapi malangnya cintanya ditolak. Banyak juga wanita yang menolak lamaran cinta lelaki yang mencintainya dengan cara yang halus dan lembut. Semua ini dugaan dalam bercinta.

Kadangkala lelaki menggunakan risalah cinta untuk menggoda wanita yang diidam-idamkannya. Demi untuk mendapatkan cinta wanita, lelaki sanggup membawa muka tebal dan berterusan menggoda hati wanita.

Banyak lelaki yang soleh menggunakan medium risalah cinta dengan menggunakan bahasa-bahasa yang indah, sastera dan berisi kata-kata pujian yang santun serta ikhlas. Misalnya, risalah cinta yang berbunyi: 'pipimu bagaikan pauh di layang; wajahmu cantik berseri bagaikan wajah Aisyah; oleh itu, hatiku tergoda. Hati ini seolah-olah memilikimu, tetapi apatah daya aku hanya orang biasa'.

Risalah cinta ini berisi kata-kata pujian. Mesej penting dari risalah ini sebenarnya adalah untuk melamar wanita. Namun kandungan risalah mengandungi hasrat cinta, memohon dengan cara yang halus dan ingin mendapatkan balasan cinta yang sama dari wanita. Oleh itu, ayat-ayat cinta yang puitis adalah menggunakan bahasa-bahasa pujian dan sastera. Antaranya kata-kata pujian cinta. Pujian cinta merupakan fenomena perasaan manusia yang sedang jatuh cinta dan mencintai. Pujian cinta boleh datang dari seorang lelaki kepada wanita yang dicintainya; boleh pula datang dari wanita yang mencintai seorang lelaki yang menjadi jantung hatinya. Pujian cinta merupakan bahagian ayat-ayat cinta, yang selalu menghiasi hubungan cinta lelaki dan wanita.

Pujian Cinta

Apabila seorang lelaki telah jatuh cinta dengan wanita dan wanita juga telah menerima cintanya lelaki; maka kerap kali pujian cinta dilafazkan kepada pasangan demi untuk mengukuhkan perasaan cinta. Kadangkala pujian cinta dilafazkan secara terang-terangan; adakalanya dilafazkan dengan bahasa puisi, sastera dan syair cinta.

Selain itu, bila seseorang sedang asyik bercinta dan demam cinta, maka banyak kata-kata cinta dan pujian cinta yang dikhasknya untuk kekasih. Antara contoh pujian cinta, terakam dalam pujian cinta Roma kepada wanita yang dicintainya. Ketika bernyanyi cinta untuk menghibur kekasihnya, Roma Irama bernyanyi dengan bahasa yang

sangat syahdu dan suaranya yang merdu:

Antara kata-kata indah dan pujian cinta Roma seperti berikut:

Hai bunga
Primadona desa
Kau indah merekah
Izinkanku memetikmu
Dalam jambangan hati
Di taman sanubari
Bagaikan kumbang sari

Semerbak mewangi
Alam sekitar menjadi saksi
Jadi saksi
Akan keindahanmu
Dona dona dona
Primadona desa

Dalam alunan lagu cinta yang lain, Roma mengungkapkan pujian cinta yang teramat dalam kepada kekasih hatinya. Dalam adegan film, yang menjadi cinta Roma ketika itu adalah Ani. Antara pujian yang didendangkan Roma kepada Ani seperti:

Hanya gitar tua
Yang aku berikan
Sebagai kenangan
Untukmu sayang
Kau anggaplah benda ini

Pengganti diriku
Sebagai ganti diriku
Apabila kau rindu padaku
Petiklah dan bernyanyilah

Semoga akan terobati
Rasa rindumu padaku
Walaupun sudah berpisah
Hati ini bersatu
Memang gitar tua ini
Menjadi kenangan

Juga gitar tua ini
Yang menjadi saksi
Saksi cintamu padaku
Cintaku padamu
Yang tak akan pernah layu

Lantaran cinta Ani yang kuat dan mendalam kepada Roma menyebabkan perasaan rindu tidak boleh diubati melainkan hanya dengan melihat wajah Roma dan mendengar suara Roma. Demi cinta dan pujian cinta Roma kepada Ani membakar semangat Ani untuk selalu setia mencinta Roma.

Inilah yang namanya cinta. Cinta yang ikhlas, datang dari hati yang dalam dan suci akan membina perasaan cinta yang bergelora. Ketika Ani rindu dan merasa amat tertekan, maka Roma datang memujuk dan menghibur emosi Ani dengan lagu pujian cintanya.

Demi cinta, atas nama cinta dan perasaan cinta yang membara akan selalu terpelihara apabila kekasih kerap memberi hadiah cinta. Hadiah cinta juga penyejuk jiwa kepada seluruh insan yang sedang bercinta. Hadiah cinta yang terindah adalah pandai mengambil hati kekasih. Seorang lelaki yang mencinta wanita, dia pasti akan selalu ikhlas dan bersedia mengambil hati kekasih. Demikian juga wanita yang mencintai lelaki mesti ikhlas dan bersedia mengambil hati kekasihnya.

Hadiah Cinta

Hadiah cinta erti melakukan satu tindakan yang mengejutkan tetapi mengembirakan hati kekasih. Misalnya, seorang lelaki memberi hadiah hari jadi secara spontan, membawa kekasih makan siang secara spontan dan membeli sesuatu yang menyenangkan hati pasangan. Ada juga hadiah cinta berupa bunga, buku novel cinta, pakaian tertentu, cincin dan sandal kulit.

Hadiah cinta merupakan bahagaian dari ayat-ayat cinta. Apabila seorang lelaki yang mencintai wanita; demi cinta dan atas nama cinta lelaki itu sering memberi sesuatu kepada wanita yang dicintainya. Pemberian sesuatu itu dinilai sebagai satu hadiah cinta; hadiah cinta amat bermakna kepada lelaki dan wanita. Hadiah cinta selain berfungsi sebagai ekspresi perasaan cinta; dalam masa yang sama ia juga bertujuan untuk membina hubungan cinta dan sebagai ikrar cinta. Perasaan cinta yang kuat mendorong seseorang untuk selalu memberikan sesuatu kepada kekasihnya. Disebabkan dengan barang atau benda yang diberikan itu boleh menjadi motivasi dan energi cinta. Oleh itu, perasaan cinta antara keduanya selalu utuh dan berbunga-bunga. Demikian juga bila seorang wanita telah mencintai seorang lelaki dan perasaan cinta selalu membara; maka wanita itu akan sering membeli sesuatu, atau memberikan sesuatu kepada lelaki yang dicintainya.

Sebagai lelaki, pemberian barang atau benda seorang wanita kepada lelaki yang dicintainya juga berfungsi sebagai hadiah cinta. Ingat, hadiah cinta ini amat bermakna sekali untuk membina hubungan cinta yang harmoni. Walaupun seorang wanita hanya memberikan sapu tangan, atau barang yang nilainya rendah dan murah harganya, tetapi makna pemberian itu yang amat dalam dan *filosufi*.

Dari segi psikologi, setiap pemberian seseorang kepada kekasihnya, walaupun harganya murah tetapi makna yang terkandung di dalam hadiah cinta itu luahan emosi cinta, kesedaran cinta, keharmonian cinta dan perasaan bahagia. Sekiranya seorang wanita memberi satu buah kain selimut kepada lelaki yang dicintai, maka setiap kali hendak tidur lelaki itu pasti akan teringat wajah kekasihnya. Nilai cinta seorang wanita bukan dilihat dari segi mahalnya harga selimut, akan tetapi lebih kepada obsesi cinta dan nilai cinta. Sekiranya lelaki yang kuat mencintai wanita itu, maka kain selimut itu berfungsi sebagai ayat-ayat cinta yang membina keagungan cinta. Diyakini setiap kali hendak tidur, lelaki itu membayangkan wajah wanita yang menjadi kekasihnya.Boleh jadi, lelaki itu akan bermimpi indah kerana selimut.

Sekiranya lelaki memberi hadiah cinta berupa bunga mawar kepada kekasihnya, maka nilai bunga itu boleh ditafsirkan sebagai keindahan cinta. Maknanya wanita akan menganggap cinta kekasih kepada dirinya sentiasa indah dan harum semerbak. Walaupun hanya sekadar bunga, tetapi nilai cinta dan ayat-ayat cinta pada bunga itu amat bermakna kepada wanita.

Dari segi psikologi, hadiah cinta sentiasa menjadi energi cinta. Dalam masa yang sama hadiah cinta juga sebagai simbol ayat-ayat cinta. Selain itu, hadiah cinta boleh menjadi penawar kepada '*demam cinta'*. Demam cinta boleh terjadi kepada lelaki dan wanita yang sedang jatuh cinta dan bercinta; kerana tekanan perasaan rindu dan cinta yang mendalam menyebabkan tekanan emosi sukar dikawal; akhirnya keduanya menjadi demam cinta.

Demam Cinta

Demam cinta adalah satu keadaan emosi sangat kuat mempengaruhi psikis manusia. Tekanan emosi boleh berupa rindu yang teramat sangat, emosi cinta yang membara dan tekanan itu kemudian dominan menguasai seluruh struktur manusia. Akibat dari tekanan yang

terlalu kuat sehingga tidak boleh terkawal menjadikan seseorang itu jadi '*demam cinta'*.Demam cinta boleh terjadi disebabkan kerana terlalu lama tidak berjumpa; terlalu lama tidak mendengar kata-kata cinta dan luahan cinta serta terlalu lama tidak melihat wajah kekasih. Disebabkan tekanan itu terlalu berat, akhir individu menjadi demam cinta. Demam cinta adalah demam psikologi, atau penyakit emosi yang timbul disebabkan oleh faktor psikis. Oleh sebab itu, ubat terbaik untuk mengubati demam cinta adalah dengan berjumpa dengan kekasih. Apabila telah berjumpa, keduanya sama-sama boleh menatap wajah kekasih. Dalam masa yang sama, kekasih juga dapat meluahkan segala keluh kesah,mendengar curahan hati dan duduk bersama kekasih.

Demam cinta bukan penyakit jasmani, tetapi ia penyakit rohani. Menurut psikologi, demam cinta adalah penyakit dalaman yang bersumber dari tekanan emosi cinta yang telah menguasai seluruh jiwa manusia. Tekanan emosi cinta yang kuat itu menyebabkan seseorang jadi demam, iaitu demam cinta. Ketika tidur dan demam cinta sedang melanda; tidur jadi tidak lena. Disebabkan wajah kekasih selalu terbayang-bayang di depan mata. Sekiranya boleh tidur; maka tidurnya akan dihiasi mimpi indah. Dalam tidur dan mimpinya, kekasih sentiasa memanggil-manggil dirinya untuk datang berjumpa. Oleh sebab itu, ketika tidur seseorang yang sedang demam cinta akan mengigau dengan memanggil-manggil nama kekasihnya.

Setiap kali tidur dia mengigau dan selalu memanggil-manggil kekasihnya supaya segara datang kepadanya, kerana dirinya telah lama menunggu kedatangan kekasih. Ketika bangun dari tidur, badan terasa lemah, lesu dan kurang bersemangat. Bahkan salera makan juga berkurang. Oleh sebab itu, penyakit seperti ini dikenali sebagai penyakit psikologi, atau *demam cinta*. Demam cinta merupakan di antara ayat-ayat cinta yang kuat mempengaruhi emosi manusia.

Demam cinta sering melanda setiap orang, terutama anak-anak muda yang sedang bercinta dan mabuk cinta. Sekali lagi, demam cinta tidak boleh diubati dengan pil panadol fisiologi, akan tetapi ia hanya boleh diubati dengan pil cinta psikologi. Pil cinta psikologi yang paling mujarab adalah berjumpa dengan *si dia*. Saksi fakta cinta Ani kepada Roma, ketika sedang demam cinta, dia mampu duduk dan berbicara. Tetapi setelah Roma datang melihatnya dan bernyanyi di depannya, maka Ani menjadi segar. Badannya jadi sihat, dia boleh duduk; bahkan Ani boleh berdiri terus memeluk Roma. Ternyata demam cinta Ani

sembuh sekelip mata setelah berjumpa dengan Roma. Inilah indahnya cinta. Bahkan *perasaan rindu* Ani juga terubati.

Perasaan Rindu

Perasaan rindu bermakna perasaan cinta yang membara, yang kerap kali menguasai setiap individu yang sedang bercinta. Perasaan rindu timbul disebabkan energi cinta yang luar biasa pada diri seseorang yang memerlukan satu tindakan khas. Dengan perkataan lain, perasaan rindu merupakan salah satu fenomena cinta yang selalu melanda setiap individu yang bercinta.

Sebagaimana demam cinta, perasaan rindu juga merupakan bahagian dari ayat-ayat cinta. Tanda-tanda cinta lelaki kepada wanita boleh dilihat dari segi bahasa tubuh dan emosi cinta. Emosi cinta yang kuat dan mendalam boleh menyebabkan seseorang itu menjadi rindu, rindu kepada kekasih yang dicintainya. Perasaan rindu merupakan bukti cinta yang membara seseorang kepada orang yang dicintainya. Apabila perasaan rindu tidak pernah timbul, maka cinta seseorang itu perlu diragui. Mungkin sahaja seseorang itu bermain cinta untuk tujuan yang negatif, atau perasaan cinta yang tidak ikhlas.

Apabila lelaki menjalin hubungan cinta dengan wanita cantik jelita, tetapi lelaki itu tidak pernah memiliki perasaan rindu kepada wanita yang dijalininya, maka hubungan cinta lelaki perlu diragui kemurniaan. Boleh jadi lelaki itu menjalin hubungan cinta dengan wanita itu sekadar untuk memuaskan nafsunya semata, bukan kerana cinta yang hakiki. Apabila wanita segera mengetahui sikap lelaki seperti ini, maka wanita itu segera mengakhiri hubungan cinta dengan lelaki itu. Dengan perkataan lain, wanita harus memutuskan hubungannya dengan lelaki berkenaan.

Demikian juga sebaliknya, bila wanita yang telah menjalin hubungan cinta dengan lelaki; tetapi dia tidak memiliki perasaan rindu dengan lelaki itu, maka cinta wanita itu perlu diragui dan diakhiri. Boleh jadi wanita yang menjalin hubungan cinta itu sekadar untuk mendapatkan harta, atau motif yang tidak baik. Cinta yang hanya diucap dimulut, tetapi tidak diiringi dengan perasaan rindu merupakan cinta palsu. Cinta palsu bermotif jahat, atau ada tujuan buruk yang tersembunyi. Sekiranya hubungan cinta diteruskan juga ia akan membahayakan. Oleh itu, hubungan cinta mesti segera diputuskan dan diakhiri.

Perasaan rindu berpunca kerana tekanan perasaan cinta yang kuat, berkobar-kobar dan membara. Apabila perasaan cinta yang berkobar-kobar dan membara itu terganggu kerana keadaan dan kondisi, misalnya lama tidak bertemu, lama tidak pernah makan bersama, lama tidak melihat wajah dan pelbagai kondisi lain. Situasi mendorong seorang untuk ingin segera bertemu dengan kekasih. Kondisi lain misalnya, kekasih sedang dilanda sakit, khuatir kekasih diambil oleh orang lain, kekasih tidak pernah menghubungi dan gosif terhadap kekasih. Kondisi ini boleh menimbulkan perasaan cemas, khuatir, takut dan bimbang.

Selain itu, perasaan rindu yang membara ini menyebabkan seseorang untuk ingin bertemu kekasih dengan segara. Apabila lama tidak berjumpa kekasih, perasaan rindu akan timbul mempengaruhi emosi cinta. Oleh itu, rindu dan cinta berkaitrapat. Rindu dan cinta saling membantu hubungan cinta. Terlebih lagi bila wanita mendengar satu berita bahawa lelaki yang dicintainya telah menjalin hubungan cinta dengan lelaki lain. Atau mendengar gosif bahawa lelaki yang dicintainya itu selalu digoda oleh banyak wanita. Ketika mendengar berita ini, lazimnya wanita yang sedang jatuh cinta akan terganggu emosi cinta. Boleh jadi wanita itu akan benci kepada lelaki yang dicintainya. Walau bagaimanapun, sering kali wanita benci kepada lelaki yang dicintainya, tetapi dia masih sangat rindu kepada lelaki itu. Benci model ini dikenali sebagai *benci-benci tapi rindu*.

Benci-Benci Tapi Rindu

Benci-benci tapi rindu adalah fenomena cinta yang unik. Benci-benci tapi rindu merupakan emosi cinta dan benci bercampur, tetapi perasaan rindu lebih besar berbandingkan dengan perasaan benci. Walaupun benci, tetapi perasaan cinta masih membara; perasaan cinta masih kuat dan perasaan kasih kuat bersemayam di dalam dada. Sekiranya mulutnya bercakap benci, tetapi rindu selalu. Cinta yang bercampur benci merupakan salah satu fenomena cinta yang dinamik, yang kerap kali menghiasi hubungan cinta orang-orang yang sedang jatuh cinta dan bercinta. Benci-benci tapi rindu tidak perlu dikhuatirkan kerana ia merupakan bahagian dari sepoi-sepoi bahasa ketika bercinta.

Hubungan cinta yang dinamik sentiasa berjalan harmoni seiring dengan perjalan cinta seseorang. Semakin lama hubungan cinta berlangsung, semakin banyak duri, onar dan gelombang cinta yang mesti dilalui oleh lelaki dan wanita yang bercinta. Semakin lama

hubungan cinta terjalin tanpa adanya keputusan untuk berkahwin semakin banyak kemungkinan fenomena benci-benci tapi rindu akan selalu menyelubungi hubungan cinta. Bahkan benci-benci tapi rindu juga terjadi kepada pasangan yang telah menjadi suami isteri yang sah.

Perlu difahami bahawa benci-benci tapi rindu merupakan satu fenomena cinta boleh timbul bila-bila masa kepada setiap orang yang bercinta. Apabila benci-benci tapi rindu dilihat sebagai satu angin sepoi-sepoi bahasa, maka hubungan cinta tetap akan berjalan harmoni dan indah. Namun bila benci-benci tapi rindu ditafsirkan sebagai satu masalah besar, maka ia menjadi api dalam sekam. Ertinya apabila kedua insan yang sedang jatuh cinta, sama-sama jatuh cinta dan bercinta bijak mengendalikan fenomena benci-benci tapi rindu, maka hubungan cinta menjadi lebih dinamik, harmoni dan bertambah indah.

Benci-benci tapi rindu merupakan gimik cinta. Gimik cinta adalah gangguan kecil dalam percintaan. Oleh itu, benci-benci tapi rindu ibarat angin sepoi-sepoi bahasa. Ketika bercinta, memang sering kali terjadi perasaan benci menguasai fikiran kerana salah faham, salah persepsi dan pelbagai fitnah cinta. Disebabkan faktor cemburu orang luar terhadap hubungan cinta, ada kalanya kekasih kita dituduh atau difitnah bermain cinta dengan orang lain. Sekiranya lelaki yang baik dan kesetiaan cintanya teruji kepada wanita yang dicintai; tetapi disebabkan orang luar cemburu, lalu dia menyebarkan fitnah kepada lelaki berkenaan. Apabila wanita yang dicintai itu menerima aduan fitnah ini, maka akan berlaku salah faham dah kebencian. Dari sini biasanya terjadinya *benci-benci tapi rindu*. Demikian juga sebaliknya wanita yang telah ikhlas mencintai lelaki dan hubungan cinta wanita dengan lelaki itu berjalan harmoni; ketika ini boleh terjadi ada gosif dari luar atau fitnah yang mengatakan bahawa wanita itu telah bermain cinta dengan lelaki lain. Walaupun gosif atau fitnah ini tidak benar, tetapi ia boleh mengganggu emosi cinta. Akibatnya, lelaki yang mencintai wanita itu timbul rasa benci dan marah. Tetapi dalam masa yang sama, lelaki itu masih kuat mencintai wanita itu. Dari sini juga boleh menyebabkan perasaan benci tetapi rindu selalu. Oleh itu, model benci-benci seperti ini dikenali sebagai benci-benci tapi rindu. Walau bagaimanapun hubungan cinta tetap berjalan harmoni dan indah. Untuk mengatasi masalah ini kekasih sering membawa *lagu-lagu cinta* dan *rindu*. Lagu-lagu cinta dan rindu merupakan ayat-ayat cinta yang selalu melengkapi hubungan cinta lelaki dan wanita yang sedang bercinta.

Bahkan dengan sikap *benci-benci tapi rindu* akan menambah lagi keindahan hubungan cinta. Bahkan situasi ini boleh membina hubungan cinta yang lebih mesra, indah dan bergairah. Disebabkan keduanya merasa perlu berazam membina hubungan cinta yang lebih baik dan saling pengertian.

Lagu-Lagu Cinta & Rindu

Untuk mengekspresi rasa cinta dan rindu banyak lagu cinta dan rindu didendangkan untuk mengubati perasaan rindu yang melulu. Fungsi lagu-lagu cinta dan rindu adalah mengubati perasaan rindu dan membina hubungan cinta yang harmoni. Selain itu, lagu-lagu cinta dan rindu boleh menambah gairah cinta dan keindahan cinta. Cinta yang indah selalu dihiasi oleh lagu-lagu cinta dan rindu.

Apabila lelaki telah jatuh cinta dan wanita juga telah sama jatuh cinta; ini bermakna keduanya telah terjun ke dunia cinta. Bila perasaan cinta telah berpaut dan saling mencintai, maka keduanya pasti sering mengekspresikan perasaan cintanya dengan pelbagai cara. Antaranya membawakan lagu-lagu cinta dan lagu-lagu rindu.

Apalagi sekiranya lelaki itu seorang yang pandai bernyanyi dan bermain muzik, maka sudah tentu luahan perasaan cinta akan selalu didendangkannya melalui lagu-lagu cinta yang indah dan merdu. Demikian juga bila seorang wanita itu pandai bernyanyi dan suka bernyanyi, maka wanita itu kerap membawa lagu-lagu cinta dan rindu. Semua lagu cinta dan rindu ini untuk mengekspresikan perasaan cinta dan rindu kepada orang yang dicintainya. Selain itu, wanita itu akan mempunyai koleksi lagu-lagu cinta dan rindu yang disimpannya di dalam plasdis dan telepon tangan.

Napia seorang pemuda yang pandai bernyanyi dan memiliki suara yang merdu; demi cinta dan atas nama cinta dia kerap membawa lagu-lagu cinta untuk wanita yang dia cintai. Aisyah seorang gadis cantik sedang dilanda demam cinta; ketika duduk bersendirian dia kerap membawa lagu-lagu cinta dan rindu untuk lelaki yang dicintainya.

Lagu-lagu cinta dan rindu berfungsi untuk menghibur perasaan ketika sedang rindu. Lagu cinta dan rindu didengar untuk mengubati perasaan rindu yang selalu melanda emosi cinta. Lagu-lagu cinta dan rindu dibawa dan didengar untuk meneguhkan perasaan cinta yang membara kepada kekasih.

Bagi seorang wanita yang sedang dilanda cinta, lagu-lagu cinta dan rindu sangat berkesan untuk menghibur perasaan rindu. Semua lagu-lagu sentiasa dibawa dan didengar bila ada kesempatan. Bahkan lagu-lagu cinta juga didengar ketika memandu kareta, sambil berjalan dan ketika berbaring.

Doa Cinta

Doa cinta adalah doa ikhtiar untuk mengekalkan hubungan cinta yang telah terbina dengan harmoni. Doa cinta merupakan permintaan dan permohonan kepada Pencipta agar hubungan cinta dan kasih sayang boleh bertahan serta berkekalan.

Doa cinta diekspresikan oleh lelaki dan wanita yang sama-sama jatuh cinta dan memiliki perasaan yang sama terhadap nilai cinta. Apabila perasaan cinta itu kuat, bergelora dan membara, maka keduanya takutnya kalau-kalau perasaan cinta itu pudar dan hilang. Untuk mengantisipasi supaya cinta itu bertahan dan berkekalan, maka kedua berdoa untuk supaya hubungan cinta kedua sentiasa berjalan lancar dan berkekalan sehingga ke alam perkahwinan.

Doa cinta bertujuan untuk memohon bantuan spiritual kepada yang menganugerahkan perasaan cinta itu, iaitu memohon keredhaan Allah SWT. Doa cinta boleh dibaca ketika dalam solat; solat wajib dan sunah dan di luar solat. Doa cinta juga boleh dibawa dan dibaca dengan menggunakan bahasa ibunda; bahasa Arab, Inggeris, Melayu, Cina atau menggunakan bahasa masing-masing. Poin utama dari doa cinta adalah memohon pertolongan Tuhan agar hubungan cinta, perasaan cinta, kasih sayang dan perjalanan cinta diredhai-Nya. Bahkan hubungan cinta itu berterusan dari dunia sehingga ke akhirat kelak. Sebagai contoh, terdapat model doa cinta yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada Aisyah. Model doa cinta ini juga ditujukan oleh Rasulullah SAW kepada Aisyah ra. Dalam sejarah cinta, Rasulullah SAW amat mencintai Aisyah, lantaran cintanya, maka Rasulullah SAW memohon kepada Allah SWT agar dirinya dipertemukan kembali dengan kekasihnya. Maksud kekasih di sini adalah Aisyah ra. Sebagaimana diriwayatkan oleh Aisyah ra, Rasulullah SAW berdoa:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَأَلْحِقْنِي بِالرَّفِيقِ

Ya Allah, berikanlah rahmat kepadaku dan pertemukanlah aku dengan kekasihku.

Takhrij: (Muslim, kitab al-Fadilah al-Sahabah, keutamaan Aisyah; hadis 1670, daripada Aisyah).

Doa cinta bertujuan untuk mengukuhkan hubungan cinta yang hakiki dan murni. Sebab dengan doa itu seseorang merasa yakin dan percaya aktiviti cinta dan hubungan cinta yang hakiki akan membawa kebahagiaan yang berkekalan. Lantaran kerana ingin mendapatkan kebahagiaan cinta, maka kedua pecinta mesti rajin berdoa kepada Pencipta, khasnya memohon doa cinta.

PERKAHWINAN KERANA CINTA

Nabi SAW menyuruh semua pemuda supaya memelihara cinta yang sejati dengan melaksanakan perkahwinan. Kerana dengan cara perkahwinan ini manusia akan terhindar dari maksiat cinta. Dengan melaksanakan perkahwinan ini manusia akan berupaya membina mahligai cinta yang sejati dan kehidupan cinta yang bahagia berdasarkan kebenaran yang hakiki. Selain itu, dengan perkahwinan itu akan menambah bilangan keturunan dan jumlah umat Muhammad. Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Hurairah ra, dari Nabi SAW bersabda:

تُنْكَحُ النِّسَاءُ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ

Wanita dinikahi kerana empat perkara; (1)kerana hartanya, (2) kerana keturunannya, (3) kerana kecantikannya, dan (4) kerana agamanya. Pilihlah kerana agamanya, maka engkau akan beruntung dan bahagia.

Takhrij: (al-Bukhari, kitab al-Nikah, Sakufu fi al-Din; hadis 4700, daripada Abu Hurairah).

Sedangkan dalam hadis sahih yang lain, Rasulullah SAW mengaitkan emosi cinta dengan gadis. Ertinya antara instrumen penting yang boleh membina perasaan cinta dan bahagia adalah kahwin dengan gadis. Disebabkan gadis memiliki banyak keutamaan dan rahsia cinta, maka Rasulullah SAW memasukkan instrumen gadis sebagai salah satu syarat penting untuk membina institusi keluarga. Oleh itu, Rasulullah SAW menyuruh kahwin dengan gadis. Sebagaimana diriwayatkan dari Utbah bin Uwaim bin Sa'idah al-Ansari berkata, Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالْأَبْكَارِ فَإِنَّهُنَّ أَعْذَبُ أَفْوَاهًا وَأَنْتَقُ أَرْحَامًا وَأَرْضَى بِالْيَسِيرِ

Hendaklah kamu menikahi perawan, kerana mereka memiliki mulut yang lebih manis, lebih banyak melahirkan anak, dan lebih menerima dengan sesuatu yang sedikit.

Takhrij: (Ibnu Majah, kitab al-Nikah, Tunkihu al-Bikr – Menikah dengan Gadis; hadis 1520, daripada Utbah bin Uwaim bin Sa'idah al-Ansari). Kedudukan hadis ini hasan.

Menurut kedua hadis sahih ini, antara faktor yang boleh membina perasaan cinta dan mengekalkan hubungan cinta adalah kecantikan dan agama. Kecantikan merupakan simbol fizikal, atau keindahan tubuh badan manusia. Perlu disedari makna cantik tidak boleh hanya ditafsir sebagai keindahan zahir semata, akan tetapi ia boleh merangkumi semua aspek luaran dan dalaman. Selain itu, penilaian tentang cantik setiap orang memiliki pandangan yang berlainan. Sekiranya seseorang menilai cantik dari segi zahir semata: wajah cantik dan tampan, tubuh badan yang indah dan menawan; tetapi kadangkala hatinya jahat. Oleh sebab itu, banyak wanita yang berwajah cantik jelita, tetapi hati dan perangainya buruk. Demikian juga banyak lelaki yang berwajah hensem dan rupawan, tetapi hati dan tingkah lakunya buruk. Ini bermakna kecantikan zahir semata tidak boleh menjadi jaminan hubungan cinta bahagia.

Dalam konteks perkahwinan, banyak lelaki yang memiliki isterinya berwajah cantik jelita; tetapi perkahwinan mereka tidak berjalan lama. Dengan perkataan lain, hubungan cinta mereka tidak berkekalan sehingga hari tua. Belum berjalan satu tahun, dua tahun sudah bercerai berai. Jangan hairan di kalangan bintang film; para artis, musisi dan penyanyi; hubungan cinta dan perkahwinan mereka tidak berjalan mulus dan bertahan lama. Demikian juga untuk orang yang berfahaman *liberal, marxis* dan *ateis*; mereka menilai cinta dan hubungan cinta hanya sebatas hubungan bebas; seks bebas berganti-ganti pasangan dan seks bebas tanpa perlu nikah dan hubungan sejenis.

Oleh sebab itu, kecantikan semata tidak boleh menjadi ukuran untuk mendapatkan hubungan cinta yang berkekalan sehingga ke hari tua. Lantaran itu, Nabi SAW menyebutkan faktor agama menjadi penentu terbaik untuk mendapatkan pasangan cinta. Sekiranya wanita yang didapatkan kerana perasaan cinta dan agama, maka sudah tentu wanita itu termasuk dalam kategori solehah. Falsafah solehah tidak

didapatkan dalam ilmu matematik, fizik, kimia dan sosiologi; akan tetapi konsep solehah hanya wujud dalam ajaran agama, khasnya Islam.

Wanita cantik dan solehah akan menjadi bidadari dunia dan syurga. Wanita cantik dan solehah hanya ada dalam ajaran Islam; tidak akan didapati dalam mana-mana ajaran agama selain Islam. Oleh itu, Islam menasihati semua lelaki untuk memilih wanita yang menjadi isteri dan hubungan cintanya adalah memilih berdasarkan agama.

بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ

Pilihlah kerana agamanya, maka engkau akan beruntung dan bahagia.

Memilih berdasarkan agama bermakna faktor agama adalah menjadi penentu utama hubungan cinta boleh berlangsung lama dan berkekalan sehingga hari tua. Sesungguhnya fizikal manusia akan berubah dari semasa ke semasa. Seiring dengan meningkatnya usia, sudah pasti kecantikan zahir atau fizikal akan menurun dan hilang. Semua manusia seperti itu, secantik manapun wanita muda, setelah usia tua pipinya berkedut, kulitnya berkeriput, giginya banyak yang tercabut, semua kecantikannya telah dicabut.

Demikian juga setampan manapun lelaki; bila usia telah tua, maka berangsur-angsur nikmat ketampanan itu akan dicabut oleh Allah. Apabila manusia memasuki usia tua; tubuh kekar dan kuat jadi lemah, kulit yang mulus bersih jadi kendur, gigi telah banyak yang gugur, mata menjadi kabur, tidak lama lagi masuk lubang kubur.

Ketika seseorang memandang cinta hanya dari segi kecantikan zahir semata; maka nilai cinta menjadi mudah luntur. Sebaliknya bila seseorang memandang cinta dari perspektif agama, maka nilai cinta bertambah subur. Walaupun usia meningkat, tetapi perasaan cinta kasih suami isteri sentiasa menghibur. Keduanya hidup bahagia, *sakinah, mawaddah* dan *warahmah*. Kebahagiaan cinta keduanya tercatat dalam sejarah cinta, yang sentiasa bahagia sehingga ke hari tua. Bahkan cinta keduanya berterusan sehingga ke syurga. Suami isteri, sama-sama ahli syurga, iaitu syurga *Jannatul Makwa*.

Demikianlah indahnya perkahwinan kerana agama. Hubungan cinta yang membina hidup bahagia buat selama-lamanya. Lelaki dan wanita yang sama-sama jatuh cinta dan membina hubungan cinta berdasarkan agama, dengan menikah akan meneruskan hubungan cinta mereka di alam syurga.

BIBLIOGRAFI

Abang Ishar Abang Ishar, (1999), Kuasa Fikir dan Informasi Sains Dalam Al Quran. Jakarta : Obor Jakarta.

Abang Ishar Abang Yaman, (2009). Kata-Kata Pujian dan Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar. Kota Samarahan : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Abang Ishar Abang Yaman, (2008). Kesan Psikologi Kata-Kata Pujian Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar-Pelajar. Kota Samarahan : Unimas.

Abang Ishar Abang Yaman, (2012). Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja. Pontianak : IAIN Press.

Abang Ishar Abang Yaman, (2014). Penggunaan Strategi Kreatif Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Atas Di Indonesia, Kota Samarahan: Unimas.

Abang Ishar Abang Yaman, (2015). Psikologi Pendidikan. Pontianak : IAIN Press.

Abang Ishar Abang Yaman, (2015). Psikologi Perkembangan Remaja. Pontianak : IAIN Press

Abang Ishar Abang Yaman, (2016). Psikologi Dakwah. Pontianak : IAIN Press.

Abang Ishar Abang Yaman, (2016). Berfikir Merdeka Menurut Perspektif Al-Quran. Pontianak : IAIN Press.

Abang Ishar Abang Yaman, (2023). Psikologi Dalam Al-Quran. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Abang Ishar Abang Yaman, (2023). Psikologi Islam. Pontianak : IAIN Press Pontianak.

Abdul Aziz Ahmad, (2009). Fiqih Cinta. Bandung : Pustaka Hidayah (Anggota Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI).

Abdul Halim Busari, (2017). Khutbah Jumaat PITAS-Jatuh Cinta atau Bangun Cinta. 03/03/2017 bersamaan 4 Jumadil Akhir 1438.

Abdullah Nashih Ulwan, (1996). Pedoman Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam, Jilid 1 & 2. Semarang : CV. Asy-Syifa.

Ahmad Farid, (2008). Manajemen Qalbu Ulama Salaf (Terjemah). Surabaya : La Raiba Bima Amanta (eLBA).

Atkinson, J.W. & Shiffrin, R.M. (1978). Storage and retrieval processes in long-term memory. *Psychological Review, 76, hlm. 179 – 193.*

Bandura, A. (1986). Social Foundations of Thought and Action. A Social Cognitive Theory, Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall.

Bandura, A. & Schunk, D.H. (1991). Cultivating competence self-efficancy and intrinsic Interest through proximal self-motivation. *Journal of Personality and Social Psychology*, 41, hlm. 586 – 598.

Bruner, J.S. (1986). Actual Minds, Possible, World Cambridge, MA: Harvard University Press.

Brooks. G., & Morgan, (2008). The Psychology of Winning for women. Utah : Executive ex cellence Publishing Provo.

Deci, E. dan Ryan, R. (1985). Intrinsic Motivation and Self-Determination in Human Behaviour, Press New York : Plenum.

De Bono, E. (1987). Teaching Thinking, England : Penguin Books.

Goleman, D. (1995). Emotional Intellegence : Why It Can Matter More Than IQ, London : Bloomsbury.

Eksklusif, (2017). Temubual Eksklusif 22 Februari 2017.

Goleman, D. (2006). Emotional Intelligence: The New Science of Human Relationships. New York: Bantam Books.

Gardner, H. (1993). Frames of Mind-The Theory of Multiple Intelligences, New York : Basic Books Harper Collins Publisbers.

Gardner, H. (2006), Multiple Intelligences: New Horizons. New York : Basic Books Harper Collins Publisbers.

Harian Metro, Disket Artis Bogel (1994). Terbitan Jumaat, 11 Oktober 1994, Jakarta Pusat.

Hamka, (1994). Tafsir Al-Azhar. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD.

Hamka, (1991). Lembaga Budi. Jakarta : Bulan Bintang.

Herrmann, N. (1990). The Creative Brain: Brain Books Lake Lure. USA: North Carolina.

Hasan Langgulung, (1991). Asas-Asas Pendidikan Islam. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hart Hart, M., (1987). Seratus Tokoh Manusia Yang Paling Berpengaruh Di Dunia (terjemah). Jakarta : Bulang Bintang.

Ibnu Khaldun, (1993). Mukaddimah (Terjemah), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ibn Qayyim Al-Jauziyah, (2008). Metode Pengobatan Nabi (Terjemah). Bandung : Jabal.

Ibn Taimiyah, Syekhul Islam Ahmad bin Abdul Halim, (1401 H). Majmu' Fatawa Ibnu Taimiyah. Beirut : Darul Kutubil Ilmiah.

Imam Al-Ghazali, (1991). Menyingkap Rahsia Hati (terjemah). Surabaya : Amelia.

Imam Al-Ghazali, (1992). Ihya' Ulumiddin Jilid 3 (Terjemah). Semarang : CV Asy-Syifa.

Kandel, E. & Schwartz, J. (2005). Principles of neural science. New York : Elsevier Science Publishing Co. Inc.

Khalid Abdurrahman, (2010). Pedoman Pendidikan Anak Menurut Al-Quran dan Sunnah. Solo : Al-Qawam.

Lailial Muhtifah, Zaenuddin & Nurhamzah, (2015). Model Pemberdayaan Mutu Pondok Pesantren Sebagai Pusat Studi Masyarakat. Pontianak : IAIN Pontianak Press.

Ma'aruf Zahran, (2016). Qalbu Al-Quran : Mengurai Hikmah dalam Surah Yasin. Pontianak : STAIN Pontianak Press.

Muhammad Husain Haekal, (1979). Sejarah Hidup Muhammad (Terjemah: Ali Audah). Jakarta : Pustaka Jaya.

Muhammad Rahmatullah, Rusnila Hamid & Mansur, (2014). Pembelajaran Fiqih. Pontianak : IAIN Pontianak Press.

Muhammad Husain Haikal, (1974). Sejarah Hidup Muhammad (Terjemah). Bandung : Pustaka Jaya.

Muhammad Nashiruddin Al-Albani, (2005). Sahih Sunan Ibnu Majah (terj.). Jakarta : Pustaka Azzam.

Muhammad Rasyid Ridha, (1991). Wahyu Ilahi Kepada Muhammad. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Maslow, A., (1984). Motivation And Personality, New York : Harper and Row.

MeckWell, (2011). The Psychology of affiliation. Palo Alto, CA : Stanford University Press.

M. Quraish Shihab, (1997). Membumikan Al-Quran: Fungi dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat. Bandung : Mizan.

M. Quraish Shihab, (2011). Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat. Bandung : Mizan.

M. Natsir, (1982). Fiqhud Dakwah, edisi baru. Singapura : Pustaka Nasional LTD.

Ornstein, R. (2005). The Psychology of Consciousness, *Journal of Psychology*, 6, hlm. 3 – 9.

Salovey, Peter, (1997). Emotional Development and Emotional Intellegent, New York : Basic Books.

Samion. AR., (2014). Remaja Pintar-Remaja Bercinta: Sebuah Kajian Kualitatif di Kotamadya Pontianak. Pontianak : IKIP-PGRI.

Saefullah, (2012). Psikologi Perkembangan dan Pendidikan. Bandung : Pustaka Setia.

Sternberg, R. (1986). Intelligence applied: understanding and increaing your intellectual skills. San Diego : Harcourt Brace Janovich Publishers.

Thorndike, E.L. (1988). Animal intelligence : An experimental study of the associative processes in animals. *Psychological Monograph*, 2, hlm. 4 – 9.

Tulving, E. & Donaldson (1993). The Behavioral and Brain Sciences, *Journal of Educational Psychological,* 8, hlm. 212 – 230.

Umar Muhammad Al-Tumy Al-Syaibani, (1975). Falsafah Tarbiyatul Islamiyyah, Kaherah : Al-Mathbaah.

Yusuf Qardhawi, (1995). Fatwa-Fatwa Kontemporer Jilid 1. Jakarta : Gema Insani Press.

BIODATA

Anak tertua dari enam bersaudara. Anak kepada Abang Yaman Bin Abang Dari dan Utin Aida Binti Gusti Mustafa @ Gusti Umar. Dilahirkan pada tanggal 4 Mei 1969 di Tanjung Bunga, Kecamatan Kembayan. Jenjang Pendidikan yang telah dilalui adalah:

1. Tamat Sekolah Dasar (SD) Negeri Tanjung Bunga, 1982.
2. Tamat Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) I Pontianak, 1985 dan Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri 9 Pontianak, 1985.
3. Tamat Pendidikan Guru Agama Negeri (PGAN) Pontianak, 1988.
4. S1 dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Syarif Hidayatullah Jakarta meraih gelar Drs (Sarjana Pendidikan Agama dan Al-Quran) tahun 1991.
5. S2 dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Fakulti Sains Kognitif, Jurusan Psikologi dan Neorosains meraih gelar M.Sc, tahun 2009.
6. S3 (Ph.D) dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jurusan Psikologi dan Neorosains, memperoleh gelar Doctor of Phylosophy-Doktor Falsafah.

Isteri bernama **JAMINAH BINTI HAJI SAIDI** dan mempunyai empat orang anak seperti berikut:

1. PUTERI NUR IZAMIAH, dilahirkan 27 Ogos 1996
2. ABANG MUHAMMAD AHLUL RAKYI, dilahirkan 01 Februari 2000

3. ABANG MUHAMMAD AHLUL BADRI, dilahirkan 20 April 2003
4. PUTERI NUR IZZAH, dilahirkan 02 Ogos 2005

PENGALAMAN ORGANISASI:

1. Pernah menjadi *Wartawan Kampus* tahun 1988 – 1990.
2. Pernah menjadi Ketua II Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia (PMII) selama setahun 1989 – 1990, seterusnya bergabung ke HMI. Menjadi Ketua Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) tahun 1989 – 1991.
3. Pernah menjadi Ketua Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah (IMM) tahun 1989 – 1990.
4. Ketua Biro Bahagian Pendidikan KNPI Tingkat I Kalimantan Barat, tahun 1989 – 1991.
5. Ketua Biro Pendidikan Himpunan Qari dan Qariah Kalimantan Barat, tahun 1988 – 1990.
6. Ketua Umum Pemuda Lembaga Adat Melayu Serantau (LAMS) Kabupaten Sanggau, tahun 2009 - 2018.
7. Ketua Majlis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Sanggau, tahun 2009 – 2018.
8. Pernah tujuh kali Juara I Musabaqah Tilawatil Quran (MTQ) Tingkat Kabupaten, Tingkat Kota Madya dan Provinsi Kalimantan Barat, tahun 1986, 1987, 1988, 1989, 1990 dan 1991.
9. Pernah Juara 2 & 1 Musabaqah Tilawatil Quran Tingkat Nasional Bahagian Remaja di Jakarta, tahun 1989-1990.

PENGALAMAN KERJA:

1. Dosen Universitas Muhammadiyah selama 8 bulan, April 1991 – Nopember 1992.
2. Dosen di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Pontianak selama setahun, 20 Januari 1991 – 20 Disember 1992.
3. Guru MAN Syahid Pontianak selama setahun, tahun 1989 – 1990.
4. Penyemak Al-Quran di Semasa Press, Malaysia, Mac 1993 – 3 Disember 1993.
5. Pensyarah HIKMAH SEPENUH MASA, 20 Disember 1993 –

Disember 2006.

6. Dosen Agama Islam di Universitas Panca Bhakti Pontianak, Februari – Disember 1992.
7. Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Kabupaten Sanggau *(Wakil Rakyat Daerah/YB*) tahun 2006 – sehingga 20 Januari 2014.
8. Pernah Menjadi Calon Bupati melalui jalur Independen 2013-2017.
9. Pensyarah Pusat Latihan Dakwah (PLDH) Batu 24, Jalan Kuching – Tapah, 2014-2017.
10. Menjadi Pengurus Sektor Pendidikan HIKMAH 2017-2019.
11. Dosen Pasca-Sarjana di OUM, IAIN & UNIMAS.

KARYA ILMIAH:

Abang Ishar bin Abang Yaman adalah seorang ilmuwan, ahli akademik, pemikir, aktivis dakwah, ahli politik dan seorang penulis yang produktif. Telah banyak menulis pelbagai karya ilmiah yang dipergunakan sebagai rujukan mahasiswa di pelbagai Universiti dan orang-orang awam. Antara karya beliau yang telah diterbit dan dipublikasikan seperti berikut:

1. Kata-Kata Pujian dan Keberkesanannya Terhadap Prestasi Pelajar, (Unimas Press, 2008);
2. Psikologi Pendidikan (IAIN Press, 2010);
3. Psikologi Dakwah (IAIN Press, 2014);
4. Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja, (IAIN Press, 2017);
5. Berfikir Merdeka Menurut Perspektif Islam (IAIN Press, 2015);
6. Sejarah Kesultanan Melayu Sanggau (Obor Jakarta, 2015);
7. Sejarah Kesultanan Melayu Kalimantan Barat (Obor Jakarta, 2015);
8. Sejarah, Salasilah dan Sosiologi Masyarakat Kabupaten Sanggau (IAIN Pontianak Press, 2014).
9. Penggunaan Strategi Kreatif Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah (Unimas Press, 2017);
10. Nilai & Moral Dalam Pengurusan Awam : Perspektif Islam, (Kuching, AIJAPUMUKO CON., 2017).
11. Menghayati Bacaan Al-Quran Menurut Taranum, (Pontianak : IAIN Press Pontianak, 2020);
12. Sejarah: Sumbangan Tokoh-Tokoh Melayu Kepada Politik &

Agama Islam di Serian (Pontianak: IAIN Pontianak Press, 2021);

13. Sejarah Perjuangan TBS Dalam Membina Institusi Zakat di Sarawak, (Kuching : Koperasi al-Bait Sarawak, 2022);
14. Sejarah BINA-HIKMAH Mengambil Ibrah, (Kuching : Lee Ming Press Kuching, 2022);
15. Psikologi Dalam Al-Quran, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 2023);
16. Asuhan Cinta Remaja, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 2023);
17. Psikologi Islam, (Pontianak : IAIN Press 2023);
18. Perspektif Sejarah & Tamadun Islam di Borneo, (Yogyakarta, UINS Press, 2023).